

Bil. 55

**Rabu
30 Ogos 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
---	-------------

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2006

Jawatankuasa:-

Jadual

Maksud B.22	(Halaman 24)
Maksud B.26	(Halaman 41)
Maksud B.48	(Halaman 60)
Maksud B.28	(Halaman 68)
Maksud B.29	(Halaman 86)
Maksud B.31	(Halaman 104)
Maksud B.40 dan 41	(Halaman 116)
Maksud B.42	(Halaman 130)
Maksud B.43	(Halaman 137)
Maksud B.44	(Halaman 140)
Maksud B.45	(Halaman 147)
Maksud B.46	(Halaman 149)
Maksud B.47	(Halaman 150)
Maksud B.49	(Halaman 155)

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 1) 2006

Jawatankuasa:-

Maksud P.24	(Halaman 40)
Maksud P.25	(Halaman 41)
Maksud P.26	(Halaman 41)
Maksud P.48	(Halaman 60)
Maksud P.28	(Halaman 68)
Maksud P.29	(Halaman 86)
Maksud P.31	(Halaman 104)
Maksud P.44	(Halaman 140)
Maksud P.45	(Halaman 147)
Maksud P.47	(Halaman 150)
Maksud P.49	(Halaman 155)
Maksud P.21	(Halaman 162)
Maksud P.27	(Halaman 162)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 24)
---	--------------

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - *Senator*
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. ” Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) – UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA

13. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. ” Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S.(Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - *Senator*
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. ” Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M.,D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) – UMNO

32. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. ” Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN

18. Yang Berhormat Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamisyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. ” Timbalan Menteri Pelancongan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO

37. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Abdul Rahman bin Suliman - *Senator*

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
7. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA

15. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - *Senator*
16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. " Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. " Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. " Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. " Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. " Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. " Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) – UMNO
8. " Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. " Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. " Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. " Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. " Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. " Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. " Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. " Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. " Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PBDS

18. Yang Berhormat Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Dato’ Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. ” Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB

51. Yang Berhormat Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) -
GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang
Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) –
UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) -
UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) – UMNO

82. Yang Berhormat Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. “ Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
91. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
93. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
99. “ Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
100. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
101. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
102. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
103. “ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
104. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
105. “ Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
106. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
107. “ Dato' Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
108. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
109. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
110. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
111. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA

-
112. Yang Berhormat Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
113. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
114. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
115. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
116. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
117. ” Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
118. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
119. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
120. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
121. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
122. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
123. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
124. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
125. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
126. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
127. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
128. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Hajah Supiah binti Dewak

Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Ab. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nur Azilah binti Ahmad Ibrahim

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Azanariah binti Mohd Yunan

Norhasani binti Yaacob

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Rabu, 30 Ogos 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Puan Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin [Papar]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) adakah pihak kementerian menetapkan penghuni kawasan perumahan yang gagal membayar cukai (*assessment*) boleh diseret ke mahkamah; dan
- (b) apakah lagi tindakan-tindakan undang-undang yang boleh diambil terhadap penghuni kawasan perumahan sekiranya mereka gagal untuk mematuhi peruntukan undang-undang yang sedia ada.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]: Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan bahagian:

- (a) untuk makluman, pihak kementerian tidak terlibat dalam menetapkan hukuman seperti mengheret penghuni kawasan perumahan yang gagal membayar cukai ataupun *assessment*. Perkara berkaitan dengan pembiayaan cukai dan sebagainya adalah di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri dan dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan masing-masing seperti mana kuasa yang diperuntukkan kepada PBT di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 bagi PBT di Semenanjung Malaysia, *Local Government Ordinance 1961* di Sabah dan *Local Authorities Ordinance 1996* di Sarawak;
- (b) PBT mempunyai kuasa di bawah seksyen 127, Akta 171 untuk mengenakan kadar dengan kelulusan pihak berkuasa negeri berpandukan seksyen 130 Akta 171 bagi menentukan asas taksiran kadar yang dikenakan.

Kegagalan seseorang itu untuk membayar kadar dengan jumlah tempoh masa yang ditetapkan, akan mengakibatkan tindakan undang-undang diambil ke atasnya menurut seksyen 147 Akta 171.

Tindakan untuk menuntut tunggakan kadar adalah seperti mana diperuntukkan dalam seksyen 148, Akta 171 yang membenarkan penyertaan harta alih kepunyaan pemunya atau penduduk yang bertanggung membayar kadar membuat bayaran walaupun notis meminta supaya bayaran tunggakan dibuat dalam tempoh 15 hari selepas notis diserahkan telah diterima. Sekiranya tunggakan beserta kos masih tidak di bayar oleh pemunya atau penduduk yang bertanggung membayar kadar dalam tempoh tujuh hari dari tarikh tahanan, harta yang ditahan akan dijual menurut seksyen 149, Akta 171.

Hasil jualan harta tahanan itu akan digunakan bagi menjelaskan tunggakan kadar seperti peruntukan dalam seksyen 150. Selain itu, PBT itu boleh memohon satu perintah tahanan dan jualan harta alih kepada pendaftar mahkamah tinggi menurut seksyen 151 dan menepati peruntukan Kanun Acara Sivil. Terima kasih.

Puan Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin [Papar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri. Soalan tambahan, bolehkah pihak kementerian memberitahu Dewan yang mulia ini, berapakah jumlah kes yang telah direkodkan dan dilaporkan yang melibatkan kegagalan pihak penghuni kawasan perumahan di dalam melunaskan *assessment* ataupun cukai-cukai dan adakah pihak kementerian bercadang untuk memperkenalkan satu sistem di mana perbadanan pengurusan sesuatu kawasan itu diberikan kuasa untuk mengutip cukai-cukai ataupun *assessment*, dengan izin, daripada penghuni kawasan perumahan yang pada masa yang sama diselia oleh PBT kawasan masing-masing kerana ianya dilihat bukan sahaja dapat memastikan penghuni-penghuni kawasan perumahan tersebut membayar cukai-cukai dan *assessment*, tetapi pada masa yang sama dapat meringankan beban pungutan kepada PBT-PBT tempatan, terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat bagi Papar, adinda saya. Berkenaan dengan soalan tambahan yang pertama iaitu jumlah kes-kes yang gagal dibayar oleh tuan punya-tuan punya rumah ataupun tanah, pada masa ini saya tidak mempunyai bilangan tersebut, tetapi saya akan dapatkan dan memberikannya kepada Yang Berhormat secara bertulis nanti. Untuk soalan yang kedua berkenaan dengan kebenaran sama ada pihak perbadanan di kawasan-kawasan perumahan tertentu boleh membuat kutipan cukai, dengan di *supervise* oleh pihak berkuasa tempatan. Sebenarnya kuasa ini bukan ada di tangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, tetapi ada di tangan pihak berkuasa tempatan itu sendiri.

Terpulanglah kepada budi bicara mereka dan kebijaksanaan mereka, bagaimanakah cara yang terbaik untuk mereka mengutip cukai-cukai yang banyak tertangguh daripada tuan punya-tuan punya rumah dan ada juga pihak-pihak berkuasa tempatan yang lain mempunyai cara-cara mereka seperti mengadakan cabutan tiket bertuah dan juga mengadakan insentif dengan memberikan pengurangan cukai kepada mereka yang awal membayar dan sebagainya. Jadi, ini satu cara yang saya rasa dalam pandangan saya adalah satu cara yang baik dan terpulanglah kepada pihak berkuasa tempatan dengan kebenaran pihak berkuasa negeri untuk melakukan seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kerap berlaku perselisihan di antara pihak pemaju dan juga pemilik-pemilik unit rumah pangsa tentang masalah penyelenggaraan blok pangsa tertentu. Masalah ini kerana ada di kalangan pemilik-pemilik unit rumah pangsa enggan membayar ataupun lambat membayar, sebenarnya enggan membayar bayaran penyelenggaraan bagi blok unit-unit rumah pangsa dan ekoran daripada itu, pemaju enggan menjalankan tugas penyelenggaraan untuk memotong rumput, membersihkan longkang dan sebagainya. Jadi, soalan saya adakah kementerian bercadang mengadakan sesuatu mekanisme ataupun mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan masalah perselisihan di antara pemaju dan juga pemilik unit-unit rumah pangsa itu dapat diatasi khususnya pada peringkat rumah pangsa itu di bawah pengurusan pemaju sebelum penyerahan hak milik strata.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya soalan ini agak keluar daripada asal berkenaan dengan *assessment*, ini berkenaan dengan penyelenggaraan. Walau macam mana pun, kita di kementerian sebenarnya memang prihatin tentang masalah yang ada kaitan dengan penyelenggaraan rumah-rumah pangsa ini, terutama sekali rumah-rumah pangsa yang kos rendah dan pada masa ini, pihak kementerian sebenarnya sedang dan telah pun menggubal satu rang undang-undang yang baru, dinamakan Rang Undang-undang Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) atau *Common Property Act (COB)* akan dikemukakan di Parlimen dan sekarang ini kita masih lagi menunggu keputusan daripada pihak peguam negara untuk memutuskan sama ada apa yang kita kemukakan itu adalah sesuai atau tidak. Apabila ini telah selesai, saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, insya-Allah, Rang Undang-undang itu akan kita kemukakan untuk diputuskan oleh Dewan yang mulia ini, insya-Allah.

[Soalan No.2 – Yang Berhormat Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] tidak hadir]

3. Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, apakah Dasar Automotif Negara benar-benar melindungi kereta buatan Malaysia seperti Proton dan Perodua kerana jualan kereta-kereta Malaysia menurun dengan begitu teruk sekali dan lambakan kereta import begitu ketara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Jasin yang juga perlu dijawab pada hari ini kerana ia menyentuh perkara yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, objektif utama dasar automotif nasional ialah untuk meningkatkan keupayaan dan nilai tambah industri automotif tempatan supaya lebih berdaya saing dan berdaya maju serta boleh meningkatkan eksport terutamanya kereta nasional ke pasaran serantau dan global. Tidak boleh dinafikan industri automotif tempatan kini sedang mengalami proses penyesuaian terutama penurunan harga atas jalan bagi kereta-kereta baru. Penurunan harga kereta baru telah menjejaskan harga kereta terpakai.

Oleh kerana 70% daripada jualan kereta bergantung kepada *trade in*, dengan izin, kebanyakan pengguna telah menangguhkan pembelian. Peningkatan cagaran daripada 90% ke 100% kepada 75% hingga 80% sahaja dan peningkatan kadar faedah purata daripada 2% kepada 4.1% yang diperlukan untuk pembelian kereta baru oleh syarikat kewangan juga menambah bebanan kepada bakal pembeli untuk kereta baru.

Di samping itu sikap dan persepsi pengguna yang masih beranggapan bahawa harga kereta akan terus menurun, kesan kenaikan harga minyak dan pertumbuhan jualan kereta yang tinggi di dalam tahun 2004 dan 2005 juga menjadi faktor penyumbang terhadap penurunan jumlah jualan. Walau bagaimanapun beberapa cadangan untuk meningkatkan jualan kereta tempatan telah dikaji oleh MITI dan tidak lama lagi satu keputusan akan dibuat dan kami percaya dengan strategi yang baru ini, kita dapat mengatasi masalah yang menyebabkan penurunan jualan kereta.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, harga kereta nasional telah menurun sebanyak 3% hingga 13.5%. Namun demikian, jualan kereta nasional masih menguasai pasaran kereta tempatan iaitu 67% dari pasaran jualan kereta penumpang bagi tempoh Januari hingga Jun 2006.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, berdasarkan maklum balas dari pihak industri, situasi lebihan stok kereta setakat ini adalah sebanyak 70,159 unit sahaja. Jumlah ini adalah *cumulative figure* dari tahun 2005 hingga sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kenderaan import, adalah tidak benar terdapat lambakan kereta import kerana jumlah kereta yang diimport telah menurun selepas pengumuman Dasar Automatif Nasional. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2006 sejumlah 9,233 unit telah diimport berbanding dengan 13,578 unit untuk tempoh yang sama pada tahun 2005. Angka ini hanyalah sebanyak 3.3% dari jumlah pengeluaran tempatan.

Ini adalah disebabkan harga kenderaan import telah menjadi lebih tinggi akibat dua faktor. Yang pertama ialah mengenai mekanisme baru digunakan untuk menetapkan duti import kereta CBU import. Dahulu duti import dikenakan mengikut invois, dibekalkan oleh pengimport. Sekarang duti import dikenakan mengikut harga digazet. Faktor yang kedua ialah dahulu duti eksais dikira berasaskan nilai CIF. Sekarang duti import dikira mengikut nilai CIF tambah duti import. Jadi harga yang lebih tinggi itu telah menyebabkan kurang permintaan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak habis lagi?

Datuk Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya memberi perhatian yang serius terhadap perkembangan industri automatif. Beberapa insentif baru yang diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan seperti Dana Penyesuaian Industri dan Dana Pembangunan Automatif. Insentif-insentif ini dijangka boleh mempelbagaikan lagi aktiviti pengilangan dan pemasangan kenderaan automatif, komponen dan alat ganti di negara ini. Di samping itu dengan pengurangan duti import kereta CBU kepada 5% akibat pelaksanaan AFTA, ia akan membolehkan kereta nasional dipasarkan ke negara-negara ASEAN dengan harga kompetitif.

Sebagai langkah untuk kekal mempromosikan industri automatif tempatan, kerajaan juga telah ambil inisiatif untuk mewujudkan lebih banyak piawaian untuk memastikan kenderaan import memenuhi piawaian dari segi keselamatan, kesihatan dan alam sekitar...

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Inilah kelemahan kerajaan, Tuan Yang di-Pertua. Jawapan panjang lebar berjela-jela tetapi tidak menepati soalan. Jadi inilah masalah kita, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, setiausaha parlimen, timbalan menteri dan menteri-menteri, saya harap dapat membuat jawapan menepati soalan-soalan. Saya tidak mahu menegur selalu kerana mereka dikehendaki untuk menjawab... [*Tepuk*] Akan tetapi jawapan mestilah menepati soalan. Jangan dilambakkan semua...

Datuk Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Paduka Dr. Tan Yee Kew: Saya sedang menjawab dua soalan dan saya rasa jawapan saya adalah tepat.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini menyatakan apakah Dasar Automatif Negara benar-benar melindungi kereta nasional dan benarkah ada lambakan. Itu sahaja.

Datuk Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang saya sebutkan objektif Dasar Automatif Negara bukan untuk memberi perlindungan kepada kenderaan nasional tetapi sebaliknya objektifnya ialah untuk meningkatkan daya saing sektor automatif negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Datuk Paduka Dr. Tan Yee Kew: Saya sudah jawab dalam bahagian yang pertama dalam jawapan saya dan sekarang saya telah pun jawab berkenaan lambakan kereta. Saya menafikan bahawa ada lambakan kereta import.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ringkaskan sedikit.

Datuk Paduka Dr. Tan Yee Kew: Sebab anggaran import sudah turun. Jadi sememangnya tidak ada lambakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya dengan jawapan Yang Berhormat yang begitu panjang dan lebar akan memberi fahaman kepada orang-orang yang menyzoalkan tentang lambakan kereta ini. Walau bagaimanapun semalam saya dengar dalam berita bahawa Proton rugi dan sekarang ini mereka sedang mempertingkatkan eksport dan sebagainya.

Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa kajian demi kajian ataupun kaji selidik demi kaji selidik sedangkan kita sudah ada Dasar Automatif Negara. Jadi mengapakah kita tidak pegang kepada Dasar Automatif Negara ini daripada kita dok kaji lagi, kaji lagi dan akhirnya industri motor kereta kita akan menghadapi masalah.

Yang keduanya, adakah Yang Berhormat sedar bahawa mutu kenderaan iaitu kereta Malaysia ini memang hari-hari orang dok kompelin dekat saya bahawa mutu tidak begitu baik. Jadi ini menyebabkan orang menggunakan kereta yang diimport atas alasan kerana kereta buatan Malaysia tidak begitu baik ataupun tidak begitu kemas. Jadi apakah Yang Berhormat boleh menasihati pihak industri motor kereta ini supaya mereka mengawal mutu supaya kegunaan tempatan dan eksport adalah sama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan juga mesti menepati soalan asas... [Disampuk]

Datuk Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyampaikan ketidakpuasan hati Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga dari pelanggan kenderaan. Walau bagaimanapun saya hendak tegaskan di sini bahawa keturunan pasaran bukan sahaja berkaitan dengan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, hendak perbetulkan bahasa, bukan keturunan tapi menurun... [Ketawa]

Datuk Paduka Dr. Tan Yee Kew: Menurun pasaran kenderaan bukan sahaja berkaitan dengan buatan kereta tempatan tetapi juga melibatkan kenderaan pada keseluruhan pasarnya turun. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan jawapan daripada Setiausaha Parlimen tadi. Kementerian mengaku bahawa sekarang penurunan pasaran kereta. Kalau sudah tahu sudah menurun, kita adakan keluarkan kereta nasional kita, mengapa keluarkan AP sampai 56,000... [Disampuk] Sudah tahu menurun itu keluarkanlah 20,000 sahaja. Mengapa sampai 56,000? Supaya industri kita, Proton kita boleh bernafas dan dapat dilindungi.

Hari ini di luar mungkin Setiausaha Parlimen tengok jawapan di kertas jawapan, cantik, tetapi di luar Proton terpaksa bersaing dengan Hyundai, Proton terpaksa bersaing dengan KIA. Tidak cukup dengan KIA, buka KIA, tampil NAZA, pun sudah jadi kereta nasional. Selepas itu pula *finance company*, kadar bunga kereta Proton lebih tinggi daripada kereta-kereta import. Apa tindakan kerajaan? Membuatkan Proton hari ini rugi. Terima kasih.

Datuk Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, bilangan kenderaan yang diimport sudah pun turun. Seperti yang saya sebutkan dalam jawapan saya bahawa walaupun Yang Berhormat bagi Jasin tidak memberi perhatian atas jawapan saya iaitu mengikut bilangan yang diimport pada tahun 2005 ialah 13,578 unit tetapi tahun ini sudah turun. Hanya 9,233 yang diimport dan ini merupakan hanya 3.3% dari jumlah pengeluaran tempatan. Sekian, terima kasih.

4. **Tan Sri Dato' Hew See Tong [Kampar]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, usaha-usaha untuk menggalakkan dan meluaskan pasaran ubatan herba di peringkat negara dan antarabangsa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tanaman herba di Malaysia adalah masih di peringkat permulaan.

Sebahagian besar iaitu kira-kira 75% bekalan herba tempatan yang digunakan untuk pemprosesan ubat-ubatan tradisional masih diperolehi daripada sumber liar atau hutan. Pengusaha-pengusaha ubat-ubatan tradisional ini mendapat bekalan bahan mentah daripada pembekal secara runcit dalam bentuk separa proses. Mengikut kajian, pasaran bahan mentah herba mempunyai potensi yang luas di pasaran tempatan iaitu dengan nilai RM333.7 juta pada tahun 2010 dan kebanyakan produk ini menggunakan herba adalah digunakan di dalam industri pewangi, bau-bauan kosmetik dan *toiletries*. Produk-produk ini dibekalkan ke pusat-pusat kesihatan seperti *spa* yang semakin berkembang.

Jadi mengikut laporan World Bank, menunjukkan pada tahun 2008, nilai pasaran herba adalah dijangka sebanyak RM760 juta dan insya-Allah akan meningkat kepada RM19 trilion pada tahun 2050. Jadi pasaran herba adalah besar dan kegunaannya adalah untuk perubatan, *pharmaceutical*, makanan kesihatan dan makanan tambahan, pewangi dan industri bau-bauan, kosmetik, *toiletries* dan *bio-pesticide* dan kimia industri. Terima kasih.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di India kita ada perubahan ayurvedik, daripada China kita ada ginseng dan daripada Indonesia lambakan jamu ke negara kita tetapi di Malaysia ini apakah yang kita ada selain daripada Tongkat Ali, Kacip Fatimah dan juga baru-baru ini jus pegaga dan juga mengkudu. Soalan tambahan saya, adakah ada peruntukan untuk mengadakan kerjasama R&D dengan universiti untuk ujian tentang kesan-kesan kesihatan kepada manusia terhadap herba-herba yang ada dalam negara kita ini? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat sebutkan tadi apakah kelebihan yang ada di Malaysia, jadi Yang Berhormat sendiri sudah sebutkan tadi iaitu memanglah tongkat ali, top dalam senarai, keduanya kacip fatimah, selepas itu pegaga, selepas itu serai wangi, mengkudu, kita ada misai "k", sekarang popular dengan Datuk K atau misai kucing... [Ketawa] Dan hempedu bumi, halia dan dokong anak. Ini adalah kiranya yang banyak digunakan oleh pengilang-pengilang. Jadi terima kasih Yang Berhormat menanya adakah kajian dijalankan khasnya untuk kesan kepada manusia. Setakat ini di bawah kementerian kita, MARDI memang menggunakan teknologi terkini untuk menjalankan kajian.

Yang Berhormat, sebenarnya ada satu kajian dalam tahun 2002 yang dijalankan oleh kementerian dan konsultan untuk supaya dapat diwujudkan satu majlis kebangsaan untuk herba ini sebab didapati bahawa bukan sahaja Kementerian Pertanian tetapi ia meliputi banyak lagi kementerian yang lain yang seharusnya duduk bersama di dalam majlis ini untuk menjalankan kajian bersama menyeluruh seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat tadi.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dua, tiga bulan yang lalu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata tentang prospek yang besar mengenai negara ini untuk mengeluarkan bahan-bahan, ubat-ubat *pharmaceutical* daripada herba. Hari ini diberi jawapan bahawa sebahagian besar daripada bahan-bahan mentah produk herba ini adalah didapati daripada *the wilds* daripada hutan. Saya ingin bertanya, apa program Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam menggelarkan tanaman herba ini secara komersial dan tidak bergantung pada bekalan daripada liar. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya menurut kajian, seperti yang saya katakan tadi, memang potensinya begitu besar tetapi pengusaha atau pengilang, setakat ini kita hanya ada dalam senarai kita, 146 sahaja pengilang yang mengusahakan di dalam industri herba ini. Jadi, untuk kita betul-betul menjuruskan kepada industri ini berkembang dengan begitu besar lagi, kita harus memperkemaskan dari segi keperluan pengilang, barulah kita akan menggalakkan supaya petani-petani boleh menanam secara mungkin *contract farming*.

Jadi di dalam senarai yang ada pada saya, setakat ini yang ada *total hectare age*, dengan izin, hanya 1,500 hektar sahaja yang ditanam dengan herba untuk memenuhi keperluan hanya 146 pengilang yang mengguna 35 jenis herba. Daripada 1500 hektar ini, petani kecil 774 iaitu hanya 50%. Selepas itu kita ada juga estet-estet yang menanam herba ini iaitu KESEDAR, Golden Hope, United Plantation, Nasuha Enterprise, Pandan Intan dan Rohini Sdn. Bhd. Jadi, masalahnya kita pertama, mesti memastikan bahawa pengilang ini memerlukan bahan ini secara tetap. Sebab kita tidak mahu nanti kita mempromosikan agar penanamannya secara besar-besaran, tetapi keperluan nanti ada masalah. Jadi, sebab itulah buat masa ini dari segi kajian dan sebagainya, 65% bahan *raw materials*, dengan izin, adalah diimport dan insya-Allah kita hendak menurunkan peratusan ini supaya kita hendak menggalakkan lebih banyak lagi secara besar-besaran atau secara estet dengan tanaman herba, insya-Allah.

5. Tuan Mohd. Daud bin Haji Tarihep [Kuala Selangor] minta Menteri Kerja Raya menyatakan status dan butiran pembinaan lebuh raya berikut dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9):

- (a) Lebuh Raya Pantai (Coastal Highway); dan
- (b) Lebuh Raya Templer Park-Assam Jawa.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Waalaikumusalam. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status pembinaan lebuh raya Pantai Barat masih belum dimulakan pada masa ini. Rundingan Perjanjian Konsesi telah dimuktamadkan dan sedang menunggu kelulusan Menteri di Jabatan Perdana Menteri di peringkat Unit Perancang ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Manakala Lebuh Raya Templer Park-Assam Jawa pula, Perjanjian Konsesi bagi lebuh raya ini telah ditandatangani pada 10 November 1997. Walau bagaimanapun akibat kegawatan ekonomi, projek tersebut masih belum dimulakan pembinaannya. Kerajaan telah memutuskan supaya perjanjian konsesi tambahan ditandatangani oleh sebab tarikh kuat kuasa perjanjian telah luput. Ketika ini draf akhir perjanjian konsesi tambahan sedang disemak oleh pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Mohd. Daud bin Haji Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, rakyat Kuala Selangor ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang akan membina kedua-dua lebuh raya berkenaan. Semoga ia akan menjadi pemangkin pembangunan dan mempercepatkan pencapaian matlamat Kuala Selangor maju tahun 2015. Soalan saya yang pertama, dengan pembinaan Lebuh Raya Pantai, bermakna sebuah lagi jambatan akan dibina merentasi Sungai Selangor. Bilakah juga jambatan berkenaan juga akan dibina dan juga jumlah kosnya?

Yang kedua adakah kementerian bersedia untuk melaksanakan dasar *local project, local contractor*, dengan izin, dengan menawarkan projek berkenaan kepada kontraktor tempatan bukan terhad kepada kelas 'F'. Soalan saya yang ketiga, semalam Menteri Kerja Raya telah mengumumkan kenaikan tol di lima buah lebuhraya. Adakah kementerian sudah bersedia memikirkan formula bagi kenaikan tol tahunan hadapan agar ia tidak membebankan rakyat dan pengguna. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, soalan tambahan yang menyarankan betapa perlu projek ini dapat diusahakan dengan segera bagi menambah nilai sosioekonomi kehidupan rakyat yang berkaitan, itu saya merakamkan jutaan terima kasih. Sama ada jambatan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat yang merentasi dalam kawasan Yang Berhormat itu, dalam pakej yang dimaksudkan dalam lebuhraya *coastal* itu, saya berasa bahawa jikalau projek ini dapat digerakkan dengan secepat mungkin, saya ingat untuk menentukan bahawa perjalanan trafik kawasan itu dapat di '*bruisse*', kita akan bagi prioriti supaya jambatan itu dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Bagaimanakah penglibatan kontraktor tempatan untuk turut serta dalam projek penswastaan ini Yang Berhormat, daripada segi untuk secara langsung, kerajaan tidak boleh mengarahkan mana-mana pihak yang terlibat dengan penswastaan untuk menentukan siapakah dia punya sub-kontraktor tetapi pandangan dan saranan yang berasaskan kepada prinsip kerajaan untuk membantu golongan bumiputera ini saya fikir bahawa mana-mana pihak pun yang mendapat peluang ini, dia wajib untuk melaksanakan. Yang itu saya sokong pandangan daripada Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Haji Tarihep [Kuala Selangor]: Soalan kenaikan tol tahunan hadapan Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Untuk maklumat Yang Berhormat, kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri berhubung kait dengan kenaikan tol itu adalah satu kenyataan yang meliputi perjanjian yang telah pun dimeterai di antara pihak pemaju kepada projek penswastaan ini mengikut jadual yang telah pun ditetapkan. Sama ada dia dilaksanakan mengikut jadual, itu terpulang kepada keputusan Kabinet.

Tuan Yang di-Pertua: Kita jemput Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya bertanya, boleh saya buat sedikit teguran? Tuan Yang di-Pertua, tadi Tuan Yang di-Pertua dalam *mood* untuk membuat teguran. Hari ini pula *mood* saya untuk membuat teguran kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya mintalah pada masa-masa yang akan datang, kita beri peluang kepada orang yang tidak berpeluang bercakap. Jangan selalu orang yang berpeluang, dapat berpeluang lagi. Jadi, saya berharaplah Tuan Yang di-Pertua mengambil nota ini...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang tak berpeluang bercakap tak bangun, macam mana Tuan Yang di-Pertua nak bagi laluan?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Eh!! Saya bangun!! Minggu lalu saya bangun dari pagi sampai tengah hari. Bangun punya bangun, haus punggung-punggung ini. Jadi, saya berharaplah, saya ingin tegur kepada Tuan Yang di-Pertua, supaya diberi peluang..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Teguran ditolaklah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya tidak ada apa-apa. Jadi itu teguran saya kepada Tuan Yang di-Pertua.

6. Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani] minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah pihak kerajaan bercadang untuk memberi bonus kepada kakitangan awam pada akhir tahun ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, pada lazimnya, kerajaan akan mengkaji dan menilai situasi ekonomi semasa dan kedudukan kewangan negara sebelum memutuskan untuk memberi bonus atau tidak, kepada kakitangan awam. Oleh itu pada tahun ini, amalan adalah seperti yang saya sebut tadi. Walau bagaimanapun, bajet 2007 akan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 1 September 2006 di Dewan Rakyat ini, dan kita tunggulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Sungai Petani ada lagi teguran?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya. Soalan tambahan saya, saya terus buat cadangan ini kerana melihatkan perkembangan dan pertumbuhan ekonomi kita, serta juga kos saraan hidup makin meningkat. Oleh yang demikian, saya sekali lagi memohon dan mencadangkan supaya bajet pada hari Jumaat ini, dapat semua kakitangan awam menikmati sekurang-kurangnya dua bulan bonus.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya tak boleh bagi jaminan Tuan Yang di-Pertua. Terpulang kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang akan umumkan pada bajet tahun ini Tuan Yang di-Pertua tetapi, kalau yang lepas tahun 2005, bagi mereka yang bergaji RM1000 ke bawah, dapat 1½ sebulan. Bagi mereka yang bergaji lebih daripada RM1000 dia dapat sebulan gaji. Paling minimum, RM1500 dan dibayar dua kali pada bulan Oktober dan November. Kalau satu bulan punya bonus, kerajaan terpaksa berbelanja lebih RM1.5 bilion ringgit, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab kakitangan kerajaan hampir satu milion, kalau dua bulan, tiga bilionlah. Begitulah nampaknya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita Ahli-ahli Parlimen tetap menyokong kalau kita bagi bonus kepada kakitangan kerajaan. Cuma saya nak tanya, biasanya bonus kepada syarikat-syarikat ini diberikan berdasarkan kepada keuntungan. Jadi, kita nak tahu apakah penilaian kerajaan apabila bonus diberikan kepada kakitangan ini, adakah berdasarkan kepada produktiviti dan perkhidmatan? Kalau inilah dinilai, apakah kita telah berpuas hati dengan produktiviti dan perkhidmatan kakitangan awam pada ketika ini, sedangkan kekosongan jawatan sebanyak 30,000 masih belum diisi.

Jadi, oleh sebab itu kita Ahli-ahli Parlimen tetap akan menyokong untuk memberi bonus. Bahkan Tuan Yang di-Pertua, hampir setiap tahun bonus diberikan kepada kakitangan kerajaan. Oleh sebab itu kita berharap, apabila kakitangan kerajaan ini ditegur. Sudah tentulah siapa yang akan menegur? Kerana kalau wakil rakyat ditegur oleh pengundi dan rakyat, sudah tentulah kakitangan kerajaan, wakil rakyat yang menegur.

Oleh sebab itu, kita berharap supaya urusan Ahli Parlimen, Wakil Rakyat cuba dicampur tangan oleh mana-mana kalangan kakitangan awam, termasuk Ketua Setiausaha Negara sehinggakan hak kebebasan kita hendak disentuh, nak dipertikaikan. Sedangkan apabila soal bonus ini, di sinilah kita yang akan menentukan. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kalau bagi syarikat, mana-mana syarikat mudah bagi mereka untuk menentukan produktiviti. Dia ada ukuran dia, ada KPI dan sebagainya tetapi bagi kerajaan dengan berbagai-bagai bentuk, berbagai-bagai agensi dan sebagainya, kementerian berbagai-bagai jabatan, memang susah untuk kita hendak menentukan bonus ini ditetapkan dengan produktiviti tetapi kerajaan juga mempunyai fikiran yang lain. Kerajaan juga prihatin tentang masalah kewangan tiap-tiap tahun yang mendesak. Terutama sekali hujung, bila musim perayaan, sama ada Hari Raya Puasa, Puasa, Hari Raya Haji ataupun Tahun Baru Cina, Deepavali dan sebagainya. Juga masalah kewangan semasa anak-anak hendak pergi ke sekolah.

Jadi, kerajaan mengambil kira semuanya. Jadi kalau kita hendak berdasarkan kepada produktiviti sahaja, memang susah kita hendak tentukan. Jadi, kerajaan mengambil kira tentang kesusahan kakitangan awam yang sebenarnya pendapatan kakitangan awam lebih rendah daripada pihak swasta. Sebab itu, kita ambil kira semua sekalilah. Bukan hanya produktiviti Tuan Yang di-Pertua.

7. Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) nama syarikat-syarikat dan pemilik-pemiliknya yang mengendalikan projek-projek penyelenggaraan, pembersihan tepi-tepi jalan, cerun-cerun, parit-parit bagi jalan-jalan PBT dan JKR di Sabah secara rundingan konsesi; dan
- (c) jumlah jalan, peruntukan yang disediakan dan tarikh tamat konesi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan ini, saya ingin memaklumkan kepada Dewan bahawa kebanyakan daripada isu-isu yang berbangkit di dalam soalan ini merangkumi bidang kuasa Kementerian Kerja Raya dan JKR dan apa-apa jawapan yang saya akan beri adalah diasaskan kepada sedikit maklumat yang kita telah dapati daripada pihak JKR. Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Kerja Raya Sabah, terdapat empat kontraktor yang dilantik untuk menyelenggara jalan-jalan raya negeri dan Persekutuan di negeri Sabah:
 - (i) Kontraktor yang menyelenggara jalan-jalan raya negeri ialah 'Syarikat Globinaco Sdn. Bhd.' Dengan kos purata sebanyak RM78 juta setahun untuk jangka masa 15 tahun.

- Kontrak ini bermula sejak tahun 2004 dan kontrak ini melibatkan penyelenggaraan jalan-jalan berturap sejauh 2,828 kilometer;
- (ii) kontraktor-kontraktor menyelenggarakan jalan-jalan raya Persekutuan ialah Syarikat Lintasan Resources Sdn. Bhd. dan Syarikat Gammerlite Sdn. Bhd. dan jumlah kos sebanyak RM40 juta setahun untuk jangka masa 15 tahun untuk menyelenggarakan jalan-jalan berturap sahaja sejauh 1339 kilometer dan kontrak ini bermula sejak tahun 2003; dan
 - (iii) kontraktor yang menyelenggarakan jalan-jalan raya Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah ialah syarikat pembinaan Kekal Mewah Sdn. Bhd. dengan kos purata sebanyak RM100 juta untuk jangka masa sepuluh tahun untuk menyelenggarakan jalan-jalan berturap dan jalan-jalan kelikir dengan jumlah keseluruhan sejauh 5,505 kilometer dan kontrak ini bermula sejak tahun 2002.

Terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Soalan tambahan. Sebelum saya membuat, menyuarakan soalan tambahan, saya ingin menceritakan sedikit supaya rentak soalan tambahan ini dapat difahami oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Semasa saya beroperasi klinik *mobile*, pejabat bergerak saya, terdapat beberapa *pothole-pothole*, jalan-jalan yang rosak di Pekan Putatan. Orang datang berduyun-duyun membuat teguran kepada saya Tuan Yang di-Pertua dan pada ketika itu saya telefon *direct*, terus kepada pegawai daerah sebagai Pengerusi Majlis Daerah dan Ketua Eksekutif dan kebetulannya pada keesokannya... [Dismapuk] Saya tidak dapat teruskan kalau saya diganggu Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, teruskan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ini penting...! Diganggu oleh pihak pembangkanglah. Jadi, dikacau macam rentak tarian, rentak soalan saya ini susah, kalau macam Jerai dia pusing ke kebun bunga dahulu, menari, supaya tarian dia beritahu ini, kenapa pula saya tidak boleh. Jadi saya teruskan.

Apabila orang ramai berduyun-duyun jumpa saya membuat teguran, saya telefon *direct* dan kebetulannya kontraktor Kekal Mewah ini terus memperbaiki jalan-jalan yang rosak, *pot hole-pot hole* membersihkan kawasan Pekan Putatan dan saya mendapat telefon, pujian daripada orang ramai yang saya ini Wakil Rakyat yang prihatin dan efektif. Saya bangga, tetapi Tuan Yang di-Pertua dan saya ini mintalah kontraktor-kontraktor ini bekerjasama dengan Wakil Rakyat tetapi, tetapi ada tetapi dia, jalan yang dikendalikan oleh JKR, Jalan Portoki namanya, sudah 25 tahun Tuan Yang di-Pertua yang diberi kepada kontraktor ini 25 tahun masih berkerikil, berlubang-lubang.

Bila hujan adalah kolam banyak, bila kemarau memang habuk banyak. Jadi ini orang kampung marah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen...

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat saya faham.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ini jalan saya fikir jalan Majlis Daerah, ini soalan yang penting. Orang kampung marah saya pun sikit disuruh marah di sini. Jadi saya mohon, saya bawa Jurutera Bahagian Penampang melawat kawasan itu. Dia sendiri tidak tahu syarikat mana yang menyelenggarakan jalan raya ini. Orang kampung marah, duit banyak dibagi.

Dan soalan tambahan ini, soalan tambahan... [*Beberapa Ahli ketawa*] Apakah *special* nya, keistimewaannya kontraktor yang dilantik, yang dapat, kontraktor ini. Kita mahu tahu, apakah keistimewaan dia? Adakah kontraktor-kontraktor yang lain tidak layak, tidak ada keupayaan, tiada segi kepakaran teknikal, tiada segi kewangan?...

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Dan Tuan Yang di-Pertua, sejak dia beroperasi, berapa sudah jumlah kewangan kerajaan yang telah dibagi kepada kontraktor-kontraktor ini? Kita mahu tahu sebab itu duit rakyat.

Ketiga... [*Beberapa Ahli menyampuk*] Tidak adakah ruang, betul atau tidak kontraktor-kontraktor Kelas 'F' ini tidak langsung diberi ruang untuk bekerja sebagai sub-kontrak kepada kontraktor-kontraktor ini. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan ini ialah soalan-soalan yang baik tetapi telah ditujukan kepada agensi yang salah. So saya tidak boleh jawab mana-mana soalan ini kerana pihak kementerian kita tidak terlibat di dalam pemberian kontrak kepada pihak-pihak ini dan di sebelah kiri saya, ada Setiausaha Parlimen daripada Kementerian Kerja Raya dan di sebelah sana, Kementerian Kewangan. Mungkin kedua-dua mereka telah terdengar soalan ini, selepas Dewan mungkin mereka boleh beri jawapan kepada Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini namanya Tuan Yang di-Pertua, monopoli, *monopolize*.

Saya hairan dalam keadaan dunia hari ini kita menuju Wawasan 2020, saya setuju dengan rakan saya Yang Berhormat bagi Putatan. Satu kontraktor RM100 juta satu tahun, RM78 juta setahun ini, duitnya besar Tuan Yang di-Pertua. Masalahnya jalan-jalan ini masih juga rosak. Kalau di Kinabatangan, *highway* pergi Lahad Datu-Tawau, kita tidak boleh memandu *relax* sebab bocor sana, lubang sana lubang sini. Tanya JKR, kata, "Oh ini *privatize contractor*"

Yang Berhormat tolong bawalah perkara ini kepada yang pihak berkenaan sebab ini masalah besar dan tidakkah kerajaan cuba *review* kontrak ini, jangan 15 tahun. Ini terlalu lama. Bagilah peluang kepada kontraktor-kontraktor lain. Kalau syarikat-syarikat ini betul-betul melaksanakan tugas mereka tidak apa, Kekal Mewah lah, Gema lah yang lain saya tidak tahu nama dia, saya pun tidak tahu selaku Wakil Rakyat. Jadi mintalah kalau boleh kementerian yang berkenaan, janganlah macam ini rakyat marah. Pilihan raya kita berhadapan dengan rakyat, kita kalah nanti. Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat terhadap pandangan-pandangan itu. Soalan Yang Berhormat akan tercatat di dalam *hansard* dan kita akan hantar salinan itu kepada pihak-pihak yang tertentu supaya tindakan boleh diambil. Terima kasih.

8. Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, apakah langkah-langkah konkrit yang diambil oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah banjir pendedar tanpa izin atau PTI, yang ternyata mengakibatkan banyak masalah seperti Kad Pengenalan palsu, jenayah, pengundi hantu dan pengedaran dadah.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Indera Mahkota, tarikh soalan pada 19 September 2006 kerana soalan-soalan ini adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua kerajaan memandang serius terhadap kehadiran PTI di negara ini. Antara langkah-langkah yang diambil bagi menghalang masalah ini daripada berleluasa adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan kawalan di kawasan sempadan dengan anggota-anggota polis dan tentera di kawasan-kawasan yang dikenal pasti menjadi laluan masuk PTI ke negara ini;
- (ii) mengadakan operasi menangkap PTI dan mereka yang menggaji dan melindungi PTI oleh agensi-agensi penguat kuasa sama ada secara bersendirian ataupun bersepadu;
- (iii) mendakwa PTI dan mereka yang menggaji dan melindungi PTI di mahkamah; dan
- (iv) memberi kuasa kepada pegawai-pegawai Anggota Relawan Rakyat Malaysia untuk menangkap PTI.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan masalah banjir pendedar tanpa izin tidak berleluasa, kerajaan telah meminda Akta Imigresen 59 dan 63 pada tahun 2002, berkuat kuasa 1 Ogos 2002 dengan mengenakan hukuman yang berat termasuk hukuman sebat rotan terhadap kesalahan yang berkaitan dengan pendedar asing tanpa izin yang masuk ke negara ini secara tidak sah. Menggaji atau melindungi pendedar tanpa izin. Bagi memastikan pengesanan dan pencegahan PTI secara lebih berkesan kerajaan terus menggunakan biometrik kepada semua PTI yang ditangkap dan terhadap semua pekerja-pekerja asing yang memasuki negara ini.

Sekian, terima kasih.

Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya memang banyak senarai langkah-langkah yang telah disebutkan sebentar tadi, hanya kesan daripada langkah-langkah itu masih belum menunjukkan pencapaian yang memuaskan dan kehadiran pendedar tanpa izin di negara kita terutama sekali di negeri Sabah ini masih lagi menyusahkan rakyat dan masih lagi mengancam kedaulatan negara yang sebenar, apabila kita melihatnya daripada sudut yang panjang.

Oleh sebab itu memang banyak langkah-langkah yang perlu dibuat, namun saya mahu tanya hanya satu sahaja, bolehlah pihak kerajaan berunding dengan negara jiran yang berkenaan untuk terutama sekali negara Filipina untuk menempatkan satu *Consulate* di negeri Sabah supaya dengan adanya konsulat di negeri Sabah itu, langkah-langkah yang perlu dan boleh diambil oleh pihak Kerajaan Filipina untuk menghantar dan mengenal pasti rakyat mereka itu akan dapat membantu untuk menyelesaikan masalah kehadiran pendatang tanpa izin ini.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, melalui langkah-langkah yang saya sebut tadi, untuk maklumat Ahli-Ahli Yang Berhormat, terdapat ramai PTI pun telah ditangkap dan diusir balik ke negara asal mereka. Sehingga 30 Mac 2006, seramai 362,958 orang PTI pun telah ditangkap dan diusir dan di negeri Sabah setakat Mac 2006, sebanyak 74,868 orang PTI telah ditangkap dan diusir atau dihantar kembali ke negara asal mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Filipina supaya adakan satu pejabat, konsulat di negeri Sabah memanglah ada satu cadangan yang baik. Walau bagaimanapun, kementerian ini sebenarnya sentiasa mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Filipina dan Indonesia supaya mendapat kerjasama daripada Kerajaan Indonesia dan Filipina untuk menangani masalah pendatang asing tanpa izin. Apa yang kita mahu iaitu pekerja-pekerja asing boleh bekerja di negara kita tetapi kena ikut atau memenuhi perundangan negara kita.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkenaan dengan masalah kebanjiran pendatang haram Yang Berhormat Timbalan Menteri, memang terdapat banyak usaha serta langkah untuk mengurangkan kehadiran mereka di negara ini dan banyak juga belanja yang telah dikeluarkan bagi mengusir mereka, program demi program. Saya ingin mohon jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah cadangan-cadangan yang telah dikemukakan di Dewan ini dan di banyak tempat yang memohon supaya pendatang-pendatang haram yang ditangkap ini, kita lekatkan dengan *computer chip* misalnya supaya dia boleh kita *detect* sama dia datang balik atau tidak.

Kalau tidak sampai ke peringkat itu, kita kenakan mereka dengan gelang yang tidak boleh dibuka untuk memastikan pergerakan mereka atau mereka yang datang secara halal dan kemudiannya kita mesti kenakan *identification* ini supaya dia tidak boleh *overstay* atau tinggal lama dan kemudian menjadi pendatang haram. Apa pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya sudah sebut. Kerajaan pun sudah menggunakan *biometric* terhadap semua pekerja asing apabila mereka masuk ke negara kita, mereka mestilah menurunkan cap jari atau *thumb print* supaya kita boleh pastikan pekerja asing yang sebenarnya dan pekerja asing yang tidak sah apabila ditangkap, mereka sama juga dikenakan cap jari yang diperlukan supaya dapat memastikan mereka tidak masuk lagi apabila mereka dihantar balik ke negara asal mereka.

Akan tetapi ini telah membawa kesan yang baik yang mana banyak kita nampak ramai pekerja asing yang tidak sah sudah dihantar balik. Apabila mereka cuba hendak masuk semula ke negara ini, mereka tidak dibenarkan masuk semula ke negara ini. Kementerian ini rasa sistem *biometric* ini adalah sangat berguna dan inilah satu langkah yang sangat berkesan.

9. Tuan Lau Yeng Peng [Puchong] minta Menteri Kerja Raya menyatakan, apakah punca utama masalah projek menaik taraf Jalan Batu 12, hingga Batu 16 Puchong di bawah kawal selia JKR Selangor yang dijadualkan siap penghujung tahun 2005 tetapi gagal disiapkan hingga kini. Adakah kementerian tiada kuasa apabila sesuatu projek dijalankan oleh JKR negeri atau daerah.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, projek menaik taraf Jalan Batu 12 hingga Batu 16 Puchong adalah merupakan jalan negeri yang sedang dilaksanakan oleh Kontraktor Tuah Mahir Sendirian Berhad.

Pelaksanaannya sepatutnya siap pada 12 Disember 2005. Projek tersebut telah mengalami masalah kelewatan kerja-kerja pengalihan kemudahan utiliti seperti Telekom, TNB dan paip air SYABAS di tiga buah kawasan pembinaan jambatan baru. Sebanyak dua lanjutan masa telah diberikan kepada kontraktor berkenaan atas sebab-sebab tersebut. Projek ini dijangka akan disiapkan pada bulan Oktober 2006 dan soalan yang dikaitkan dengan sama ada kementerian tiada kuasa apabila sesuatu projek dijalankan oleh JKR negeri ataupun daerah, untuk makluman Yang Berhormat, koordinasi dan kerjasama ini tidak menimbulkan sebarang masalah dan kita sedia maklum bahawa prinsip *federalism* di dalam urusan dengan pihak kerajaan negeri dipertahankan. Sekian, terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan tambahan, izinkan saya untuk mengucapkan tahniah kepada kerajaan Malaysia yang telah mengumumkan penyambungan LRT daripada Bukit Jalil ke Puchong. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semalam.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: [Bangun]

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tunggu sekejap Hulu Langat. Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan dan juga fakta-fakta yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada semua ada di sini, semua ada, semua sini ada. Jalan ini penting kerana jalan ini akan bersambung dengan kawasan Yang Berhormat. Kalau ini tidak siap dan ada masalah, kawasan Yang Berhormat pun ada masalah. Ini penting ini Sepang dengan Puchong dekat-dekat.

Soalan tambahan saya ialah mengenai, saya *meeting* dengan mereka telah dua tiga kali. Saya berjumpa dengan JKR negeri dua kali. Janji demi janji, mesyuarat demi mesyuarat, semua sudah ada dalam..., orang kata dengan izin *gentlemen basis* tetapi sampai hari ini utiliti tidak buat, permukaan jalan itu masih belum diturap dengan sepenuhnya. Masalah kemalangan selalu berlaku sehingga meragut jiwa dua orang...

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, bagi soalan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua ialah adakah kementerian mempunyai cadangan ataupun rancangan ataupun tindakan yang baik untuk mengubah akta-akta tertentu bahawa sebelum sesuatu kerja di *award* kan atau diberikan kontrak, mesti mendapat kebenaran ataupun suatu kelulusan daripada agensi-agensi kemudahan awam seperti Tenaga, Telekom ataupun SYABAS di *Selangor case* ini.

Itu adalah satu pertanyaan saya adakah kementerian bercadang supaya ini tidak akan berlaku di kawasan mana-mana pun di masa akan datang. Ini juga akan menambah lagi kewibawaan kementerian untuk mengawal dan juga mengurus segala projek khususnya di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Apakah penjelasan atau pandangan daripada Yang Berhormat yang berdekatan dengan Puchong. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat di atas keprihatinan perkara yang berhubung kait dengan masalah tapak yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Saya suka menjelaskan kepada Yang Berhormat, bahawa daripada segi lazimnya tempoh kontrak yang telah pun ditetapkan untuk projek yang dimaksudkan ini dia dalam tempoh yang berpatutan.

Kalau semua masalah tapak selesai dalam tempoh lebih kurang 18 bulan boleh diselesaikan dan jikalau ada masalah tapak yang berhubung kait dengan perkara-perkara teknikal selalunya penambahan masa enam bulan dibagi. Untuk makluman Yang Berhormat, pagi tadi saya telah pun dengan secara langsung bercakap dan berurusan dengan *Superintendent Officer*, dengan izin, Pegawai Penguasa yang bertanggungjawab terhadap projek ini memberi jaminan kepada saya bahawa jadual yang ditetapkan berasaskan lanjutan masa kepada Oktober 2006 ini dan jikalau ada apa-apa pun masalah di tapak, paling lewat pun cukup tahun. Salah satu masalah yang besar yang dihadapi oleh Yang Berhormat iaitu kawasan tapak ialah pemindahan empat setinggan lagi yang berniaga di tetapi jalan. Kalau Yang Berhormat boleh membantu menyelesaikan, alhamdulillah kita akan dapat.

Perkara yang kedua ialah berhubung kait tentang pengalihan utiliti. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa salah satu punca kelewatan di tapak bina ialah pemindahan utiliti selain ini. Sebagai contoh Yang Berhormat, jikalau kita hendak pindah kabel Telekom, kabel Tenaga dan juga air, yang paling mustahak ialah jalan itu ditetapkan laluannya mengikut seksyen 4 kepada Akta Kanun Tanah Negara, kita *freeze* semua kawasan-kawasan itu. Kemudian setelah selesai pergi kepada seksyen 8 untuk notis mengenainya. Lepas itu pergi kepada *abritration* untuk mengambil laluan. Setelah yang itu digezetkan barulah boleh dialihkan utiliti lain ini kepada rizab jalan itu sejauh mungkin kerana kita tidak mahu bila jalan itu dibuat dengan jalan yang berhampiran bila nanti ada masalah *maintenance* hendak korek balik dan ini akan timbul masalah.

Yang Berhormat jangan kkuatir, mana-mana jalan yang tidak berturap, tidak apa itu, itu adalah suatu kerja dengan izin, *the end stage* kerana dia punya *sub-base* dengan base yang telah pun diselesaikan dan kerja-kerja penurapan Yang Berhormat, ini kerja mudah sahaja, semua selesai boleh dilaksanakan dan saya sendiri pun ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dan saya hendak pun jalan ini disiapkan dengan cepat dan saya pun senang hendak balik ke kawasan melalui kawasan Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya secara bersetuju pada dasarnya tentang konsep mempertahankan *federalism* tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri dan setelah 49 tahun merdeka, semenjak saya mula-mula kerja sehingga hari ini masalah koordinasi atau penyelarasan di antara jabatan ini masih lagi menjadi punca utama kepada kelewatan projek sekali gus menambah kos, masa dan tenaga.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, bila kita kaji semula secara mendalam, kita dapati koordinasi di antara jabatan umpamanya JKR, pihak berkuasa tempatan, Tenaga Nasional, Telekom dan sebagainya seolah-olah apabila mesyuarat itu berlaku, tudingan jari sehingga kita tidak tahu siapakah sebenarnya yang mendahului di dalam penyelesaian masalah-masalah ini yang akhirnya mengakibatkan kelewatan projek.

Tuan Yang di-Pertua ini soalan dia, soalan dia di bawah kanun yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, bolehkah suatu agensi yang mempunyai kuasa penuh, kuasa penuh diarah kena buat. Kalau tidak buat boleh tukarkan CEO *company-company* ataupun agensi kerajaan yang bertanggungjawab. Sebab masalah ini telah menular dan menyebabkan keresahan kepada rakyat. Boleh tidak JKR mencadangkan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih. Sebenarnya pandangan Yang Berhormat bagi Tangga Batu telah pun dijadikan sebagai suatu asas perbincangan dan juga untuk kita mencari jalan yang terbaik bagi mengatasi masalah seperti ini.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, saya amat menyokong saranan ini kerana kalau kita ada satu, dengan izin, *clearing house* untuk menyelesaikan masalah yang berhubung kait tentang masalah teknikal di tapak ini ia lebih memudahkan kerja untuk menyelesaikan pembuatan mana-mana jalan ini dan akhirnya manfaat yang besar akan dapat diberi kepada rakyat. Sekian, terima kasih.

10. Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah tindakan bersepadu di antara Kerajaan Persekutuan, negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang lebih tegas bagi mengelak berlakunya kejadian tanah runtuh seperti yang berlaku di Selangor pada masa akan datang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, isu-isu yang berkaitan dengan masalah yang dihadapi semasa membangunkan kawasan-kawasan bukit atau bercerun telah dikaji dengan mendalam dengan beberapa agensi kerajaan dan beberapa garis panduan telah dikeluarkan untuk diguna pakai oleh semua pihak yang terlibat untuk mengurangkan kemungkinan tanah runtuh. Di antaranya ialah:

- (i) garis panduan pembangunan di kawasan bukit yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
- (ii) garis panduan perancangan pemeliharaan topografi semula jadi di dalam perancangan dan pembangunan fizikal mengikut Akta Perancang Bandar dan Desa;
- (iii) garis panduan pembangunan di kawasan tanah tinggi yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar; dan
- (iv) memperketatkan lagi syarat penyediaan laporan EIA berkenaan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Pada tahun 2003, Jemaah Menteri telah bersetuju supaya diinstitusikan sebuah badan dengan diberi lebih kuasa mengurus, memantau dan menyelaraskan semua cerun. Sehubungan dengan ini Cawangan Kejuruteraan Cerun telah ditubuhkan di JKR dan cawangan ini mempengerusikan Kumpulan Kerja Tanah Runtuh sekiranya berlaku bencana yang berkaitan dengan cerun. Terima kasih.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Soalan tambahan, apa yang dijawab oleh pihak kerajaan tadi mengenai cerun-cerun dan bukit-bukit yang kebanyakan bersangkutan dengan jalan-jalan.

Berbalik kepada PBT seperti yang berlaku di Highland Tower beberapa tahun dahulu, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengelakkan pembinaan di cerun-cerun bukit benar-benar dijamin supaya tidak berlaku dan berapakah jumlah pendakwaan yang telah diambil oleh kerajaan terhadap pihak-pihak yang berkenaan dalam kemalangan yang berlaku seperti di Highland Tower. Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Semasa ini kerajaan telah menambahkan lagi garis panduan dan syarat-syarat untuk meluluskan apa-apa pembangunan di atas kawasan tanah tinggi atau di lereng bukit. Baru-baru ini kerajaan telah mengkategorikan tanah untuk empat kategori iaitu mengikut beberapa faktor. Yang pertamanya ialah kategori cerun di mana kawasan-kawasan tanah yang di bawah *gradient 15 degree*, kebenaran akan diberi untuk semua jenis pembangunan. Di dalam tanah yang cerunnya lebih daripada *35 degree* tidak dibenarkan sebarang pembangunan kecuali pembinaan infrastruktur seperti jalan, terowong, jambatan dan kemudahan-kemudahan telekomunikasi.

Di antaranya ialah kelas 'A' dan kelas 'D'. Di antara itu ada dua kelas iaitu kelas 'B' dan kelas 'C' di mana pembangunan akan diberi tetapi pembangunan ini akan diluluskan selepas dirujuk kepada beberapa pihak berkaitan seperti yang saya telah beritahu di dalam jawapan saya tadi dan mereka dikehendaki mengemukakan beberapa laporan iaitu laporan penyiasatan geoteknikal dan analisis kestabilan cerun yang akan disediakan oleh jurutera geoteknik, laporan pemetaan geologi yang akan disediakan oleh jurutera geoteknik, laporan saliran dan pengairan yang akan disediakan oleh jurutera hidrologi yang berdaftar dengan Jabatan Pengairan dan Saliran dan laporan EIA yang akan disediakan oleh perunding EIA yang berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar. Selepas merujuk kepada segala laporan ini ialah di mana pihak PBT akan meluluskan satu projek pembangunan.

Untuk menjawab soalan kedua oleh Yang Berhormat tentang kes-kes pendakwaan yang telah diterima oleh pihak kita berkaitan dengan kejadian seperti *Highland Towers*, saya tidak mempunyai maklumat ini pada masa sekarang. Saya boleh memberi maklumat ini kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah pembangunan kawasan tanah tinggi banyak berlaku di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga Pulau Pinang. Garis panduan telah disediakan oleh kerajaan oleh pelbagai agensi tetapi pelaksanaan atau guna pakai garis panduan ini selepas kawasan atau tanah berkenaan dianugerahkan kepada pemaju. Bolehkah syarat ini dikenakan atau garis panduan ini diguna pakai oleh kerajaan negeri apabila meluluskan secara dasar sesuatu kawasan tanah kerajaan untuk pembangunan perumahan dan komersial umpamanya. Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Ini adalah satu cadangan yang baik, yang akan memastikan bahawa semasa awalnya pemaju-pemaju akan dapat tahu tentang apa yang sebenarnya mesti dilakukan semasa membangunkan kawasan-kawasan tanah tinggi dan lereng bukit. Saya akan membawa cadangan Yang Berhormat kepada pihak-pihak yang tertentu supaya boleh diguna pakai.

11. Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang] minta Menteri Kewangan menyatakan, projek *off budget*, yang telah dilaksanakan dalam tempoh RMK-8 dan namakan projek-projek tersebut setiap satu dan nilainya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini jawapannya agak panjang sedikit kerana Yang Berhormat bagi Sekijang minta *detail*.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat terdapat 11 projek yang telah dilaksanakan secara *off-budget* dalam Rancangan Malaysia Kelapan yang bernilai sebanyak RM161.4 juta. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

- (i) projek perumahan dan kedai Bandar Baru Chendor berjumlah RM4 juta;
- (ii) projek perumahan dan kedai Bandar Baru Seberang Jelal berjumlah RM9 juta;
- (iii) projek pembinaan 138 unit pangsapuri lima tingkat dan dua tingkat kedai dan pejabat di kawasan perindustrian Pengkalan Chepa bernilai RM4.9 juta;
- (iv) projek lingkaran luar Butterworth bernilai RM86 juta;
- (v) pembelian Taman Perindustrian Zarina di Alor Gajah bernilai RM31.5;
- (vi) empat projek bernilai RM10 juta yang dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perlis iaitu:
 - projek pembangunan semula Pekan Baru Arau
 - projek pembangunan Bandar baru Pauh
 - projek perumahan Padang Besar
 - projek Taman Aman Fasa II Kangar
- (vii) dua projek bernilai RM16 juta yang dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan iaitu:
 - kompleks perniagaan bumiputera di Seremban
 - pangsapuri pekerja-pekerja di kawasan perindustrian Nilai.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya soalan tambahan. Apakah sebabnya projek *off-budget* ini perlu dilaksanakan? Kadangkala saya lihat dari segi kepentingannya untuk dilaksanakan dengan segera boleh lagi dipersoalkan.

Apakah asas-asas yang diguna pakai oleh kementerian untuk meluluskan projek-projek tersebut kerana saya difahamkan bahawa ada di antara projek-projek yang dijalankan harganya lebih tinggi sebab *off-budget* ini. Saya juga melihat kadangkala projek-projek *off-budget* ini tidak dirancang dengan baik dan timbul permasalahan semasa ia dilaksanakan. Saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek *off-budget* seperti ini telah pun dihentikan sejak tahun 2005. Cuma sebelum itu diadakan *off-budget* ini. *Off-budget* ini adalah projek-projek yang dijalankan oleh PKEN, badan-badan kerajaan negeri dan projek ini sebelum itu memang disenaraikan dalam projek Rancangan Malaysia Kelapan tetapi ditukar menjadi *off-budget* dan sebenarnya projek-projek ini tidak mendapat *direct grant* daripada Kerajaan Pusat tetapi menggunakan kaedah pinjaman daripada bank-bank seperti Bank Pembangunan dan Industri.

Katakan pinjaman itu dibuat dengan *interest* 7%, kalau pinjaman kerajaan boleh dapat 4%, jadi Kerajaan Pusat akan *top-up* 3% itu. Jadi maknanya kerajaan tidak menggunakan peruntukan Kerajaan Pusat tetapi menggunakan kaedah pinjaman seperti itu. Hal ini berlaku pada masa itu, tetapi sekarang tidak dibenarkan lagi. Maknanya tidak ada lagi *off-budget* seperti ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya merasa harian sikit, dalam Rancangan Malaysia Kelapan ada projek-projek *off-budget*. Pada masa yang sama ada projek yang lebih daripada 2000 projek tidak boleh disambung ataupun terbengkalai. Soalan tambahan saya ialah apakah proses perbelanjaan kita di bawah Kementerian Kewangan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Apakah jaminan bahawa perkara ini tidak akan berlaku di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan saya hendak tanya adakah kementerian sudah ada satu *contingency plan*, dengan izin, ataupun satu mekanisme yang berkesan supaya projek-projek *off-budget* ini dapat dikurangkan dan juga memastikan semua projek dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini dapat diteruskan seperti yang dijadualkan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih, Yang Berhormat Puchong. Seperti yang saya sebut di awal tadi, projek ini hanya berlaku semasa Rancangan Malaysia Kelapan dan telah pun dihentikan semenjak tahun 2005. Untuk Rancangan Malaysia Kesembilan, memang kerajaan sediakan peruntukan yang secukupnya. Saya yakin tidak ada masalah dari segi kewangan, pendapatan kerajaan mencukupi dan seperti biasa, malahan kalau tidak mencukupi dari segi bajet bangunan, maka kerajaan akan isu bon kerajaan, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan sebagainya untuk mendapatkan dana. Maknanya ada jaminan daripada Kerajaan Pusat supaya projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan dapat diteruskan tanpa melalui sistem yang telah pun berlalu sebelum ini iaitu *off-budget*.

12. Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang] minta Menteri Kesihatan menyatakan, berapakah jumlah dan peratus warga asing yang tidak mempunyai dokumen identiti atau dokumen perjalanan yang menerima rawatan di setiap hospital kerajaan di negeri Sabah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]:

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sabah merupakan sebuah negeri di mana terdapat ramai pendatang asing yang mengunjungi hospital-hospital kerajaan disebabkan kos rawatan yang murah. Pada masa ini terdapat 19 buah hospital kerajaan yang beroperasi di seluruh negeri Sabah. Jumlah kedatangan warga asing yang menerima rawatan di hospital kerajaan negeri Sabah bagi tahun 2004 adalah seramai 78,172 orang atau sebanyak 4.39 % warga asing yang mendapat rawatan di hospital negeri Sabah.

Pada tahun 2005 terdapat seramai 77,114 orang atau sebanyak 4.8% daripada jumlah kedatangan pesakit secara keseluruhan. Butiran terperinci akan saya bekalkan secara bertulis tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini tiga buah hospital kerajaan di Sabah yang paling banyak merawat warga asing pada tahun 2005 ialah:

- (i) Hospital Duchess of Kent - 18,863 orang;
- (ii) Hospital Tawau - 14,558 orang; dan
- (ii) Hospital Lahad Datu - 977 orang.

Sekian, terima kasih.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Menurut Menteri Kesihatan apabila membuat lawatan ke Sabah satu atau dua bulan yang lalu, sebanyak 30% daripada warga hospital adalah pendatang asing. Saya tidak berapa jelas jikalau pendatang asing itu adalah pendatang asing yang memegang dokumen ataupun tidak tetapi jelas, tidak boleh dinafikan bahawa kehadiran pendatang asing di hospital-hospital dari Sabah ini amat membebankan perkhidmatan kesihatan kita di sana.

Jadi, saya berterima kasihlah kepada kementerian kerana memberi butiran-butiran yang terperinci. Walaupun demikian, soalan tambahan saya adakah kerjasama di antara Kementerian Kesihatan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam menentukan angka-angka orang asing ini dan menentukan berapa orang asing ini yang memegang dokumen yang sah dan yang mana memegang dokumen palsu, yang kita sedia maklum banyak wujud di Sabah ini.

Saya berharaplah kerajaan akan mengambil peluang apabila pesakit-pesakit asing ini datang ke hospital kita terutama sekali mereka yang datang dari negara Filipina dan Indonesia. Kerajaan mengambil peluang untuk menentukan kesahihan dokumen-dokumen yang ada pada mereka. Jadi, soalan tambahan saya itu, adakah kerjasama di antara Kementerian Kesihatan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam perkara ini. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih, Yang Berhormat. Berkaitan dengan pendatang asing tanpa izin ini ataupun PATI, kita memang ada satu jawatankuasa di mana Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah anggota dalam jawatankuasa ini. Bagi Kementerian Kesihatan kita kena mengamalkan polisi iaitu polisi keperimanusiaan kerana kadang-kadang orang itu kalau dia sudah sakit, dia datang ke hospital kita, kita terpaksa merawat beliau walaupun dia pendatang asing ataupun pendatang yang sah. Itu yang pertama.

Yang kedua itu kadang-kadang kita mempunyai penyakit berjangkit macam malaria, macam kolera. Kita juga kena merawat pesakit-pesakit pendatang asing ini.

Kalau tidak, mereka menjadi punca penyebaran penyakit ini juga dan ini adalah kerja-kerja atau cabaran yang kita hadapi daripada Kementerian Kesihatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja soal jawab lisan. Ada lagi?

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Perangkaan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi iaitu 78,000. Saya ingin bertanya, adakah perangkaan ini termasuk juga dengan mereka yang memegang dokumen MM13. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya ingin bertanya, sama ada 78,000 ini pihak Kementerian Kesihatan, sama ada mereka ini telah diberi *immunisation* pelbagai penyakit seperti mana yang diberikan kepada warganegara Malaysia dan akhir sekali yang ketiga ialah apabila pihak Kementerian Kesihatan memberi jawatan dan ketiga-tiga hospital yang dinyatakan tadi, apakah jumlah pesakit tadi itu yang pendatang tanpa izin diambil kira apabila menghantar pegawai-pegawai dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Akan beri jawapan Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Kenapakah pihak kementerian mengandaikan yang mereka ini akan berterusan tinggal di ketiga-tiga daerah yang disebutkan tadi. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Berkaitan dengan imunitisasi dan berkaitan dengan perangkaan kita, apabila kita hantar pegawai-pegawai kita ke negeri Sabah, adakah kita ambil kira berkaitan dengan pertambahan pendatang asing tanpa izin ini. Ini adalah satu cabaran yang kita kena hadapi kerana pendatang asing tanpa izin ini, kita tidak ada satu angka yang menyeluruh. Berapa orang ada, kita kadang-kadang tidak tahu dengan tepat.

Apabila kita hendak buat perangkaan itu untuk hantar berapa orang kakitangan kita kepada Sabah itu, kita memang menghadapi cabaran inilah. Berkaitan dengan imunitisasi begitu juga, kerana kita tidak dapat tahu pendatang asing ini, yang tidak sah ini, yang tanpa izin ini, dia berada di mana untuk memberi imunitisasi. Ini adalah di antara cabaran yang terbesar kepada kita supaya kita boleh memberi program imunitisasi kepada pendatang asing tanpa izin ini dan juga untuk merangka jumlah pegawai-pegawai kita yang dihantar kepada Sabah. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja sesi soal jawab pada pagi ini. Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk mengemukakan usul.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.31 pagi

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputus dan diselesaikan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2006 dan usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2006 dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang, Jumaat, 1 September 2006.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah pada majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2006) 2006

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (BIL.1) 2006

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2006 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2006 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari Kedua]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Maksud B.22 [Jadual]-

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B. 22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah terbuka untuk di bahas. Sila Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

11.34 pagi

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin tarik perhatian berhubung dengan Maksud B.22 – Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah iaitu berhubung dengan peruntukan RM53 juta untuk bayaran elaun bulanan ketua kampung.

Dalam konteks ini saya ingin tarik perhatian tentang fungsi-fungsi yang harus dimainkan oleh pemimpin peringkat akar umbi ini. Sekiranya dengan jumlah bayaran elaun bulanan ketua kampung diberi, maka kita harapkan juga prestasi dan *performance* setiap pemimpin akar umbi ini terutamanya ketua kampung dan seluruh jentera jawatankuasa, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) itu dapat memainkan fungsinya secara sistematik dan ini menjanjikan kepada perubahan-perubahan daripada bawah untuk dia naik ke atas dan membawa saya kira menjanjikan perubahan-perubahan yang besar dalam usaha kita merealisasikan pelbagai rancangan dasar dan juga pelaksanaan.

Sebab yang jadi masalah kepada kita ini ialah rantaian hubungan di antara dasar di atas itu dengan apa yang berlaku di bawah. Saya kira kepimpinan akar umbi ini terutamanya ketua kampung dan seluruh jentera JKKK itu, pengerusinya, bendaharinya dan juga setiausahanya serta anggota bironya itu boleh memainkan peranannya. Saya ingin menimbulkan beberapa persoalan di sini tentang keberkesanan kepimpinan peringkat akar umbi ini. Yang pertamanya saya hendak tanya, kalau sekiranya dapat diberi jawapan tentang umur warga kepimpinan peringkat akar umbi ini sampai umur berapakah? Apakah terus menerus mereka itu menjalankan tugasnya. Kemudian dari segi kelayakan mereka, kelayakan akademiknya.

Saya kira dalam gelombang *knowledge worker* ataupun *k-worker* ini, kita perlu memastikan kita mendapat warga kerja ataupun pemimpin peringkat akar umbi ini yang benar-benar berkelayakan supaya mereka dapat melaksanakan tugasnya, dapat benar-benar memahami apakah dasar-dasar kerajaan, sistem pelaksananya. Bukan hanya tertumpu kepada kepentingan-kepentingan individu. Saya kira ini adalah merupakan satu perkara yang harus diberi perhatian dari segi kelayakan. Kelayakan akademiknya, dari segi kelayakan dan pengalamannya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Selain daripada itu juga, apakah bentuk latihan-latihan yang telah diberi kepada mereka, untuk mereka benar-benar memahami tentang sistem perjalanan. Sebab kepimpinan peringkat kampung ini bukan hanya terhad kepada aspek keselamatan sahaja, tetapi juga merangkumi aspek pembangunan, aspek kemajuan di peringkat akar umbi itu. Ini perlu diberi latihan-latihan secara berkala, secara berterusan, *continuous professional development* saya kira ataupun latihan-latihan secara berterusan harus diberi kepada peringkat kepimpinan akar umbi ini untuk memastikan mereka benar-benar faham tentang prosedur kerja mereka.

Sebab kata kunci saya tadi bahawa, ini adalah merupakan kepimpinan yang begitu penting sebab mereka bergerak di peringkat akar umbi untuk memerhatikan senario dan perkembangan yang berlaku di bawah sana, untuk mereka apungkan segala isu dan permasalahan.

Dari segi pembangunan di kawasan mereka, dari segi pembangunan infrastruktur. Dari segi pembangunan masyarakat, dari segi pembangunan mentaliti, dari segi pembangunan mentaliti, dari segi pembangunan pemikiran rakyat di bawah sana itu supaya mereka dapat apungkan ke atas. Sekali gus juga untuk merealisasikan segala dasar-dasar seperti mana dasar pembangunan negara yang sekarang ini sedang kita usahakan untuk dilaksanakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhwan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Saya sangat bersetuju bahawa ketua kampung ini ataupun Pengerusi JKK ini adalah pemimpin akar umbi yang sangat penting dan kritikal. Malah, dalam konteks pembangunan ini, mereka harus berkesan dan saya dapati ramai yang berkesan, kerana itu saya rasa pertimbangan elau ini diberikan oleh pihak kerajaan tetapi biasanya kita melihat dalam mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), fokus ataupun tumpuan kepada perbincangan itu lebih kepada pembangunan fizikal, pembangunan jalan raya, perparitan, jambatan, mengecat dan seumpamanya tetapi kurang sangat dibicarakan mengenai aspek manusianya, insan. Khususnya dari segi pelajaran ataupun pendidikan dan dari segi masalah gejala sosial.

Akan tetapi yang lebih penting selain daripada itu ialah mereka ini boleh menjadi pemimpin contoh yang mewujudkan keharmonian dan perpaduan di kalangan penduduk-penduduk itu. Apakah pandangan Yang Berhormat kepada ketua kampung ini ataupun Pengerusi JKKK ini yang jelas tidak dapat mewujudkan perpaduan dan keharmonian di satu-satu kampung itu supaya mereka ini harus dinilai semula. Kalau perlu mereka digantikan, diminta supaya mereka meletak jawatan kerana saya sendiri mendapati ada di antara pemimpin ini beragama Islam Muslim tetapi mereka tidak boleh pergi ke surau ataupun masjid di kampungnya sendiri. Apakah pandangan Yang Berhormat supaya pemimpin seperti ini sama ada mereka disuruh meletak jawatan ataupun diberhentikan. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya, terima kasih rakan seperjuangan saya. Saya kira ini adalah merupakan perkara yang cukup penting, sebab JKK itu bukan hanya bergerak di atas pembangunan material ataupun pembangunan projek-projek itu sahaja. Memang saya juga dapat mengesan bahawa mereka memberi tumpuan kepada projek-projek, ya yang kadang-kadang bukan itu sahaja sebenarnya fungsi mereka. *Soft project*, misalnya kegiatan-kegiatan yang membawa kepada kerapatan ataupun rasa kemesraan di kalangan peringkat akar umbi itu, rasa perpaduan, rasa kekitaan melihat dari segi perkembangan gejala masyarakat di bawah sana, masalah dadah, masalah mat rempit, masalah ponteng sekolah, masalah kekurangan-kekurangan peringkat di bawah sana untuk mewujudkan rasa kekitaan itu. Saya kira ini juga merupakan perkaranya.

Sebab itu saya katakan tadi, sejauh manakah kelompok pemimpin akar umbi ini benar-benar mendapat latihan, pendedahan sebab dalam hubungan kemanusiaan ini saya kira mereka perlu menjalani latihan-latihan secara berterusan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Krai.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Kuala Krai, silakan.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Saya juga berpendapat sedemikian dan menyokong Kuala Terengganu, kerana kita dapat tahu daripada JKKK, daripada ketua-ketua kampung inilah penduduk-penduduk di luar bandar khususnya akan mendapat manfaatnya yang sepenuhnya tetapi sebaliknya mereka ini tidak ada pemantauan. Mereka bekerja dengan cara yang bersendirian seolah-olahnya.

Adakah Yang Berhormat bersetuju jika mereka ini diberi pemantauan yang sepenuhnya kerana kita tahu, rata-rata penduduk luar bandar bergantung harap kepada kerja-kerja ataupun apa yang dijalankan oleh mereka ini sebagai ketua ataupun sebagai Wakil Rakyat di kawasan kampung-kampung pedalaman itu. Apakah pandangan Yang Berhormat mengenai dengan perkara ini supaya dapat memberi keberkesanan yang sepenuhnya di luar-luar bandar. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Memang saya pernah melihat buku panduan kerja yang diberikan kepada setiap ketua kampung ini tetapi, sejauh manakah buku panduan kerja dari segi rekod-rekod dan KPI iaitu *key performance indicators* ini benar-benar difahami tanpa mereka sentiasa apa namanya tu, didedahkan dengan latihan-latihan. Saya kira pegawai-pegawai daerah terutamanya yang bertanggungjawab kepada organisasi kepimpinan peringkat akar umbi ini mesti mengambil keutamaan untuk memberi latihan-latihan ini ya, supaya saya kira berbaloi dengan imbuhan yang mereka perolehi sekarang ini, dengan kadar elaun bayaran yang sekarang kita lihat keseluruhannya RM53 juta ini. Malah, kalau boleh dicadangkan lebih banyak, lebih tinggi lagi dengan kita pastikan kelayakan mereka, kelayakan akademik mereka itu dan juga latihan-latihan, sebab saya kira kepimpinan...

Timbalan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat..

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Kepimpinan akar umbi ini..

Timbalan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat..

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...Banyak, banyak *point* yang bagus telah dikemukakan, ada lagi ya?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: [Ketawa]... Terbatas hadnya ya. Baiklah saya suka nak menyokong tentang beberapa pandangan yang telah diberikan oleh rakan-rakan saya tadi tu, supaya mereka benar-benar dapat memainkan. Mereka adalah merupakan pemimpin peringkat akar umbi. Kalau kita nak lihat perubahan yang besar dalam masyarakat kita, saya kira di peringkat bawah ini harus kita teguhkan. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih. Ramai lagi ya. Beluran.

11.45 pagi

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga turut mengambil bahagian untuk membahaskan peruntukan RM53 juta yang diberi kepada ketua kampung.

Akan tetapi, saya melihat Tuan Pengerusi, ketua kampung dalam konteks negeri Sabah ini telah menjalankan tugas yang besar bukan sahaja dari segi keamanan kampung, perpaduan kampung malah masalah adat, masalah-masalah peribadi masyarakat kampung turut dimainkan oleh ketua kampung-ketua kampung.

Saya melihat bahawa kenaikan sebanyak RM53 juta ini yang akan membabitkan pemberian sebanyak RM400 kepada setiap kampung, ketua kampung adalah merupakan peruntukan yang sedikit sahaja memberi kelebihan kepada ketua kampung. Kalau kita lihat keseluruhan garis-garis kemiskinan di Sabah, berapa banyak yang baru dikeluarkan baru-baru ini. Garis paras kemiskinan adalah pada peringkat RM625 sebulan dan kita melihat ketua kampung walau pun dinaikkan RM400 sebulan, gaji, elaun mereka ini masih lagi hidup di bawah paras kemiskinan dan sedangkan komitmen mereka, sumbangan mereka begitu besar sekali.

Saya ingin mengajak kementerian untuk melihat Peruntukan Tambahan ini dalam konteks negeri Sabah dan negeri Sarawak di mana paras kemiskinan adalah lebih tinggi dan kita tidak boleh sama rata antara ketua kampung yang berada di Semenanjung ini yang Kuala Terengganu sekarang ingin naik tarafkan kepada satu seorang ketua kampung yang ber *qualification* tinggi dan kalau itu ukurannya bererti kesamarataan elaun yang diberikan di kalangan ketua kampung antara mereka yang berada di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak ini adalah satu kepincangan yang berlaku, tidak dilihat secara terperinci oleh kementerian untuk menentukan elaun ini tidak disamaratakan kerana keperluan yang berbeza, kehendak yang berbeza antara ketua kampung di Sabah, Sarawak dan juga di Semenanjung. Saya ingin agar kementerian melihat perkara ini secara terperinci terutama dalam melihat tanggungan kerja yang dibuat.

Saya ingin satu beri senario di mana ketua kampung di kawasan saya terpaksa mengambil gaji mereka yang ada sekarang RM200 sebulan, tiga bulan sekali kerana setiap kali keluar daripada kampung untuk ke pejabat daerah mengambil gaji mereka, ia akan melibatkan kos tambang RM100 bagi setiap mereka ini. Jadi, kalau gaji ini, elaun ini diambil setiap bulan, elaun yang mereka bawa pulang *less*, kurang daripada RM100 disebabkan oleh kos tambang dan makan minum mereka semasa mengambil elaun tersebut daripada Pejabat Daerah. Kerana itu ada ketua kampung yang mengambil gaji tiga bulan sekali untuk menjimatkan kos tambang dan juga kos perbelanjaan terhadap gaji. Kerana itu saya ingin mengajak kementerian untuk melihat secara terperinci kriteria-kriteria kehendak dan tanggungan yang dihadapi oleh setiap kampung dan perbandingan ini harus dibuat secara khusus antara Sabah dan Sarawak dan juga Semenanjung untuk memberikan *benefit* kenaikan gaji RM400 itu sama dengan mereka yang berada di Semenanjung.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itulah saja..

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Itu saja. Terima kasih. Lipis.

11.48 pagi

Tuan Muhamad Shahrom bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil bahagian membahas bagi maksud B.22, tentang elaun, bayaran elaun bulanan ketua kampung. Terutamanya saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak kementerian kerana telah berjaya mewujudkan elaun ini, walaupun elaun ini sebenarnya tidaklah besar sangat ya.

Walau jumlahnya besar tapi RM53 juta, bila dibagi pada ketua-ketua kampung, ia hanyalah RM400 sebulan, ya. Dan setakat ini, ada beberapa ketua kampung di kawasan saya mengatakan mereka belum lagi, setakat ini belum lagi menerima elaun ini, ya.

Dan bagi saya jawatan ketua kampung ini memang sangatlah penting seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi, merupakan penghubung atau jambatan penghubung yang utama di antara pentadbiran mukim dan daerah dan juga menjadi penghubung utama, juga kepada pentadbiran ataupun institusi Wakil Rakyat di setiap kampung. Jadi, oleh kerana kepentingan jawatan ini, saya mencadangkan supaya elaun RM400 ini dinaikkan lagi, sebenarnya.

Kerana ketua-ketua kampung atau Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung ini walau pun nampaknya kerja mudah tapi mereka apabila menjawat jawatan tersebut, kadang-kadang ada yang terpaksa bekerja hampir sepenuh masa macam pegawai kerajaan juga, ya tak? Kalau pegawai kerajaan ada lapan sampai pukul lima petang tetapi ketua kampung kadang-kadang sampai malam dan Sabtu dan Ahad juga, kadang-kadang menjadi masa bekerja mereka....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Macam Yang Berhormatlah.

Tuan Muhamad Shahrom bin Osman [Lipis]: Ha, macam Yang Berhormat, ya. Macam semua Ahli Parlimen dan Wakil-wakil Rakyat.

Jadi selain daripada Ketua Kampung, ada lagi satu jawatan rasa saya yang tidak kurang pentingnya di dalam JKKK ini ialah jawatan setiausaha. Buat masa ini, ketua kampung dibayar elaun tetapi setiausaha tidak diberi imbuhan yang sebanyak yang didapati oleh ketua kampung. Walaupun ada tetapi tidak sebanyak itu. Jadi apa yang kita harapkan supaya pihak kerajaan juga mempertimbangkan elaun bagi setiausaha ini kerana jawatan setiausaha juga merupakan jawatan yang pada pandangan saya sebagai nadi kepada keberkesanan sesuatu JKKK.

Selain daripada itu, oleh kerana tugas JKKK ini ada dua. Yang pertama sekali menjaga kemajuan dan keduanya menjaga keselamatan. Jadi ada tempat-tempat di mana ketua kampung ini diharapkan mempunyai peranan sebagai penjaga keselamatan. Bukan sahaja keselamatan dari segi orang, tapi juga kadang-kadang keselamatan dari segi binatang. Jadi di sini saya juga nak mencadangkan supaya semua ketua kampung yang berkelayakan diberi sepucuk senapang patah terutamanya di kampung-kampung untuk menjaga musuh-musuh tanaman dan sebagainya. Kerana sekarang ini di kawasan saya banyak penduduk merungut mereka tidak boleh lagi bercucuk tanam.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau ketua kampung itu tidak tahu pakai senapang macam mana?

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Kita beri latihan, kita minta pasukan yang berkaitan seperti RELA untuk memberi latihan kepada mereka. Kerana banyak yang merungut Tuan Pengerusi, mereka susah untuk bercucuk tanam sekarang ini kerana banyak musuh tanaman. Hendak mengharapkan senapang RELA, RELA pun dah menarik balik senapang mereka dan simpan di balai. Jadi sukar bagi mereka hendak bercucuk tanam. Jadi apa yang kita harapkan sekarang ini, kalaulah ketua kampung ini diberi senapang patah, senjata api yang mudah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: ...Eloklah, bolehlah mereka membantu kampung mereka selain daripada menjaga kemajuan tadi. Jadi oleh kerana Tuan Pengerusi suruh berhenti, saya berhenti setakat ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, baik terima kasih. Yang Berhormat Batu Gajah, lepas itu Yang Berhormat Tuaran dan Yang Berhormat Kuala Krau, lepas itu pihak kerajaan jawab.

11.52 pagi

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya juga ingin berbahas berkenaan Maksud 22 peruntukan untuk Bayaran Elaun Bulanan Ketua Kampung.

Saya setuju dengan pandangan dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu bahawa ketua kampung mestilah mempunyai kelayakannya. Dan beban tugas mereka adalah memang berat, sebagai contoh kalau penduduk kampung telah meningkat umur mereka nak masuk rumah orang tua, pihak organisasi minta dapatkan surat sokongan ketua kampung. Kalau nak tandatangan buku pinjaman, juga ketua kampung. Jadi yang paling asas, ketua kampung mestilah ada satu minimum kelayakan kemampuan untuk membantu dalam aspek yang ingin memahami dari segi bahasa dan seperti kata Yang Berhormat Kuala Terengganu memahami polisi kerajaan.

Akan tetapi Tuan Pengerusi, yang saya ingin bangkitkan adalah ada banyak kes sebab kawasan saya adalah kebanyakannya kawasan baru, kawasan kampung baru. Di mana ketua kampung telah dilantik berdasarkan latar belakang mereka. Kebanyakan mereka adalah pelantikan politik MCA, sebab saya punya adalah kawasan kampung baru Cina. Jadi ini menimbulkan ada banyak situasi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, berapa ketua kampung di kawasan Yang Berhormat, berapa ramai?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ada, ada, ada kampung baru Bukit Merah, kampung baru....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jumlah berapa ramai?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya tidak ada angkanya sekarang, ada banyak kampung baru Bukit Merah, kampung baru Bemban, banyak kampung baru tetapi persoalannya ialah ketua kampung telah menjadi punca pergaduhan di kalangan penduduk kampung kerana pelantikannya berdasarkan kepada politik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Itu memang betul berdasarkan politik menjadikan satu masalah. Kalau dia datang dari mana-mana parti, kalau dia boleh menjadi neutral apabila dia melaksanakan tugas itu, kita boleh terima, tapi ada ramai yang tidak boleh. Umpamanya ada satu kampung, ketua JKKK tidak mahu menandatangani borang untuk ahli politik dari parti PAS. Jadi mereka datang kepada saya kerana ketua kampung yang UMNO punya tidak mahu menandatangani.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Nasib baik Yang Berhormat adalah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Nasib baiklah. Dan juga di Kampung Baru Cina Kerayong di mana ketua kampungnya umurnya hanya 30 lebih. Jadi orang tanya apakah sumbangan dia sampai dia boleh menjadi ketua kampung? Kerana hanya satu faktor, kerana dia dicadangkan oleh MCA. Jadi saya rasa ini adalah satu unsur yang patut dielakkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah Yang Berhormat hendak buat cadangan supaya had umur untuk sesiapa yang akan menjadi ketua kampung?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak. Tuan Pengerusi, saya mencadangkan ketua kampung dipilih oleh orang-orang kampung supaya dia boleh dihormati oleh semua. Dan bukan hanya dihormati oleh sesetengah, kadang kala hanya minoriti sahaja di kampung itu. Adakah Yang Berhormat Batu Gajah bersetuju?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, memang bersetuju, ini menunjukkan ia berlaku di mana-mana.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat memang bersetuju.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Memang bersetuju, saya sebenarnya nak pergi untuk mencadangkan pemilihan ketua kampung bagi membolehkan orang kampung bersatu padu. Terlalu banyak elemen politik di semua lapisan, dipermainkan oleh Barisan Nasional. Sebenarnya kalau ada pembangunan membuat jalan ke, membuat longkang, sebenarnya satu perkara yang dibuat oleh JKKK, sebenarnya satu perkara yang patut dibanggakan oleh seluruh penduduk kampung tetapi kawasan saya timbul pula di mana penduduk tidak puas hati, jalan tidak dibuat dengan baik. Menimbulkan, merisaukan keselamatan mereka akan terjejas. Longkang tidak dibuat dengan baik, pergaduhan di antara jiran, pengaliran air tidak dibuat dengan baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, siapa buat longkang-longkang itu?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: JKKK, JKKK, apabila penduduk berjumpa dengan ketua kampung, dia tak endahkan mereka. Jadi bagaimana kita memastikan perkara ini boleh dielakkan? Pembangunan sebenarnya dibanggakan tetapi membawa masalah kepada penduduk kampung dan perpecahan di antara penduduk kampung. Ini puncanya ialah pelantikan berdasarkan politik. Jadi saya haraplah aspek ini boleh diketengahkan, adakan pemilihan ketua kampung. Sekian sahaja Tuan Pengerusi.

11.58 pagi

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya juga ingin turut serta membahaskan Maksud B.22 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah; Butiran 090100, Ibu Pejabat; Butiran 09000, Kod 4000 Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap.

Tuan Pengerusi, di antara perkara yang paling penting dalam soal yang ditangani oleh Kementerian ini ialah soal menyeimbangkan bagi pembangunan wilayah. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kalau kita lihat khusus bagi negeri Sabah, yang telah strategik, institusi yang paling penting ialah untuk menubuhkan Lembaga Kemajuan Wilayah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara yang...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Saya tahu. Yang saya ini Butiran 01..., pendek sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah berkaitan dengan tiga perkara yang kita bangkitkan, ketua kampung, flora dan juga berkaitan dengan bekas kawasan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Ya, ada mengena. Saya ingin bertanya kalau di Semenanjung sudah dilantik agensi-agensi untuk *Southern Corridor Johor*, *Eastern Corridor* dan *Northern Corridor*. Bagaimana pula dengan Lembaga Kemajuan Wilayah Negeri Sabah, bilakah pihak Kementerian akan memulakan proses untuk mendirikan Lembaga Kemajuan Wilayah Negeri Sabah? Itu persoalan saya.

Dan saya juga ingin turut serta bersama saudara rakan-rakan tadi membincangkan tentang elaun yang diberikan kepada ketua kampung ini, yang RM53 juta ini. Tuan Pengerusi, kita pun mengalu-alukan menaikkan elaun ini tetapi yang penting yang kita ingin tanya di sini ialah apakah pihak Kementerian sudah melihat sebenarnya bagaimana soal institusi akar umbi ini ditadbir urus bagi seluruh negara. Kita lihat ada perbezaan di antara pentadbiran, kepimpinan akar umbi bagi Semenanjung, di Sabah dan Sarawak. Kita lihat contoh, kita ambil contoh institusi ketua kampung ini sebagai contoh. Di negeri Sabah, pentadbiran institusi ketua kampung ini berlainan dengan di Semenanjung. Kita lihat di sini JKKK dan ketua kampung sama, tetapi di negeri Sabah tidak. Institusi ketua kampung di Sabah ditadbir oleh Majlis Hal Ehwal Bumiputera.

Dan sebenarnya institusi ketua kampung ini terendah dalam sistem ini, iaitu yang paling atas dipanggil ketua kaerah kalau di Sabah, lepas itu kita ada ketua kegeri, lepas itu kita ada wakil ketua kegeri dan kita ada ketua kampung. Dan setakat ini bagi wakil ketua kegeri-negeri Sabah, dia punya elaun baru lebih kurang RM270, dan yang ketua kampung RM200 dan sekarang ini dengan pemberian kenaikan elaun ini, ia ditambah RM400 dan ini bererti bahawa ketua kampung akan mempunyai elaun yang lebih besar daripada wakil ketua negeri yang lebih atas daripada dia, dari segi hierarki dalam institusi mahkamah dalam negeri Sabah. Satu lagi Tuan Pengerusi ialah fungsi ketua kampung bagi negeri Sabah, dia juga berlaku sebagai seorang hakim di peringkat kampung. Banyak perbalahan-perbalahan dan sebagainya di peringkat kampung, khusus untuk menangani soal-soal keharmonian, soal-soal kedaulatan undang-undang di peringkat kampung, ditangani oleh ketua-ketua kampung, dan saya fikir fungsi sedemikian rupa juga dilaksanakan di Sarawak.

Walau bagaimanapun di Sarawak saya difahamkan dia punya elaun lebih tinggi, berbanding dengan yang di Sabah. Persoalannya di sini ialah apabila dilaksanakan kenaikan elaun ketua kampung ini, apakah perkara ini telah di bincang, dan kalau telah di bincang saya ingin tahu bagi negeri Sabah, bagaimanakah perkara ini dapat diatasi. Mana dia elaun untuk ketua negeri, elaun untuk wakil ketua negeri, dapat ditingkatkan. Dan dalam soal ini saya ingin tahu apakah peranan Kerajaan Persekutuan, khususnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Tuan Pengerusi, satu lagi dalam hal ketua kampung tadi, saya pun bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, yang mempersoalkan, menetapkan soal kelayakan, apa keperluan latihan dan sebagainya. Pada masa ini setelah diumumkan, diuar-uarkan soal kenaikan elaun ketua kampung ini. Banyak sudah khabar angin yang disebarkan di peringkat kampung tentang kelayakan dan kelulusan akademik ketua-ketua kampung. Ada yang mengatakan mesti ada SRP, mesti ada SPM dan sebagainya.

Akan tetapi kita ini sebagai wakil-wakil rakyat kerajaan, kita belum lagi mendapat apa-apa *circular*, tentang apakah sebenarnya kriteria-kriteria itu. Dan kita tidak boleh memberi penjelasan kepada orang-orang kampung tentang kelayakan-kelayakan ini. Kita tidak diberi taklimat, kita tidak mempunyai *circular-circular* yang sedemikian rupa. Oleh sebab itu kita tidak dapat berhadapan dengan rakyat tentang perkara ini. Dan pada masa yang sama, banyak ketua kampung yang dikatakan bersara oleh sebab umur, umur 60 tahun dan sebagainya tetapi kita tidak tahu di mana dia punya peraturan, had umur, di mana peraturan had umur itu. Bolehkah kita lantik dia teruskan, dan selepas itu bila dia dilantik, kita sebagai Ahli Parlimen, kita dalam konteks Sabah, kita tidak mempunyai apa-apa kuasa. Yang berkuasa adalah ADUN. Dan ada yang dipilih dan ada yang dilantik terus. Kadang-kadang ia agak mengelirukan, sebab kadang-kadang dibuat mengikut parti dan sebagainya. Sebab itu saya pun bersetuju, di kawasan saya bersetuju supaya ketua-ketua Kampung ini dipilih, diundi.

Dan kita sudah memulakan di beberapa buah kampung. Tinggal lagi kadang-kadang kalau yang dipilih itu tidak bersesuaian dengan pihak ADUN, kadang-kadang pelantikan dia lambat datang. Dan ini menyebabkan banyak kekeliruan. Sedangkan institusi ketua kampung ini amat penting dan begitu kritikal untuk pentadbiran ketua Kampung. Sebab itu saya bersetuju, bagi saya, saya bersetuju supaya pelantikan Ketua kampung ini, jelaskanlah semua kriteria-kriteria itu dan biar kita undi sahaja. Tidak perlu di lantik-lantik, dan orang yang bertanding hanya orang-orang yang memenuhi kriteria yang telah diperakui oleh pihak kerajaan, dan biarlah ada dia punya skim gaji yang tertentu, dia boleh naik dan sebagainya, dan bukan sedemikian rupa, di mana ini seolah-olah macam *one-off*. Hari ini kita bagi RM53 juta dan sebagainya, itu sahaja.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, balik sedikit fasal Lembaga Kemajuan Wilayah Sabah tadi, saya berharaplah supaya pihak kementerian dapat mengadakan taklimat kepada kami sekali lagi, sebab Ahli-ahli Parlimen dari negeri Sabah, ingin benar bersama-sama mendengar taklimat daripada pihak kementerian. Dan kalau boleh bersama-sama dalam seluruh Adun, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Sabah, supaya kita jernihkan segala kekeliruan selama ini berhubung dengan Lembaga Kemajuan Wilayah, supaya kita pun dapat bersama-sama. Saya amat khuatir jika sekiranya kita tidak dapat melaksanakan dengan cepat, sekali lagi negeri Sabah ini akan ketinggalan dari segi pembangunan wilayah sebab *Southern Johor*, *Eastern Corridor* bagi Kelantan, Terengganu dan Pahang. Sebab dia mempunyai GLC yang akan menerajui pembangunan di situ, dan begitu juga dengan *Northern Corridor*, tetapi di Sabah bagaimana? Jika sekiranya dia lambat hanya kerana kekeliruan dan hanya kerana dalam soal birokrasi, akhirnya kita yang akan menyesal nanti. Sekian, dan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kuala Krau.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri lepas ini jawab.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada tentang kenaikan bayaran elaun bulanan ketua kampung.

Tadi Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu menyebut beberapa masalah yang timbul di kalangan pelantikan ketua kampung, mengenai kelayakan dan juga penerimaan masyarakat setempat. Jadi sama ada kerajaan, kementerian bercadang untuk diwujudkan satu pilihan raya atau pemilihan bagi memilih ketua kampung bagi kampung-kampung yang mempunyai masalah dari segi penerimaan jika dilantik kepada 'A' atau 'B'. Jadi kita, kalau ada di kawasan yang telah dibuat pemilihan secara pilihan raya, apakah penerimaan bagi masyarakat setempat tersebut.

Yang keduanya tentang ketua kampung juga, biasanya di negeri Pahang dirujuk juga sebagai Pengerusi JKKK. Jadi saya melihat kepada perkampungan Orang Asli, hanya ada Tok Batin dan tidak ada ketua kampung. Dan ada setengahnya juga telah diwujudkan Pengerusi JKKK dan juga JKKK di kampung kawasan Orang Asli. Adakah kementerian bercadang untuk memperluaskan lagi penubuhan JKKK di kampung Orang Asli. Yang ketiganya tentang kenaikan elaun JKKK ini diberikan oleh kementerian, bukannya diberikan oleh kerajaan negeri. Dan biasanya pelantikan ketua kampung ini hanya dirujuk kepada ADUN dan tidak dirujuk kepada Ahli-ahli Parlimen. Saya mencadangkan supaya pemilihan atau pelantikan ketua-ketua kampung juga mestilah dirujuk juga kepada Ahli-ahli Parlimen pada masa akan datang. Isu yang kedua iaitu tentang menampung kenaikan kadar kontrak kerja bandaran di kawasan DARA, jadi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kementerian dan cuma di negeri Pahang ini sebagai mana kementerian telah maklum bahawa dua kawasan lembaga wilayah yang telah ditutup iaitu DARA dan juga LKWJ.

Dan saya percaya kementerian tidak melupakan bekas kawasan bandaran di kawasan LKWJ yang juga memerlukan peruntukan-peruntukan bagi kerja-kerja akibat daripada penambahan harga kontrak di kawasan bekas bandaran di LKWJ kerana saya lihat di kawasan tersebut masalah tentang kerja-kerja longkang-longkang yang telah tidak di kawal selia, yang tidak diselia dan kemudahan-kemudahan sukan, seperti padang bola, *court* tenis dan sebagainya juga telah terbiar begitu lama sekali. Seperti juga kemudahan-kemudahan asas yang lain, bekalan air luar bandar, di kawasan Jengka juga, baru-baru ini hampir tiga minggu kita menghadapi masalah bekalan air akibat daripada jana kuasa yang telah dibuat semasa Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka, iaitu di kampung Batu Sawar telah terbakar. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi, sedikit boleh?... Sikit sahaja, dua minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payahlah, ketua kampung?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah banyak.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sudah banyak? Cuma kalau bolehlah Tuan Pengerusi izinkan saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau boleh Yang Berhormat bersetuju, saya tidak payahlah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

12.05 tgh.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pada pagi ini.

Terlebih dahulu saya ingin ucapkan terima kasih kepada semua yang telah menyokong kementerian ini. Dan kebanyakan perbahasan yang kita dengar tadi adalah berkisar berkenaan dengan elaun ketua kampung yang telah diluluskan oleh kerajaan yang kebanyakannya sudah dibayar kepada ketua-ketua kampung. Jadi di antara perkara-perkara yang telah disebut adalah mengenai dengan kelayakan tugas dan tanggungjawab, masalah-masalah yang timbul dan juga ada yang telah menyarankan supaya ketua kampung diberi senapang untuk menolong menjaga kawasan kampung mereka. Oleh kerana itu saya mengucapkan ribuan terima kasih atas saranan tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, buat masa sekarang urusan pelantikan ketua-ketua kampung ataupun Pengerusi-pengerusi JKKK adalah dibuat oleh kerajaan negeri. Jadi Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah hanya memberi pertolongan kepada pihak berkuasa negeri bagi memberi elaun kepada ketua-ketua kampung atas kesedaran bahawa ketua-ketua kampung dan juga Pengerusi-pengerusi JKKK inilah yang merupakan pemimpin akar umbi yang terpenting dalam usaha kita membangunkan kawasan luar bandar kita. Namun demikian ada di antara kawasan-kawasan yang tidak masuk dalam bidang kuasa kementerian iaitu meliputi kampung-kampung baru seperti mana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Batu Gajah tadi.

Setakat ini kementerian hanya memberi elaun kepada ketua-ketua kampung Tradisional yang telah dilantik ataupun dipilih mengikut syarat-syarat yang telah dipersetujui oleh kerajaan negeri masing-masing. Jadi suka saya sebut di sini syarat-syarat kelayakan ketua-ketua kampung yang boleh diterima bagi mendapat elaun. Di antaranya adalah ketua kampung yang dilantik oleh kerajaan negeri masing-masing sekurang-kurangnya untuk tahun ini...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tangga Batu bangun.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Yang Berhormat Tangga Batu silakan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sedikit sahaja sebenarnya masalah pelantikan ketua kampung ini tergantung kepada definisi ketua kampung yang ditetapkan oleh kerajaan negeri. Di Melaka Tuan Pengerusi, kita timbul masalah apabila kerajaan menetapkan, kerajaan negeri telah memutuskan di dalam Mesyuarat EXCOnya bahawa ketua-ketua kampung dalam konteks pemberian elaun ini adalah Pengerusi JKKK. Sekarang ini Datuk Sidang, mereka ada satu institusi 600 tahun di negeri Melaka yang telah menikmati sejumlah kecil elaun pada setiap bulan RM120.00 setiap bulan. Hari ini juga menyatakan yang mereka adalah ketua-ketua kampung.

Jadi saya cuma hendak minta pada pihak kementerian dan pegawai-pegawainya cuma memberikan satu kata putus daripada pihak kementerian supaya menyatakan sekeras-kerasnya yang ketua kampung adalah Pengerusi JKKK yang akan dipilih oleh kerajaan negeri setiap dua tahun sekali. Sekarang ini berlaku perebutan di antara Datuk Sidang di negeri Melaka, dan juga Pengerusi-pengerusi JKKK ini sekali gus menyebabkan berlaku kecelaruan di dalam pelaksanaan dasar-dasar kerajaan di peringkat luar bandar. Saya minta tolong menteri kalau boleh keluarkan kenyataan keras itu mengatakan ketua kampung adalah Pengerusi JKKK. Terima kasih.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih. Sebenarnya saya akan pindah kepada...

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Tuan Pengerusi sebagai tambahan.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Saya habiskan dahulu ini.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Tambahan.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Sama? Saya akan sebut...

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Ya lebih kurang sama. Di Sabah sebenarnya kita mempunyai ketua masyarakat Cina juga yang dilantik oleh Majlis Hal Ehwal Anak Negeri begitu juga dengan wakil Ketua Anak Negeri yang dilantik juga bersama. So, sekarang sebenarnya di Sabah ini sama ada ketua masyarakat Cina yang dipanggil Kapitan ini juga selaras dengan gaji yang telah disarankan di sini oleh kerana pada ketika ini ketua masyarakat Cina di Sabah ini sedang menerima elaun sebanyak RM280 sebulan. Jadi ini juga saya minta jawapannyalah.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Tuan Pengerusi minta maaf. Sebenarnya saya baru sahaja hendak baca syarat-syarat pelantikan ketua-ketua kampung dan Pengerusi-pengerusi JKKK. Jadi dari segi tafsiran setakat ini kita hanya berpandu kepada saranan syarat-syarat yang telah digunakan oleh kerajaan-kerajaan negeri. Jadi untuk maksud membayar elaun yang telah diperkenalkan oleh kementerian dan juga kerajaan, kita mengambil ketua kampung yang telah diiktiraf dan yang telah dipilih mengikut syarat-syarat kerajaan negeri. Jadi sekiranya kerajaan negeri mengatakan ketua kampung ini ataupun seseorang ini yang merupakan Pengerusi JKKK sebagai seorang ketua kampung, kita akan mengikut senarai ataupun saranan ataupun syor yang telah diberikan oleh pihak kerajaan negeri setakat ini bagi permulaan.

Akan tetapi saya yakin pihak kerajaan dan kementerian kita akan mengkaji dari masa ke semasa. Dalam masa dua tahun ini, kita akan mengkaji sama ada kategori yang lain. Misalannya tadi ada disebut bahawa Setiausaha JKKK juga memainkan peranan yang penting dalam institusi pentadbiran peringkat kampung ini. Ini pun kita sudah ambil kira tetapi setakat ini suka saya nyatakan di Dewan ini bahawa setakat ini bagi permulaan kita hanya meluluskan atau membayar elaun bagi ketua kampung tradisional termasuk kapitan Cina yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri dan juga mereka yang telah dipilih sebagai Pengerusi JKKK tetapi juga bertanggungjawab ke atas tugas dan tanggungjawab sebagai ketua kampung.

Jadi inilah definisinya sekarang tetapi ada di antara negeri-negeri misalannya negeri Sarawak. Negeri Sarawak mempunyai sistem yang berlainan begitu juga dengan negeri Melaka, Sabah, Perlis dan Pulau Pinang. Jadi sekiranya kategori kedua masyarakat itu ataupun pemimpin akar umbi ini...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Nanti dahulu. Disyorkan supaya diberi elaun sebagai ketua kampung. Pihak kementerian akan menyemak semula dan kita akan bersedialah untuk melihat sama ada mereka ini akan layak dapat elaun. Ini sekiranya pihak kementerian dapat peruntukan daripada kerajaan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak sabar tunggu jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ini kaji gaji. Yang Berhormat sendiri tahu peranan Ketua Kampung dan Pengerusi JKK, kapitan Cina, penghulu dan 'pemancar'. Yang Berhormat tahu peranan bagaimana 'Kupik' yang dipakai oleh ketua kampung ini. Kami tunggu ini jawapan adakah elaun-elaun ini dinaikkan atau tidak. Ini kaji, kaji dan kaji. Ketua kampung tunggu kenaikan gaji ini. Sila.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya Yang Berhormat, kementerian pun tunggu-tunggu. Ini merupakan inisiatif kementerian yang baru sahaja kementerian atau kerajaan buat dan luluskan. Kementerian pun tunggu-tunggu sudah lama tetapi kita bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan kerana telah meluluskan cadangan kementerian yang baru sahaja dicadangkan kepada kerajaan. Jadi, saya mengatakan mengkaji oleh kerana sekarang baru kita bayar mulai daripada 1 Mac tahun ini. Jadi kita beri peluang kepada pemimpin-pemimpin akar umbi ini untuk menunjukkan sama ada mereka ini betul-betul dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab seperti mana yang telah diharapkan oleh kerajaan oleh rakyat.

Kita bagi peluang untuk dua tahun. Tahun ini sehingga tahun depan kita akan melihat kita akan mengkaji laporan daripada pegawai daerah dan daripada pihak-pihak yang lain khususnya pihak kerajaan negeri sama ada sistem yang kita gunakan sekarang untuk membayar elaun-elaun ketua kampung bersesuaian diterima oleh rakyat ataupun tidak. Ataupun sama ada elaun imbuhan yang kita beri pada kali ini betul-betul dapat meningkatkan lagi prestasi ketua-ketua kampung ini. Jadi inilah yang saya katakan kaji, baru sahaja kita beri takkan kita nak tukar selepas satu bulan dua bulan, kita beri peluang..

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Akan tetapi jangan, kaji lama-lama.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Ini Bintulu pun sudah bising. Dua tahun kita bagi, okey, saya rasa dua tahun sudah cukuplah untuk kita ...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Dua tahun mungkin tak ada sini sudah.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Itu tidak apa. Ada apa Bintulu hendak cakap?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bintulu, nak tambah lagikah?

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Kalau ada tambah. Okey, selain daripada itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Nak cakap sila bangun.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Satu lagi aspek yang telah disebutkan tadi supaya ketua-ketua kampung ini dipantau, memang dipantau. Kita memantau ketua-ketua kampung ini dengan berasaskan syarat-syarat yang telah ditentukan oleh kerajaan negeri dan kita mendapat maklumat, maklum balas daripada kerajaan negeri daripada pejabat daerah, daripada residen seperti di Sarawak, Sabah dan juga daripada pemimpin-pemimpin politik seperti Ahli-ahli Yang Berhormat kalau dimaklumkan oleh kerajaan negeri dan itulah cara kita memantau.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Kuala Terengganu pun ada menimbulk perkara tentang buku panduan kerja. Memang ini kita sudah ada buku panduan, dan setakat ini kementerian melalui Institut Pembangunan Luar Bandar (INFRA) sedang mengadakan kursus berkala bagi semua ketua kampung, pengerusi JKK di seluruh negara...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagikah?

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Sekejap lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Selain daripada itu, Beluran menyarankan tadi supaya kementerian mengkaji syarat-syarat keadaan dikaji bagi memberi elaun kepada ketua kampung, pemimpin masyarakat di Sabah dan juga Sarawak dan di Semenanjung. Ini kita telah ambil kira dan kerana itulah ada di antara ketua masyarakat atau pemimpin akar umbi ini seperti di beberapa negeri, mereka mendapat elaun kalau kementerian atau Kerajaan Persekutuan memberi RM400 sahaja siling, tetapi terpulang kepada kerajaan negeri untuk menambah tetapi tak lebih RM200, bermakna mereka akan mendapat yang tertinggi sekali di antara ketua kampung ini mendapat elaun sebanyak RM600 sebulan. Ada negeri seperti Sarawak menambah hanya RM50 oleh sebab mereka ada lagi pemimpin-pemimpin yang lain termasuk penghulu, tuan rumah, temenggung, maca dan sebagainya yang juga mendapat elaun.

Seterusnya Tuaran yang menyebut tentang Lembaga Kemajuan Wilayah Sabah, saya rasa perkara ini sudah ditanya dan dijawab di Dewan yang mulia ini berkali-kali dan setakat ini, pada hari ini saya belum lagi mendapat kata putus daripada pihak berkenaan. Kerajaan Negeri Sabah melalui suratnya, ini yang *last* sekali, surat yang bertarikh 12 Julai 2006 secara prinsipnya telah menolak cadangan penubuhan LKW Sabah dengan alasan jabatan dan juga agensi negeri Sabah yang sedia ada telah dapat menjalankan program pembangunan luar bandar, dan juga pembasmian kemiskinan di Sabah. Jadi Kerajaan Negeri Sabah mencadangkan *Integrated Rural Development Project* sebagai alternatif, tetapi pihak LKW berpendapat telah ada jawapan yang nyata daripada Sabah adalah tidak perlu cadangan ini dibahaskan. Selain daripada itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tuaran bangun.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Tuaran, jadi setakat ini, inilah status LKW Sabah.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Okey.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penolakan itu dibuat sebelum pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan dan apabila dibentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan tertulislah di situ yang kerajaan akan melaksanakan Lembaga Kemajuan Wilayah Negeri Sabah dan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Persoalannya di sini ialah kalau kita dalam menerapkan Rancangan Malaysia Kesembilan, apakah pihak *EPU Federal*, dengan *State* ini tidak berbincang tentang perkara ini. Kenapa tulis dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesembilan sesuatu perkara yang tidak boleh dilaksanakan, satu.

Yang kedua, saya ingin tahu apakah sebenarnya alasan ini dengan surat-surat tadi, apa alasan sebenarnya oleh kerajaan negeri dan saya juga ingin tahu setelah dengan surat-surat tadi, apakah tindakan pihak EPU atau EPU nanti akan menolak apa yang sudah dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Mohon penjelasan sudah disebut, sudah ditulis.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Tuaran. Saya setuju, saya sedar bahawa perkara ini sudah ditulis dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi setakat ini, inilah maklumat yang kementerian dapat daripada pihak kerajaan negeri. Seperti mana yang saya sebutkan tadi, mereka mengatakan oleh sebab Sabah, kerajaan negeri dan juga agensi-agensinya mampu melaksanakan projek di luar bandar, jadi setakat ini mereka tidak perlu Lembaga Kemajuan Wilayah, sebaliknya kerajaan negeri mencadangkan ataupun mengesyorkan supaya pembangunan ini dilaksanakan mengikut projek, melalui *Integrated Rural Development Project* sebagai alternatif, tetapi setakat ini saya tidak mendapat maklumat yang lebih daripada ini.

Jadi saya berharap selepas ini pihak kementerian akan berhubung lagi dengan kerajaan negeri supaya perkara yang lebih terperinci dan maklumat yang lebih tepat lagi dapat kita kutip dari kerajaan negeri...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Ya.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soal atau peranan institusi dalam pembangunan wilayah ini amat penting dan kalau kita lihat dalam Titah Ucapan Diraja pada awal tahun ini dan juga Teras Ketiga dalam Rancangan Malaysia Kesembilan adalah untuk memperseimbangkan sosioekonomi di antara wilayah. Jika sekiranya ini tidak dapat dilaksanakan, saya ingin tahulah daripada pandangan kementerian apakah lagi cara kementerian untuk memastikan supaya pembangunan negeri Sabah itu dapat dipertingkatkan supaya kita dapat merapatkan pembangunan di antara Sabah dan Semenanjung, jika sekiranya ini tidak dapat tidak dilaksanakan saya ingin tahu apakah sebenarnya yang dikatakan *integrated* tadi itu, bagaimana mekanismenya, apakah ini sudah dinyatakan, apakah dia ini melibatkan soal pembinaan institusi baru?

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya maklumat ataupun apa yang saya sebutkan tadi belum lagi diterima oleh Yang Berhormat bagi Tuaran.

Ini, sebenarnya kementerian sedar, kementerian mahu dan kementerian sudah pun komited untuk melaksanakan projek LKW bagi negeri Sabah tetapi seperti mana yang saya sebutkan tadi pihak kerajaan negeri setakat ini masih belum lagi dapat menerima, okey, sebaliknya mereka mencadangkan atau mengesyorkan supaya projek-projek pembangunan Sabah dilaksanakan mengikut *Integrated Rural Development*.

Ini dicadangkan oleh kerajaan negeri Sabah dan bukan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Apa yang dimaksudkan ini, kita tidak ada maklumat terperinci setakat ini. Dan saya akan mohon pegawai-pegawai supaya ambil maklum dan mohon maklumat yang lebih terperinci lagi supaya saya ataupun kementerian boleh bantah dalam Dewan ini ataupun beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan khasnya daripada negeri Sabah. Itu mengenai dengan Lembaga Wilayah Sabah. Ada lagi? Sekian. Terima kasih.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terap telah menyebut sedikit tentang Lembaga Wilayah DARA dan juga JENGKA ini merupakan dua Lembaga Wilayah yang telah dibubarkan namun demikian kementerian yang mewakili kerajaan masih lagi memberi peruntukkan kepada DARA bagi mereka menyelenggarakan, menyelenggarakan program-program khasnya kemudahan-kemudahan asas *amenity social*, longkang dan sebagainya yang masih lagi perlu penyelenggaraan berterusan. Ini adalah oleh kerana peruntukkan yang mereka dapati daripada kutipan dan sebagainya tidak mencukupi untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti penyelenggaraan di kawasan-kawasan ini yang telah dibubarkan oleh kerajaan. Jadi, Tuan Pengerusi itu sahaja yang saya dapat sebut pada tengah hari ini dan saya sekali mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan. Sekian Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM73,949,000 untuk Maksud B.22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM73,949,000 untuk Maksud B.22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud P.24 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2006] –

Tuan Pengerusi: Kepala P.24 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terbuka untuk dibahas.

[Tiada Perbincangan]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: : Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM74,800,010 untuk Maksud P.24 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2006 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM74,800,010 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2006.

Maksud P.25 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2006] -

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala P.25 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dibuka untuk dibahas.

[Tiada Perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.25 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2006 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2006.

Maksud B. 26 [Jadual] –**Maksud P. 26 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2006] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala B.25, dan Kepala P.26 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Tangga Batu, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu dan pihak kerajaan jawab.

12.32 tgh.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Saya ingin turut sama terlibat dalam perbahasan Maksud B.26 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Tuan Pengerusi kita dapat lihat bahawa salah satu daripada agensi di bawah kementerian ini iaitu MARA adalah sebagai alat untuk pihak kementerian membantu membangunkan satu agenda penting negara iaitu pelajaran. Dan saya dapat lihat Tuan Pengerusi dalam konteks ini bahawa pada setiap tahun, saya ada data dari tahun 2004, 2005 dan 2006. Setiap peruntukkan yang dipohon oleh pihak MARA tidak dipenuhi sepenuhnya oleh pihak kerajaan. Umpamanya pada tahun 2004 kita ada 5.45% pengurangan daripada keseluruhan peruntukkan yang dipohon. Tahun 2005 13.56%, dan selanjutnya pada tahun 2006 pengurangan sebanyak 31.52%.

Ini betul-betul Tuan Pengerusi di peringkat Jawatankuasa ini kita ingin *scrutinize* kenapa berlaku demikian. Kita tidak mahu nanti Yang Berhormat Setiausaha Parlimen atau Timbalan Menteri ada di sini kita tidak mahu nanti kerajaan menyediakan seolah seperti selimut pendek ataupun orang Melaka panggil 'gebar pendek' kepada MARA. Tarik kepala kaki sejuk, tutup kaki kepala sejuk. Betul Yang Berhormat bagi Sri Gading? Jadi kalau ini berlaku hasrat kerajaan untuk melihat pembangunan pelajaran di kalangan rakyat Malaysia tidak tercapai. Jadi saya pohon Tuan Pengerusi supaya kerajaan melihat perkara ini mengapa berlaku pengurangan. Sedangkan kita telah mengarahkan agensi ini untuk melakukan permohonan peruntukan tadi secara *detail*. Kalau begini gayanya kemungkinan akan berlaku apa dipanggil, saja-saja ditinggikan permohonan itu supaya kerajaan dah tahu kerana kerajaan tidak akan meluluskan sepenuhnya.

Tuan pengerusi kita kena sedar bahawa kenapa *budget* sedia ada tidak mencukupi kerana ia berada di luar kawalan kita pertama sekali ialah tentang:

- (i) faktor-faktor pengurusan yang melibatkan kenaikan yuran pengajian. Kenaikan yuran pengajian sama ada di dalam dan luar negara adalah bukan di dalam kawalan MARA. Umpamanya kita tidak tahu universiti-universiti di Jepun, di Korea, di Amerika dan di UK hendak menngkat yuran mereka. Jadi ini bukan di dalam wilayah pengaruh kita dan kita tidak berada berkuasa untuk mengubahnya;
- (ii) kenaikan kadar sara hidup pelajar-pelajar, harga barang meningkat, harga sewa meningkat, harga pengangkutan meningkat jadi ini sebenarnya telah diambil kira tetapi kenaikan di luar negara sana kita tidak dapat kawal;
- (iii) jumlah pelajar yang mempunyai keputusan cemerlang dan berjaya untuk meneruskan pengajian mereka di luar negara semakin meningkat dan ini juga di luar kawalan kita. Walaupun kita boleh rancang tetapi oleh kerana jumlah pelajar yang cemerlang ini berada di tahap yang luar biasa itu yang menyebabkan di luar daripada kawalan kita;
- (iv) tentang kenaikan kadar pertukaran mata wang. Yang ini juga di luar kawalan kita walaupun kita boleh menjangkakan tetapi ia tidak mungkin dapat secara tepat berapakah jangkaan pertukaran mata wang asing di peringkat antarabangsa;
- (v) permohonan ad-hoc untuk pelajar-pelajar ke luar negara. Ini pun di luar kawalan pihak MARA. Jadi harapan saya supaya kalau ada permohonan-permohonan daripada pihak MARA ini, ini sebenarnya adalah *genuine* ini sebenarnya adalah asli dan benar dan ia perlu diberikan peluang kerana MARA adalah agensi kerajaan yang penting bagi meningkatkan kemajuan pendidikan negara kita;
- (vi) tentang hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melihat rakyat Malaysia ini; remaja, belia, pelajar-pelajar Malaysia ini berada di peringkat tertinggi yang mempunyai inovatif dan kreativiti yang tinggi. Jadi pihak MARA telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan beberapa program pentauliahan di peringkat antarabangsa dan ini juga akan menambah kos dan akan menambah peruntukan yang telah dipohon oleh pihak MARA.

Jadi harapan saya ialah supaya pihak kementerian memberikan perhatian kepada perkara-perkara ini supaya ia tidak menjejaskan program kerajaan untuk melahirkan pelajar-pelajar Malaysia yang berkualiti tinggi. Jadi itu sahajalah Tuan Pengerusi saya ucap terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kuala Terengganu.

12.37 tgh.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Maksud B.26 iaitu tentang menampung kos pengajian pelajar baru tajaan MARA sebanyak RM 300 juta ini adalah merupakan agenda penting dalam usaha kita membangun modal insan dan membangunkan *capacity building* terutamanya kepada anak-anak kita yang kurang beruntung daripada luar bandar.

Saya hendak tahu di sini tentang berapa jumlah pelajar-pelajar tajaan MARA sekarang ini ditaja untuk pengajian luar negara dan apakah bidang-bidang yang mereka ambil. Apakah bidang-bidang ini yang mempunyai daya saing dan juga dari segi *marketability* yang tinggi. Ini satu perkara. Dan sejauh manakah pelajar-pelajar kita ini yang mengikuti pengajian di luar negara itu telah menunjukkan kecemerlangan mereka dari segi akademiknya dan sejauh manakah mereka yang telah pinjam, sebab pinjaman daripada tajaan MARA ini adalah bersifat *comfortable loan*. Ertinya, kalau sekiranya mereka mencapai satu pencapaian yang tinggi, mereka akan hanya membayar bahagian-bahagian tertentu sahaja. Se jauh manakah pelajar-pelajar ini selepas pulang dan tamat pengajiannya, telah pun melunaskan pinjaman mereka sebab ini adalah merupakan satu perkara yang penting untuk memastikan pulangan dan juga pinjaman yang baru akan dapat diberi kepada pelajar-pelajar yang akan datang.

Saya rasa tajaan MARA ini telah pun dipersempit. Dahulu agak diberi ruang dan peluang kepada pelbagai institusi termasuk institusi, pelajar di IPTS. Sekarang ini nampaknya telah dipersempit ruang pinjaman itu hanya kepada tajaan MARA sahaja iaitu yang dikendalikan oleh pihak institusi MARA sahaja. Kenapakah ini telah dibuat sebab ini juga telah menimbulkan isu-isu berbangkit daripada IPTS terutamanya IPTS bumiputera, yang juga merupakan usaha-usaha untuk mereka menceburkan diri dalam bidang pengajian ataupun bidang pendidikan swasta ini.

Akhir sekali saya hendak bertanya berhubung dengan kaedah-kaedah yang telah digunakan oleh pihak MARA untuk mengutip balik pinjaman-pinjaman ataupun kita sebut sebagai *defaulters* kepada pinjaman ini. Apakah mekanisme yang telah dibuat oleh pihak MARA untuk memastikan setiap sen yang telah dikeluarkan kepada pelajar-pelajar ini boleh dipungut balik. Apakah mekanismenya? Apakah sudah ada usaha-usaha untuk memastikan gaji mereka dipotong, *as source* daripada punca pendapatannya itu. Apakah ikhtiar-ikhtiar yang sedang dibuat untuk memastikan kutipan balik pinjaman MARA ini telah dilakukan. Terima kasih.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ketiga-tiga hendak ucap juga? Baiklah, Yang Berhormat Jerai.

12.42 tgh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi saya bangun untuk membahaskan tentang kementerian...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tadi tidak bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tadi demam. Banyak ubat ini, demam... [*Menunjukkan ubat*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak alasan ya. Baiklah, baiklah. Jangan selalu buat alasan itu. Sekali-skala saya faham.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini sakit Tuan Pengerusi. Sakit pun saya datang Dewan Rakyat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau sakit boleh balik Yang Berhormat. Saya boleh minta Yang Berhormat Tanjong berucap. Yang Berhormat boleh balik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya sakit tapi bercakap boleh Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cakap jangan terganggu oleh ubat ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak, tidak saya *okay*. Saya *alright*. Inilah Tuan Pengerusi tengok Ahli Dewan Rakyat kita sakit pun kita buat kerja Tuan Pengerusi. Kita tidak ambil *MC*.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, tahniah kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi kerana banyak kita dapat lihat perubahan daripada dahulu. Kalau kita ingat daripada RIDA dahulu dan hari ini kita telah berjaya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mana satu butiran?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Butiran kita pergi kepada P.26 Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu Maksud?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Maksudnya 09508.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu dia cerita fasal program promosi dan pemasaran... [*Dewan gamat*] Dan juga pengajian Tuan Pengerusi.... [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan pesongkan saya.... [*Ketawa*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap fasal MARA. Jadi sebab itu saya mula tadi dengan RIDA. MARA dia mula daripada RIDA. Kemudian daripada MARA wujud pelajaran dan sebagainya.

Jadi hari ini Tuan Pengerusi saya bersetuju bahawa dengan sahabat saya Mr. ROI daripada Terengganu... [*Merujuk kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu Mr. ROI?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Return of investment*. Dikenali nama glamor dia Mr. ROI.

Jadi Tuan Pengerusi, sekarang ini kita dapat lihat kalau kita hantar anak-anak kita memohon biasiswa dan sebagainya terutama sekali untuk belajar di luar negara Tuan Pengerusi, kita perlukan kerana bila pelajar kita boleh belajar di luar negara, bukan maknanya sistem pendidikan dalam negara kita ini tidak baik. Sistem pendidikan dalam negara kita ini cukup *okay*, cumanya kita hendak pendedahan, *exposure*, dengan izin. Pendedahan kepada anak-anak kita supaya apabila mereka balik daripada luar negara mereka mempunyai pengalaman yang agak lebih sedikit dan kita dapat lihat hari ini, kadang-kadang syarikat kalau dia hendak ambil anak-anak kita bekerja, yang *graduate* ini dia tengok kelulusan mana, luar negara ataupun dalam negara. Dan saya dapati, yang kelulusan luar negara pun dapat bayaran gaji yang agak lebih sedikit berbanding dengan kelulusan dalam negara kita.

Jadi di sini, saya dapat melihat bahawa ada sedikit perbezaan yang tidak sepatutnya berlaku. Jadi memang betul, hari ini kita dapati bahawa MARA dari segi peruntukan untuk pelajar kita di luar negara adalah terhad. Jadi saya hendak menyarankan supaya jangan sahaja subjek-subjek yang kritikal yang kita perlu bagi peluang untuk mereka...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tanya kah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Siapa hendak jawab kementerian ini?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tanya saya kah?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya. Tidak ada dia punya Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen pun tidak ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: *You* tanya siapa?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Floor* saya, dia tanya saya Tuan Pengerusi. Kita punya pegawai dalam perjalanan. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai daripada MARA ada, kementerian ada, jadi tolong catat. Nanti Setiausaha Parlimen kah, Timbalan Menteri kah. Wakil pun ada...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Wakillah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya. Tidak apa Yang Berhormat bagi Kinabatangan kemudian sedikit, kita wakillah. Sekarang kita jadi *backbencher* dahulu.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi saya berharap Tuan Pengerusi...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat, boleh tanya Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Boleh, boleh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Samakah antara pegawai catat, kementerian catat dengan orang yang daripada kementerian itu sendiri catat dan dengar. Sama tak?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Level of thinking?*

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Ha, *level of thinking, level of jawapan.* Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia macam ini... [Ketawa] *Thinking level* sama, persembahan berbeza kerana orang politik persembahannya lain, pegawai kerajaan persembahannya berbeza kerana pegawai kerajaan dia *straight forward*....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini mana satu butiran lagi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini butiran tambahan Tuan Pengerusi daripada Yang Berhormat Ketereh. Ini kalau tidak jawab, kawan Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: La, Yang Berhormat Tangga Batu...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya dengar Yang Berhormat bagi Jerai menyebut tentang pinjaman yang disediakan ataupun biasiswa yang disediakan oleh pihak MARA adalah terhad. Jadi Yang Berhormat ada cadangan, bagaimana MARA ini boleh membesarkan kolam peruntukannya itu supaya anak-anak kita dapat menikmati biasiswa ataupun pinjaman daripada pihak MARA untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Ini sesuai dengan harapan Perdana Menteri ini hendak tengok semangat global. Apa kata Yang Berhormat bagi Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih. Pertamanya kutipan balik pinjaman itu kena cepat dan kena ikut jadualnya kerana sekarang ini kita memberi pinjaman dan ada juga biasiswa. Biasiswa itu kalau dia *perform*, dia balik pinjaman dia ditukar jadi biasiswa. Yang hanya lulus dia kena bayar balik pinjaman. Masalah hari ini kutipan pinjaman itu yang agak *slow* dan MARA tidak boleh nak *rolling*, dia tidak boleh pusing. Kalau meniaga, dia tidak boleh *rolling*. Selain daripada itu, memang menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memberikan peruntukan kepada MARA....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bung, ini hari kau punya *tie* merah Bung?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya. Terima kasih Tuan Pengerusi. RM300 juta ini diguna untuk menampung keperluan pelajar-pelajar baru tajaan MARA. Jadi sesuai dengan kementerian ini juga, masalah yang dihadapi negara kita iaitu kita kekurangan *job opportunity* ataupun peluang-peluang pekerjaan. Jadi apakah Yang Berhormat ingin menyarankan bahawa kementerian ini harus gagah, berdiri gagah untuk memberi peluang kepada bumiputera khususnya yang banyak menganggur ini sebab seolah-olah mereka ini tidak *marketable* di pasaran. Tidak berapa laku sebab mungkin kekurangan dari segi, mereka ini berpendidikan tapi mungkin kekurangan dari segi *skill* ataupun pengalaman.

Jadi tidakkah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya Perdana Menteri ini melihat potensi-potensi baru contohnya tidak perlu lagi bekerja tetapi *self employer* ataupun bekerja sendiri ataupun mereka memulakan pekerjaan di rumah, mempunyai mesin-mesin *production* sendiri dari rumah dan ini dengan cara ini mengurangkan *stress*. Jadi apakah Yang Berhormat minta Kementerian ini supaya membuka luas ruang pekerjaan kepada pelajar-pelajar yang keluaran MARA ini khususnya supaya mereka tidak berlambak menganggur di negara kita.

Sebab tidak ada guna kita belanja beratus-ratus juta, apabila mereka keluar, mereka ke sana sini mencari pekerjaan, mendaftar di Pejabat Buruh, dua tahun tunggu tak ada juga, pinjaman jalan. Jadi minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, terima kasih. Saya bersetuju tetapi kita dapat lihat MARA telah bermula daripada 'A', daripada bawah. Dia ada Pusat Giat MARA, dia ada kolej itu, kolej ini. Jadi segala-galanya telah ada, komponen itu telah ada Yang Berhormat bagi Kinabatangan tetapi terpulang kepada pelajar untuk mengadakan sedikit inisiatif untuk berdikari. Hari ini pelajar mengambil jalan mudah bahawa kalau kami dah belajar...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ha, ha, apa khabar?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, sudah baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ha, sudah baik? Demam sudah baik Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, penjelasan. Jadi ada ditimbul satu soalan, mana itu menteri, timbalan menteri atau SUP? Kabinet okey, timbalan menteri, setiausaha parlimen seorang pun tidak ada dan pagi tadi hanya kakitangan di belakang, tidak guna. Kalau mereka pun ada kuasa, bukankah kita lebih baik jemput mereka duduk di depan supaya mereka boleh jawab. Mereka bukan menteri atau timbalan menteri atau setiausaha parlimen, bukan posmen.

Mereka perlu datang di sini supaya boleh bertanggungjawab personel mengenai semua perkara yang dibangkit dan mereka di bantu oleh kakitangan-kakitangan, pegawai-pegawai yang duduk di belakang. Dibantu tetapi segala tanggungjawab perlu dipikul oleh *pra-bencher*. Sekarang kita ada *vacuum*, kosong. Bukankah ini satu *precedent* yang kita tidak boleh benarkan dan bahawa perbahasan ini ditangguhkan sehingga timbalan menteri, setiausaha parlimen atau menteri dari Kabinet datang. Ini *precedent* yang mana boleh kita membenarkan mana perbahasan diadakan tanpa seorang yang bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada seorang timbalan menteri membantu sekarang, pada masa sekarang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, untuk maklumat, Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi ada untuk bertanggungjawab kemudian... Ini...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kolektif, kolektif.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa kolektif? Kalau begitu lebih baik semua tidak ada. Mana boleh seorang timbalan menteri dari lain kementerian sebagai pengganti...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Boleh, boleh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah dia diberi kuasa? Sungguhpun mengikut peraturan mesyuarat, siapa boleh mewakili lain tetapi adakah ini suatu *precedent* yang kita mahu membenarkan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua patutlah atau pun Tuan Pengerusi patut kata bahawa ini tidak boleh benarkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mana, apa dia tahu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okey, okey. Sudahlah. Ini saya hendak bercakap fasal lain. Tak apalah, yang itu sudahlah ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik. Mintaklah supaya pihak Kementerian dapat mengambil nota. Yang Berhormat bagi Jerai banyak lagi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak, kalau dia orang duk tanya pendapat saya sebagainya memang banyak...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya bersetuju dengan tak bersetuju... *[Ketawa].*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya bersetuju kerana memang sepatutnya mereka hadir. Tengok menteri walaupun Kabinet, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ada. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dia hadir walaupun ada Kabinet. Dan saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tajuklah, perbahasan. Bukan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri perkara ini tidak bersangkutan paut dengan perkara yang di hadapan kita.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, saya menunjuk contoh bahawa Menteri....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat balik kepada tajuklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini Yang Berhormat ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tak ada boleh duduklah. Ada dua tiga orang hendak bahas.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Minta dia duduk.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Jerai, saya hendak tanya sikit. Yang Berhormat Jerai, saya nak tanya sikit boleh Yang Berhormat Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kemudian saya tak bersetuju kerana mengikut peraturan mesyuarat, boleh. Dibolehkan bahawa mewakili di dalam ini untuk menjawab. Kemudian pegawai semua ada. Jadi ini tak ada masalah. Takkan kerana ini kita hendak tangguh Dewan. Dewan ini duit rakyat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Betul, betul.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Apakah Yang Berhormat Ipoh Timor.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Jerai, ada soalan sikit Yang Berhormat Jerai. Boleh?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kena pi hantar dia duk nu di luar negara untuk berlatih lagi... [Ketawa]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tak boleh ya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi Datuk, saya mengharapkan supaya...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan Yang Berhormat Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Inilah, kalau saya jadi timbalan menteri pun bagus tapi tak upaya... [Ketawa].

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Boleh, boleh. Boleh jadi bakal timbalan menteri tak jadi... [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bakal, bakal.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi, saya nak tanya Yang Berhormat bagi Jerai, merujuk kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tadi. Dia kata Timbalan Menteri lain tidak ada wibawa untuk menjawab bagi pihak Kementerian yang lain. Adakah Yang Berhormat bagi Jerai bersetuju dengan saya yang Yang Berhormat bagi Ipoh Timor ini seolah-olah macam merendah-rendahkan timbalan menteri, setiausaha parlimen kita? Mereka ini semua bertanggungjawab, dia tahu *collective responsibility*, dia tahu bagaimana hendak melaksanakan tugas bagi pihak kerajaan. Setuju tak Yang Berhormat Jerai?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Sabak Bernam.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukankah ini *collective irresponsibility*. Bukan *collective responsibility*, tapi *colective irresponsibility*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sudah, sudah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *Collective responsibility.* Jangan putar-putarkan kenyataan saya Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah, sudah. Apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor perlu kita buat peringatan cukuplah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya kata *collective responsibility.*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Saya nak tambah sedikit.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Timbalan menteri yang lain boleh jawab, kementerian lain menunjukkan mereka *integrated.* Bersatu padu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang tiga orang bangun. Mana satu yang berucap?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tidak membezakan antara Kementerian. Apa, ini bukan macam parti pembangkang. Parti pembangkang berbeza-beza, PAS lain, DAP lain, KEADILAN lain.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okey, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: KEADILAN langsung tak datang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Enough, enough is enough.*

Seorang Ahli: Yang Berhormat Jerai... *[Ketawa].*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Betul, betul tak? Betul tak Yang Berhormat Jerai? Yang Berhormat setuju tak dengan saya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya setuju, saya setuju. Saya akan jawab.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini siapa punya *floor* ini?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Ipoh Timor memutar belitkan kenyataan saya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya punya *floor.* Okey, okey. Sila.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Mana boleh macam itu. Yang Berhormat Jerai kena setuju dengan saya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya setuju lah ini.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dah setuju, dah setuju?... *[Ketawa]* Setuju timbalan menteri kita berwibawa. Betul? Yang Berhormat Jerai setuju?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Setuju, setuju.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Jerai memang setuju.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, bila kita memulakan prinsip *collective irresponsibility*. Adakah ini pentadbiran Pak Lah? *Collective irresponsibility* yang baru yang dicipta di bawah Barisan Nasional... [Dewan riuh]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Pengerusi, kita tidak mahu buang masa ini... [Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada peraturan mesyuarat!

Beberapa Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...kita ada peraturan mesyuarat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Peraturan mesyuarat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Pembangkang buang masa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Peraturan Mesyuarat, bila seseorang ahli sedang berucap, orang lain tak boleh bangun mengganggu saya kecuali dapat arahan peluang daripada saya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, *point of order, point of order*. Adakah kita ada *collective responsibility*, prinsip yang baru?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:*Responsibility*..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya buat keputusan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya Tuan Pengerusi tolong buat keputusan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jerai, teruskan ucapan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, terima kasih. Bila saya bagi laluan baru bangun. Jangan tak bangun, jangan kacau saya, tidak saya naik angin nanti... [Ketawa] Ya, sila. Sila... [Ketawa].

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Jerai. Saya lihat pembangkang ini dia buang masa. Sebenarnya isu ini tadi telah pun dibangkitkan oleh rakan kita daripada Barisan Nasional. Jadi tidak perlu disensasikan tetapi yang penting sekali Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Jerai, saya nak terus kepada isu ini. Sebenarnya saya hendak cuba tidak membuang masa yang sangat berharga ini. Saya sebenarnya hendak mencelah sahaja sekarang Tuan Pengerusi. Dalam konteks perkara apa ini maksud B.26 ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sekarang siapa berucap?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Saya nak penjelasan sedikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hanya boleh minta penjelasan pada saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya telah buat keputusan Yang Berhormat akan diberi peluang berucap. Cukup, cukup!

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Okey, terima kasih. Yang Berhormat setuju atau tidak tadi sebenarnya pembangkang membuang masa isu yang telah dibangkitkan oleh siapa ini? Terima kasih...
[Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Menanggung di air keroh. Memang, memang Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sendiri tidak ada integriti. Kerana sebagai Ketua Pembangkang, sepatutnya jawatan itu diberi pada Ketua Parti.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini tiada..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa hal ini, ha?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini dia pergi jadi Ketua Pembangkang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terkeluar daripada

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Patut malulah oleh kerana adalah sekarang prinsip *collective responsibility* yang baru kita faham.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Mana? Ini mana ada kolektif. Dia sapu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa itu *collective irresponsibility*? Kolektif tidak integriti.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Elaun punya fasal dia sapu. Dia lupa kawan... [Ketawa].

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Presiden Parti duduk di belakang atas *wheel chair*, dia duduk di depan. Patut dia duduk di depan sebagai Ketua Parti Pembangkang tetapi kami di sini, kami kolektif. Kami tolong-menolong di antara satu sama lain.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya setuju, setuju.!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Pengerusi, berbalik kepada peruntukan MARA, saya minta jangan ada Yang Berhormat lain ganggu saya. Nak tanya boleh, ganggu jangan. Kita memerlukan peruntukan yang lebih Tuan Pengerusi. MARA memerlukan peruntukan yang lebih di samping juga kita mempertekankan dari kutipan balik dan tadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan bahawa pelajar-pelajar ini pun jangan mengharap segala-galanya daripada kerajaan. Berdikari itu penting. Kalau perniagaan itu dah kita tahu perniagaan itu pintu rezeki daripada sembilan daripada sepuluh pintu rezeki, kenapakah kita masih lagi mengharapkan kerajaan, kerajaan, kerajaan? Dengan pendidikan yang ada, dengan *exposer* mereka ada, mereka harus berpakat untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah. Ini terkeluar banyak. Cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Oleh yang demikian Tuan Pengerusi, pihak kerajaan kena menolong MARA lagi kerana MARA hari ini tidak cukup duit untuk menampung kos yang meningkat di luar negara dari segi pendidikan. Kalau kita pergi ke London. *If we go to London* dengan izin...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Exchange rate* kita begitu tinggi sekali Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu Yang Berhormat Tangga Batu sudah bangkit tadi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tangga Batu sudah bangkit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sudah bangkit?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okey, kalau kita pergi Australia, dia tak kata Australia... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Exchange rate* di Australia pun sudah meningkat... *[Ketawa]* Kita pergi ke New Zealand,

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Exchange rate* sudah naik. Jadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh rehat makan ubatlah. Cukup... *[Ketawa]* Ubat itu dalam poket itu boleh minumlah sekarang... *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Mungkin saya makan ubat batuk itu dia ada sedikit... *[Ketawa]* Saya menyokong... *[Ketawa]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik... *[Ketawa]* Yang Berhormat Sabak Bernam.

12.59 tgh.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya harap idea saya yang baik ini dia tidak hilang kerana kerenah daripada Yang Berhormat bagi Jerai. Saya akan bercakap mengenai maksud B26,

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, berucaplah lepas ini nantilah. Masa rehat, beri masa rehat Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Saya yang menurut perintah, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam sambung ucapan, Yang Berhormat tidak payahlah panjang-panjang Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat.

2.33 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli Dewan yang mulia sekalian.

Saya ingin turut mengambil bahagian dalam perbahasan Maksud B.26 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi ini kerana kepentingannya. Peruntukan RM300 juta untuk penambahan bagi pelajar-pelajar baru itu adalah sangat dialu-alukan. Sungguhpun demikian, Sabak Bernam ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi, bidang-bidang yang utama yang penting dan juga institusi manakah sebenarnya yang akan dipilih untuk menghantar pelajar-pelajar kita ini menuntut ilmu dan mendapatkan kemahiran, itu satu.

Sabak Bernam menganggap perkara ini sangat kritikal kerana, dalam konteks IPT, kita tidak begitu gusar tentang *rating* universiti ataupun IPT. Yang kita lebih utamakan ialah tentang kerjaya selepas seseorang itu keluar dari universiti dan ini nampaknya menjadi masalah. Saya ingin bertanya dari kementerian ini tentang pelajar-pelajar tajaan MARA, ada atau tidak dilaksanakan *traces study* di mana bekas graduan itu dikesan di mana mereka khususnya yang belum mendapat pekerjaan sehingga sekarang ini dalam bidang apa dan di mana mereka sekarang. Sehubungan ini kita juga ingin bertanya apakah pihak kementerian ini juga mengadakan satu bentuk kerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia yang melaksanakan satu program lepasan siswazah yang tidak mendapat pekerjaan ini.

Perkara yang kedua ialah peruntukan ini ingin dicadangkan supaya dilaksanakan bersama dengan institusi pengajian tinggi bumiputera yang terpilih yang jelas tentang pengajian mereka dan kemudian kerjaya selepas pengajian itu. Contohnya macam di peringkat negeri, di Negeri Selangor umpamanya seperti UNISEL, Universiti Industri Selangor dan begitu juga dengan Kolej INPENS.

Apa yang jelas, kerjaya selepas graduan ini sebenarnya sangat jelas kerana permuafakatan mereka dengan industri, maknanya pelajar yang dihantar itu dipastikan dahulu pasaran dalam industri itu sebelum mereka diambil untuk membuat pengajian di satu-satu universiti.

Perkara ketiganya ialah kita dapati masalah mengutip hutang pinjaman ini, masih lagi menjadi satu masalah, MARA begitu juga dengan PTPTN. Kita mencadangkan supaya yayasan-yayasan negeri yang telah dikenal pasti telah dapat melaksanakan kutipan pinjaman ini dengan berkesan supaya dapat diberikan kesempatan ataupun peluang untuk mengutip hutang ini daripada bekas pelajar ataupun yang telah ditaja oleh institusi ini. Kalau di Selangor, Yayasan Selangor umpamanya yang kita dapat kesan dapat mengutip hampir 100% daripada pinjaman pelajar tajaan mereka ini, terima kasih dan Sabak Bernam menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kementerian, sila jawab. Ya, timbalan menteri.

2.36 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkit perkara-perkara berkaitan semasa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2006 bagi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Untuk makluman Dewan yang mulia, bagi merealisasikan matlamat yang mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang mampan dan berdaya saing, kementerian telah menetapkan strategik teras dengan memberi tumpuan kepada pembudayaan usahawan, memperluaskan peluang-peluang perniagaan, memperhebatkan kegiatan promosi dan pemasaran serta meningkatkan penglibatan koperasi dalam arus pembangunan negara.

Mengenai cadangan daripada Yang Berhormat bagi Jerai, suka saya menyebutkan bahawa dasar kementerian pada masa ini ialah memberikan lesen teksi, kereta sewa kepada individu dan koperasi dan membekukan pemberian lesen kepada syarikat. Walau bagaimanapun, pemberian lesen teksi, dan kereta sewa terpaksa dibekukan buat sementara waktu kerana kementerian sedang menjalankan kajian mengenai keperluan sebenarnya perkhidmatan teksi dan kereta sewa. Tuan Pengerusi, saya mengucapkan juga terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tangga Batu, Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu yang telah menyokong program tajaan MARA.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, sehingga 30 April 2006, jumlah hutang yang tidak dibayar oleh pelajar tajaan MARA ialah sebanyak RM298 juta. Tindakan MARA menyiarkan nama peminjam yang tidak membayar pinjaman dapat meningkatkan jumlah pembayaran balik pinjaman iaitu sebanyak 25%. Setelah enam bulan disiarkan peningkatan sebanyak 40% selepas setahun apabila mula disiarkan pada Januari 1997. Selepas enam tahun bilangan peminjam yang membayar telah pun meningkat kepada 88%. Sehingga 12 Mac 2006, seramai 5,790 nama peminjam telah kita siarkan dan hasilnya seramai 3,328 orang telah membuat bayaran balik dengan jumlah kutipan sebanyak RM44 juta sehingga 30 Mac 2006. MARA telah mengadakan rundingan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk kajian pemotongan pinjaman melalui Akaun 2 peminjam.

Pihak KWSP, sedang menimbangkan perkara ini untuk dilaksanakan. Bermula tahun ini, MARA telah melantik agen pemungut hutang. Sememangnya MARA menaja pelajar-pelajar bumiputera di IPTS, program yang ditawarkan oleh MARA kepada pelajar-pelajar di IPTS, adalah di peringkat Diploma, Ijazah Pertama dan Profesional iaitu dalam bidang Pengurusan Perniagaan, Keusahawanan, Perakaunan, Sains Komputer, Undang-Undang, Kejuruteraan, Pembangunan Sumber Manusia dan Perubatan. Selain daripada sumber penajaan daripada MARA. Pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian di IPTA termasuk bagi program bukan kritikal boleh juga meminjam. Dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, Kerajaan Negeri, Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga lain-lain sumber kewangan.

Tuan Pengerusi, antara langkah bagi kita menggalakkan pelatih-pelatih Pusat Latihan MARA menceburkan diri dalam bidang keusahawanan, antaranya:

- (i) memastikan mereka menerap budaya keusahawanan yang ditanam melalui pendidikan keusahawanan, kegiatan Kelab Bimbingan Usahawan dan Program Usahawan Muda. Di IKM dan KKTM atau Kolej Kemahiran Tinggi MARA;
- (ii) meneruskan program latihan keusahawanan yang diberikan kepada pelatih-pelatih tersebut seperti latihan pembentukan usahawan dan program usahawan teknikal;
- (iii) mewujudkan pusat-pusat *incubator* MARA untuk meningkatkan lagi tahap kemahiran pelatih-pelatih yang akan dilaksanakan. Di semua IKM, KKTM akan bermula pada Julai 2006;
- (iv) menyediakan khidmat perundingan dengan mendapatkan khidmat...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kinabatangan bangun, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat. Memang MARA telah banyak melabur kewangan untuk membantu khususnya pelajar-pelajar Melayu bumiputera dalam bidang keusahawanan. Persoalan yang ingin saya timbulkan, hari ini kita masih sedar bahawa masih banyak bumiputera yang menganggur. Sedangkan mereka ini berkelulusan, berpendidikan. Apakah MARA tidak ada perancangan walaupun mungkin mereka ini bukan pelajar tajaan MARA, tetapi memberi membantu kerajaan iaitu dengan cara merekrut pelajar-pelajar yang masih menganggur ini dalam bidang keusahawanan. Contohnya mereka diberi pendedahan bagaimana hendak berdikari, berdiri atas kaki sendiri, bagaimana mereka boleh mengusaha usahawan daripada rumah sendiri.

Tidak perlu ke pejabat dan sebagainya. Dia dengan ini maka, kita telah membantu untuk *create job opportunity* kepada pelajar-pelajar berpelajaran ini tetapi mereka mungkin tidak *marketable*, jadi dibantu mereka supaya menjadi usahawan baru dalam bidang pertanian, dalam *small medium industry* dan sebagainya. Jadi apakah Yang Berhormat akan membawa persoalan ini kepada kementerian sebab ini usaha murni untuk membantu mereka yang menganggur.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya kementerian telah pun melaksanakan beberapa program bagi membantu siswazah kita yang menganggur. Pertama kita ada program francais, francais kita telah kenal pasti beberapa pelajar-pelajar dan kita ada program francais khas ataupun program siswazah khas untuk mengendalikan francais kerana program usahawan sebagai francais ini adalah perniagaan yang telah terancang, berdisiplin dan telah diatur dan disusun. Mereka diberi peluang dan diberi pun *grant* sebanyak RM100 ribu untuk mereka memulakan dan diberi latihan enam bulan bagi mereka menentukan francais mana yang mereka kehendaki. Yang kedua kita ada program inkubator. Setiap agensi di bawah kementerian, dan juga di bawah GLC *company* ataupun syarikat-syarikat GLC ini kita pohon dan kita letakkan usahawan-usahawan yang lepasan universiti ini sebagai program inkubator di mana mereka dilatih, diberi segala kemudahan yang diperlukan sehingga mereka boleh membuat perniagaan sendiri, sama ada dua bulan tiga bulan, setahun dan sebagainya dan mereka juga kita syorkan....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, memang kita tidak nafikan memang banyak, tetapi persoalannya sekarang masih banyak juga yang menganggur. Jadi itu, bagaimana kita membantu mengurangkan pengangguran itu. Bermakna perlu dipertingkatkan keupayaan itu, sudah ada tetapi dipertingkatkan lagi jadi pengangguran itu kurang dan mereka boleh bekerja sebagai *self employer*, bekerja dengan diri sendiri tanpa perlu menunggu peluang yang dicetuskan oleh kerajaan atau agensi swasta. Mereka boleh berdikari dan berdiri atas kaki sendiri dan menjadi usahawan muda, mungkin boleh menjadi orang kaya baru, memang banyak tetapi memperbanyakkan lagi.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat. Sebab itulah kita memang memperbanyakkan kerjasama lain-lain kementerian kerana Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sahaja, kalau kita buat program, kita tidak berupaya untuk menyeluruh tetapi terima kasih kepada Yang Berhormat dan kita memang ambil kira. Sebab itulah kami sedang dan telah pun mengadakan program bersama-sama dengan universiti-universiti sebanyak 18 buah universiti dalam program pembudayaan bagi membolehkan kita menentukan mereka boleh berupaya untuk melibatkan diri ataupun...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang saya sangat bersetuju jasa pihak MARA kepada bumiputera ini dalam konteks pendidikan latihan ini sangat besar. Yang saya hendak bangkitkan ialah tentang graduan tajaan daripada MARA yang begitu banyak ini, ada ataupun tidak suatu *directory* tentang keterlibatan mereka dalam pelbagai bidang keusahawanan. Jadi kalau ada, saya rasa ini wajar dikongsi oleh wakil-wakil rakyat mengikut daerah ataupun mengikut Parlimen supaya mereka ini nanti boleh mencetuskan satu bentuk rangkaian usahawan di kalangan bumiputera ini yang seterusnya akan dapat mewujudkan pelbagai pekerjaan anak-anak kita yang ramai menganggur. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai perkara ini?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita sudah ada pun kita punya *directory*. Cuma kita dalam proses untuk mengemas kini.

Insyallah, selepas kita kemas kini, kita akan sebarkan nama-nama di mana setiap daerah kita sudah pun ada Program Keusahawanan Daerah yang mana secara keseluruhannya dipengerusikan oleh Ahli Parlimen sendiri. Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Keempat, bagi saya menyambung tadi:

- (iv) menyediakan khidmat perundingan dengan mendapatkan khidmat pakar untuk membantu pusat latihan kemahiran dan usahawan yang bermasalah serta untuk meningkatkan lagi daya saing keusahawanan mereka;
- (v) memberikan bantuan kemudahan pemasaran produk keluaran bumiputera melalui gerakan usahawan, promosi antarabangsa serta pameran produk;
- (vi) menyediakan bantuan khidmat teknikal dan pembangunan produk; dan
- (vii) menyediakan latihan penggunaan ICT untuk memajukan perniagaan mereka.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab persoalan Yang Berhormat bagi Tangga Batu, kementerian berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana peka membangkitkan Peruntukan Tambahan Pengajian MARA yang berkurangan seperti yang dia kata, "Gebar pendek. Tarik ke bawah nampak kepala, tarik ke atas nampak kaki". Terima kasih.

Sebenarnya itulah saya rasa persoalan ini harus dijawab oleh Kementerian Kewangan kerana mereka menentukan. Kita sudah menyediakan bajet yang tepat dengan program yang kita ada tetapi bila diluluskan, 10% umpamanya berkurangan, ini juga menjadi persoalan besar atau permasalahan besar untuk kita meneruskan kerana bila kita buat bajet kita mestilah tepat, tidak boleh anggar-anggar kerana ini menggalakkan orang lain membuat penganggaran yang lebih bagi mendapat bajet yang lebih. Terima kasih Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun kementerian akan berunding dengan Kementerian Kewangan dan diharap Kementerian Kewangan akan menimbang sewajarnya. Jadi seterusnya bagi menjawab persoalan daripada Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, MARA sememangnya mempunyai rangkaian kerjasama strategik, bukan sahaja dengan Kementerian Sumber Manusia, bahkan dengan SIRIM, MARDI dan MIGHT bagi kita sama-sama mewujudkan peluang perniagaan dan kerjaya...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, apa lagi Yang Berhormat Tangga Batu?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Nampak gandingan hebatlah timbalan menteri dan setiausaha parlimen duduk sebelah-sebelah... [Ketawa] Saya cuma hendak bangkitkan kembali, inilah nampaknya ada *collective responsibility*, jawapan semua tepat diberi walaupun tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen tidak ada.

Akan tetapi oleh kerana ada *collective responsibility* di kalangan menteri-menteri kerajaan, jawapan semua tepat dan tanda betul semua 100%. Terima kasih Tuan Pengerusi...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat. Kita ini bukan sengaja mengelakkan diri. Kadang-kadang keadaan menentukan kerana kadang-kadang kita terperangkap dalam sesuatu hal. Jadi menyebabkan keadaan itu. Saya bagi pihak kementerian, minta maaf. Sebenarnya kita ada tetapi kita tidak masuk Dewan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskanlah ucapan Yang Berhormat.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Okey. Jadi dengan sebab itulah sekarang ini kalau kita tengok MARA atau kementerian benar-benar hendak meningkatkan produk usahawan kita dengan kita bekerjasama dengan SIRIM dan MARDI menyebabkan kita boleh ada pembungkusan yang cantik, jenama yang baik dan kita dapat memenuhi piawaian-piawaian yang standard untuk kita masuk dalam pasaran *hypermarket*, juga ke luar negara.

Jadi Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, saya rasa itulah jawapan dan tadi saya sudah jawab kerana persoalan untuk kutip hutang dan sebagainya memang kita telah mendapat beberapa pandangan dari beberapa pihak dan kita telah pun melantik beberapa ejen dan setakat ini, alhamdulillah, kalau kutipan kita telah pun menjangkau 88% dalam tempoh masa tidak sampai dua tahun, kita akan berjaya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada lagi, Yang Berhormat?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Sekian sahaja Tuan Pengerusi, berkenaan dengan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Semua pandangan dan cadangan akan kita ambil tindakan sewajarnya oleh kementerian. Bagi mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab pada hari ini, kementerian akan tetap memberi perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM319,000,000 untuk Maksud B.26 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM319,000,000 untuk Maksud B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM40 untuk Maksud P.26 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM40 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil1) 2006.

Maksud B.48 [Jadual] -**Maksud P.48 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2006] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.48 dan Kepala Pembangunan P.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya minta Yang Berhormat janganlah panjang. Hari ini kita ada 14 kementerian lagi. Kemudian kita boleh bahas lagi masa Anggaran Belanjawan minggu depan. Selepas itu, malam ini ambang merdeka.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, satu orang sahaja. Habis itu, menteri gulunglah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Barat, sila.

Seorang Ahli: Ya, 'speaker' yang baru.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, 'speaker' yang baru.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan Yang Berhormat Ipoh Barat, sila.

2.53 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin bahas Maksud B.48. Saya hendak mengkhususkan kepada perkara mengenai sebanyak RM11 juta untuk membiayai Skim Bantuan Persekutuan. Saya ingin tahu apakah polisi mengenainya dan kepada siapakah bantuan ini diberikan. Setakat ini untuk tahun ini dan tahun terdahulu, berapa banyak yang telah diagihkan dan siapakah yang mendapat manfaat-manfaat dalam skim bantuan ini?

Selain dari itu saya juga ingin bangkit mengenai perkara sebanyak RM41.1 juta iaitu untuk kadar elaun bantuan kepada kanak-kanak dan orang tua. Tuan Pengerusi, dalam perkara ini saya ingin membawa perhatian dan ingin tahu apakah kriteria yang digunakan oleh kementerian untuk memberi manfaat-manfaat kepada orang-orang yang perlu bantuan dari kementerian ini.

Baru-baru ini saya sendiri telah menghantar beberapa orang ke Pejabat Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan di antaranya adalah di mana pampasan yang diberi atau elaun-elaun yang diberi kepada setiap bulan nampaknya tidak boleh diterima atau satu perkara yang mustahil untuk diterima kerana satu kes yang terpencil adalah di mana seorang yang duduk sendiri dan tidak ada kerja langsung, tidak ada satu kaki dan satu tangan. Dia hanya diberi elaun sebanyak RM140 sebulan, adakah ini mencukupi?

Walaupun dia telah memberi beberapa sebab yang tertentu kepada kementerian tetapi saya difahamkan ini adalah maksimum yang mereka akan memberi kepada pihak-pihak yang berkenaan dan dalam kes ini di mana saya sendiri telah membawa kepada pejabat di Ipoh di mana walaupun kelulusan telah diberi pada tahun dulu bulan Julai, tetapi hanya pada tahun ini bulan Februari, bayaran telah dimulakan. Kenapa ianya dilambat-lambatkan?

Saya juga difahamkan banyak kes baru-baru ini di pejabat berkenaan, bayaran tidak dibuat tiap-tiap bulan tetapi dilambat-lambatkan hingga ada tiga bulan atau empat bulan baru bayaran dibuat. Apakah perkara-perkara ini boleh terjadi? Jadi saya ingin tahu apakah kriteria yang digunakan apabila pampasan-pampasan ini diberi dan kenapa pampasan ini sangat kurang diberi?

Selain dari itu juga saya ingin bangkitkan perkara di mana wang-wang dibayar kepada NGO-NGO. Apakah kriteria yang digunakan oleh kerajaan untuk membayar wang-wang untuk menolong NGO-NGO. Satu di antaranya adalah dikatakan sekarang yang akan diagihkan sebanyak RM1.8 juta untuk YSS. Kita semua tahu YSS adalah satu badan yang berkaitan dengan satu parti politik dan adakah wang-wang ini digunakan semata-mata untuk menolong orang-orang yang terlibat dalam NGO atau untuk menolong mereka yang terlibat dalam parti politik.

Apakah..., dengan izin, *check and balance* bila wang-wang ini diagihkan? Apakah sebab wang ini diagihkan kepada YSS ini dan siapakah yang mengendalikannya? Berapakah gaji yang dibayar kepada pekerja-pekerja di sana dan apakah penggunaan wang tersebut? Setakat ini, berapa banyak wang yang telah diagihkan kepada YSS dan bilakah ia dimulakan dan kenapa tahun ini sebanyak RM1.8 juta diperlukan untuk diagihkan. Adakah di antara wang-wang yang diagihkan kepada YSS digunakan untuk satu *study* yang telah dijalankan atau menolong masyarakat yang telah terlibat dalam Kampung Medan pada dua, tiga tahun dahulu dan berapa banyak yang diagihkan terus kepada pihak-pihak yang terlibat dalam kekecohan rusuhan kaum.

Selain dari itu Tuan Pengerusi, saya juga ingin membangkitkan perkara bayaran COLA. Apakah kriteria yang digunakan? Sebanyak RM3.5 juta dan kepada siapa bayaran ini telah dibuat. Itu yang mustahak. Saya kurang faham kenapa sebahagian orang sahaja dibayar COLA tetapi bukan kepada semua orang yang layak untuk mendapatnya.

Sebagai yang akhir, saya ingin tahu mengenai RM33.9 juta untuk membiayai tambahan caruman bantuan. Apakah bantuan-bantuan yang telah diberi? Baru-baru ini ada banjir kilat di Pekan Ipoh, adakah mereka layak untuk mendapat kerana bila mereka pergi ke Pejabat Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan mereka mengatakan mereka tidak dapat memberikan apa-apa pertolongan. Patut pergi kepada kerajaan negeri untuk mendapat bantuan. Jadi saya ingin tahu adakah wang-wang ini..., bolehkah ia diagihkan kepada situasi-situasi di mana banjir-banjir kilat berlaku atau bila masyarakat dalam kesusahan yang tertentu atau ada rancangan-rancangan atau kriteria-kriteria atau prinsip-prinsip yang tertentu untuk menolong mereka. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bukit Mertajam. Selepas ini kementerian menjawab.

2.59 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi, saya singkat sahaja. Saya juga ingin tahu RM5 juta untuk Tabung Bantuan Bencana Banjir kepada pelajar-pelajar sekolah. Bukankah pelajar-pelajar sekolah, dia di bawah pendidikan. Baru-baru ini saya lihat bahawa banyak kementerian yang memberi bantuan yang sama jenis. Ia diberi oleh Kementerian Pelajaran, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah dan juga di bawah kementerian ini. Bagaimana mereka mengenal pasti pelajar-pelajar ini? Bukankah ini akan menyebabkan mungkin seorang yang sama diberi bantuan sebanyak tiga kali.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak apalah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini juga tak apa pun, tak mengapa tetapi mungkin ada orang yang tidak dapat, ada orang yang dapat tiga kali dan juga dia akan membebaskan. Sebenarnya kalau dia diberi oleh satu kementerian hanya sekali dan sekali kerja dibuat tetapi sekarang, tiga kementerian tiga kali kerja dibuat. Kerana kalau kerja itu boleh dilakukan oleh seorang, sekarang ini dilakukan oleh tiga orang. Ini membazirkan *human resources*, dan selalu dikatakan kakitangan tidak cukup. Mungkin inilah, kerana cara inilah kakitangan tidak cukup. Yang sebenarnya seorang boleh buat kerja itu, tiga orang yang buat.

Yang kedua ialah, saya hendak tahu RM1.2 juta untuk membiayai taska komuniti. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen nanti memberikan satu penjelasan yang jelas, siapakah yang akan mengendalikan taska komuniti ini dan di manakah dia? Bagaimana ia akan dilaksanakan? Adakah ini cara yang terbaik? Adakah ini cara yang akan memastikan anak-anak yang perlunya diberi peluang? Bagaimana dia akan dikenal pasti siapa yang layak untuk menghadiri taska komuniti ini? Yang satu lagi ialah mengenai, saya menyambut baik untuk membayar kenaikan kadar elaun bantuan kepada kanak-kanak dan orang tua.

Akan tetapi selain daripada memberi bantuan, saya rasa yang selalu dikatakan masalah kekurangan kakitangan seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat. Selalunya sesebuah keluarga ataupun orang yang kurang upaya mereka memerlukan bantuan. Mungkin dalam masa yang sangat *urgent* tetapi kerana dikatakan kononnya kekurangan kakitangan, jadi dia mengambil tiga bulan, kadang-kadang sampai enam bulan, barulah bantuan boleh sampai. Saya rasa ini adalah kurang puas hati, kerana kalau mereka perlukan bantuan, masa itu adalah sangat penting.

Saya minta penjelasan sama ada kementerian dapat mempercepatkan menyalurkan apa-apa bantuan itu. Bolehkah berikan satu gambaran bagaimana masalah kakitangan di dalam Pejabat Kebajikan di semua daerah, sama ada dia memang cukup, ataupun masih tidak cukup? Kerana ini masalah yang kronik. Macam mana dia tidak boleh diselesaikan? Kita lihat ada RM5 juta untuk NAM *Institute for Empowerment*. Saya rasa adalah penting kita menjaga masyarakat yang kurang bernasib baik, kita dahului, barulah kita hendak *empower* wanita di negara NAM. Itu yang sangat penting. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jawapan kementerian. Sila, Setiausaha Parlimen.

3.05 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat dan juga Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Saya akan jawab merangkumi semua apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi. Mengenai sebanyak RM5 juta untuk membiayai penubuhan NAM *Institute for Empowerment of Women*, ini adalah kerana pada tahun iaitu 9 hingga 10 Mei tahun lepas di Putrajaya Malaysia, kita telah mengumumkan cadangan menubuhkan sebuah institusi antarabangsa di Malaysia, khususnya untuk pembangunan dan pemerkasaan wanita dari negara-negara anggota NAM.

Ini adalah satu langkah strategik dalam usaha menangani isu-isu kritikal yang dihadapi oleh wanita di negara-negara anggota NAM. Seperti kemiskinan, kekurangan akses kepada sumber ekonomi, pekerjaan, teknologi, maklumat dan komunikasi. Perkhidmatan, kesihatan, pendidikan dan kemahiran menghadapi kesan HIV Aids dan penglibatan yang rendah dalam proses membuat keputusan. Oleh itu apa yang kita akan laksanakan di bawah *NAM Institution for the Empowerment of Women* adalah selaras demi kebajikan rakyat bukan sahaja di negara kita dan juga di semua negara NAM. Untuk maklumat Yang Berhormat, buat setakat ini NIEW, dia telah memulakan operasinya di kampus sementara di Wisma Sime Darby sehingga kampus tetap siap dibina. Kita juga telah mengadakan satu kursus pertama pada 14 hingga 25 Ogos tahun 2006 di Institusi Sosial Malaysia...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun Yang Berhormat.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Yang mana 20 peserta telah menyertai program ini. Seramai 15 dari mereka adalah dari negara NAM, dan lima orang daripada agensi Kerajaan Malaysia.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Bolehkah saya tahu, sama ada semua perbelanjaan ataupun pembayaran ini, *NAM Institution for Empowerment* ini akan dibayar oleh Malaysia, ataupun dia akan ditanggung juga bersama-sama oleh semua negara NAM?

Datin Paduka Chew Mei Fun: NIEW ini akan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia. Mengenai isu RM11 juta untuk membiayai skim bantuan persekutuan. Peruntukan skim bantuan segera ini adalah untuk semua kawasan Parlimen dengan kadar RM50,000 setiap kawasan Parlimen. Iaitu kita ada 219 kawasan Parlimen yang mana wang ini akan digunakan untuk bantuan-bantuan seperti berikut, iaitu mangsa bencana, kematian, pesakit kronik atau membaiki rumah disebabkan kerosakan oleh bencana alam...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Mengenai RM5 juta tabung bantuan bencana banjir kepada pelajar-pelajar sekolah...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat bangun Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Yang Berhormat boleh bagi tahu, adakah RM50,000 ini telah diagihkan, dihantar kepada pejabat berkenaan, nombor satu dan bila dia telah dihantar? Kerana saya difahamkan bahawa sehingga hari ini hanya sebanyak RM20,000 sahaja telah dihantar. Kenapa ia sedemikian, walaupun amaun yang dipohon adalah sebanyak RM11 juta merangkumi untuk 219 kawasan. Jadi soalan saya adalah khusus, adakah wang itu telah dihantar? Jika telah dihantar, bila ia telah dihantar?

Datin Paduka Chew Mei Fun: Jawapannya ialah wang ini sudah pun dihantar ke semua jabatan kebajikan daerah dan dia dibayar, *I think* sudah dua bulan. Sudah satu bulan lebih, hampir dua bulan, okey? Mengenai sebanyak RM5 juta untuk tabung bantuan bencana banjir kepada pelajar-pelajar sekolah. Sebenarnya, ini adalah untuk membiayai bayaran balik bantuan kepada 50,000 orang pelajar sekolah yang terlibat dengan kejadian banjir pada penghujung tahun 2005, yang diluluskan melalui tabung bantuan bencana negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Iaitu 50,000 orang pelajar *times* RM100 seorang. Oleh itu, jumlah RM5 juta.

Sebanyak RM1.2 juta untuk membiayai taska komuniti, seperti apa yang saya telah pun jawab semasa kita membahaskan Akta Asuhan Taman Kanak-kanak iaitu Kabinet telah meluluskan sepuluh buah taska komuniti setiap tahun bermula tahun 2006. Pada tahun ini dua buah taska komuniti sudah beroperasi. Pertama adalah Kompleks Penyayang Bakti Sungai Buloh. Yang kedua berada di Kampung Limau Pantai Dalam. Ada lagi lima buah taska komuniti yang sudah ada tapak dan akan beroperasi pada tahun ini. Mereka berlokasi di:

- (i) Kondo Rakyat Pantai Dalam;
- (ii) Taman Larkin Jaya, Johor;
- (iii) Desa Mentari, Petaling Jaya;
- (iv) Sungai Dua, Pulau Pinang; dan
- (v) Kota Bharu, Kelantan.

Tiga buah lagi masih dalam perancangan. Yang mengendalikan taska komuniti ini adalah NGO yang berkeelayakan. Sebagai contohnya, taska komuniti Kompleks Penyayang Bakti Sungai Buloh, adalah dikendalikan oleh Persatuan Pengasuh berdaftar Malaysia. Taska Komuniti Kampung Limau, Pantai Dalam pula, adalah dikendalikan oleh Persatuan Pengusaha Taksa berdaftar Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Kanak-kanak yang akan dimasukkan atau diterima untuk masuk ke taska komuniti kompleks ini adalah kanak-kanak dari keluarga berpendapatan rendah. Untuk yang duduk di dalam bandar, kalau pendapatan sekeluarganya di bawah RM2000, dia adalah layak untuk membuat permohonan untuk masuk. Untuk di luar bandar, RM1200. Okey. Mengenai ...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bagaimana membuat permohonan? Melalui pejabat yang mana, kebajikan kah?

Datin Paduka Chew Mei Fun: Ya. Boleh buat permohonan melalui Jabatan Kebajikan Malaysia. Okey, mengenai sebanyak RM41.1 juta adalah untuk membiayai kenaikan kadar elaun bantuan kepada kanak-kanak dan orang tua. Okey.... [*Mencari maklumat*] Okey, RM41 juta ini adalah untuk peruntukan tambahan bagi skim-skim bantuan persekutuan berikutan kadar baru. Bantuan kanak-kanak, jumlah penerima 18,785 orang. Kadar asal adalah RM350. Kadar baru adalah RM450 untuk sekeluarga maksimum, tetapi untuk seorang kanak-kanak iaitu dari RM80 kita telah menaikkan kadarnya dari RM80 ke RM100.

Selain daripada itu, ini juga termasuk bantuan orang tua dan kenaikannya adalah dari RM135 sebulan ke RM200 sebulan. Jumlah penerima ialah 23,854 orang. Kadar asal saya sudah jawab. Okey. Inilah mengapa kita perlukan RM41 juta, okey. Mengenai sebanyak....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan. Mengenai kenaikan kadar itu, adakah dia termasuk kepada pihak-pihak, orang-orang yang cacat dan sebagainya. Adakah ini untuk mereka juga atau hanya untuk kanak-kanak dan orang tua sahaja? Jika untuk orang-orang tua, adakah kenaikan itu berjustifikasi? Memainkan kadar *hardcore poverty*. Itu adalah lebih tinggi dari apa yang diberi oleh kementerian. Bukankah ia tidak boleh diterima memandangkan *hardcore poor* perlukan sekurang-kurangnya RM550 sebulan? Manakah boleh diterima bila kerajaan hanya memberi dengan kenaikan, sekarang menjadi RM200 sahaja?

Datin Paduka Chew Mei Fun: Okey. Peruntukan tambahan itu hanyalah untuk bantuan kanak-kanak dan bantuan orang tua. Hanya bantuan kanak-kanak dan bantuan orang tua ini, kadarnya telah dinaikkan. Untuk OKU kita belum dapat kenaikannya dan mengenai adakah kadar RM200 untuk orang tua dan RM100 untuk kanak-kanak itu adakah cukup, memang kalau kita hendak berbanding dengan perbelanjaan yang diperlukan memang saya rasa adalah tidak cukup tetapi memandangkan kerajaan akan mengkaji semula dari semasa ke semasa dan baru-baru ini sahaja dalam empat tahun iaitu tahun 2001 kita telah naikkan satu kali, dan tahun yang lepas kita naikkan lagi sekali. Oleh itu kita akan sentiasa untuk mengkaji balik. Mengenai sebanyak RM1.8 juta untuk Yayasan Strategik Sosial ini adalah untuk melaksanakan program-program pembangunan masyarakat kaum India bukan untuk MIC dan program yang telah diadakan ialah program pencegahan gejala sosial di kalangan remaja India. Mengenai COLA, ialah untuk pegawai-pegawai dan...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan, penjelasan! Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi boleh saya dapat tahu sebelum ini Yang Berhormat Setiausaha mengatakan bahawa adalah untuk masyarakat India gejala-gejala dan sebagainya. Boleh saya dapat tahu dengan statistik berapa efektifnya selepas wang ini diagihkan bahawa kes-kes jenayah, kes-kes sosial mereka telah turun. Sebenarnya kita semua tahu di negara ini bahawa situasi *under class*, situasi *criminal* di mana dikatakan lebih kurang 39% dari kes-kes *criminal* dalam masyarakat di Malaysia ini adalah masyarakat India dan apakah wang ini diagihkan telah dengan izin, *propel them to become worse far worst with this money given*.

Apakah yang telah dikenal pasti, apakah penilaian yang telah dibuat oleh kementerian supaya wang yang diagihkan ini betul-betul digunakan untuk mengatasi masalah ini, nombor satu. Nombor dua, adakah wang ini sebanyak RM1.8 juta adakah cukup untuk menolong mereka? Jadi soalan yang saya tanya adalah berapakah yang telah diagihkan dengan penuhnya, *the total amount* yang telah diagihkan?

Datin Paduka Chew Mei Fun: Untuk mengatasi gejala sosial ini kita perlukan masa yang panjang, bukan hari ini saya adakan satu program besok kita sudah dapat tahu apa dia punya prestasi. Oleh itu kalau hendak saya beritahu keberkesananannya peruntukan ini saya tidak dapat buat masa kini dan kita mesti meneruskan kerja ini supaya sedikit sebanyak kita dapat mengurangkan atau mengatasi atau kita selepas satu tempoh masa yang panjang kita dapat mengatasi masalah ini.

Kalau tanya saya, adakah RM1.8 juta ini adalah cukup untuk masyarakat India untuk mengatasi gejala sosial ini saya boleh jawab di sini memang tidak cukup tetapi apa yang kita dapat melaksanakan setakat ini kita laksanakan, dan kalau Yang Berhormat ada cadangan yang baik kita juga boleh bekerjasama untuk mengadakan program-program untuk mengatasi masalah ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia tidak ada cadanganlah, dia bangkang sahaja apa.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini... Yang Berhormat Sri Gading dia tidak tahu mengenai masalah masyarakat India, bila pilihan raya dia pergi mahu dapat sambutan dari masyarakat India dia menolong masyarakat India *no* positif punya. Yang Berhormat cadangan saya nombor satu, baru-baru ini FOMCA telah mengadakan *Empowerment of Indian Women*. Saya nampak itu ada satu perkara di mana sangat efektif dan ini adalah yang saya rasa yang mustahak, kerana di antara golongan masyarakat, masyarakat India mempunyai *single mothers* yang terlampau banyak dan kita ada masalah sosial yang terikat dengan kekurangan peluang pekerjaan dan faktor-faktor tersebut.

Jadi mengagihkan wang kepada Yayasan Strategik untuk memberi grafik, untuk memberi statistik, untuk memberitahu apakah perkara yang berlaku dalam negara ini dengan tidak mencari jalan untuk mengatasi masalah itu tidak memberi apa-apa manfaat yang mustahak adalah membawa beberapa perkara-perkara yang spesifik. Seperti yang saya katakan di mana FOMCA telah mengadakan *Empowerment of Indian Women*, wang yang diagihkan oleh saya difahamkan *European Union* itu adalah satu yang sangat berjaya.

Jadi dalam hal ini macam mana wang yang diagihkan kepada YSS ini betul-betul *transcend* kepada pihak-pihak yang perlukan wang tersebut dan yang mustahak adalah yang saya tanya yang belum dijawab berapa banyak wang yang telah diagihkan sehingga hari ini kepada YSS?

Datin Paduka Chew Mei Fun: Mengenai isu FOMCA itu, kalau FOMCA ini adalah sebuah pertubuhan yang didaftarkan di bawah ROS. Dia boleh buat permohonan melalui kementerian kita dan kita sedia ada program bantuan khas untuk NGO-NGO untuk menganjurkan program yang mana dia selaras dengan objektif atau kursus-kursus atau bidang-bidang yang telah ditentukan oleh kementerian. Mengenai berapakah jumlah kita telah diagihkan kepada diberikan kepada YSS untuk makluman Yang Berhormat, dari Jun 2001 hingga November 2005 jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan kepada YSS adalah RM8.1 juta dan peserta yang telah ambil bahagian dalam program-program yang dianjurkan oleh YSS adalah seramai 226,646 orang dan jumlah aktiviti adalah 2045 aktiviti.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagikah Yang Berhormat.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Mengenai COLA. COLA ini adalah untuk pegawai-pegawai dan kakitangan JKM yang layak mendapat kemudahan-kemudahan ini. Dia bukan untuk penerima bantuan kebajikan. Sebanyak RM33.9 juta adalah untuk membiayai tambahan caruman bantuan. Untuk makluman Yang Berhormat, ini adalah untuk membiayai tambahan bantuan kanak-kanak, orang tua dan elaun pekerja cacat. Kes baru dan kes tertunggak pada tahun 2005 iaitu termasuk 7,922 kes baru dan jumlah telah diperuntukkan ialah RM23,055,600.00 dan kes tertunggak adalah 4,940 kes dan jumlah peruntukkan ialah RM10,847,460.00.

Mengenai masalah kelewatan bayaran bantuan adalah disebabkan beberapa perkara. Pertama sistem ESPKB yang dibangunkan oleh Kementerian Kewangan masih dalam percubaan. Oleh itu timbul pelbagai masalah yang menyebabkan berlaku kelewatan bayaran bantuan kewangan bulanan Persekutuan kepada klien jabatan. Beberapa buah negeri menghadapi masalah ini yang sangat ketara seperti negeri Perak, Perlis, Kelantan dan Johor. Lain-lain negeri turut mengalami masalah yang sama juga dan masalah ini telah dimaklumkan kepada pihak AG supaya tindakan akan diambil untuk mengatasi masalah ini dengan secepat mungkin dan kelewatan JKM negeri-negeri menerima tambahan peruntukan yang diperlukan oleh mereka seperti yang berlaku sekarang ini, adalah kerana tambahan peruntukan bila diluluskan adalah pada Ogos 2006 baru kita dapat kelulusan.

Oleh itu bila kita bayar dia ada menghadapi sedikit kelewatan dan langkah untuk mengatasinya ialah pihak kementerian hendaklah membantu jabatan untuk mempecepatkan proses mendapat peruntukan tambahan yang diperlukan oleh JKM negeri-negeri dan berlaku juga kelewatan disebabkan oleh pergerakan penerima bantuan yang bergerak dari satu rumah ke satu rumah anak-anak mereka menyebabkan kesulitan bagi pekerja kes untuk membuat bayaran di rumah atau di pusat bayaran, kerana mereka sering tiada di rumah dan tidak memaklumkan kepada pejabat mengenai pergerakan mereka itu. Kita meminta klien-klien berkenaan memaklumkan kepada pejabat di mana mereka boleh dihubungi bila mereka perlu meninggalkan rumah mereka dalam tempoh yang agak lama.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi dua perkara nombor satu adalah mengenai sistem 'E', atau 'F' kah, 'O' kah itu tidak kisah, yang mustahak adalah wang itu tidak sampai ke pihak yang berkenaan. Jadi mengimplementasikan satu sistem oleh kerajaan bagus. Itu untuk kerajaan, tetapi untuk pihak-pihak yang patut mendapat manfaat-manfaat dan bukan banyak sebanyak RM130, kes-kes yang saya katakan mereka perlu membayar RM30 untuk datang ke pejabat dapat tahu bahawa wang itu belum datang dari Kuala Lumpur mereka perlu balik.

Bila mereka telefon, saya sendiri bila saya menelefon pejabat katakan *officer* itu telah keluar. Jadi untuk mengatasi masalah ini tolonglah sekurang-kurangnya hantar surat kepada mereka. Hantar surat mengatakan bahawa ada kerumitan kita ada sistem 'E', sistem 'O', sistem 'F', apa pun sistem yang kita ada kita akan mengatasi masalah itu. Yang kedua adalah, mungkin jawapan ini boleh diberi oleh...

Datin Paduka Chew Mei Fun: Kita memang faham masalah ini, ini adalah kerana walaupun kita telah pun beritahu kepada klien-klien kita jangan datang begitu awal datang pada tarikh yang kita telah tetapkan, tetapi mereka masih datang. Oleh itu bila mereka datang ke *office* kita, kita beritahu belum sedia mereka marah dan mereka buat aduan dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat, dan mengenai cara untuk kita bayar wang bantuan ini kita ada tiga cara iaitu satu melalui bank, kedua di rumah klien iaitu kita akan hantar ke rumah mereka. Kalau mereka tidak boleh jalan, mereka adalah OKU kita akan hantar ke rumah mereka dan juga kita ada pusat-pusat bayaran.

Oleh itu kalau mereka ada masalah untuk naik teksi pergi ke Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk dapat bayaran mereka boleh buat memohon atau beritahu kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya kita ikut cara yang lain untuk mengatasi masalah ini. Saya rasa saya sudah jawab semua soalan yang dibangkitkan. Oleh itu sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM102,497,400 untuk Maksud B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM102,497,400 untuk Maksud B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM30 untuk Maksud P.48 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM30 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2006.

**Maksud B. 28 [Jadual] -
Maksud P. 28 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2006]**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.28 dan Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Ya Putatan.

3.29 ptg.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut berbahas bagi Maksud P.28 bagi Butiran 01400 bagi Kementerian Pengangkutan, projek pembaikan kereta api di negeri Sabah yang saya percayai diurus, dikuasai oleh bahagian pengurusan projek KTM Berhad di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Saya tertarik dengan apa yang dikatakan dalam buku anggaran ini yang menyatakan tambahan RM7,510,000.00 dan simpanan luar jangka tambahan langsung RM65.5 juta. Tambahan langsung bagi menjelaskan bil-bil tertunggak bagi projek yang sedang dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini kita telah mengadakan satu taklimat di Kementerian Kerja Raya, Kota Kinabalu dan Wakil-wakil Rakyat kawasan yang dilintasi dengan landasan kereta api ini telah dipanggil. Di antara mereka adalah saya, salah satu daripada mereka itu. Masalah yang paling teruk sekali berkaitan dengan kereta api adalah di kawasan Putatan yang mana, mulainyalah landasan ini iaitu dari Tanjung Aru ke Tenom.

Kalau kita tengok dari Tanjong Aru ke Putatan, mengikut taklimat yang diberikan, ada sebanyak 27 lintasan atau *crossing* dengan *railway* itu sebelah, menyebelah. Yang didaftarkan hanya 12 dan yang tidak berdaftar 15. Baru-baru ini terdapat empat kemalangan yang berlaku iaitu pada tahun ini yang melibatkan seorang terbunuh, iaitu pada 15 Februari; pada 11 April; pada 6 Mac; dan pada 28 Mei, tahun ini. Pada keseluruhannya, yang lain-lain tempat itu saya tidak tahu. Saya tidak minta dia punya statistik. Mengikut kemalangan yang dilaporkan ini, ada berjumlah 23 kemalangan.

Persoalannya di sini, apakah kerja-kerja yang telah dilaksanakan setakat ini iaitu setakat ia dibagi milik atau *site position* pada 24 November 2005. Jadi permohonan tambahan RM7 juta ini, apakah kerja-kerja yang sudah dibuat? Yang saya tahu Tuan Pengerusi, saya telah berjumpa dengan kakitangan-kakitangan yang terlibat dengan projek ini, melawat ke negara Eropah dan bil-bil itu kah yang mungkin digunakan untuk bayaran ini.

Mereka pergi ke *Europe* buat lawatan sambil belajar, hanya untuk mengkaji lampu isyarat. Lampu isyarat Tuan Pengerusi! Kononnya projek ini memodenkan kereta api negeri Sabah, apa yang dipermodenkan? Dia kata, dia menggunakan GPS. Gerabak yang akan dibeli daripada *Europe* menggunakan sistem komputer, sistem GPS, pemasangan lampu-lampu isyarat yang bersistematik dan sistem semboyan yang canggih dan kabel optik akan diletakkan di sepanjang landasan itu.

Ini kereta api di negeri Sabah, hanya 150 kilometer...

Seorang Ahli: Tidak untung itu

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: Bukan ada kira untung. Ini untuk servis kepada luar bandar sahaja tetapi masalah yang patut ditangani adalah masalah lalu lintas ini, yang dari Sungai Petagas ke Kem Lok Kawi itu ada 24 atau 25 *crossing* atau lintasan. Ada yang berdaftar, setahu saya ada empat sahaja yang berdaftar. Yang lain-lain itu *illegal*.

Jadi masalah di sini, kononnya kontraktor ini turun ke padang beritahu kepada pengguna-pengguna, lalu lintas ini ditutup dan jalan susur itu disediakan oleh JKR dan bukan oleh kontraktor ini. Orang kampung marah, Yang Berhormat Sri Gading, orang kampung marah... [Menunjukkan perbahasan kepada Yang Berhormat Sri Gading] Ini penting. Jadi apabila ditutup ini, bayangkanlah *traffic jam* kerana mengikut pada tempat yang berdaftar itu kerana jumlah pengguna-pengguna lalu lintas terlalu ramai.

Saya bercadang supaya tambahan untuk peruntukan kereta api ini ditambah untuk dibuat jambatan ataupun *track* yang bertingkat kalau boleh, daripada membuat kajian pergi ke luar negeri ataupun *alternate road*. Saya berterima kasihlah kepada kementerian, kepada Kerajaan Malaysia kerana selama ini kereta api di negeri Sabah tidak dipedulikan. Kami berterima kasih, rakyat di negeri Sabah berterima kasih kerana kereta api di negeri Sabah ini akan dipermodenkan tetapi masalah rakyat yang menggunakan lalu lintas yang melalui *railway crossing* ini harus ditangani dengan teratur. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Wah ramai...!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ramai Tuan Pengerusi. Saya dari tadi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sejak bila tunggu?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Daripada pagi tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baru mula ini kementerian.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Daripada pukul 10 pagi, Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat sudah tunggu lama, betul tak?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apalah, lagi tunggu sekejaplah, Seputehlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih. / see...

Beberapa Ahli: Bagi sahajalah...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Perempuan punya fasal, saya macam bagi hormat dahulu kepada perempuan. Hormat perempuan lah nanti Yang Berhormat Bukit Mertajam marah kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dua minit ya?

3.35 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat terima kasih. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 30000 dan 40000.

Pertama sekali saya rasa apabila kerajaan ingin memberi lebih peruntukan untuk meningkatkan kelengkapan kepada banyak lapangan terbang di negara kita, saya ingin membuat satu cadangan. Di negara kita, kerajaan begitu kuat mempromosi ICT. Saya cadangkan banyak lapangan terbang kita termasuk juga lapangan terbang kos rendah haruslah ada *wireless*, satu *environment wireless* supaya orang yang menunggu kapal terbang boleh menggunakan *internet* dan mungkin kita juga boleh belajar daripada lapangan terbang di Singapura iaitu Changi Airport, di mana semua komuter *station* dibekalkan kepada semua penumpang untuk menggunakan. Saya mencadangkan supaya kerajaan akan mengkaji tentang cadangan ini.

Nombor dua, lapangan terbang kita haruslah juga mementingkan penggunaan bahasa khususnya bahasa Inggeris kalau kita hendak menarik pelancong luar negeri. Saya pernah bangkitkan isu ini macam di KLIA. Kita lihat beg yang terlalu besar, perkataan "*Over Sized Baggage*", "*O-v-e-r S-i-z-e-d*" la memang ada "D" di belakang. Saya pernah bangkitkan perkara ini satu tahun yang lepas dan Yang Berhormat Menteri juga mengakui kesilapan ini tetapi sampai sekarang, bila kita lihat papan tanda di KLIA, ia masih belum ditukar. Saya rasa isu bahasa atau penggunaan bahasa Inggeris yang tepat ini adalah suatu perkara yang harus diambil berat.

Mengenai Butiran 30000, tentang pembinaan lapangan terbang di Kuching. Saya pernah pergi ke Kuching untuk membantu kempen pilihan raya dalam bulan Mei yang mana nasib baik kami pergi dan DAP menang enam kerusi. Bila saya pergi ke Lapangan Terbang Kuching untuk membuat *transit*, saya telah diarah pergi ke banyak tempat yang *signage* itu, papan tanda itu memang amat mengelirukan.

Saya tidak pasti sama ada ini masih berlaku atau tidak kerana sekarang sudah bulan Ogos tetapi pada waktu itu saya diarah mengikut papan tanda ini dan berjalan ke sana sini, lepas itu saya *complain* dengan *officer* sana. Mereka juga kata minta maaf Puan, saya mengakui tetapi apa boleh buat, ini *officer* yang bagi arahan buat macam itu. Saya pergi ke sana, sini membuat satu pusingan yang besar lepas itu baru dapat buat *clearance* untuk mendaftar bahawa saya sudah sampai ke Sarawak.

Saya tidak pasti sama ada ini masih berlaku di lapangan terbang baru di Kuching ini tetapi saya berharap pihak kementerian akan mengambil berat tentang isu papan tanda yang mengelirukan ini.

Mengenai lapangan terbang di Kota Kinabalu pula, saya tidak fahamlah kenapakah Kota Kinabalu? Selain daripada lapangan terbang yang sedia ada kita mahu satu lagi lapangan terbang kos rendah? Hari itu bila saya menggunakan Air Asia pergi ke Sabah, saya merasa begitu hairan dengan *Low Cost Carrier Terminal* itu, yang bila kita tunggu untuk ambil beg biliknya itu adalah begitu kecil sekali sedangkan 200 orang menunggu di sana dan beg itu pula datang begitu lambat.

Soalan yang pertama, adakah perlu kita adakan satu terminal kos rendah di Kota Kinabalu memandangkan tidak begitu banyak kapal terbang yang pergi ke Kota Kinabalu.

Yang kedua, bulan lepas saya pergi ke Sabah, kalau kita merancang Tahun Melawat Malaysia 2007, macam mana kita hendak menarik pelancong luar bila kita ada lapangan terbang yang baru, yang begitu teruk fasilitinya di mana kita terpaksa menunggu satu jam untuk mengambil satu beg dan biliknya yang itu begitu kecil? Adakah ini cara kita menarik pelancong luar untuk datang ke Sabah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Putatan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, ya. Dia mahu sokong. Sila, sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia hendak sokong.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya memang sokong kalau..., Yang Berhormat Seputeh ini dia pergi ke Sabah tiga bulan, satu tahun hanya satu kali sahaja. Saya tinggal di sana.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa tiga bulan satu tahun tiga kali? Apa ini?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Satu tahun tiga kali. Apa dia tahu pasal lapangan LCCT itu. Dia sedang dalam pembinaan. Kita mahu perbesar, kita mahu jangka panjang. Tahukah Yang Berhormat bahawa Kota Kinabalu ini ada 24 *international flight* datang ke Kota Kinabalu?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Putatan. Saya berharaplah kalau surat khabar di Sabah boleh melaporkan pandangan Yang Berhormat bagi Putatan ini tentu Yang Berhormat kena kutukan daripada orang Sabah. Kalau saya sendiri merasakan begitu susah untuk menunggu beg saya di terminal kos rendah itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat. Ini semua orang faham. Ada lain kah? Kalau tidak ada yang lain, cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Memang, itu yang baru, Tuan Pengerusi. Itu memang yang baru *dibina tetapi biliknya itu begitu kecil.*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tadi bersetuju dua minit, sudah lima minit.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Oh, dua minit. Okey, sepuluh saat lagi. Saya hanya menyeru pihak kementerian mengambil berat. Saya tahu mungkin ada banyak terminal kos rendah akan dibina pada masa yang akan datang tetapi fasilitinya haruslah diperlengkap.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Menyampuk]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *Haiya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu, saya jarang berucap. Jangan ganggu saya. Saya memang berharap pihak kementerian juga mengambil berat tentang ruang yang disediakan di dalam terminal kos rendah ini. Saya juga berharap bila saya bangkitkan isu tentang orang di Sabah, Yang Berhormat daripada negeri Sabah haruslah sokong saya. Ini adalah isu yang kita boleh berjuang bersama-sama supaya seruan kita didengar oleh kerajaan.*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya takut apabila mereka sokong, mereka kena hukum terlebih awal.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Wah, tengok! Ini menunjukkan memang tidak ada demokrasi dalam Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dihukum oleh rakyat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sepuluh saat, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat, diberi peluang. Cukuplah. Simpan, bajet nanti boleh...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya bagi kritikan saya yang diluahkan oleh Yang Berhormat dari Sabah tadi. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Pasal Tuan Pengerusi kata Sri Gading, jadi Yang Berhormat Seputeh duduk, saya bangunlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Sila. sila.

3.44 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya hendak menyentuh Butiran 40000. Ada dua rasa pelik saya, Tuan Pengerusi. Satu pelik, MAS ialah penerbangan nasional kita. Umurnya sama lebih kurang dengan umur Malaysia, tetapi hari ini nampaknya kerajaan lebih sayang kepada AirAsia. Pelik dan ajaib.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hari itu Yang Berhormat sudah bangkitkan perkara ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Belum. Belum, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya pun memperjuangkan kepentingan Tuan Pengerusi apabila hendak balik ke Johor Bahru. Itu satu.

Kenapa penerbangan swasta nampaknya lebih dekat di hati kerajaan daripada penerbangan sendiri. Ini pelik dan ajaib yang tidak dibuat oleh mana-mana negara, Tuan Pengerusi.

Pelik saya yang kedua, semua lapangan terbang yang saya lihat telah diubahsuai, di besar dan dicantikkan lapangan terbangnya, Tuan Pengerusi tetapi penerbangannya kucar kacir. Ada 54 trip seminggu tinggal 14. Ini menyusahkan, menyiksa penumpang zaman moden ini, Tuan Pengerusi. Bukan kita 50 tahun dahulu, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan itu telah dikeluarkan, betul?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini berlaku, Tuan Pengerusi. Pelbagai rungutan. Apakah Kementerian Pengangkutan termasuk menteri tidak ada telinga untuk mendengar rungutan ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Timbalan Menteri ada. Itu boleh jawab. Beralih kepada tajuk yang lain.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Belum habis, Tuan Pengerusi. MAS boleh naikkan harga... [Disampuk] AirAsia tidak naikkan harga. Apa AirAsia pakai minyak, dia air..., kenapa?

Tuan Pengerusi, kalau benar-benar kerajaan hendak memberikan keselesaan kepada rakyat termasuk pelancong, *why not* bukakan penerbangan ini kepada seluruh syarikat penerbangan yang mampu. Jangan ada sistem monopoli dalam negara ini. Ambil contoh, Tuan Pengerusi. Kenapa tidak bukakan kepada penerbangan Singapura, penerbangan Indonesia jiran kita? Ambil contoh, kalau penerbangan Indonesia bersama-sama dia boleh ambil daripada Puntianak pergi ke Kuching, dari Kuching pergi Kuala Terengganu ataupun ke Kota Bharu terus ke Penang terus ke Medan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Negara dia dapat perkhidmatan, negara kita dapat perkhidmatan. Penjelasan Yang Berhormat Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, kekanda Sri Gading. Buat apa hendak bukakan peluang ini kepada syarikat penerbangan Indonesia? Di Malaysia ini pasarannya terbuka. Tidakkah boleh kita adakan Air Sri Gading, Air Jasin, biar lima, enam syarikat yang kita ada supaya mereka ini bersaing antara mereka. Di Indonesia ada Garuda, Merpati, Mandala, Adam Air ada, Lion Air ada, ini Merpati Air, apa 'ti' pun semua ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jasin, Sri Gading faham.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Dia faham, Tuan Pengerusi. Okey, okay. Dia faham itu, dia bijaksana, Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu sebagai contoh di mana kita memberikan kemudahan, kesenangan kepada penumpang-penumpang di samping kita boleh mengeratkan hubungan silaturahim antara jiran sesama jiran.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mengenai tambang, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saudara saya daripada Sumatera menggunakan penerbangan ke Batam yang 35 minit sahaja penerbangannya, Tuan Pengerusi. Harganya sekali hala ialah RM185. Kenapa mereka boleh untung? Penerbangan Indonesia itu saya maksudkan, salah satu syarikat daripada Indonesia. Saya tidak perlu hendak popularkan nama syarikat itu tetapi daripada Kota Kinabalu-Sandakan pergi balik, RM440. AirAsia dengan *service* yang ada ini siapa yang hendak naik, Tuan Pengerusi? Hendaklah Tuan Pengerusi berebut dengan penumpang-penumpang lain yang tidak diberikan keistimewaan untuk nombor?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Hani Mohsin pun mati di situ.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Hani Mohsin pun mati di...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ambil contoh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah. Bahasa Yang Berhormat sudah cukup faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bolehkah, MAS ini, Tuan Pengerusi, saya ambil ringkaslah. MAS ini dikembalikan semula kepada rupa asal MAS, perkhidmatan MAS lama sebelum Tajudin ambil alih. Kalau boleh seperti pengurusan yang dibuat oleh Yang Berbahagia Tan Sri Aziz Abdul Rahman.

Jala, jala ini tidak mainlah, Tuan Pengerusi... *[Ketawa]* Ini bercakap tentang kepentingan nasional Tuan Pengerusi. Johor kata hendak membangun bahagian kawasan selatan Johor tetapi di Johor Bahru ke Kota Kinabalu tidak ada. Hantu pelesit apa punya rancangan ini?... *[Ketawa]* Siapa yang mengatur ini Tuan Pengerusi? Saya rakyat Malaysia mewakili penumpang-penumpang. Saya berhak bercakap, rasa tidak puas hati di atas penerbangan MAS dan juga AirAsia yang monopoli penerbangan negara ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Yang tidak memberikan keselesaan dan kebaikan kepada rakyat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jaga kesihatan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya hendak beritahu Menteri Pengangkutan, dia ada hatikah....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ada akalkah, hendak fikir ini. Dengarkah tidak? Kalau suara di Dewan Rakyat ini, tidak mahu hendak didengar, suara siapa lagi yang harus didengar Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Oh! Kita jadi marahlah Tuan Pengerusi... [Dewan gamat]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan lupa rakyat mengadili kita Tuan Pengerusi. Antara kebencian rakyat kepada kita hari ini selain daripada beberapa perkara Tuan Pengerusi, ialah soal penerbangan. Orang Sabah dan Sarawak tidak mungkin akan datang ke Semenanjung kalau penerbangan ini tidak diperbetulkan. Orang Semenanjung tidak akan datang ke Sabah dan Sarawak kalau penerbangan tidak diselesaikan. Apa perkara ini tidak penting? Perhatikanlah keutamaan kepentingan-kepentingan dalam negara ini yang mesti diperbetulkan oleh kerajaan.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Dengan Sarawak mana... [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, baik. Sila Beluran.

3.51 ptg.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap pada butiran yang sama Butiran 40000. Saya ingin merujuk kepada surat Menteri yang diedarkan hari ini. Kalau kita baca para kedua, sukacita dimaklumkan bahawa mulai 21 Ogos semua Ahli Parlimen serta pasangan masing-masing adalah berhak menikmati pengurangan tambang tetapi juga ada timbul syarat-syarat yang dikemukakan oleh MAS kepada belakang sekali, surat yang terakhir ini. Dia berselindung di sebalik sistem-sistem *guideline* yang mungkin Menteri sendiri....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Maknanya, Menteri ini pun tipu Ahli Parlimen. Baca, muka 3.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Menteri tertipu oleh sistem yang digunakan oleh MAS. *First dot, booking class for MP, dengan izin maybe fare is high class. High class* Tuan Pengerusi, adalah *booking* yang dibuat tiga hari lebih awal. Kemudian dia kata, *in the event high class is not available*, kita akan layak kepada sistem RBD, sistem FCY mengikut *availability* jika ada *seat*. Jika tidak ada *seat*, kita akan kembali kepada sistem 'A', 'D' dan 'Q'. Bukannya sistem 'C' dan 'Y'. Inilah yang dikatakan mereka berselindung di sebalik perkataan-perkataan yang mereka sahaja yang faham. Jadi kehendak Menteri untuk mengembalikan hak Ahli Parlimen itu tidak terjawab melalui surat ini kecuali satu sahaja iaitu sistem I dan harus dilakukan *booking* tiga hari lebih awal. *Otherwise*, tidak ada tanda, tidak ada sebarang perbezaan kerana kita akan balik kepada sistem 'A', 'D', dan 'Q' dan bukannya 'F', 'C' dan 'Y'...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Putatan bangun, Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Beluran. Saya ingin minta pendapat daripada Yang Berhormat bagi Beluran, surat yang diagih-agihkan oleh Menteri hari itu yang menyatakan berkuasa pada 21 Ogos. Tuan Pengerusi, saya telah menempah tiket sepuluh hari sebelum saya terbang. Saya beli tiket ini pada 24 Ogos. Di kaunter MAS cakap, *no such thing as discount*. Saya ada *AP card* sebenarnya. *We don't use your AP card*. Jadi harga yang saya bayar di sini, tiketnya saya pegang sekarang, RM1,950... [Menunjukkan sekeping tiket kapal terbang] Bayangkan Tuan Pengerusi, kalau empat kali kita balik di kawasan, sudah sampai lebih kurang RM8,000. Gaji Ahli Parlimen berapa, bayar hotel berapa? Cari makan. Apa yang dia makan?... [Ketawa]

Seorang Ahli: Makan batulah.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Itulah isu yang ingin saya bawa. MAS ini menggunakan perkataan dan sistem-sistem yang mereka sendiri faham. Jelas daripada pekeliling yang dibuat oleh Menteri ini, Menteri sendiri tertipu oleh perkataan-perkataan yang digunakan, yang difahami oleh MAS sahaja. Jadi saya ingin membawa perhatian kementerian untuk mengembalikan...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Apa ini? Hendak berucapakah ini? Pertanyaan?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, penjelasanlah. Adakah Yang Berhormat faham bahawa kadangkala walaupun kita sudah tunjukkan kad kita, dia kata kuota sudah penuh, tidak boleh layan lagi. Pada 20 Ogos ini, saya hendak pergi ke Kota Bharu, tetapi kerana ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dia melawat ke Kelantan dan Pak Lah di sini pun hendak ikut. Hendak ikut itu sudah penuhlah pesawat itu dan kemudian, saya menggunakan kad saya, tidak dilayan.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Kepong, itulah sistem RBD yang digunakan itu kerana Ahli Parlimen dikategorikan di dalam kelas 'A', 'D' dan 'Q' dan bukannya kelas 'F', 'C' dan 'Y'. Saya menyeru agar kementerian melihat ini. Jika itu merupakan hak Ahli Parlimen, Ahli Parlimen harus mendapat RBD secara khusus, secara *direct* kepada sistem 'F', 'C' dan 'Y'. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya mintalah semua ringkaskan ya. Sebab ramai hendak balik juga, sebab hendak menyambut hari kemerdekaan. Tuaran, sila.

3.57 ptg.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya punya pendek sahaja... [Ketawa] [Dewan gamat]

Saya punya pendek sahaja. Butiran 4000, Pembesaran Lapangan Terbang dan Pembangunan Sistem Lapangan Terbang.

Tuan Pengerusi, dalam *environmental quality, describe activities environmental enforcement order 1997, section A, construction airport, having A straight for 2,500 metres longer, A straight developer in a state in national park* perlu dibuat EIA. Apa yang menghairankan kita di Kota Kinabalu sekarang ini, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sedang dibina, terminal satu dan terminal dua tetapi sehingga pada hari ini, laporan EIA belum dibuat, belum diluluskan. Saya telah bertanya di Dewan yang mulia ini dan jawapannya ialah cuma cerucuk sahaja tetapi cerucuk punya cerucuk, kalau kita *copy* terminal satu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu begitu punya kucar kacir. Kucar kacir sebab pembinaan yang diadakan sekarang ini.

Jadi persoalan yang rakyat tertanya-tanya ialah, apakah pihak Kabinet atau mana-mana pihak telah memberi pengecualian kepada kementerian ini, dikecualikan daripada membuat EIA. Apabila laporan EIA ini telah tidak dibuat, hari ini lapangan terbang ini kucar kacir, terminal satu dan terminal dua di lapangan terbang Kota Kinabalu dan satu lagi yang telah begitu punya kacau bilau tentang soal perpindahan masyarakat di Kampung Seri Tanjong kah, syukurlah dengan Jawatankuasa Integriti telah memanggil pihak-pihak yang berkenaan dan hari ini telah diselesaikan. Jika sekiranya tidak dipanggil oleh Jawatankuasa Integriti Pilihan Khas Parlimen, sehingga pada hari ini, soal perpindahan masyarakat daripada Seri Tanjong belum selesai-selesai sebab kerja sudah dimulakan tanpa EIA. Jadi ini kita tidak menunjukkan satu contoh yang baik.

Persoalan kita ialah dan kita mohon Timbalan Menteri menjawab, yang pertama, apakah EIA ini sudah dibuat? Kalau ia belum dibuat, kenapa dia bikin kerja dan apakah jaminan daripada pihak kementerian yang pembinaan yang dibuatkan sekarang ini tidak mengakibatkan apa-apa bahaya, malapetaka kepada sama ada, para penumpang ataupun penduduk di sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lipis.

4.00 ptg.

Tuan Muhamad Shahrom bin Osman [Lipis]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mengambil bahagian untuk membahaskan Maksud B.28, Butiran 00200, 002800, 00900. Yang pertamanya mengenai kajian dan peningkatan infrastruktur sedia dalam laluan komuter. Bagi saya komuter ini Tuan Pengerusi mahu sangat dan dia merupakan antara perkhidmatan awam yang murah bagi rakyat. Jadi, apa yang kita harapkan untuk memastikan komuter ini untung, ia haruslah ya, menyambung landasan ini ke tempat-tempat yang dengan izin, *cashment area*, penumpang yang banyak seperti di IPTA dan juga tempat-tempat yang lain.

Sebagai contohnya kalau kita lihat laluan landasan ke Seremban sepatutnya mereka boleh juga membuat laluan terus ke UPM iaitu Universiti Putera Malaysia dan juga Universiti Kebangsaan Malaysia ada laluan landasan di situ. Macam sekarang ni, untuk menaiki *train* komuter mereka terpaksa mengguna bas dan sebagainya, dan kadang-kadang menaiki teksi yang mengenakan tambang yang tinggi. Jadi, hasrat untuk memastikan tambang yang murah kepada rakyat tu mungkin tidak tercapai. Yang keduanya, kalau kita lihat sekarang ni, stesen komuter hanya berada di sebelah saja, sebelah landasan.

Jadi, ini menyusahkan penumpang yang berada di sebelah lain yang tidak ada stesen komuter mereka terpaksa berpusing kadang-kadang jauh dan sebagainya. Dan bagi saya ini sangat penting kerana dengan cara ini kita dapat memudahkan penumpang-penumpang untuk menaiki komuter. Macam di Serdang contohnya, Stesen Serdang walaupun ada, dah dibuat tempat tiket *booth* di sebelah landasan lagi satu tetapi sampai sekarang tak dibuka. Dan ketiganya rasa saya komuter tren ni dah lama juga berjalan di Malaysia tetapi kemudahan untuk orang-orang kurang upaya dan warga emas tak ada? Jadi, seolah-olah mereka ini diketepikan dari menikmati kemudahan awam yang ada iaitu komuter.

Setakat ini tidak ada *ramp* di mana-mana stesen komputer bagi membolehkan penumpang-penumpang orang kurang upaya dan warga emas ni berjalan, yang ada tangga yang tinggi. Yang keempatnya ialah jadual perjalanan, kadang-kadang yang tidak menentu yang selalu lambat, saya sendiri pernah bukan menaiki komuter tapi menaiki tren antara bandar. Pada mulanya daripada stesen mula cepat ya, kata daripada Kuala Lumpur tapi akhirnya jadi menjadi lewat dan saya pernah terkandas dalam tren selama tiga jam, rasa saya di Tampin daripada perjalanan daripada Tumpat ke Kuala Lumpur kerana kepala lokomotifnya rosak.

Jadi, apa yang saya dengarlah yang mengatakan Malaysia atau Kereta Api Tanah Melayu membeli kepala lokomotif yang tidak ada sijil pendaftarannya. Jadi, ini mungkin membeli kepala lokomotif yang sub-standard. Jadi, saya minta penjelasan daripada pihak kementerian perkara ini. Jadi, ini sudah tentulah menyusahkan rakyat. Dan yang akhirnya ialah kemudahan letak kereta. Kalau kita nak menggalakkan menaiki komuter dan sebagainya, nak beri tambang murah kemudahan mestilah ada dan dia sepatutnya percuma. Jadi, sudahlah kita membayar *fee* untuk meletak kereta yang mahal, lepas itu kita naik komuter. Jadi, ini rasa saya menyebabkan berlaku ketidakadilan kepada rakyat dan penumpang. Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tangga Batu.

4.03 ptg.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, nampaknya proses rasionalisasi penerbangan ini tak ada rasionalnyalah daripada hujah yang di bawa oleh Ahli-ahli Parlimen. Walau bagaimana pun Tuan Pengerusi, saya nak bahasakan Butiran 00800, Projek Membaik Pulih dan Mengukuh Landasan. Minggu lepas Tuan Pengerusi, ada satu kapal terbang, kapal terbang MAS, nak turun ke landasan di KLIA, dia nak turun-turun, dah turun ni, kalau kita terjun pun boleh selamatlah nak turun. Tiba-tiba, ni *landing gear* dah keluar dah, tiba-tiba dia *take-off* balik.

Tuan Pengerusi, bayangkan masa tu berapa kuat tenaga yang diperlukan untuk *jack* balik kapal terbang tu ke atas. Di fahamkan kerana keadaan angin pada ketika itu tidak mengizinkan kapal terbang untuk membuat pendaratan. Kerana kepanjangan panjangnya landasan itu mungkin tidak mencukupi pada ketika itu kapal terbang naik balik, naik balik turun di Senai. Dalam kapal terbang ada *Vice President* MAS, dia kata *pilot* ni patut tak boleh buat begini setelah mendapat *green light* daripada *Air Traffic Controller* atau ETC, ini sepatutnya dia boleh *landing* walau pun jua keadaan pun menggunakan kepakarannya untuk *landing* untuk menurunkan kapal terbang tetapi, tak ada naik balik, naik balik. Naik balik tak apalah Tuan Pengerusi, sampai Johor dia dalam kapal terbang penuh ni, pelancong-pelancong penuh dalam kapal terbang ni, Orang Putih ramai.

Turun di Johor, kena *refill* kapal terbang duduk di Johor, di Senai Johor dekat dua jam duduk di sana tak ada satu maklumat pun datang daripada pengurusan Malaysian Airline System, Pengurusan *Airport* bagi tahu minta maaf dan sebagainya. Sudahlah tak ada maklumat, air seteguk pun dia tak beri.

Jadi, dekat sini kita nampaklah mungkin ketidakcekapan pengurusan MAS ini bukan sahaja telah menyebabkan penumpang rasa tak selesa, macam-macam rungutan ni, yang menyumpah pun ada, dia kata apa punya sistem penerbangan ni, kemudian akhirnya mereka balik ke Kuala Lumpur dan *landing* di Kuala Lumpur kena empat jam ke lima jam, *delay*. Jadi, ini adalah satu perkara yang saya kira amat mengecewakan berlaku oleh *national carrier* hal ini saya ingin Menteri kena ambil perhatian, isu ini berlaku minggu lepas. Haa, saya...

Timbalan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada kah?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya.

Timbalan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dalam...

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Seolah-olah saya berada di situ. Saya membayangkan pada Tuan Pengerusi tadi, macam saya ada dalam kapal terbang itu, *Vice-President* MAS ada dalam kapal terbang ketika itu.

Jadi, Tuan Pengerusi yang kedua saya nak sebut tentang penambahbaikan lapangan terbang ini. Terima kasihlah Kerajaan Negeri Melaka, kita dapat satu airport besar nanti. Sekarang ini cuma Focker 50 boleh turun. Tahun depan kita ada 747 pun boleh turun. Jadi, Melaka ini Negeri Bersejarah, Tuan Pengerusi, ini apa-apa sikit kita ingat muziumlah. Jadi, hari ini mungkin dah ada *National Aviation Museum* ini dah ada, tapi saya rasa ini elok kalau kita kumpulkan maklumat-maklumat, data-data tentang penerbangan di negara kita ini dan kita bina sekali minta Kerajaan Negeri Melaka sediakan satu ruang untuk bina Muzium Aviasi Negara di bawah Kementerian Pengangkutan terletak di Batu Berendam dan ini sekali gus dapat menyumbang kepada peningkatan taraf sistem penerbangan kitalah. Terima kasih. Saya ingat panjang sikit daripada Yang Berhormat Tuaranlah, saya punya tadi. Panjang sikit daripada Yang Berhormat Tuaran.

Timbalan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih.

Timbalan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bukit Bintang. Selepas itu Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

4.07 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk Maksud B28 dan P28, Kementerian Pengangkutan Butiran 00200 Kajian dan Peningkatan Infrastruktur sedia ada dan laluan komuter dan Butiran 00800, Projek Pembaikpulih dan mengukuhkan landasan. Masing-masing menerima peruntukan RM17,730 ribu dan RM79juta.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan di sini kes sistem perjalanan PutraLRT yang baru-baru ini dikejutkan dengan peristiwa tren Putra tidak bergerak dan para penumpang terkandas dalam tren, yang mana pihak pengurusan tidak memberi penjelasan yang cukup untuk meyakinkan tentang peristiwa ini.

Dan bila pihak kami Ahli-ahli Parlimen DAP Wilayah Persekutuan hendak mengadakan perjumpaan dengan pihak pengurusan kami dimaklumkan bahawa itu bukan kes lagi dan tidak ada perjumpaan boleh diadakan.

Saya tidak faham mengapa pihak pengurusan boleh menafikan hak Ahli Parlimen untuk menyuarakan rungutan rakyat dan pengguna pengangkutan rel transit ringan ini bila mereka tidak membenarkan perjumpaan tersebut. Tuan Pengerusi, selama ini kita berdepan dengan kemalangan jalan raya kereta api tetapi sangat kurang kemalangan STAR LRT atau PUTRA LRT dan monorel tetapi tidak bererti ini ia sifar kemalangan. Kemalangan tidak berbau dan boleh terjadi bila-bila masa di atas kelalaian manusia atau kelemahan mekanikal atau teknikal nyawa penumpang LRT lebih ramai berbanding dengan pengangkutan bas tetapi tidak boleh diabaikan.

Tuan Pengerusi, sehingga sekarang saya masih mencari-cari jawapan, bagaimana kemalangan monorel, jika berlaku. Apa akan terjadi kepada penumpang? Jika kemalangan berlaku seperti kebakaran, pelanggaran sedangkan jenis landasannya yang tinggi atau *elevated*. Adakah pihak pengurusan mahu para penumpang terjun dari atas tren ke bawah? Saya tidak nampak atau diberitahu, bagaimana langkah keselamatan penumpang jika monorel menghadapi masalah tersebut. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi satu jawapan yang boleh meyakinkan bahawa penumpang-penumpang monorel ini jika menghadapi satu kemalangan, kebakaran atau mereka hanya menunggu, terbakar di dalam tren atau terjun dari tiga tingkat, tingginya.

Tuan Pengerusi, seperti baru-baru ini Stesen Putra atau LRT dihentikan beroperasi selama beberapa jam berikutan Stesen Masjid Jamek ditenggelami air. Begitu juga di Stesen Sri Rampai, Wangsa Maju pada 25 Ogos 2006 yang menyebabkan lima ribu penumpang terkandas berikutan hujan lebat, yang menyebabkan bukan sahaja seluruh Stesen Masjid Jamek dilanda banjir kilat tetapi air memasuki stesen bawah tanah. Memang sungguh menakutkan bila stesen bawah tanah ditenggelami air. Mengapa sewaktu stesen itu dibina dulu, tidakkah terfikir untuk mewujudkan sistem yang kalis air dan bebas banjir, sedangkan kita tahu Sungai Kelang dan kawasan sekitar Masjid Jamek Kuala Lumpur sentiasa berdepan dengan masalah banjir kilat berikutan limpahan air sungai.

Kejadian tersebut berlaku dari masa ke semasa. Saya kira sudah banyak kali stesen dan landasan ditutup dari beroperasi bila turun hujan yang mengakibatkan banjir kilat. Ini bukan sahaja memalukan negara kepada pelancong-pelancong asing...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Saya akan gulung. Malah rakyat kita sendiri berdepan dengan kesusahan seperti terputus hubungan, terkandas. Saya mahu Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab bila terowong SMART siap kelak, air Sungai Klang sebahagiannya akan disalurkan ke terowong ketika hujan lebat dan Stesen Masjid Jamek boleh terselamat dari banjir kilat. Bolehkah ini dipastikan? Jika tidak berlaku banjir di sekitar Masjid Jamek, ia mungkin berlaku di tempat-tempat kawasan seperti kawasan Perumahan Taman Desa, Salak Selatan atau di mana-mana tempat.

Saya juga ingin mengalu-alukan inisiatif kerajaan baru-baru ini ada membelanjakan RM10 bilion untuk membangunkan sistem pengangkutan awam meliputi lanjutan landasan rel transit ringan dari Kota Damansara hingga ke Cheras sejauh 30 kilometer. Landasan LRTPutra dari Kelana Jaya ke Subang dan USJ. Inilah satu tindakan yang amat dialu-alukan dan saya menghabiskan ucapan ini, berharap ini akan memberi manfaat kepada rakyat jelata di kawasan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila.

4.11 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi pihak Kementerian Pengangkutan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2006 yang menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan. Sesungguhnya Kementerian Pengangkutan menghargai semua pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan beberapa perkara ini di Peringkat Dasar dan juga di Peringkat Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi, ingin saya merujuk kepada soalan daripada Yang Berhormat bagi Labuan berhubung dengan isu penyusunan operasi MAS, kelewatan penerbangan dan kenaikan tambang yang mendadak. Dalam merasionalisasikan perkhidmatan domestik, tindakan telah diambil oleh kerajaan setelah perbincangan diadakan di antara syarikat-syarikat penerbangan negara. Dalam hal ini, tujuan utama kerajaan merasionalisasikan perkhidmatan domestik adalah supaya perkhidmatan penerbangan domestik kembali berdaya saing terutamanya bagi syarikat penerbangan MAS yang mengalami kerugian sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Walau MAS mempunyai mutu perkhidmatan yang baik, ia perlu memperbaiki kos operasi yang menyebabkan syarikat berkenaan menanggung kerugian yang tinggi.

Apabila perkhidmatan domestik dirasionalisasikan pada 1 Ogos 2006, memang dijangka terdapat beberapa masalah operasi akibat daripada pertukaran perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat-syarikat penerbangan negara. Namun demikian, kerajaan berpandangan perkara ini akan....

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Pengerusi, saya nak tanya sama ada Labuan ada berucap kah tadi, fasal Labuan sehari tak datang hari ini. Menteri menjawab Labuan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia sentuh masa ucapan beliau di Peringkat Dasar.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Kerajaan berpandangan perkara ini akan diatasi oleh syarikat-syarikat penerbangan sesuai dengan keperluan penumpang dan kehendak pasaran.

Dalam hal ini, kedua-dua syarikat telah diarahkan untuk menyediakan penerbangan-penerbangan tambahan mulai bulan September 2006 bagi menampung keperluan penumpang. MAS dan AirAsia telah memaklumkan kesanggupan masing-masing untuk berbuat demikian. Terdapat beberapa faktor yang mengakibatkan kelewatan kepada syarikat-syarikat penerbangan.

Ia merangkumi perkara-perkara seperti keperluan teknikal dan juga keadaan cuaca yang buruk. Adalah benar sejak kebelakangan ini terdapat laporan-laporan ini menerusi media massa yang menyentuh tentang masalah kelewatan yang dialami oleh syarikat-syarikat penerbangan negara.

Oleh itu kerajaan telah bersetuju supaya satu Jawatankuasa Khas ditubuhkan untuk mengatasi masalah ini. Jawatankuasa ini yang dianggotai oleh Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pelancongan, Kementerian Kewangan, Jabatan Penerbangan Awam, Malaysia Airports Berhad dan syarikat-syarikat penerbangan terdiri daripada MAS, AirAsia dan *Fly Asian Xpress* atau FAX, akan mengenal pasti faktor-faktor yang mengakibatkan masalah kelewatan dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Pengerusi, kenaikan tambang MAS akan membantu syarikat mengimbangkan semula ketidakselarasan harga tambang yang dikenakan bagi beberapa sektor domestik. Ianya bukanlah untuk menyelesaikan masalah kerugian MAS tetapi membantu syarikat penerbangan tersebut memperbaiki pengurusan pendapatannya ataupun *ILL management*, dengan izin. Laluan-laluan yang diberikan kepada syarikat-syarikat penerbangan adalah berdasarkan kepada jenis perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat-syarikat penerbangan yang terlibat iaitu sama ada ia menyediakan perkhidmatan *premier* ataupun perkhidmatan kos rendah. Pihak pengurusan MAS sedang berusaha untuk menyediakan perkhidmatan yang selaras dengan keperluan rakyat.

Walau bagaimanapun, untuk menentukan MAS kekal menyediakan perkhidmatan yang diperlukan, syarikat penerbangan tersebut perlulah memperbaiki serta mengukuhkan kedudukan kewangan terlebih dahulu. Melalui cara ini MAS akan kembali menjadi sebuah syarikat yang berdaya saing dan mempertingkatkan perkhidmatannya untuk memenuhi keperluan rakyat.

Rasionalisasi perkhidmatan domestik telah dilaksanakan mulai 1 Ogos 2006. Dalam tempoh ini, syarikat-syarikat penerbangan memang mengalami beberapa masalah operasi. Dan tempoh ini merupakan tempoh penyesuaian kepada semua syarikat-syarikat penerbangan yang terlibat. Untuk mengatasi masalah kekerapan penerbangan, syarikat-syarikat penerbangan telah diminta untuk meningkatkan jumlah perkhidmatan bagi laluan-laluan di mana permintaan adalah tinggi sejajar dengan keperluan penumpang dan keadaan pasaran.

Tuan Pengerusi, perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa Yang Berhormat tadi berkaitan dengan MAS, AirAsia dan juga FAX. Ini semua adalah isu-isu yang telah dibangkitkan di dalam mesyuarat yang telah saya sebutkan tadi, satu jawatankuasa khas, yang mana kita telah memberi masa satu minggu untuk mereka kembali pada hari Isnin ke depan, untuk dikemukakan kepada Kementerian Pengangkutan ataupun Menteri Pengangkutan untuk dikemukakan kepada Kabinet yang akan datang. Jadi saya rasa banyak juga perkara-perkara yang berkaitan dengan MAS, AirAsia dan FAX ini, insya-Allah akan dapat terjawab rasa saya selepas mereka ini kemukakan sesuatu tindakan yang lebih wajar dari segi koordinasi di antara beberapa syarikat penerbangan ini hanya dapat ditentukan selepas mereka melaporkan balik kepada Menteri Pengangkutan nanti.

Tuan Pengerusi, bagi menjawab oleh Yang Berhormat Beluran mengenai dengan isu kenaikan tambang MAS juga, yang macam saya sebutkan tadi, ini juga saya rasa akan dapat terjawab di masa-masa depan iaitu dalam masa yang terdekat.

Sama juga dengan Yang Berhormat Kinabatangan yang menyentuh tentang LCCT. Ini semua adalah sesuatu perbincangan yang telah kita mengambil perhatian. Kita akan mengambil perhatian dengan pihak yang berkaitan untuk memastikan dari segi pelicinan menyelaraskan usaha-usaha kita itu untuk meningkat dari segi servis di LCCT ini dan juga di *airport-airport* yang lain, yang mana berhadapan dengan pengubahsuaian dan juga menaikkan taraf sama ada di Kota Kinabalu ataupun di Kuching yang melibatkan berbagai-bagai kerja yang sekarang sudah sedikit sebanyak menghalang dari segi pelicinan perjalanan bagi pihak penumpang-penumpang yang menggunakan kedua-dua lapangan terbang ini.

Selain daripada itu Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Tuaran tadi menimbulkan tentang mengapa kerja-kerja... Minta maaf ini pun saya akan menjawab kemungkinan apa yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Tuaran nanti dalam kemungkinan di waktu kita membenteng nanti selepas Bajet atau untuk mendapat beberapa penjelasan yang lebih saya rasa jelas iaitu berkaitan dengan Kota Kinabalu punya lapangan terbang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuaran bangun.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya senang sahaja, kenapa EIA belum lagi diluluskan tetapi kerja-kerja pembinaan sudah bermula? Kenapa dimulakan kerja kalau belum diluluskan, sebab itu tertakluk kepada undang-undang alam sekitar, EIA.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tadi Timbalan Menteri sudah menyatakan beliau akan mendapatkan maklumat yang lebih lanjut dan akan jawab selepas ini, mungkin masa penggulungan Bajet. Jadi ini jawapan dialah.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Yang Berhormat bagi Lipis telah menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan kita punya komuter iaitu servis. Sambungan landasan ke pusat-pusat pengajian tinggi. Pusat-pusat pengajian tinggi boleh dihubungi terus dengan perkhidmatan komuter jika ia berada berdekatan dengan jajaran landasan sistem komuter. Sebagai contoh stesen UKM ataupun Universiti Kebangsaan Malaysia, telah dibina khusus bagi memberi kemudahan kepada pelajar dan pengguna.

Bagi pusat pengajian tinggi yang lain pula seperti Universiti Putra Malaysia dan beberapa kolej di Nilai, pengguna boleh menggunakan kemudahan bas dari stesen Serdang dan Nilai ke pusat pengajian. Berkaitan dengan stesen sebelah landasan, pada masa ini terdapat sejumlah 42 buah stesen di seluruh rangkaian komuter di sektor Rawang-Seremban dan Sentul-Pelabuhan Klang, dengan purata jumlah penumpang sebanyak 95,000 sehari.

Yang ketiga, kemudahan-kemudahan untuk orang kurang upaya. Stesen KTM Komuter mula di bina pada awal 90an dengan peruntukan kewangan yang terhad. Oleh itu keperluan orang kurang upaya tidak disediakan sepenuhnya. Kini dengan peruntukan tambahan yang diberikan oleh kerajaan, KTM Komuter sedang mempertingkatkan kemudahan di beberapa stesen utama bagi kegunaan orang kurang upaya seperti pembinaan *ram* dan lif di stesen yang baru dibina atau ditambah baik seperti di Mid Valley, KL Sentral dan Kepong Sentral.

Di bawah projek penambahbaikan stesen, terdapat 17 stesen dibina *ram*, *anti-skip flooring* dan *hand railing* untuk kemudahan orang kurang upaya. Sejumlah RM26 juta disediakan di bawah RMK-9 khusus untuk mempertingkatkan kemudahan untuk orang OKU.

Jadual perjalanan pada masa ini KTM Komuter menyediakan sebanyak 247 perkhidmatan bagi kedua-dua sektor. Secara amnya pada waktu puncak kekerapan adalah setiap 15 minit, manakala waktu luar puncak kekerapan adalah setiap 20 minit. Kemudahan tempat letak kereta yang mahal. Pada masa ini terdapat 2981 tempat letak kereta di seluruh stesen komuter. Sebahagian daripadanya dikenakan bayaran, manakala yang lain dibenarkan secara percuma. Kadar yang dikenakan adalah berpatutan iaitu sama ada RM2 sekali masuk ataupun 50 sen sejam, dengan bayaran maksimum sebanyak RM2 ataupun RM3 ataupun mengikut tempoh masa.

Tuan Pengerusi, bagi menjawab pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor mengenai Skim Pemisahan Sepakat atau *Mutual Separation Scheme*, perkara ini telah pun dibincangkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tidak bangkit jadi tidak perlulah.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Tidak perlu ya? Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang telah dibangkitkan oleh, kalau tidak silap saya Yang Berhormat bagi Beluran iaitu berkaitan dengan diskaun 25% untuk Ahli-ahli Parlimen ini. Saya berada bersama dengan Yang Berhormat Menteri pada ketika itu, termasuk juga timbalan menteri lagi satu, yang mana kita memang telah mengarahkan MAS untuk memberi diskaun kepada Ahli-ahli Parlimen ini walaupun inilah kali pertama saya menengok surat ini, yang ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri tetapi saya akan membawa perkara ini iaitu apa yang telah disentuh oleh Yang Berhormat tadi kepada pihak Menteri sendiri, kerana saya menengok lampiran ini rasa saya adalah sesuatu yang saya sendiri pun tidak memahami kerana arahan menteri itu memang rasa saya begitu jelas dan terang kepada pihak MAS, bahawasanya Ahli-ahli Parlimen ini mesti mendapat diskaun yang seperti mana yang mereka dapat sebelum ini.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Pengerusi, seperti yang kita nikmati sebelum itu. Sebab itu saya katakan diskaun yang ada sekarang ini dipenuhi dengan syarat-syarat yang dikenakan oleh MAS. Saya mengharap agar perkara ini dipandang oleh kementerian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, sudah habis?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Saya akan kemukakan lagilah kepada pihak menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat banyak lagi?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Semua sudah habis?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Belum lagi. Ada satu atau dua lagi iaitu berkaitan dengan langkah keselamatan yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang berkaitan dengan LRT ini tadi.

Saya rasa ini mengaitkan dengan sesuatu yang mana mereka sudah tentunya mengkaji dari segi keselamatan penumpang-penumpang itu kalau berlakunya kebakaran. Dan saya menjangkakan mereka pun telah ada satu spesifikasi iaitu dari segi laluan antara daripada satu stesen ke satu stesen itu yang mana tentulah mereka telah mengambil kira dari segi keselamatan penumpang-penumpang itu. Dan saya...

Seorang Ahli: *[Bangun]*

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Minta saya habiskan sedikit ya. Saya juga merasakan kemungkinan saya tidak terfikir bahawasanya kerana berlakunya sesuatu kejadian *fire*, dengan izin, dalam wagon iaitu sudah tentunya ini kemungkinan akan merumitkan keadaan. Dan saya rasa saya tidak dapat menjawabnya di sini pada hari ini oleh kerana saya kena rujuk balik kepada pihak tertentu yang lebih mahir untuk menjawab apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itulah Yang Berhormat sudah habis?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ada berkaitan dengan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lapangan terbang sudah selesailah Yang Berhormat.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: ...Apa yang telah dibangkitkan oleh Seputeh tadi, ada beberapa perkara, ini saya rasa mencadangkan supaya kemudahan internet disediakan di lapangan terbang. Sememangnya kita telah memulakan menyediakan prasarana internet serta *wireless* di KLIA dan juga di lain-lain lapangan terbang dan ianya akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat. Dan berkaitan dengan papan tunjuk arah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching mengelirukan. Kementerian akan menyemak perkara ini dan akan mengambil tindakan sewajarnya. Penggunaan bahasa Inggeris di lapangan terbang tidak tepat. Perkara ini juga akan kita teliti dan kita akan ambil tindakan. Ruang bagasi di LCC Terminal di Kota Kinabalu adalah sempit. Jadi memanglah *Low Cost Carrier Terminal*, dengan izin, di Kota Kinabalu sedang dinaik taraf di mana ruang akan diperbesarkan serta ruang bagasi akan dipertingkatkan bagi mengatasi masalah-masalah tersebut. Jadi Tuan Pengerusi saya rasa setakat itulah saya dapat jawab.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ya.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Dari Putatan fasal kereta api negeri Sabah, belum dijawab.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ya. Hem...!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau panjang boleh secara bertulislah.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ya Tuan Pengerusi saya minta jasa baik Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Secara bertulislah.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:Kalau saya dapat menjawabnya dengan secara bertulis.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ini penting *because* ini pertanyaan daripada rakyat ini.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ya saya akan menjawabnya dengan cara bertulis kerana ini memakan masa sedikit Yang Berhormat ya. Insya-Allah saya akan jawab dengan cara bertulis ya. Jadi saya rasa itu sahaja lah yang dapat saya jawab pada petang ini. Dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah banyak mengemukakan cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan yang bernas untuk diambil perhatian oleh kementerian saya. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob)
mempengerusikan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM44,577,000 untuk Maksud B.28 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM44,577,000 untuk Maksud B.28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,259,200,000 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,259,200,000 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2006.

Maksud B.29 [Jadual] -

Maksud P.29 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2006] -

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.29 dan Kepala Pembangunan P.29 di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi terbuka untuk dibahas. Ya Tuan.

4.33 ptg.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk turut serta untuk membahaskan maksud B.29 Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi di Butiran 03200 Sabah Electricity Sdn. Bhd. bagi negeri Sabah yang melibatkan perbelanjaan RM77,999,000 dan juga Butiran 11400 Rancangan Bekalan Air Negeri Sabah melibatkan perbelanjaan RM465,500,000. Tuan Pengerusi dalam soal peruntukan untuk *Sabah Electricity Board* ini tentu sekali kita menyokong apa juga yang dibuat untuk mempertingkatkan bekalan elektrik di negeri Sabah ini, tetap menyokong. Persoalan yang selama ini kita menghadapi negeri Sabah ialah soal *black out* yang tidak habis habis. Sekejap sekejap *black out* sekejap *black out* jadi kita mohon sekali lagi pihak Timbalan Menteri menjelaskan pada kita apa langkah-langkah.

Kita sudah tahu yang ada grid mahu dibuat daripada Sandakan ke Kota Kinabalu ke Kudat dan sebagainya tetapi sampai bila ini dan kita ingin tahu apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan supaya *black out* di negeri Sabah ini dapat dikurangkan sebab ini mengakibatkan banyak masalah kepada rakyat. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk bertanya apakah soal pampasan setelah semasa pembinaan grid daripada melawat dari Kota Kinabalu ke Kudat yang telah melalui kawasan saya di Tuaran sudah diselesaikan. Dan apakah lagi masalah-masalah yang dihadapi sebab rakyat di kawasan Tuaran masih lagi jumpa dengan saya tentang permasalahan yang mereka hadapi dalam hal ini.

Tuan Pengerusi saya beralih kepada soal Rancangan Bekalan Air Negeri Sabah yang melibatkan RM465,000 ini. Sebenarnya ini melibatkan pembinaan tambahan loji di kawasan saya di Tuaran iaitu di Tambilaung, dan pihak Jabatan Air Negeri Sabah telah membina ini untuk memastikan supaya masalah bekalan air bagi seluruh bandar raya Kota Kinabalu dan juga di kawasan khususnya sampai ke Penampang dan juga barangkali sampai ke daerah Tuaran di daerah Papar di masa akan datang tidak menghadapi masalah. Iaitu apabila musim kemarau air masih boleh dibekalkan sebab walaupun air di Sungai Tuaran tohor kita boleh ambil daripada loji daripada empangan untuk di *treat* dan akhirnya dibekalkan ke kawasan Kota Kinabalu. Dan begitu juga semasa banjir sekarang ini kita menghadapi masalah tetapi setelah hal ini selesai masalah bekalan air dapat diatasi. Dan tentu sekali kita menyokong, selama ini kita menyokong pembinaan loji ini.

Persoalan di hadapan kita sekarang juga dipaparkan oleh pihak media ialah soal pampasan tanah-tanah yang telah diambil untuk pembinaan loji. Dan dalam hal ini saya selaku Ahli Parlimen Tuaran pun selama ini tidak terlibat tidak diberitahu tentang projek ini sehinggalah masalah pihak kontraktor telah menghadapi kebuntuan di mana orang-orang kampung pemilik-pemilik tanah tidak mahu pindah selagi projek ini pampasan tidak dapat diselesaikan. Dan saya sendiri terlibat selepas itu saya minta taklimat daripada pihak pejabat daerah lepas itu Pihak Jabatan Air telah memberi taklimat. Dan kita terlibat lepas itu kita minta supaya pihak kontraktor dan pihak yang terlibat dapat duduk bersama menyelesaikan masalah supaya kerja dapat diteruskan dan pampasan itu dapat dilaksanakan.

Persoalan di sini ialah apabila projek-projek seperti minyak jalankan kita tidak libatkan supaya kita dapat membantu. Sudah menghadapi kebuntuan baru melibat kepada kita. Dalam hal ini Tuan Pengerusi apa yang menghairankan saya ialah pampasan terhadap sikap yang telah diambil apabila mengambil tanah-tanah orang-orang kampung ialah kalau mereka tidak dapat terima tawaran harga yang diberi kita boleh gunakan seksyen 3, Ordinan Tanah Negeri Sabah iaitu *acquisition* ambil sahaja. Kalau sikap begini tentu sekali tidak boleh menyelesaikan. Dan saya amat terkejut Tuan Pengerusi pada ketika itu saya di luar negeri secara kebetulan dengan tugas-tugas Parlimen dipaparkan oleh TV3 tentang masalah ini dan riuh seluruh Tuaran tentang masalah pampasan di Tambilaung tentang projek ini. Dan bila saya balik saya mengatakan kenapa pihak pejabat daerah pihak-pihak yang terlibat ini tergesa-gesa sedangkan kita ini sebenarnya dalam perbincangan.

Dan sebelum mereka mengambil tindakan, saya sendiri sebagai Ahli Parlimen telah mengambil inisiatif untuk mencari tapak di mana kita boleh pindahkan 15 buah keluarga yang tidak mempunyai tanah pun di sana.

Mereka selama ini menumpang di tanah ini dan hari ini baru kita dalam proses untuk memindahkan tempat mereka berpindah. Persoalan saya di sini ialah projek yang begini punya besar kenapa persoalan orang-orang kampung yang dipindahkan ini kebajikan mereka ini tidak diambil kira dari mula.

Dan yang paling penting penglibatan kami pemimpin-pemimpin, Ahli-ahli Parlimen seharusnya dari mula dilibatkan supaya kita dapat bersama-sama dengan kerajaan menyelesaikan perkara-perkara yang boleh melambatkan projek ini. Hari ini saya boleh katakan bahawa kontraktor pun tidak boleh masuk dan terhalang oleh sebab pemilik tanah belum lagi berpindah dan kita dalam proses untuk memindahkan orang kampung ini tetapi dalam hal ini sekali lagi soal penyelarasan. Apabila kita lihat projek sedemikian besar, kita pun amat khuatir kalau Rancangan Malaysia Kesembilan begitu banyak projek-projek, jika sekiranya kita tidak terlibat dengan secara baik, jika sekiranya projek-projek ini tidak diselarasakan dengan pelbagai agensi kerajaan, saya khuatir projek-projek ini gagal dan tidak dapat dilaksanakan pada masa yang ditetapkan.

Dan saya mohon pada masa yang sama Tuan Pengerusi, ihsan daripada pihak kementerian ini supaya memastikan kami di Tuaran ini, kamilah yang akan membekal air di seluruh Bandar Raya Kota Kinabalu termasuklah Taman Perindustrian Kota Kinabalu dan hari pula banyak kampung-kampung di Tuaran ini, kami yang pembekal ini, banyak kampung-kampung yang tidak mempunyai dan menghadapi masalah bekalan air. Termasuklah rumah Ahli Dewan Undangan Negeri saya sendiri, Ketua Bahagian UMNO, rumah dia pun menghadapi masalah bekalan air sebab paip-paip yang ada sekarang kecil. Ia punya *non-revenue water* pun tinggi.

Jadi kita mohon supaya kita diberi keutamaan. Jangan sahaja ambil air daripada daerah kita di Tuaran, lepas itu dengan pelbagai masalah yang kita hadapi sekarang tetapi akhirnya kami sendiri, Tuaran pula menghadapi masalah bekalan air. Kami mohon supaya kami diberi keutamaan. Jangan pula orang di Kota Kinabalu senang-senang dapat air, lepas itu kita di Tuaran menghadapi masalah air sedangkan kita berhempas pulas untuk memastikan supaya satu projek yang boleh membekalkan air untuk Kota Kinabalu ini dapat diselesaikan dalam baik. Saya ingat itu saja penjelasan saya memohon. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Serdang.

4.43 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya secara ringkaslah minta penjelasan daripada pihak kementerian berkaitan dengan projek menyalurkan air daripada Pahang ke Negeri Selangor. Banyak kenyataan dikeluarkan dan kelirukan rakyat Selangor sebagaimana negeri Pahang mengatakan masih belum ada rundingan diadakan berkaitan dengan projek air daripada Pahang ke Selangor tetapi kita akan menghadapi masalah kekurangan air dijangka pada tahun 2008 di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Kenyataan telah dikeluarkan. Jadi ini satu masalah besar yang akan menjejaskan bekalan air minuman di ketiga-tiga kawasan ini.

Jadi satu projek telah dicadangkan begitu lama tetapi sehingga kini kenyataan begitu bercanggah antara satu sama lain. Apa sebenarnya berlaku dengan projek penyaluran air dari Pahang ke Selangor? Rakyat Selangor memang bimbang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya akan terlibat juga.

Kalau tidak ada projek selain daripada projek yang dicadangkan ini, apa langkah akan diambil untuk mengatasi masalah kekurangan air yang mungkin akan berlaku pada tahun 2008? Kenyataan ini dikeluarkan oleh kementerian sendiri iaitu dimaklumkan bahawa kekurangan air mungkin akan berlaku sedemikian. Katakanlah tidak ada langkah akan diambil seperti projek menyalurkan air dari Pahang ke Negeri Selangor atau langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian atau SYABAS di Negeri Selangor.

Ini hendak minta satu penjelasan, supaya memberi gambaran nyata untuk mengelakkan kekeliruan kepada rakyat di Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur. Kedua Tuan Pengerusi, permohonan daripada Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. iaitu SYABAS pada tahun lalu kepada kementerian dan kerajaan negeri untuk mengkaji semula di mana *bulk meter* di apartmen atau rumah kos rendah, rumah pangsa sederhana atau kondominium jadikan individu meter supaya elakkan banyak pertelingkahan dan satu masalah besar berlaku ketika ini.

Saya difahamkan bahawa permohonan, rayuan atau pandangan daripada SYABAS kepada kementerian dan kerajaan negeri sehingga kini masih belum ada satu keputusan. Saya tidak tahu mengapa kementerian mengambil masa panjang untuk mempertimbangkan. Kepentingan rakyat akan terjejas sebab sesetengah apartmen atau pangsapuri itu terlibat dengan bayaran hutang dan bekalan air dipotong oleh SYABAS kerana dia ada tanggungjawab untuk menjalankan tindakan demikian kerana kutipan balik hutang tetapi kalau potong air, dia potong *bulk meter* itu. Ertinya semua seluruh apartmen itu tidak ada bekalan air termasuklah orang atau penghuni-penghuni yang menjelaskan bayaran bil bulanan itu. Jadi ini mencetuskan kemarahan penghuni-penghuni yang membayar bil mengikut jadualnya. Jadi ini satu masalah yang sedang kita hadapi di kawasan Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur.

Itu sebab saya telah kemukakan rayuan kepada SYABAS dan mengemukakan cadangan supaya pertimbangkan semula atau dikaji semula sistem ini supaya *bulk meter* tidak digunakan di apartmen dan gantikan dengan individu meter air kepada setiap unit rumah. Jadi apa keputusan atau pandangan daripada kementerian sehingga kini? Ini penting kerana melibatkan beribu-ribu rumah di Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur yang masih menunggu. Pengguna-pengguna air ini sedang menunggu keputusan daripada kementerian. Saya mintalah penjelasan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jasin.

4.47 ptg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hendak pergi kepada Butiran 09000 - Program Pembangunan Industri Bekalan Elektrik. Tuan Pengerusi, saya tengok akhir-akhir ini TNB - tentang bekalan tenaga elektrik, TNB telah menjadi seperti GLC-GLC yang lain punya pengurus yang muda. Kononnya kita harapkan bertambah cekap pengurusannya tetapi akhir-akhir ini kita lihat, TNB terpaksa memohon kepada kerajaan untuk menaikkan kadar elektrik. Kalau dulu TNB di bawah LLN, kita dapati bahawa bekalan elektrik tidak ada masalah sangat dan ketika itu LLN mempunyai simpanan wang yang begitu banyak tetapi sekarang ini, sejak ada pengurusan baru yang dinamakan GLC, pengurus dia dibayar gaji berpuluh-puluh ribu.

Saya dengar gaji dia satu tahun berjuta, RM1 juta. Kerja dia pengurusan *ad-hoc* nak cepat untung, buang kerja orang dan jual harta TNB. Tahun pertama okeylah, potong *overhead* dan buang kerja orang. Dapat jimat duit TNB dan dapat untung sedikit. Tahun kedua menjual harta TNB dan tanah-tanah kerajaan negeri yang diberi kepada Lembaga Elektrik dalam bandar-bandar yang strategik dijualnya. Kita hendak tengok tahun yang ketiga ini pula, dah tak cukup duit, kata rugi. Akhirnya terpaksa minta kepada kerajaan untuk menaikkan tarif elektrik.

Yang mendukacitakan saya pada hari ini, orang di bandar, orang di Kuala Lumpur dan orang di bandar besar membayar tarif elektrik yang sama juga dengan orang Sri Gading, orang luar bandar, orang Jasin, orang luar bandar. Orang dalam bandar Tuan Pengerusi, tidak pernah dihantar notis mengatakan bahawa TNB nak *shut down* dia punya elektrik 24 jam tapi di luar bandar, kejam-kejam dia hantarnya surat *shut down, shut down, shut down. Shut up* tak tahu. Kadang-kadang tak hantar surat pun. Satu hari sampai dua hingga tiga kali tergendala. Apa orang bandar bayar bil elektrik lebih tinggi daripada orang luar bandar kah? Tarif sama, dalam bandar pun sama dan di luar bandar sama tetapi diberi perhatian kepada orang dalam bandar. Orang luar bandar pun peliharaan ikan Tuan Pengerusi, orang luar bandar pun pada hari ini akuarium, orang luar bandar pun hari ini mempunyai industri kampung. Kalau dipotong elektrik ini, bagaimana mereka nak cari makan? Kalau di dalam bandar siap ada *standby generator*. Di kampung, mampuslah engkau.

Adakah ini, Astaghfirullah al'azim ini saya dapat khabar rakan-rakan kita di luar bandar yang tidak ada bekalan elektrik meminta-minta. Baru-baru ini TNB luluskan satu projek RM57 juta untuk pembekalan elektrik di Pulau Ketam, Selangor yang ada lebih kurang 200 hingga 300 buah rumah belanjanya RM57 juta untuk apa, untuk *underground cable under sea submarine cable* RM57 juta untuk 200 lebih rumah. Di Sabah saya kira kawasan Datuk RM50 juta selesai saya kira. Ini satu pulau yang kecil tetapi kerana apa orang bandar. Orang bandar, orang Jasin biar dia gelap. Luar bandar. Jadi kita mintalah TNB ini, orang kampung pun begitu, orang Tampin saya tidak tahu, pun sama lebih kurang macam Jasinlah juga. Dia cerah sedikit kerana Timbalan Menteri duduk sana. Ini yang berlaku sekarang jadi kita minta supaya TNB jangan pilih bululah. Orang luar bandar pun bayar tarif yang sama macam orang dalam bandar.

Yang kedua Tuan Pengerusi, Butiran 07400 - Rancangan Bekalan Air Negeri Melaka. Saya ucap terima kasih kepada kementerian tetapi malangnya *dam* itu dekat Jasin Yang Berhormat bagi Sri Gading, jadi seluruh daerah Jasin, Parlimen Jasin diisytiharkan sebagai kawasan tadahan air, tidak boleh wujudnya industri, tidak boleh wujud apa semua tidak boleh, pembangunan tidak boleh menjadikan Jasin pada hari ini masih status Majlis Daerah. Alor Gajah sudah Majlis Perbandaran, Bandar Melaka sudah jadi Bandar Raya. Jasin masih lagi Majlis Daerah. Hendak bangun tidak boleh, lebih-lebih lagi mendukacitakan bawah kementerian ini pula Telekom mengambil tanah di kawasan Jasin 500 ekar hendak buat Universiti Telekom. Punya seronok orang Jasin tetapi sepuluh tahun dahulu. Sekarang dengar-dengar pula projek itu sudah ditarik ke tempat lain. Tanah sudah jadi semak samun jadi kementerian...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya hendak masuk yang telekom, telefon fasal dalam ini tidak ada....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau tidak ada tidak usah bangkitkanlah. Dia sebut universiti Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tak, fasal Yang Berhormat bagi Jasin ada sebut saya nak tegur Maxis dia buat *banner* di Johor Bahru Tuan Pengerusi ialah kerana pengiklanan dia untuk jual ke Singapura.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hari Jumaat, minggu depan Yang Berhormat bahas.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Banner* dia bawahnya gambar bendera Singapura. Orang Johor Bahru marah dalam suasana hendak menyambut kemerdekaan negara yang lebih ditonjolkan bendera Singapura. Kita faham dia nak jual....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Fasal Johor Bahru, Singapura itu biasalah Tuan Pengerusi tetapi macam mana tidak terfikir isi hati dia dalam suasana negara menyambut kemerdekaan....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sri Gading cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Biar Timbalan Menteri dengar, kemudian dia beritahu boleh turunkan malam ini juga. *Banner* itu bendera Singapura.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading, jadi saya mintalah kementerian oleh kerana bekalan air ini dekat Melaka ini. Jasin pula jadi kawasan tadahan air, bermakna orang Jasin ini berkorban untuk semua rakyat negeri Melaka. Tidak dapat bangun kawasan industri, tidak dapat itu ini kerana kawasan tadahan air. Oleh yang demikian mana projek kementerian kawasan Jasin ini jika tidak dapat universiti, sekolah telekom pun jadilah. Daripada dapat tinggalkan Jasin 500 ekar semak samun sudah sepuluh tahun, tanah orang kampung diambil hendak jadi universiti orang Jasin sokong, ambillah tanah kami ini kerana hendak membangunkan Jasin kerana ada universiti akan menjadi pemangkin pembangunan Jasin, kemegahan akhirnya semak samun tertipulah orang Jasin.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulung Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Jadi saya berharaplah kementerian kalau tidak dapat universiti, sekolah-sekolah kecil telekom pun jadilah. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat. Lepas ini kementerian menjawab.

4.53 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sedikit Tuan Pengerusi Butiran 040840 iaitu Rancangan Bekalan Air Negeri Perak. Tuan Pengerusi saya ingin tahu amaun yang akan diagihkan ini adalah untuk apa yang akan diguna pakai?

Ini memandangkan di negeri Perak satu negeri yang mengeluarkan air yang banyak dan baru-baru ini saya difahamkan satu *dam* atau empangan telah dibina dengan harga RM250.3 juta. Saya difahamkan empangan ini tidak sepatutnya dibina memandangkan kita ada satu dari antara asas yang digunakan oleh Lembaga Air Perak adalah bahawa mereka memerlukan empangan ini dibina untuk menyimpan air selama enam bulan, jika ada *contingency*.

Di mana ada rasionalnya walhal kalau kita membeli beras pun kita hanya simpan untuk satu bulan. Kenapa kita perlu air untuk enam bulan dan saya ingin tahu berapakah amaun air yang dipinjam oleh Lembaga Air Perak, dan wang yang akan diagihkan sebanyak RM57,300. Adakah ia akan diguna pakai untuk menggantikan paip-paip bocor dan mengatasi masalah *non revenue water* di negeri Perak, di mana pada masa ini saya difahamkan kadarnya adalah lebih kurang 30% dan apakah strategi yang ada atau arahan yang akan diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri Perak supaya memilih tarif yang sedang digunakan di Penang, di mana *non revenue water* adalah yang paling baik di seluruh negara, dan juga harga air di negeri Pulau Pinang adalah yang paling baik berbanding dengan negeri-negeri lain di negara ini.

Dan negeri Perak walaupun Lembaga Air Perak telah pun untung sebanyak RM54 juta tahun dulu telah mencadangkan untuk menaikkan harga air, dan adakah ini satu perkara yang digalakkan oleh Kerajaan Persekutuan. Apakah arahan atau pemantauan yang telah dibuat atau diberi kepada Lembaga Air Perak supaya mereka lebih cenderung dan hanya bertumpu kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan Lembaga Air Perak, dan mereka sepatutnya tidak meluangkan masa untuk menjalankan perniagaan-perniagaan lain yang tidak ada kena-mengena dengan Lembaga Air Perak. Dan setakat manakah kawal selia yang dibuat oleh kementerian supaya Lembaga Air Perak yang dikatakan akan diswastakan dan apakah situasi bila SPAN dan badan-badan lain yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan akan mengadakan satu kawal selia atau boleh ada efektifnya untuk mengawal selia Lembaga Air Perak.

Akhir sekali saya ingin tahu apakah peranan Kerajaan Persekutuan supaya memberi arahan atau mendapat tahu bahawa ramai di antara *directors* Lembaga Air Perak baru-baru ini telah pergi ke beberapa buah luar negara. Di antara adalah ke New Zealand untuk mempelajari apakah sistem mereka yang baik dan untuk diguna pakai di negeri Perak. Adakah ini digalakkan, walhal setiap negeri nampaknya menghantar satu rombongan ke beberapa negara dan hanya membazir wang. Tidak ada apa yang tidak boleh dipelajari di negara ini. Kenapa pula kita tidak menghantar rombongan ke Singapura yang mengadakan satu sistem air yang boleh dikatakan baik di seluruh dunia. Kenapa perlu Lembaga Air Perak menggunakan wang yang diagihkan untuk menghantar pihak mereka ke luar negara. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh.

5.01 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya mengambil sedikit masa sahaja untuk memberi bantuan kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dari Sabah termasuk Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya setuju tentang peruntukan tambahan sebanyak RM77 juta diberi kepada Sabah Electricity Sendirian Berhad.

Saya hanya hendak berkongsi satu pengalaman saya, pada beberapa minggu yang lepas bila saya berada dalam hotel di Kota Kinabalu. Saya hanya berada dalam hotel untuk tidur waktu petang selama tiga jam sahaja. Aliran elektrik putus tiga kali.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Jumpa kawan! Buat apa dalam bilik?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Seorang sahajalah. Tuan Pengerusi, saya rasa sangat terperanjat untuk lihat terputusnya bekalan elektrik yang begitu kerap yang berlaku di ibu kota di Sabah iaitu Kota Kinabalu. Untuk maklumat Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dari Sabah saya selalu terima sms daripada orang daripada Sandakan yang mengadu tentang masalah terputusnya bekalan elektrik yang begitu kerap berlaku di Sandakan.

Jadi saya hanya hendak tanya satu soalan daripada pihak kementerian adakah RM77 juta ini cukup untuk mengatasi masalah terputusnya bekalan elektrik yang begitu kerap berlaku di Sabah. Adakah ini cukup dan saya lihat ini adalah tambahan pinjaman langsung kepada Sabah Electricity Sendirian Berhad. Adakah ini bermaksud bila semua pinjaman ini diberi jadi pada masa akan datang orang-orang di Sabah akan dipaksa membayar harga elektrik yang lebih tinggi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, cukup Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi saya berharaplah pihak kerajaan akan mengambil berat tentang masalah yang begitu serius tentang terputusnya bekalan elektrik yang berlaku begitu kerap di Sabah. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kudat.

5.03 ptg.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan hanya satu dua masalah iaitu sememangnya seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh bahawa masalah bekalan elektrik yang tidak konsisten adalah merupakan satu masalah yang serius. Cuma saya ingin menyatakan di sini bahawa Ahli-ahli Parlimen Sabah memang telah pun menyuarakan banyak kali di dalam Dewan yang mulia ini dan ini sebenarnya adalah kali pertama saya dengar Yang Berhormat bagi Seputeh seolah-olah beliau ini ingin menjadi jaguh kepada rakyat negeri Sabah tetapi sebenarnya Ahli-ahli Parlimen negeri Sabah telah pun banyak membawa masalah ini. Rakan-rakan saya yang ada di sini sememangnya mereka prihatin dengan masalah ini. Cuma satu perkara yang saya ingin...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh bangun.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Tidak ada penjelasan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Penjelasan Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi Yang Berhormat. Dia tidak bagi. Sila duduk.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Tidak perlu penjelasan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, sebab saya bangkitkan semua masalah ini ialah selama ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Seputeh, dia tidak bagi jalan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Sebab sudah tidak ada wakil rakyat dari parti pembangkang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Teruskan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Itulah sebabnya masalah terputusnya bekalan elektrik kerap berlaku di Sabah.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Kami tidak memerlukan pembangkang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Seputeh sila duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi saya hanya cuba hendak tolong Yang Berhormat dari Sabah sahaja.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Sahabat saya Yang Berhormat Seputeh, sebenarnya kita tidak memerlukan pembangkang di negeri Sabah, kerana Ahli-ahli Parlimen dan wakil rakyat dari negeri Sabah juga mempunyai tanggungjawab yang begitu berkesan di dalam membawa masalah-masalah rakyat.

Satu perkara yang ingin saya bangkitkan iaitu berkaitan dengan sistem grid yang akan dilaksanakan khususnya di kawasan saya iaitu kawasan Parlimen Kudat yang juga melibatkan kawasan daerah Pitas. Saya diberitahu bahawa projek ini telah pun tertangguh banyak kali dan projek ini telah pun begitu lewat dan apa yang berlaku sehingga hari ini memanglah masalah bekalan elektrik yang sentiasa terputus adalah merupakan satu masalah yang serius. Apatah lagi pada bulan September ini kita akan membuka satu hospital baru yang telah pun siap di daerah Pitas dan saya percaya dengan pembukaan hospital baru ini sudah tentu memerlukan konsisten *electricity supply* untuk hospital ini. Dan masalah ini saya harap supaya pihak kementerian khususnya Timbalan Menteri dapat melihat masalah ini apakah berlaku kepada projek sistem bekalan grid ini. Bilakah akhirnya sistem grid ini dapat diselesaikan ataupun disiapkan dan memberikan konsistensi kepada bekalan elektrik di kawasan saya.

Yang kedua ialah seperti mana yang diketahui bahawa satu pulau di kawasan saya itu daerah Pulau Banggi yang hanya mendapat bekalan elektrik selama 12 jam dalam satu hari. Jadi adakah apabila sistem grid telah dilaksanakan di kawasan Kudat dan juga Pitas, maka enjin-enjin diesel yang terdapat di kedua-dua daerah ini boleh dipindahkan ke Pulau Banggi untuk membolehkan penduduk seramai 12,000 di pulau itu mendapat konsisten bekalan elektrik iaitu 24 jam sehari. Kerana di tempat itu juga banyak pejabat-pejabat kerajaan dan juga sekolah-sekolah yang tidak dapat menggunakan kemudahan-kemudahan seperti komputer, disebabkan ketiadaan bekalan elektrik di kawasan itu.

Yang ketiga iaitu berkaitan dengan Butiran 11400, Rancangan Bekalan Air Negeri Sabah.

Kita amat berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di atas keprihatinan untuk memberikan peruntukan yang begitu banyak untuk menukar paip-paip yang sentiasa menjadi satu masalah *non revenue water* di negeri Sabah yang merupakan antara yang tertinggi tetapi adakah seperti mana yang saya jelaskan bahawa masalah bekalan elektrik di kawasan saya khususnya di daerah Pitas masih lagi merupakan satu masalah yang serius. Sehingga baru-baru ini apabila saya dijemput ke satu sekolah di SMK Pingga-Pingga untuk merasmikan satu hari ucapan. Saya telah diberitahu oleh guru besar tersebut bahawa ada tiga blok rumah guru yang telah pun siap lebih kurang tiga tahun sehingga hari ini tidak dapat digunakan. Ini kerana tidak ada bekalan air, dan ramai juga daripada guru-guru ini yang terpaksa menyewa di sekolah, dan kita minta supaya pihak kementerian walaupun masalah bekalan air ini adalah masalah negeri.

Akan tetapi juga mungkin kementerian mempunyai berdasarkan kepada bantuan-bantuan yang diberikan kepada kerajaan negeri dapat melihat perkara ini supaya masalah-masalah sebegini dapat diselesaikan. Sebahagian besar daripada penduduk di kawasan daerah-daerah terpencil seperti daerah Pitas ini masih lagi mengharapkan kepada bekalan air graviti. Dan seperti mana yang kita tahu bahawa penebangan hutan dan juga penggunaan racun-racun makhluk perosak telah menyebabkan sumber-sumber tadahan air ini terdedah kepada keracunan yang sudah tentu akan memberikan kesan kepada kesihatan penduduk di situ.

Jadi saya fikir itu sahaja yang penting dan ini membuktikan bahawa kami ahli Parlimen Barisan Nasional sememangnya memang prihatin dan kita tidak mengharapkan rakan-rakan kita. Kalau mereka membantu itu tidak menjadi masalah...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Memang kerajaan tidak prihatin, wakil rakyat mungkin prihatin kerana tidak ada pembangkang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Macam di kawasan Seputeh, di Kuala Lumpur, di Penang yang mana ada wakil DAP.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Seputeh, cukuplah!

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidak ada masalah terputusnya bekalan elektrik.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Seputeh duduklah Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk Yang Berhormat Seputeh. Sekarang saya jemput wakil daripada kementerian. Timbalan Menteri sila.

5.09 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Tuan Pengerusi terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat jawatankuasa berhubung dengan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi sebentar tadi.

Terdapat enam orang Ahli Parlimen yang telah memberi pandangan-pandangan dan cadangan berhubung dengan kementerian ini, dan saya juga agak hairan bagaimana Yang Berhormat bagi Seputeh tiba-tiba ingin menjadi jaguh kepada masalah rakyat di negeri Sabah. Rata-rata Ahli-Ahli Parlimen daripada Sabah yang telah bangun sebentar tadi iaitu Yang Berhormat bagi Tuaran dan Yang Berhormat bagi Kudat telah mempersoalkan dari segi bekalan elektrik di negeri Sabah dan juga bekalan air di negeri Sabah.

Untuk pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang sedar akan masalah gangguan bekalan elektrik dan air yang sering kali terjadi di Sabah khususnya di kawasan Sandakan dan sedang berusaha mengatasi masalah-masalah tersebut. Kerajaan sedang mengambil pelbagai langkah bagi menangani kedua-dua isu tersebut. Dari segi bekalan elektrik di Sabah, sebenarnya untuk memperbaiki bekalan elektrik di Sabah ini bukanlah suatu perkara yang mengambil masa satu hari atau pun seminggu. Kerajaan berusaha bersungguh-sungguh untuk memperbaiki bekalan elektrik di Sabah, tapi kita perlu ingat dalam bekalan elektrik, pertamanya kita mesti ada dari segi *generation* nya, jana kuasanya. Kemudian *transmission* nya seperti mana yang saya selalu katakan, yang ketiganya *distribution* nya. Barulah kita mempunyai bekalan elektrik yang cukup mantap bagi sesuatu kawasan.

Dan manakala masalah yang dihadapi di negeri Sabah, bukanlah masalah yang baru. Ini adalah masalah yang dahulu yang terpaksa dihadapi dan kerajaan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengatasi masalah ini dan perkara-perkara yang cuba diatasinya adalah antaranya, menyediakan bekalan elektrik yang cukup. Pertamanya dari segi *supply*.

Apabila untuk memastikan *supply electricity* di Sabah ini cukup, sudah pastilah kita akan menambah bekalan elektrik di Sabah, dengan itu kita telah bersetuju, kementerian telah bersetuju kita adakan IPP Sepangar Bay dengan kapasiti penjanaan sebanyak 100 mega watt, kemudian *IPP Powertron* dengan tambah kapasiti 70 mega watt dan yang ketiga *IPP Ranhill Power Rangers* dengan kapasiti penjanaan sebanyak 190 mega watt yang mana ketiga-tiga projek jana kuasa ini akan siap pada tahun 2006, 2007 dan 2008.

Maka dengan adanya bekalan *electricity* yang mencukupi di negeri Sabah, barulah kita boleh memikirkan dari segi penghantarannya dan kemudian dari segi *distribution* nya ke peringkat kawasan-kawasan dan sebagainya. Dan pada hari ini, pembinaan grid pantai timur dari Tawau dan Sandakan telah siap dan grid ini telah di mula tugas pada 7 Mac 2004...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ya saya, terima kasih.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri ya. Ini berkenaan bekalan elektrik di Sabah.

Apakah Yang Berhormat sedar sekarang ini sedang di *circulate* satu *e-mail* di mana mengatakan *Sabah Electricity Sdn. Bhd* atau SESB adalah bermakna *Sandakan everyday sure blackout...*

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Apa dia?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *Sandakan everyday sure blackout.* Ini sedang di *circulate e-mail* ini. Dan walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri mengakui bahawa ia akan mengambil masa dan sedang berusaha bersungguh-sungguh dalam jangka masa, sementara kerajaan sedang berusaha bersungguh-sungguh ini apabila aliran elektrik ini putus, perniagaan tidak boleh dijalankan.

Jadi apakah dalam situasi demikian, kerajaan, kementerian akan memberikan *rebate* kepada mereka? Ini adalah menurut *e-mail* yang sedang di *circulate*, mereka mohon *rebate* enam bulan, *full rebate*, satu.

Kedua, *generator set* kepada setiap penghuni dan premis perniagaan dan pohon maaf kepada mereka. Apakah akan pertimbangkan cadangan ini sementara kerajaan sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk mengatasi masalah ini yang akan mengambil masa.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih, Yang Berhormat sebagai saya katakan tadi, masalah di Sabah ini bukan masalah yang lahir semalam atau pun minggu lepas atau pun bulan lepas tetapi masalah ini adalah masalah yang dahulu-dahulu lagi, yang diperbaiki dari sehari ke sehari. Dan bagi pihak kementerian, bukan kami berpeluk tubuh dan kita juga tak minta SESB berpeluk tubuh. Malah bukan sahaja dalam peringkat perancangan, kebanyakan projek-projek yang telah dirancang ini adalah di peringkat akhir.

Sebagai contohnya projek yang paling penting pada hari ini, projek sambung tara grid timur dan barat, yang mana pada hari ini, projek itu telah siap 95 peratus. Hanya tinggal 5 peratus lagi nak siap. Dan walaupun Yang Berhormat kata tadi, kalau tak cukup elektrik, apakah kerajaan biarkan sahaja macam itu? Tak! Kerajaan minta SESB cari, cari generator-generator yang sesuai supaya ia boleh dibekalkan di kawasan-kawasan tertentu. Yang kita buat, kita ambil *power buss*, kita bekalkan *power buss* dua biji di Sandakan.

Kita tak macam Yang Berhormat, hanya nak cari populariti sahaja. Kita lakukan. *Unless*, kecuali Yang Berhormat boleh bagi cadangan lebih baik, saya nak dengar selain daripada Yang Berhormat boleh buat bisung sahaja, cuba Yang Berhormat bagi apa yang lebih baik Yang Berhormat boleh buat. Yang dilakukan hari ini oleh kerajaan, kita perbaiki hari demi hari. Kalau Yang Berhormat ada cadangan lebih baik, saya mewakili kementerian ingin dengar, ingin dengar.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, inilah masalah...

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Tak payah. Duduk. Yang Berhormat, tadi saya sudah bagi cakap.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan. Ini *exactly the same* dibangkitkan oleh orang di Sandakan. Jangan panggil saya bisung-bising.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: *Now is my time to speak.*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Batu Gajah, dia tak bagi jalan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jangan panggil saya bisung-bising ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Batu Gajah, dia belum bagi jalan. Yang Berhormat Batu Gajah, sila duduk.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: *Hello, hello!*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jangan panggil saya bising-bising, ini bukan bising-bising.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: *Hello*, tadi saya dah bagi cakap. Sekarang *my time to speak*.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Keluhan, keluhan penduduk di Sandakan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya cakap. Saya cakap.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bukan bising-bising Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya cakap, saya cakap Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat ada pandangan yang lebih baik, saya nak dengar tetapi saya nak bagi tahu, kita tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat Ipoh Barat, you duduk diam-diam dahulu ha. Kita satu persatu. Dan kecuali Yang Berhormat Ipoh, Ipoh apa..., Ipoh Barat itu boleh buat *power plan* dalam masa tiga hari, saya tak tahu lah. Bagi kita, kita buat secara terancang dan teratur. Sebab itu kita buat ikut kaedah yang tertentu dan percayalah, rakan-rakan saya termasuk juga Yang Berhormat bagi Sandakan sendiri dia kata, dia kata, "Yang Berhormat, sekarang ini mutu perkhidmatan elektrik di Sandakan bertambah baik tetapi taklah baik sepenuhnya, tapi nampak ke arah kebaikan". Itu realitinya yang berlaku di Sabah pada hari ini. Kerana mereka sedar, kerajaan bukan sahaja bercakap-cakap kosong, malah melaksanakan program-program yang telah dirancang sebaik yang mungkin...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dengarlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia belum bagi jalan. Yang Berhormat Seputeh...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tunggu dia jawab lah.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat Tuaran, masalah pampasan tanah untuk tapak projek bekalan air.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan Yang Berhormat ya, minta penjelasan!

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Duduk, duduk!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi jalanlah, sila duduk Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bukan saya hanya nak

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi jalan Yang Berhormat. Sila duduk!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kamu pun bukan dari Sabah. Duduk, duduk!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk, duduk. Sila duduk!

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, saya nak menyokong..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi jalan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya nak menyokong semua suara daripada Ahli Parlimen dari Sabah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat dari Seputeh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey, sudah cukup. Duduk dululah Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Seputeh, duduklah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Duduklah Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Masalah keputusan elektrik di Sabah bila boleh diselesaikan. Bila, bila *dateline* itu? Sebelum pilihan raya yang akan datang?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Seputeh. Teruskan Timbalan Menteri.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat, kita boleh...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Haiyaa!* duduk diam-diamlah!

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat, kita boleh duduk sini bersempang fasal elektrik Sabah daripada petang ini sampai malam, tanpa kesudahan tetapi percayalah, yang kita lakukan itu lebih penting daripada kita sembang sahaja Yang Berhormat. Yang kita buat hari ini, projek berjalan dengan lancar di negeri Sabah. Itu yang kita nak lihat. Saya dah bagi tahu dari segi peringkat pembekalan elektriknya, ia akan siap tahun 2006, 2007, 2008...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Parlimen tempat *accountability*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Diamlah Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Apa ini?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Dan bagi peringkat Grid timur barat ini, dia akan siap dalam sebulan dua kerana hari ini ia telah siap 95 peratus. Saya juga bagi tahu berapa peratus yang telah siap. Bukan saya tak bagi tahu. *Okay* Yang Berhormat?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Maksudnya..

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sudahlah, dah bagi tahu itu. Hoi...!

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Pada 31 Disember tahun ini, tak ada masalah keputusan bekalan elektrik lah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Haiya!*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Haiya!*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Adakah ini, kata Yang Berhormat?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sakit telinga.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat, saya harap saya minta maaf kerana saya tak boleh cakap Cina. Saya cakap Melayu Yang Berhormat tak faham. Saya cakap daripada peringkat jana kuasa, ia boleh siap IPP Sepanggar Bay, Powertron dan Ranhill 2006, 2007, 2008. Saya tak kata Disember tetapi kalau Yang Berhormat nak minta saya *to translate in Chinese, I don't know*. Minta maaf.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri. Teruskan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Kemudian Yang Berhormat Tuaran, masalah pampasan tanah untuk tapak projek 'Telibong' dan Telipot, untuk projek pembinaan loji kolam takungan dan paip utama 'Telibong' dan Telipot, status pengambilan tanah yang melibatkan keluasan tanah 376.43 ekar dengan lot sebanyak 93 lot, jumlah yang telah dibayar ialah ialah 50 lot, yang sedang dalam proses pembayaran ialah 43 lot. Jumlah pampasan yang telah dibayar Rm14 juta. Pihak kerajaan negeri sedang berunding dengan mereka yang terlibat untuk menerima pampasan dan usaha Yang Berhormat Tuaran membantu menyelesaikan masalah pengambilan tanah amatlah dihargai.

Saya mengucap terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Tuaran kerana mengetengahkan masalah ini, walau bagaimanapun, sukacita saya memaklumkan kepada Yang Berhormat Tuaran bahawa masalah pengambilan tanah ini biasanya dirundingkan dengan kerajaan negeri dahulu. Bila kerajaan negeri bersetuju harga bagaimana barulah Kerajaan Pusat menyalurkan wang untuk dibayar dan ini mengambil masa. Kebanyakannya telah menerima pampasan, cuma ada beberapa lagi lot yang mana mereka rasa harga itu tidak berapa sesuai dan ini mengambil sedikit masa untuk sampai ke tahap kedua-dua pihak setuju dengan harga yang dicadangkan oleh kerajaan.

Yang Berhormat bagi Tuaran juga telah menanyakan dari segi gred Pantai Barat termasuk Tuaran. Sebagaimana saya nyatakan tadi langkah-langkah yang sedang diambil ialah meningkatkan sistem penghantaran dan pembahagian yang akan dilaksanakan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Bagi projek penghantaran untuk kawasan Kota Kinabalu sahaja sebanyak RM148.1 juta telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bagi projek pembahagian sebanyak RM92.7 juta pula telah diperuntukkan. Projek sambung tara Timur-Barat lewat disiapkan kerana masalah-masalah dalaman kontraktor, masalah pembekalan, masalah kecurian dan juga pembekalan bahan-bahan menara lewat dan tidak dapat memenuhi jadual penghantaran. Walau bagaimanapun, kontraktor yang lewat ini akan dikenakan tindakan dari segi bayaran penalti dan sebagainya.

Yang Berhormat Serdang telah bangun dan menanyakan dari segi projek penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek penyaluran air mentah tersebut sedang di peringkat untuk melantik juru perunding projek, kerja-kerja fizikal, projek dijangka bermula pada awal tahun 2008. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2013. Sementara itu, walaupun projek ini siap 2013, Yang Berhormat tidak perlu bimbang, air akan tetap cukup kerana kerajaan mengambil langkah-langkah tertentu antaranya untuk program mengurangkan NRW yang tinggi di negeri Selangor dan juga program untuk menjimatkan air di kawasan Selangor. Jadi, saya yakin dengan dua program ini, kita akan dapat menyelesaikan masalah di Negeri Selangor pada hari ini dan juga pada masa akan datang.

Kemudian Yang Berhormat bagi Serdang juga menyatakan masalah pemasangan meter individu kondominium oleh SYABAS. Sebenarnya ini bukan kali pertama, Yang Berhormat bagi Serdang bangkitkan soal ini, saya rasa saya pernah jawab. Pada hari ini pihak SYABAS dalam proses dalam buat satu *pilot project* di kawasan Yang Berhormat bagi Puchong dan saya rasa hasil daripada *pilot project* ini atau projek perintis ini adalah begitu positif dan sekiranya tidak ada halangan, kita akan minta nanti lebih banyak *apartment* atau pangsapuri-pangsapuri untuk memastikan bahawa setiap unit itu mempunyai bekalan atau mempunyai meter-meter mereka tersendiri. Kerana kadang-kadang ada juga terdapat apabila sebuah unit apartmen itu mereka ada *committee* mereka sendiri, dia ini kalau ada salah satu *apartment* itu tidak bayar, dijadikan ini sebagai bahan untuk potongkan air dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Puchong bangun Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. *Pilot project* yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu di Menara KLH itu saya difahamkan bukan untuk menguji setiap unit dengan meter individu tetapi, ada saya ingat *floor-by-floor* ataupun satu blok dengan satu blok yang lain. *Pilot project* yang ada di kawasan Puchong di Wisma KLH itu bukannya yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat dahulu iaitu setiap unit kita membekalkan satu meter air tetapi, saya difahamkan daripada MC sana, dia kata ialah tanya setiap tingkat ataupun merupakan satu meter bukan unit by unit. Saya pun tidak pasti, saya ingat saya boleh, kalau saya cadangkan Yang Berhormat mencadangkan kepada pegawai untuk mendapat maklumat yang tepat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Puchong, saya bersetuju dengan Yang Berhormat, mungkin kita boleh lihat secara peribadi bagaimana projek ini dijalankan di Bangunan KLH Puchong kerana saya dimaklumkan tujuan utamanya adalah untuk memastikan bahawa setiap unit di pangsapuri itu mempunyai meter mereka sendiri. Kerana kita tidak mahu kadang-kadang terdapat pangsapuri-pangsapuri yang mana mereka mempunyai *committee* mereka sendiri kerana satu unit tidak bayar *service* untuk pembersihan kah, guna sama air kah, mereka potong *the whole* bekalan air kepada penghuni-penghuni yang lain, itu yang saya rasa satu yang tidak adil kepada penghuni-penghuni di pangsapuri dan tinggal dan menetap di kawasan itu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Serdang.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Itu sebab, permohonan ini dari SYABAS untuk dijadikan *bulk meter* dijadikan individu meter kepada pemilik-pemilik individu itu ada kaitan dengan kaedah-kaedah yang tertentu, maka SYABAS mesti mengemukakan cadangan ini kepada kementerian dan juga Kerajaan Negeri untuk mendapatkan kebenaran. Kalau, kaedah-kaedah tidak dapat diikuti ini pemasangan individu meter tidak dapat dijalankan. Sebab itu saya minta, pihak kementerian adakah terima surat rayuan ini untuk menimbangkannya. Kalau sudah, macam mana keputusan, setuju atau tidak pihak kementerian untuk cadangkan kaedah-kaedah yang dikemukakan oleh SYABAS itu. Itu sahaja pentingnya.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Serdang. Saya tidak dapat memberi jawapan terperinci sama ada kita telah menerima surat itu atau tidak dan saya akan menyiasat perkara ini dan maklumkan kepada Yang Berhormat bagi Serdang, sama ada kita ada menerima surat rasmi atau tidak daripada pihak SYABAS untuk memastikan setiap rumah atau unit di pangsapuri ini dipasang meter untuk kegunaan bekalan air. Yang saya katakan tadi saya bersetuju kerana kadang-kadang tidak adil kerana satu rumah itu tidak bayar air dan yang semuanya kena potong dan yang menyedihkan kadang-kadang pihak yang menguruskan apartmen itu, pengurusan apartmen itu atau pangsapuri itu, mereka gunakan ini seolah-olah bahan mengugut.

Kalau dia tidak bayar untuk perkhidmatan keselamatan, perkhidmatan pembersihan, dia potong bekalan air kerana bil itu selalunya, bil yang bersama termasuk kos perkhidmatan pengurusan dan sebagainya. Ini yang berlaku pada hari ini dan kita peka tentang perkara ini dan kita melihatnya dengan terperinci dan akan melakukan sesuatu yang ternaik untuk memastikan nasib rakyat di rumah kos rendah dan juga pangsapuri kos rendah terus terbela.

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, empangan dan berhubung dengan NRW. Peruntukan yang dipohon oleh Kerajaan Negeri Perak adalah untuk membina projek-projek yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri dan Lembaga Air Perak seperti Program Pengurangan NRW, Pembinaan Loji Rawatan dan perluasan sistem agihan termasuk membina empangan. Pembinaan Empangan Kinta adalah bertujuan untuk menambah kapasiti sumber air mentah bagi menampung keperluan semasa.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mohon penjelasan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Silakan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Mengurangkan 'NWR' itu...

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: NRW!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: NRW, *non-revenue water* bila ia akan berkuat kuasa kerana beberapa tahun ini Lembaga Air Perak telah mengatakan bahawa *non-revenue water* akan dikurangkan dari taraf yang ada sekarang 30% ke taraf yang lebih baik tetapi tidak terjadi, jadi bilakah dari pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa ada *time limit for them to ensure* bahawa *non-revenue water* akan dicapai?

Dan apakah sebab kenaikan harga air di negeri Perak dibenarkan, adakah ia dibenarkan atau digalakkan oleh Kerajaan Persekutuan, walhal Lembaga Air Perak setiap tahun, pada tahun dahulu beruntung RM54 juta, adakah ini digalakkan oleh Kerajaan Persekutuan? Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, program NRW ini bukanlah satu program semacam *electricity* juga, ia mengambil jangka masa yang panjang. Saya tidak pasti, di Perak, mungkin dia punya kehilangan NRW adalah lebih kurang 30% lebih. Dari segi angkanya saya tidak berapa pasti, tetapi untuk mengurangkan NRW ini, ia adalah satu proses yang kita terpaksa menukar paip-paip lama, paip air yang usang kepada paip yang baru. Jadi apabila hendak menukar paip-paip yang lama dan usang ini kepada paip yang baru, sudah pastilah ia mengambil masa, Yang Berhormat. Ia tidak boleh kita tukar *the whole stretch of* negeri Perak dalam masa seminggu atau sebulan. Jadi kita kena tukar *stretch* yang tertentu mengikut jangka masa yang dibenarkan dan kosnya juga agak tinggi. Jadi kita kena ada perancangan yang terperinci mana satu kita hendak tukarkan dahulu dan berapa kosnya, berapa usia paip ini kerana saya yakin Yang Berhormat bagi Ipoh Barat juga tahu.

Sebenarnya semua paip yang kita gunakan pada hari ini dia ada *life spend* dia, jangka masa hayat paip itu. Kadang-kadang paip ini ia boleh 'hidup' 25 tahun sahaja. Ia boleh tahan untuk 25 tahun sahaja tetapi kita terlangsung guna. Kadang-kadang sampai ke 35 tahun atau 40 tahun. Sebab itu ada paip-paip yang bocor. Jadi kita hendak cari mana yang lebih keutamaan. Mana yang sudah terlalu lama, lebih daripada jangka hayatnya. Jadi yang lama-lama ini kita bagi prioriti tukar dahulu. Ini yang kita lakukan.

Dari segi kenaikan harga itu, sebenarnya dari segi bekalan air pada hari ini masih lagi di bawah kerajaan negeri. Jadi saya tidak dapat bagi Yang Berhormat jawapan yang terperinci dan saya akan cuba bagi jawapan. Apabila saya dapat jawapan terperinci saya akan sama ada bagi bertulis ataupun saya maklumkan secara lisan apabila saya berjumpa dengan Yang Berhormat nanti. Terima kasih.

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat juga menanyakan apabila SPAN ditubuhkan dan dikuatkuasakan, bagaimana SPAN boleh mengawal selia operasi Lembaga Air Perak. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, apabila SPAN ditubuhkan dan dikuatkuasakan, Akta Industri Perkhidmatan Air (IPA) mensyaratkan supaya operator bekalan air di negeri-negeri termasuk Lembaga Air Perak dikorporatkan dan seterusnya dilesenkan oleh pihak SPAN.

SPAN akan mengawal selia aktiviti operator dengan mensyaratkan mereka mematuhi *Key Performance Index* (KPI) seperti CAPEX, OPEX, NRW, selain daripada itu harga BSR, tarif dan juga dari segi *billing* nya. Ini antara perkara-perkara yang akan ditentukan oleh SPAN apabila PAN nanti ditubuhkan.

Yang Berhormat bagi Jasin tadi menyatakan apakah tujuan peruntukan tahunan yang dipohon oleh kerajaan, bekalan air pinjaman mudah. Peruntukan pembangunan untuk bekalan air adalah dalam bentuk pinjaman mudah kepada kerajaan negeri bagi pembangunan infrastruktur air dan menaikkan taraf kemudahan-kemudahan sedia ada seperti loji rawatan air, sistem agihan dan rangkaian paip air, program pengurangan kadar NRW dan program pemodenan sistem pengurusan perkhidmatan air melalui aplikasi.

Seterusnya, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Batu Gajah ada bangun kah tadi, tanya dari segi *blackout* yang terjadi di Sabah dan langkah-langkah yang telah diambil, saya rasa saya telah jawab perkara ini yang mana kita di peringkat ini sedang membaik pulih kenaikan taraf jana kuasa dan juga sistem penghantaran di negeri Sabah.

Berhubung dengan Yang Berhormat Jasin yang membangkitkan dari segi Telekom yang bersetuju untuk buat universiti dan perkara ini saya ingin berbincang semula dengan pihak Telekom. Yang Berhormat Jasin kata kalau tidak dapat universiti, dapat sekolah pun jadilah. Saya rasa permintaan daripada Yang Berhormat Jasin itu tidaklah besar sangat tetapi kita akan cuba berunding dengan Telekom, apakah tujuan sebenar mereka membeli tanah itu dan bagaimanakah perancangan mereka untuk jangka masa yang panjang.

Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Jasin, sepatutnya tanah itu tidak boleh dibiarkan begitu sahaja dalam keadaan semak dan sebagainya dan sekiranya perkara itu berlaku, Yang Berhormat Jasin boleh terus menulis surat kepada kementerian ini supaya kementerian ini dapat mengarahkan Telekom melakukan sesuatu dengan segera supaya tanah itu tidak terbiar begitu sahaja, apatah lagi kawasan itu agak besar, dikatakan sebesar 500 ekar.

Jadi saya rasa itu sahaja yang dapat saya jawab pada petang ini dan kepada mereka yang saya tidak dapat bagi jawapan terperinci, saya akan cuba beri jawapan ini pada sidang Belanjawan yang akan datang ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM5,615,200 untuk Maksud B.29 di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM5,615,200 untuk Maksud B.29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa wang perbelanjaan sebanyak RM722,385,010 untuk Maksud P.29 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM722,385,010 untuk Maksud P.29 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2006.

Maksud B.31 [Jadual] -

Maksud P.31 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2006] -

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.31 dan Kepala Pembangunan P.31 di bawah Kementerian Pelancongan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Puchong.

5.35 ptg.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana membenarkan saya membahas dengan Maksud B.31, Kementerian Pelancongan.

Saya akan pergi ke Butiran 050500 dan juga 050600 iaitu mengenai sebanyak RM50.2 juta adalah untuk membiayai Program Tahun Melawat Malaysia 2007. Sektor pelancongan memang penting dan saya difahamkan bahawa sektor ini telah menarik ramai pelancong daripada negara-negara tertentu dan ini telah menyumbang kepada pendapatan negara tetapi untuk persiapan untuk melawat negara Malaysia pada tahun 2007 ini ada beberapa soalan saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian.

Yang pertama sekali ialah mengenai saya hendak tahu sebelum ini apakah kriteria untuk mentafsir ataupun mengiktirafkan sebagai seorang pelancong di Malaysia, adakah mereka ini tinggal di sini satu hari atau dua hari dengan perbelanjaan, saya difahamkan sebanyak RM2000 kalau untuk *calculation* atau kiraan jumlah wang yang mereka gunakan di dalam negara kita ini.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Saya juga difahamkan bahawa tahun ini sahaja, *expectancy* nya mungkin pelancong itu lebih daripada 15 juta pelancong di negara kita ini. Kalau mengikut perkiraan RM2000 seorang bermakna pelancong-pelancong daripada luar negara telah membawa lebih daripada RM30 bilion ke negara ini. So dalam Program 2007 ini, saya hendak tahu berapakah jumlah sasaran pelancong yang akan disasarkan oleh kementerian dan jumlah pendapatan mereka dan sebelum ini saya hendak tahu apakah definisi, bagaimana kita mendefinisikan bahawa itu adalah pelancong yang sanggup membelanjakan sebanyak sekurang-kurangnya RM2000 dalam negara kita kerana saya difahamkan bahawa banyak perkiraan pelancong-pelancong Malaysia ini terdiri daripada mungkin pelawat-pelawat dari Singapura iaitu *daily visitor*, dengan izin, ataupun dari negara Thailand.

Adakah mereka termasuk dalam golongan ini? Ini ialah satu persoalan yang saya hendak tahu. Pada masa yang sama, saya hendak tahu juga apakah pendekatan atau *approach* kita untuk menarik pelancong dalam Tahun Melawat Malaysia 2007 ini. Adakah kita gunakan cara yang konvensional iaitu melalui iklan di TV ataupun dengan cara-cara promosi, atau kita terpaksa pergi ke kawasan-kawasan tertentu ataupun kita guna cara-cara yang tertentu untuk menarik lebih ramai lagi pelancong ke negara kita.

Apakah sasaran negara kita iaitu di mana adakah itu negara di Asia ataupun di Eropah ataupun di negara-negara yang Latin Amerika ataupun Amerika? Ini adalah sangat penting kerana kalau kita... Hari ini saya ingin ucap tahniahlah kepada kementerian kerana telah menarik ramai pelancong-pelancong dari negara Timor Tengah, khasnya di bulan Julai dan Ogos ini. Kadang-kadang kita tengok di *KL street*, ramai juga pelancong daripada negara Timur Tengah.

Akan tetapi, pada masa yang sama, mungkin kerana perbezaan kebudayaan dan seterusnya, mereka mungkin telah menimbulkan banyak masalah juga untuk pengusaha-pengusaha hotel dari segi pembersihan bilik-bilik tertentu kerana saya difahamkan ramai antara mereka membeli masakan untuk memasak di dalam bilik-bilik hotel dan juga membuat banyak benda yang tidak disangka. Ini memberikan satu tamparan yang hebat kepada pengusaha-pengusaha hotel. Saya hendak tahu bagaimanakah kementerian dapat berusaha untuk mengurangkan bebanan mereka ini dalam usaha kita untuk menarik lebih ramai lagi pelancong-pelancong daripada luar negara.

Satu lagi ialah mengenai, kalau kita ada satu sasaran, adakah kapasiti kita ini cukup? Saya difahamkan daripada rakan-rakan saya dari Sabah dan Sarawak bahawa kemungkinan besar kalau ramai lagi pelancong datang, kemungkinan besar bilik-bilik hotel ini pun tidak cukup. Bagaimana kita untuk menyelesaikan cara kekurangan ini? Saya difahamkan, di Sabah sahaja kita kekurangan 3000 bilik hotel. Adakah ini betul? Kalau ini betul, bagaimanakah kementerian dapat menarik lebih lagi pelabur, melabur dalam industri hotel.

Satu perkara lagi yang saya hendak tujukan juga hari ini ialah mengenai baru-baru ini, kementerian khususnya Yang Berhormat Menteri Kementerian Pelancongan telah menyatakan bahawa kemungkinan besar ada cadangan pusat-pusat hiburan terutama di bandar-bandar besar mestilah dipanjangkan waktu operasinya kerana untuk menarik ramai lagi pelancong ini. Tetapi pada masa yang sama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyatakan bahawa waktu itu tidak boleh diperpanjang kerana pusat-pusat hiburan ini merupakan pusat untuk mereka yang melakukan kegiatan-kegiatan yang tidak diinginkan, khususnya berkait dengan dadah.

So, saya hendak bertanya, apakah pendirian sekarang ini daripada kementerian? Kalau ini dapat dijalankan, kalau ini dapat dibenarkan, bagaimanakah kita untuk menyeimbangkan desakan-desakan orang ramai. Pada masa yang sama kita ingin menarik ataupun memberikan satu peluang yang lebih luas kepada pelancong-pelancong ini untuk mereka ada tempat, dengan izin, *hang around* pada waktu yang tertentu. So, perkara kedua yang ingin saya bangkitkan iaitu mengenai sebanyak RM12 juta untuk membiayai perbelanjaan mengadakan program kempen, *Malaysia Welcome the World*, saya hendak tahu, apakah kempen ini? Adakah ia berkaitan dengan Tahun Melawat Malaysia, ataupun adakah ini satu kempen *complimentary* kepada Tahun Melawat Malaysia? Saya hendak tahu, apakah kempen ini?

Perkara ketiga saya hendak bangkitkan ialah mengenai RM2.3 juta adalah untuk menampung perbelanjaan program dan aktiviti *Malaysia My Second Home* ini. Ini memang saya ucapkan tahniahlah kepada kementerian tetapi pada masa yang sama, saya juga difahamkan bahawa kempen ini di peringkat akar umbi telah menimbulkan banyak masalah. Sebagai contoh, saya bagi satu contoh kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, iaitu kalau seseorang hendak datang ke sini sebab sudah memilih Malaysia sebagai *second home, my second home*. Mereka terpaksa mendepositkan sejumlah wang yang tertentu. Kalau tidak silap saya, saya ingat RM300 ribu kah, atau RM200 ribu. Saya tidak faham itu, satu deposit tetapi pada masa yang sama, bank-bank kata, ini tidak dapat. Saya tidak boleh menerima deposit kerana tidak ada kebenaran daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bahawa mereka ini adalah tidak diberikan kelulusan untuk menjadikan *Malaysia My Second Home*. So, kalau mereka ini pergi ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, dan mereka kata, "Kalau *you* tak deposit jumlah wang itu, maka saya tidak boleh memberi kelulusan". So ini adalah satu kontroversi, satu dilema, bagaimanakah kita ingin menyelesaikan masalah ini?

Sebenarnya saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pelancongan bahawa ini adalah sangat-sangat penting. Kerana kalau kita tidak boleh menyelesaikan masalah ini, kalau masalah ini betul-betul berlaku, wujud Tuan Pengerusi, maka program ini akan menemui jalan yang buntu atau jalan yang gagal. So, maka dengan ini saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dengan ini saya menyokong Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, baik. Yang Berhormat Serdang.

5.44 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Peruntukan tambahan yang diminta oleh Kementerian Pelancongan sebanyak RM64 juta ini untuk membiayai program Tahun Melawat Malaysia 2007, program kempen, *Malaysia Welcome The World'* dan aktiviti *Malaysia My Second Home*.

Usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia untuk menarik ramai lagi pelancong asing datang ke Malaysia. Ini satu tujuan yang baik untuk menggalakkan ekonomi negara kita ini tetapi saya rasa bimbang sedikit kerana *mass media* telah memperbesar-besarkan kes jenayah begitu serius yang berlaku di negara kita. Kes jenayah yang berlaku di negara kita bukan sahaja mengancam keselamatan rakyat Malaysia sendiri. Rasa khuatir, bimbang orang-orang tempatan. *Mass media* telah menyiarkan begitu serius dalam ini dan boleh juga menjejaskan atau menggagalkan usaha Kementerian Pelancongan untuk menarik ramai pelancong datang. Kerana *mass media* di luar negeri, mungkin mereka serius untuk membayangkan begitu serius jenayah berlaku di negara kita.

Maka itu, berita negatif ini, cara mana untuk mengatasinya? Untuk memberi satu keyakinan kepada pelancong asing. Untuk boleh datang ke Malaysia begitu selamat. Tidak khuatir, tidak bimbang. Kalau perkara ini tidak dapat ditangani, maka perasaan bimbang, takut, bukan sahaja orang tempatan, tetapi orang asing memang susah untuk menarik mereka datang ke sini. Ini satu perkara yang telah ditangani terlebih dahulu.

Tuan Pengerusi: Baik.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Ini juga satu perkara penting iaitu banyak hujah-hujah, kenyataan-kenyataan politik di dalam *mass media* di negara kita ini begitu negatif dan perlu timbulkan ketegangan dan ketidakstabilan politik. Ini juga boleh timbulkan *mass media* di luar negeri memperbesar-besarkan cara mana cadangan pihak Kementerian Pelancongan selain daripada mendapat peruntukan tambahan untuk mengusahakan menarik pelancong asing tetapi cara mana untuk membentangkan cadangan kepada Kabinet untuk mengatasi hujah-hujah atau kenyataan-kenyataan politik yang begitu tidak sihat, yang begitu serius berlaku baru-baru ini. Ini juga akan menjejaskan atau menggagalkan usaha program yang dicadangkan oleh Kementerian Pelancong. Walau bagaimanapun, kalau kita luluskan begitu banyak itu, tetapi hujah-hujah, kenyataan-kenyataan, atau kes jenayah yang begitu negatif tidak dapat ditangani, ini juga satu masalah penting yang serius hendaklah dipertimbangkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Baik, Yang Berhormat Batu Gajah.

5.48 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud 31, peruntukan RM64 juta untuk Kementerian Pelancongan ini. Tuan Pengerusi, kita boleh gunakan beribu-ribu, beratus-ratus juta. Berpuluh-puluh juta untuk menarik pelancong datang tetapi di era globalisasi ini, satu klik dekat komputer. Satu klik sahaja semua maklumat berkenaan keadaan dan situasi di sesebuah negara akan diperolehi. Sebagai contoh, jikalau kita hendak pergi melawat ke sebuah negara, contohnya Pulau Bali, *Bali Island*, kita pergi, klik!! Kita sudah boleh dapat maklumat. Apa-apa, kita perlu berhati-hati.

Jadi, isu keselamatan jenayah ragut, isu rogol, ini isu yang begitu penting. Bagaimanakah kempen-kempen yang sedia oleh Kementerian Pelancongan untuk menarik pelancong untuk Tahun Melawat Malaysia 2007? Ini boleh *counter* ini! Boleh *counter* maklumat teknologi ini. Selagi isu keselamatan tidak diatasi. Pelancong akan berhati-hati, berjaga-jaga dan *stay away* dengan izin daripada melawat Malaysia. Publisiti melalui IT ini tidak boleh kita tanding dan sekat. Jadi saya ingin tahu dalam aspek ini apakah yang akan dilakukan oleh pihak kementerian? Sejauh manakah kerjasama dengan pihak-pihak kementerian yang lain dan agensi-agensi yang lain? Kalau kita pergi ke hotel Tuan Pengerusi, sudah ada papan tanda berhati-hati dengan jenayah ragut dan sekarang jenayah kita boleh elak sedikit tetapi berkenaan dengan isu rogol.

Saya dimaklumkan oleh seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional semalam, dia ada nampak seorang pelancong diragut di hadapan hotel. Penyebaran maklumat melalui mulut dan IT ini memang sukar dikawal dan boleh disebar amat cepat dan pantas. Jadi saya pohon penjelasan aspek ini dan perkara kedua ialah pelancong dari negara mana yang akan difokuskan di bawah program melawat Malaysia yang dijangkakan akan memberi pendapatan RM44 bilion.

Apakah kementerian akan menggunakan *advantage* kelebihan yang ada di dalam negara ini yang *multiracial*, multi bahasa melibatkan semua kaum, sebagai contoh organisasi, persatuan-persatuan Cina yang boleh berbahasa berbagai-bagai dialek untuk dihantar rombongan, diberi latihan dihantar ke negara-negara bagi menarik mereka punya pelancong dari negara China yang meliputi pelbagai *clan* yang ada di negara China, yang ini kita lebih jimat dan lebih efektif sebab kita boleh berbahasa dengan dialek penduduk di negara tersebut.

Sektor perkhidmatan hotel, apakah persediaan untuk menerima pelancong ini dan perkhidmatan bas ekspres dan teksi yang buat masa ini penduduk tempatan kita sentiasa mengeluh dicekik kita punya leher, dipotong kita punya leher dengan caj-caj yang teramat melampau. Tidak payah pergi jauh-jauh Tuan Pengerusi kita pergi Puduraya cukup, teksi banyak berbaris tetapi dia tidak hendak gerak. Boleh gerak dia kata RM15, dari Puduraya ke Parlimen RM15 dan kita baca akhbar, KLIA pergi *city, city* ke KLIA..., hari itu *city* ke KLIA RM500 dipotong leher, dicekik.

Jadi aspek ini, masalah ini telah berlarutan dan kita tinggal berapa bulan sekarang, baru tinggal empat bulan bagaimana menanganinya? Pelancong sudah hendak sampai sudah, sentiasa kita ada pelancong tetapi kita akan menarik lebih ramai datang, empat bulan *how are we going to counter this problem, address this problem*, dengan izin. Kaunter-kaunter imigresen kena pastikan ia adalah *friendly*, pegawai-pegawai penguat kuasa adalah *friendly*, adalah mesra dan tidak berulang-ulang lagi layanan yang tidak mesra kepada mereka ini. Saya rasa inilah yang saya akan bangkitkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Rembau.

5.53 ptg.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi saya ingin menyentuh Maksud P. 31 dan juga sekali gus Butiran 02600 - Program Pembangunan Papan Tanda dan Papan Penerangan Pelancongan dan juga Butiran 02800 – Program Perkhidmatan Kemudahan *Homestay*. Jadi Tuan Pengerusi, pembangunan program *homestay* ini di kawasan desa berupaya menjadi satu aktiviti ekonomi dan sosial.

Di samping itu ia juga boleh menjadikan pelancongan sebagai pemangkin kepada pembangunan luar bandar untuk menggalakkan penglibatan pelbagai lapisan masyarakat ke dalam sektor pelancongan. Kita sudah sedia maklum ia juga mendatangkan hasil kepada negara.

Di dalam hubungan ini saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya sebahagian daripada peruntukan itu diperuntukkan untuk mengadakan papan-papan tanda lebih banyak lagi misalnya di kawasan saya, kita ada Air Panas Pedas, untuk pendaki gunung kita ada Gunung Datuk dan juga kita ada Muzium Adat tetapi oleh kerana mungkin kekurangan papan-papan tanda tadi dan bajet kerajaan negeri juga agak terhad. Jadi sebab itulah perkara ini tidak terserlah dan tidak dimaklumi oleh bakal-bakal pelancong.

Perkara yang kedua saya juga harap dapat kiranya kementerian melalui agensi yang berkenaan mengadakan lebih banyak lagi kursus, taklimat dan juga lawatan kepada kampung-kampung yang bakal dijadikan *homestay* sebab seperti yang sedia maklum *homestay* ini juga boleh membantu menjana pendapatan penduduk setempat dan dalam masa yang sama juga seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Seremban semalam ia juga kalau dijalankan dengan jayanya boleh mengelakkan penghijrahan para belia luar bandar ke bandar.

Dalam masa yang sama saya harap juga kementerian akan dapat menimbang untuk mengagihkan sebahagian daripada peruntukan tahun melawat Malaysia 2007 untuk membiayai program-program kegiatan kebudayaan, dan juga kegiatan sosial yang berunsur sejarah di kawasan-kawasan luar bandar. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Bukit Mertajam.

5.55 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud B.31 iaitu ada tiga perkara untuk memperuntukkan RM50.2 juta untuk membiayai Program Tahun Melawat Malaysia 2007 dan juga untuk *program kempen, Malaysia, Welcome the World, dan juga Malaysia My Second Home.*

Tuan Pengerusi saya rasa Perdana Menteri telah membuat keputusan yang betul untuk melantik dua orang menteri dalam pelancongan ini. Mereka sangat sesuai untuk portfolio ini, mereka sangat dinamik dan *globalize*. Mereka boleh pergi ke negeri China, boleh pergi ke India, boleh pergi Indonesia, Amerika, Eropah mereka semua boleh pergi. Mereka sesuai untuk portfolio ini, ada lain-lain portfolio yang kurang sesuai.

Tetapi walaupun mereka sangat berkesan tetapi kalau lain-lain kementerian tidak membuat kerja dengan baik usaha mereka akan terjejas dan sia-sia sahaja. Umpamanya Program Tahun Melawat Malaysia 2007 *and kempen "Malaysia Welcome the World"* kita hendak menarik pelancong dari seluruh dunia. Tetapi kalau rakyat kita sendiri pun rasa tidak selamat dan kalau kita pergi ke Google dan taip 'ragut Malaysia', kita tengok beribu-ribu berita keluar dalam internet. Ragut Johor Bahru pun ada 26,000 berita. Ada pelancong dari negeri China dia sudah mahu balik mereka selepas sangat puas hati di Malaysia sudah *mahu balik tetapi pada hari itu mereka di luar hotel, pasport mereka semua diragut 17 pasport diragut.*

Jadi pihak Kerajaan Negeri China terpaksa memberi amaran kepada penduduknya kalau pergi ke Malaysia berjaga-jaga beg, ragut banyak dan juga Kerajaan Arab Saudi pun telah protes dengan kerajaan kita bahawa ramai penduduk mereka, rakyat mereka datang ke Malaysia kena ragut. Di Pulau Pinang ada sekali pihak kebajikan dia pergi membuat operasi untuk membersihkan orang-orang yang tidak ada rumah mereka tinggal *on the street*, terdapat seorang pelancong Jepun. Beliau juga tidak ada tempat hendak pergi kerana kena ragut semua, pasport kena ragut, duit kena ragut. Jadi beliau juga tinggal di tepi jalan, tidak dapat pulang ke Jepun.

Saya rasa kalau ini berlaku tentulah mereka akan balik dan beritahu rakan-rakan mereka berjaga-jaga mungkin jangan datang ke Malaysia. Jadi duit yang berjuta-juta ini kalau kita hendak berbelanja nanti sia-sia. Jadi saya hendak cadangkan supaya keadaan keselamatan ini, kalau tidak menambah baik jadi kita tundakan jangan adakan Program Tahun Melawat Malaysia 2007, mungkin tahun 2009, atau 2010 supaya kita beri masa kepada pihak PDRM dan kementerian-kementerian yang berkenaan untuk memperbaiki keadaan. Kalau tidak kita sia-siakan duit sahaja dan juga ini *Malaysia My Second Home*, saya terbaca dalam surat khabar juga ada seorang *Malaysia My Second Home participant*, dia kata dia duduk di Malaysia tiga tahun lapan kali kena rompak, kena curi. Dia pun kata mungkin sudah mahu cari negara yang lain. Tidak mahu negara Malaysia lagi.

Saya rasa adalah penting mungkin kalau duit tidak cukup itu, duit untuk program Tahun Melawat Malaysia 2007 dan kempen *Malaysia Welcome The World* ini digunakan untuk membeli kereta ronda, untuk menambah anggota polis, untuk memasang CCTV, untuk lagi apa-apalah yang mereka perlukan untuk membanteras jenayah ini supaya kita selamat dan pelancong pun selamat. Kita tahu mahu tidak bertanggungjawab. Katakan media jangan laporkan apa-apa berita jenayah supaya pelancong akan datang tetapi pelancong dari luar negeri datang ke sini dan ada apa-apa yang terjadi kepada mereka, kita tidak boleh kerana hendak mengadakan pelancongan, hendak membuat keuntungan dalam *dollar and cents*, dan kita tidak mahu hiraukan keselamatan warganegara atau pelancong dari negara asing.

Saya cadangkan supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh timbang kerana ini akan menyusahkan kementerian juga iaitu Kementerian Pelancongan kerana prestasi kalau tidak baik, bukan dia tidak rajin bukan kesalahan kementerian ini tetapi kesalahan kementerian yang lain khasnya Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan wartawan-wartawan pun susah dan tidak mahu menyiarkan berita seperti itu kerana ramai wartawan juga menjadi mangsa kepada kes ragut khasnya mereka dari PJ, iaitu *Sin Chew Daily* dan juga *Kong Ming Daily* sehingga *Sin Chew Jit Poh* pun mesti mengadakan satu kempen anti jenayah.

Saya haraplah ini Kerajaan Barisan Nasional, dia mesti *coordinate, collective, responsibility and coordinate*, jangan satu kementerian buat suatu perkara dan kementerian yang lain tidak membantu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Baik, Yang Berhormat bagi Seputeh.

6.03 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama kali saya ingin mengeluarkan perasaan kesal saya yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri beberapa bulan lepas yang menuduh bahawa saya yang menjadikan pelancong China tidak datang ke Malaysia.

Saya rasa ini kenyataan yang amat tidak patut yang dikeluarkan oleh seorang Timbalan Menteri di Kementerian Pelancongan kerana saya rasa adalah lebih baik daripada ucapan-ucapan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi bahawa kita harus menyemak diri apa yang menyebabkan pelancong dari negara China tidak datang ke Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan satu perkara yang mana saya dapat aduan semalam bahawa seorang pelancong dari negara China, dia sudah mendapat visa *multiple entry* ke Malaysia selama enam bulan dan beberapa minggu yang lepas beg tangannya diragut. Pasportnya hilang dan juga semua wang tunai di dalam beg itu semuanya hilang. Dia sudah membuat laporan polis dan selepas itu Kedutaan China juga mengeluarkan suatu *travel document* kepada dia.

Akan tetapi masalahnya dia tidak boleh keluar dari Malaysia kerana apabila dia pagi ke Jabatan Imigresen di Putrajaya, mereka kata tidak ada rekod dalam sistem komputer mereka. Mereka mengesyaki dia datang ke Malaysia melalui saluran yang tidak sah dan mereka hendak menanah dia. Mereka berasa sangat marah dan meninggalkan Putrajaya dan mencari bantuan daripada orang lain dan datang ke Parlimen untuk minta bantuan.

Pada pendapat saya, daripada kes ini kita lihat satu masalah. Bila pelancong kita mendapat visa untuk masuk ke Malaysia di Kedutaan Malaysia di luar negara mungkin kedutaan kita hanya beri satu *rubber stamp* cap pada pasport mereka sahaja dan maklumat ini tidak disalurkan kepada sistem komputer Imigresen kita di Putrajaya. Bila masalah ragut seperti ini berlaku kepada pelancong luar negara, mereka menghadapi masalah untuk menjelaskan tentang masalah mereka dan juga mereka menghadapi masalah dari segi komunikasi.

Macam mana kita boleh menghulurkan bantuan kepada pelancong yang *innocent* yang seperti ini. Saya ingin cadangkan, saya rasa kalau kita hendak melancarkan program Tahun Melawat Malaysia 2007, pihak Kementerian Pelancongan haruslah menubuhkan satu unit khas untuk menghulurkan bantuan kepada pelancong asing yang menghadapi masalah jenayah seperti ragut ataupun dipukul ataupun ada masalah komunikasi atau mengatasi masalah ataupun tentang visa mereka. Bukan hanya menahan mereka dalam lokap polis ataupun hantar mereka ke Kem Tahanan Semenyih dan menganggap mereka sebagai orang yang masuk ke negara ini tanpa dokumen yang sah. Ini satu.

Nombor dua, selain daripada masalah ragut yang disebutkan oleh rakan-rakan saya tadi, ada satu masalah lagi. Pada beberapa minggu yang lepas, saya terima aduan yang sebenarnya mereka adalah orang Malaysia. Mereka kata bila mereka makan dan minum di suatu pusat penjaja di Puchong sebenarnya. Tiba-tiba sepasukan RELA datang untuk mengadakan serbuan di pusat penjaja itu, mereka tengok ada beberapa pelancong khususnya pelancong dari negara China, mereka semua disapu masuk ke dalam kereta. Yang mengadu kepada saya itu berkata ada dua orang daripada gadis daripada negara China yang ditangkap ialah kawan dia.

Kedua-dua gadis itu telah pun ditahan selama 14 hari di pusat imigresen. Saya rasa sangat aneh macam mana menarik pelancong asing khususnya dari negara China untuk datang ke Malaysia. Ini bukan kesalahan saya. Ini adalah sistem kita macam mana kita mengatasi masalah ini.

Kita tidak boleh selalu ada pegawai polis, pegawai imigresen, sekarang pasukan RELA pula yang selalu mengesyaki orang yang pergi menyanyi di karaoke lounge dan makan di sana sini walau pun mereka pelancong tetapi mereka selalu disalah anggap sebagai pendatang asing tanpa izin.

Saya hanya mencadangkan bahawa kementerian ada suatu koordinasi. Paling baik sekali adalah mengadakan suatu unit khas untuk menghulurkan bantuan kepada mereka yang betul-betul pelancong dari negara asing khususnya dari negara China untuk menghulurkan bantuan kepada mereka apabila perkara seperti ini berlaku.

Yang kedua, saya hendak ambil satu contoh di mana bila saya pergi ke New Zealand. Saya pergi seorang diri dan saya hanya perlu pergi ke *Tourist Information Centre* dan bila saya sampai di sana dan saya katakan berapa hari yang saya hendak duduk di New Zealand, saya hendak pergi ke tempat mana dan saya sangat hairan bahawa *Tourist Information Centre* itu dia boleh memberi semua keterangan tentang apa yang saya boleh lihat dan tempat mana yang saya boleh pergi dan membuat *recommendation* atau cadangan tentang hotel yang saya perlu duduk dan tanya apa bajet saya. Saya buat *booking* saya di *Tourist Information Centre* melalui *credit card* sahaja. Saya boleh pergi ke beberapa tempat yang saya ingin pergi dengan melalui bantuan daripada *Tourist Information Centre*. Saya rasa ini adalah suatu cara yang amat menarik pelancong kerana ini menjadikan pelancongan di sesebuah negara itu begitu senang dan mudah sahaja.

Saya cadangkan supaya kelengkapan *facility* seperti di *tourist information* kita sini juga mengadakan talian sistem komputer dengan semua hotel termasuk hotel yang murah juga dan memberi pelbagai perkhidmatan dan juga cadangan kepada pelancong dari luar negeri yang khususnya mereka yang *backpackers* supaya kita boleh menarik lebih pelancong khususnya golongan yang mungkin tidak begitu berada dari luar negeri yang ingin melawat ke Malaysia dengan *facility* dan semua bantuan yang dihulurkan oleh *Tourist Information Centre* seperti yang kita lihat di luar negara ini kita boleh menarik lebih pelancong untuk datang ke Malaysia khususnya mereka yang tidak fasih atau tidak faham dalam bahasa Inggeris atau bahasa Malaysia.

Tuan Pengerusi: Baik Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila jawab.

6.10 ptg.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Pengerusi, saya bagi pihak Kementerian Pelancongan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan dan pandangan mengenai isu tentang pelancongan dalam perbahasan peringkat jawatankuasa ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Puchong telah minta definisi pelancong. Untuk makluman Yang Berhormat, definisi pelancong mengikut WTO atau *World Travel Organization* di negara ini adalah pelawat yang tinggal di negara ini sekurang-kurangnya 24 jam ataupun bermalam. Bagi mereka yang masuk ke negara ini bagi tempoh kurang 24 jam atau tidak bermalam di negara ini, mereka tidak dipanggil pelancong. Mereka ini hanya pelawat harian atau *day visitors*.

Yang Berhormat bagi Puchong bertanya mengenai sasaran kedatangan pelancong pada Tahun Melawat Malaysia 2007. Untuk makluman Yang Berhormat, adalah disasarkan kedatangan pelancong pada tahun 2007 adalah seramai 20.1 juta orang dengan pendapatan pertukaran wang asing sebanyak RM44.5 bilion.

Mengenai isu adakah kapasiti atau penawaran kemudahan seperti hotel mencukupi dan bagaimanakah cara untuk mengatasinya, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan telah merancang untuk melaksanakan pelbagai acara pada masa kurang puncak atau *low season*, dengan izin, serta memperkerusikan destinasi pelancongan selain Kuala Lumpur bagi memastikan masalah ini diatasi. Memang Yang Berhormat telah membangkitkan bahawa di Sabah ada kekurangan bilik. Memang saya bersetujulah, kita akan bincang dengan pihak kerajaan negeri mengenai isu ini.

Yang Berhormat membangkitkan mengenai isu sekretariat melawat atau kempen Tahun Melawat Malaysia 2007. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan sedang giat menjalankan usaha-usaha seperti berikut:

- (i) bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri. Pihak swasta serta NGO telah melaksanakan kempen-kempen kesedaran publisiti dan promosi Tahun Melawat Malaysia 2007;
- (ii) melaksanakan kempen *Malaysia Welcomes The World* untuk memberi kesedaran terhadap konsep layanan mesra kepada pelancong di kalangan para *front liners* dalam bidang pelancongan;
- (iii) mengadakan taklimat kepada *industry player*, *front liners*, pelajar-pelajar sekolah dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung bagi memastikan maklumat berkenaan Tahun Melawat Malaysia 2007 didedahkan secara menyeluruh kepada semua pihak; dan
- (iv) menjalankan kempen promosi di dalam dan di luar negara melalui penyertaan dalam pameran-pameran pelancongan, pengiklanan, *tactical* dan *thematic*, serta pemasangan *billboard* dan *lightboard* di lokasi-lokasi yang strategik di seluruh negara.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat menyebut berkenaan dengan kempen *Malaysia Welcomes The World* kepada *front liners*. Bolehkah Yang Berhormat memberi sedikit penjelasan siapa yang dikatakan *front liners* ini, kerana banyak di *airport*, Imigresen dan juga yang lebih penting seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, yang lain-lain tadi berkenaan dengan pemandu teksi ini. Adakah mereka ini termasuk dalam golongan *front liners* yang perlu diberi penerangan untuk memperbaiki lagi perkhidmatan mereka kepada pelancong. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat. Tujuan kita mengadakan kempen, *Malaysia Welcomes The World* sebagai sebahagian usaha Kementerian Pelancongan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pelancongan yang terkenal dengan imej mesra di kalangan pelancong asing tempatan dan kempen *Malaysia Welcomes The World* mempunyai tiga objektif seperti berikut:

- (i) menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terkenal dengan imej mesra di kalangan pelancong asing;
- (ii) memberikan kesedaran menyeluruh kepada rakyat Malaysia melalui program latihan Mesra Malaysia dan *Think Tourism* kepada petugas-petugas barisan hadapan (*front liners*) yang terlibat secara langsung dan tidak secara langsung dalam industri pelancongan negara.

Yang Berhormat menyentuh mengenai *taxi driver*, pegawai imigresen, memang mereka adalah *front liners* serta pegawai *receptionist* di hotel, pegawai pelancongan dan juga MAS, pegawai di airport, ini semua kita akan berikan latihan kepada mereka.

Ramai Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai isu-isu jenayah, isu-isu yang telah dilaporkan oleh media massa mengenai jenayah yang berlaku seperti rogol dan ragut. Isu-isu ini kita telah dilaporkan di surat khabar.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum pergi ke isu-isu jenayah yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan yang lain, tadi Yang Berhormat telah memberikan satu angka iaitu 2.1 juta iaitu sasaran kita. Bolehkah saya tahu atau pun satu *breakdown* apakah sasaran kita mengikut *tourism* - maksud saya ialah berapa dari jumlah itu adalah daripada *tourism sports* ataupun pusat sukan, yang *align* dengan perubatan, ataupun yang *align* dengan *ecotourism* dan sebagainya.

Itu satu isu yang saya hendak tahu bagaimana dan satu lagi isu yang sangat penting ialah mengenai papan tanda bagi kawasan-kawasan pelancongan yang ada di negara kita ini. Bagi saya ini masih berkurangan. *So*, saya hendak tahu, bagaimana kementerian boleh mempergiatkan lagi pembinaan papan tanda ini di kawasan-kawasan pelancongan supaya pelancong-pelancong dari luar negara ini mudah sekali mencapai sasaran mereka ataupun pergi ke tempat yang ingin mereka tuju. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila jawab perkara jenayah dengan pelancongan tadi bersama dengan ada dua perkara yang dibangkitkan tadi. Jawab sekali, ya?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Ya, tadi itu mengenai papan tanda, semua saya telah jawab. Untuk makluman Yang Berhormat, ada beberapa Ahli Yang Berhormat telah sentuh mengenai isu jenayah dan juga isu seperti pasport hilang. Untuk makluman Yang Berhormat, satu jawatankuasa telah ditubuhkan yang diarahkan oleh Jemaah Menteri iaitu Jawatankuasa untuk menyelaraskan kemudahan-kemudahan dan kemudahan masuk dan isu-isu mengenai pelancong asing. Perwakilannya adalah dari pelbagai agensi kerajaan seperti MAS, AirAsia, polis, JPJ, MAB, Imigresen. Memang kita telah bincang mengenai isu-isu yang berkaitan kemudahan dan isu-isu mengenai pelancong asing.

Antara empat isu yang kita bincang iaitu:

- (i) penjadualan semula dan penarikan balik perkhidmatan penerbangan MAS ke atas beberapa laluan antarabangsa dan domestik;
- (ii) isu imigresen dan kastam;
- (iii) isu pengurusan lapangan terbang antarabangsa; dan
- (iv) penyelesaian dan keselamatan para pelancong semasa berada di Malaysia.

Isu-isu mengenai polis, Imigresen, teksi, MAS, AirAsia kita telah bincang dan minit mesyuarat kita telah hantar ke Jemaah Menteri dan kita mesti mengadakan mesyuarat tiap-tiap dua minggu. Oleh itu, kalau Yang Berhormat di sini ada isu yang spesifik, boleh merujuk kepada saya dan kita akan cari jalan untuk menyelesaikan...

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Seperti Yang Berhormat telah bangkit kata, isu passport, isu seperti itu kita boleh memberi bantuan dan tadi membangkitkan isu mengenai *Tourist Information Centre*. Untuk makluman Yang Berhormat, memang di bawah Kementerian Pelancongan iaitu agensinya, *Tourism Malaysia*, kita ada satu *Tourist Information Center* dan satu talian untuk membantu semua pelancong asing dan juga pelancong domestik. Telefon nombor dia ialah 1-300-88-5050 iaitu *help lines*....

Tuan Pengerusi: Baik.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Kita ada pegawai yang bertugas 24 jam untuk memberi bantuan kepada semua pelancong asing dan domestik. Itulah... Ada lagi?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya. Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak memberitahu Dewan ini bagaimana kementerian ini akan menyampaikan masalah ragut kepada Kabinet supaya Kabinet secara *collective* boleh membincangkan dan mendapat satu atau langkah-langkah untuk mengurangkan kes ragut ini. Jadi, adakah benar kementerian ini menyampaikan kerisauan ini dalam Kabinet atau tidak? Kalau masalah jenayah tidak diatasi, bagaimana kementerian ini hendak menarik pelancong dari luar negeri?

Tuan Pengerusi: Baik Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasihlah Yang Berhormat. Saya telah jawab tadi iaitu minit mesyuarat kita, kita akan hantar. Memang kita hantar ke Jemaah Menteri untuk tindakan yang seterusnya.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Kita haraplah semua Ahli Yang Berhormat pun boleh memberi bantuanlah kepada Kementerian Pelancongan supaya menarik lebih ramai pelancong asing ke negara kita.

Tuan Pengerusi: Baik, baik.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM64,559,000 untuk Maksud B.31 di bawah Kementerian Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM64,559,000 untuk Maksud B.31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM30 untuk Maksud P.31 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM30 untuk Maksud P.31 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2006.

Maksud B.40 dan B.41 [Jadual] -

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.41 di bawah Kementerian Pelajaran terbuka untuk dibahas. Ya, Bukit Mertajam.

6.26 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud B.41 iaitu di bawah tajuk sebanyak RM1 bilion adalah dikehendaki untuk menampung bayaran emolumen. Saya ingin tanya kepada kementerian, adakah kementerian menghadapi masalah kewangan kerana pada awal tahun ini, SRJK(C) di seluruh negara, khasnya di Johor, di Kuala Lumpur menghadapi masalah tidak cukup guru. Guru yang mengajar bahasa Mandarin. Dia kekurangan lebih kurang 2,000 lebih tetapi kementerian hanya membenarkan mereka bertanggungjawab untuk memberi gaji kepada 1,200 orang guru sambilan.

Yang lebihnya, kalau diupah oleh sekolah, dikatakan sekolah mesti membayar iaitu Pengelola ataupun Jawatankuasa Pengelola sekolah mesti bertanggungjawab untuk membayar gaji kepada guru-guru sambilan ini. Ini kalau untuk satu tahun, dia akan berjumlah beratus ribu untuk membayar gaji kepada guru-guru sambilan ini. Saya tidak bersetuju dengan tindakan kementerian ini kerana sekolah rendah jenis kebangsaan ini adalah juga sebahagian daripada sekolah kerajaan. Mengapa khasnya ibu bapa mesti bertanggungjawab untuk membayar gaji kepada guru sambilan ini? Mengapa kementerian tidak boleh membayar gaji guru sambilan ini?

Ini kerana, kekurangan guru ialah masalah yang ditimbulkan oleh kementerian kerana kementerian tidak melatih guru yang cukup. Dan juga di sesetengah SRJK(C) di Kedah dikatakan pihak kementerian juga tidak mahu bayar bayaran air dan elektrik. Pihak sekolah mesti mencari wang sendiri untuk membayar elektrik dan membayar air. Saya rasa ini adalah kurang adil kerana ibu bapa pelajar-pelajar di sekolah ini mereka pun juga membayar cukai. Mengapa kerajaan pada dahulunya boleh membayar, sekarang tidak mahu bayar? Adakah Kerajaan Barisan Nasional menghadapi masalah kewangan? Kalau tidak, mengapa tidak bayar? Ini adalah dua perkara dan saya harap Setiausaha Parlimen akan memberi jawapan yang tepat nanti. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, siapa lagi? Kudat. Tidak apalah hari ini..., Kudat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Tuan Pengerusi, terima kasih di atas peluang untuk membahaskan Butiran 01000, Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu mengenai pengurusan Kementerian. Saya ingin membangkitkan satu isu yang begitu spesifik iaitu berkaitan dengan satu sekolah di kawasan saya iaitu Sekolah Menengah Pingan-Pingan yang saya ingin sebutkan di sini dan minta perhatian daripada Kementerian, iaitu berkaitan dengan pembinaan sekolah yang telah pun siap lebih kurang tiga tahun lalu dan telah pun digunakan tetapi sehingga hari ini, tiga tahun telah berlalu tiga blok rumah guru yang telah pun siap itu tidak dapat digunakan disebabkan ketiadaan bekalan air. Dan saya difahamkan ianya berpunca daripada pada ketika itu sebenarnya memang sudah ada *arrangement* dan Kementerian sudah pun secara dasarnya telah meluluskan peruntukan.

Saya tidak tahu apa yang berlaku selepas itu, sehingga hari ini masalah air di situ masih lagi merupakan satu masalah yang serius dan bangunan itu sudah semakin usang kerana tidak dapat diduduki dan ramai daripada guru-guru terpaksa menyewa di luar. Dan yang kedua ialah berkaitan dengan sekolah ini juga ialah berkaitan dengan masalah asrama.

Walaupun sekolah telah dibina tetapi pihak Kementerian Pendidikan tidak membina asrama di situ malah ramai daripada pelajar-pelajar khususnya daripada luar bandar yang bersekolah di situ terpaksa tinggal di asrama desa yang disediakan dengan tidak ada kemudahan-kemudahan yang mencukupi, dan ada di antara mereka yang terpaksa tinggal di rumah-rumah penduduk-penduduk yang di sekitar kampung situ dan ini bukanlah merupakan satu suasana yang kondusif bagi mereka untuk mendapatkan pelajaran yang sesuai, dianggarkan ramai daripada pelajar-pelajar ini adalah lebih kurang 300 orang yang tidak mempunyai kemudahan asrama yang sesuai.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Jadi, saya minta kepada kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini untuk menyediakan satu peruntukan khusus untuk membolehkan anak-anak dan murid-murid di sekolah ini mendapat kemudahan tersebut.

Yang kedua, iaitu berkaitan juga dengan masalah pendidikan di kawasan saya seperti satu Sekolah Menengah iaitu satu Sekolah Menengah Kanibongan yang telah pun wujud lebih kurang lebih daripada sepuluh tahun, tetapi sekolah ini masih lagi menumpang di sekolah rendah, Sekolah Rendah Kanibongan yang tidak pun mempunyai kemudahan-kemudahan yang mencukupi, yang asas bagi menjadikan ianya sebuah sekolah menengah yang dapat berfungsi untuk memberikan perkhidmatan pendidikan yang baik kepada pelajar-pelajar di situ.

Saya telah pun membangkitkan perkara ini berkali-kali tetapi nampaknya belum ada perhatian yang serius, dan saya minta perkara ini direkodkan supaya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini ianya akan mendapat keutamaan.

Yang ketiga ialah berkaitan dengan masalah pemberhentian pelajar-pelajar, guru-guru sandaran tidak terlatih atau GSTP yang telah pun dilakukan di kawasan saya iaitu lebih kurang 150 orang yang telah pun ditamatkan lebih kurang dua tahun yang lalu, dan masih banyak guru kawasan-kawasan atau di sekolah-sekolah di kawasan saya yang masih lagi tidak mempunyai cukup guru.

Sebenarnya pemberhentian itu telah memberikan satu kesan yang serius bukan sahaja kepada pembelajaran murid-murid sekolah khususnya di kawasan-kawasan luar bandar di kawasan saya, tetapi juga memberikan kesan ekonomi yang serius kerana kebanyakan mereka ini adalah *breadwinner* kepada keluarga-keluarga mereka. Jadi, saya minta supaya perkara ini diberikan perhatian dan Kementerian Pendidikan dapat menjawab dan seterusnya merekodkan perkara ini untuk diambil tindakan seterusnya. Terima kasih.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: [Bangun]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]: [Bangun]

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Maknanya, empat lagi ya. Seperti Kudat hah, jangan panjang. Baiklah Kota Melaka.

6.33ptg.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Butiran 020300, Pendidikan Rendah, dan juga Butiran 020400, Pendidikan Menengah yang di bawah item yang menyatakan sebanyak RM1 bilion adalah dikehendaki untuk menampung bayaran emolumen.

Tuan Pengerusi, saya tidak begitu faham mengapa setakat hari ini kita perlukan RM1 bilion lagi untuk menampung bayaran emolumen, kerana bukannya emolumen ini merupakan salah satu unsur yang seharusnya kita ambil kira dalam perbelanjaan anggaran kita, dalam bajet kita dan saya tidak begitu faham kerana satu bilion ini merupakan satu jumlah yang bukan kecil, tapi ia satu jumlah yang besar dan mungkin bagi sesebuah negara yang kecil daripada negara kita mungkin satu bilion ini merupakan sebahagian besar daripada jumlah anggaran bajet bagi negara itu.

Jadi, saya ingin minta satu penjelasan dan juga perangkaan secara terperinci bagaimana dan mengapa kita memerlukan RM1 bilion lagi untuk menampung bayaran emolumen, dan ke atas isu kekurangan guru-guru saya rasa terutama sekali dalam SJK(C) ini memang menjadi satu masalah besar kepada SJK(C) baru-baru ini dan saya haraplah supaya pihak kerajaan terutama sekali Kementerian Pelajaran dapat mencari ikhtiar.

Dan saya tidak pasti sama ada, setakat mana pihak kementerian bersedia menggaji semula guru-guru yang sudah bersara, dan juga, adakah pihak kementerian pernah ataupun akan menggaji guru-guru daripada luar negara untuk menampung keperluan kekurangan guru dalam SJK(C), kerana jika kita hendak ke luar negara untuk menggaji guru-guru pula lebih baik kita menggaji graduan-graduan tempatan dalam negara kita terutama sekali seperti mana yang saya katakan dulu graduan-graduan daripada Sekolah Menengah Mandarin dalam negara kita, wujudnya banyak sumber dalam negara kita yang mempunyai kelayakan yang tinggi dalam bahasa Cina dan juga mereka ada yang mengambil peperiksaan SPM juga. Saya rasa ini antara satu sumber yang cukup baik yang seharusnya diambil kira oleh pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pensiangan.

6.36 ptg.

Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk bersama-sama dengan kawan-kawan yang lain. Saya hanya satu perkara yang perlu saya bangkitkan di sini Maksud B.41 Kementerian Pelajaran di bawah (iii), sebanyak RM10.8 juta adalah untuk menampung tambahan perbelanjaan mengurus berikutan kenaikan harga minyak dan juga tarif elektrik.

Saya hanya buat perhatian kepada kementerian bahawa terdapat banyak sekolah di pedalaman khusus di Pensiangan yang tidak dapat bekalan diesel disebabkan bekalan diesel ini tidak dapat dihantar ke tempat-tempat ini, maka pembelajaran anak-anak kita khusus dalam mempelajari komputer ini telah terbantut disebabkan ketiadaan minyak-minyak diesel ini.

Saya juga difahamkan oleh beberapa buah sekolah ini hanya dua liter sahaja dibekalkan pada setiap sekolah tiap-tiap bulan. Bayangkanlah kalau kita berjalan lebih kurang sepuluh dan 12 jam untuk sampai ke tiap-tiap satu kawasan tersebut, yang ini saya rasa tidak berbaloi kalau kita angkat dua liter sahaja untuk disampaikan kepada sekolah-sekolah tersebut. Jadi, dari segi penjimatan dan sebagainya saya rasa ini tidak adil bagi saya disebabkan kita perlu ada keseimbangan bila kita memperkatakan bahawa pendemokrasian pembelajaran itu.

Ini kita ungkitkan nanti dalam Jawatankuasa yang lain tapi, hanya saya nak bangkitkan di sini mengenai dengan pembekalan diesel-diesel ini. Saya ingin tahu daripada kementerian siapakah pembekal-pembekal diesel ini di sekolah-sekolah di kawasan pedalaman khususnya kawasan Pensiangan. Kalau mereka ini tidak dapat membekalkan diesel-diesel ini ke sekolah-sekolah ini saya rasa kementerian harus mengambil tindakan sama ada untuk dihentikan ataupun digantikan dengan pembekal-pembekal yang lebih berwibawa dan lebih bertanggungjawab. Satu perkara lagi yang saya inginkan nak bawa di sini mengenai dengan emolumen ini Butiran 010000 mengenai dengan guru-guru di pedalaman ini.

Saya difahamkan di bahagian pedalaman banyak guru yang tidak dapat hadir di sekolah-sekolah tersebut umpamanya SK Saliliran, tidak mempunyai kononnya lapan orang guru tetapi hanya dua orang sahaja yang telah melaporkan diri. Nama mereka ada tetapi badan mereka tidak ada sana. Jadi, ini satu masalah yang besar bagi anak-anak di bahagian pedalaman. Itu satu sekolah banyak lagi sekolah-sekolah yang belum saya sentuh di sini, tetapi masa ini terhad sekali mungkin dalam Jawatankuasa yang lain akan saya kemukakan lagi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tuaran, lepas itu Kepong, Menteri boleh jawab.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kepong, buat apa nak cakap.

6.40 ptg.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya juga turut serta dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa bagi Maksud B.41 Kementerian Pelajaran Malaysia, Butiran 01000, Pengurusan Kementerian; Butiran 02000, Pendidikan Rendah dan Menengah.

Tuan Pengerusi, saya juga bersama dengan Yang Berhormat bagi Kota Melaka mempersoalkan bagaimanakah RM1 bilion ini, dalam soal gaji ini diperlukan pada ketika ini. Apakah, kenapakah peruntukan sebegini besar tidak dapat diperuntukkan dalam Perbekalan Belanjawan tahun 2006 yang lalu.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan beberapa perkara dalam soal gaji guru-guru dalam perbahasan ini. Pertama, sekali lagi soal elaun yang berbeza di antara Sabah dan Semenanjung yang dibangkitkan dan saya mohon penjelasan apakah pihak kementerian ingin menyelaraskan soal perbezaan elaun tetap perumahan di antara guru Semenanjung berkhidmat di Sabah dengan guru-guru Sabah yang berkhidmat Semenanjung. Ataupun guru-guru Sabah yang berkhidmat di Sabah.

Seterusnya Tuan Pengerusi saya juga ingin membangkitkan sekarang ini persoalan kenaikan pangkat daripada DG29 ke DG32. Kalau DG32 ini adalah tangga gaji bagi seorang guru besar, dan hanya ditambah elaun guru besar iaitu sebanyak RM100 dan keraian sebanyak 5% daripada tangga gaji. Biasanya guru-guru besar ini tidak akan menuntut keraian 5% ini sebab terlalu banyak cerewet dan sebahagian besar mereka tidak menuntut keraian 5% ini. Yang manakala mereka yang telah naik pangkat secara *time scale* daripada DG29 ke DG32, mereka akhirnya akan mendapat lebih besar gaji daripada guru besar. Jadi pada hari ini guru-guru besar pun meminta supaya yang 5% keraian guru besar itu dimasukkan terus ke dalam gaji, tidak perlu mereka buat tuntutan lagi ataupun buat *claim* sebab ini terlalu banyak cerewet.

Begitu juga dengan penolong kanan di sekolah rendah yang dilantik oleh sekolah bukan dilantik oleh jabatan. Kalau yang dilantik oleh jabatan, elaun sebanyak RM60 diberikan, tetapi penolong kanan yang dilantik oleh sekolah tidak ada elaun, saya difahamkan. Jadi, mereka meminta supaya pihak kementerian, pihak jabatan untuk penolong kanan di sekolah-sekolah rendah ini yang dilantik oleh sekolah ini pun berilah elaun yang RM60 itu.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya juga ingin membawa perkara bebanan tugas guru-guru di sekolah kurang murid. Di sekolah kurang murid ini walau macam mana pun, walaupun murid dia kurang tetapi kelas tetap enam dan guru-gurunya sedikit. Oleh sebab itu guru-guru yang sedikit itu terpaksa dibebankan dengan lebih banyak tugas sedangkan gajinya sama dan pandangan daripada luar mengatakan bahawa ini sekolah kurang murid bermaknanya sedikit tetapi sebenarnya tidak, sebab macam mana pun bahan-bahan pengajaran harus disediakan dan sebagainya. Dan apa yang dituntut oleh guru-guru yang terlibat ialah supaya mereka diberi elaun, diberi elaun tambahan.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga membawa perhatian kepada pihak kementerian tentang kenaikan pangkat guru-guru ini. Apabila guru-guru memohon untuk kenaikan pangkat, biasanya katakan daripada DG29 dan kalau dia siswazah dia akan terus memohon ke DG41 tetapi apa yang berlaku ialah kalau guru ini walaupun dia ada pengalaman 15 tahun katakan, dan selepas di siswazahkan, pengalaman guru ini tidak diambil kira. Yang diambil kira hanyalah kelulusan dia. Jadi apa yang dituntut oleh guru-guru ini ialah kalau guru-guru yang di siswazahkan ini apabila dia memohon kenaikan pangkat, hendaklah diambil kira pengalaman dia. Katakan dia dilantik DG29 pada tahun 1982 ketika itu, dia punya *scale line* katakan, dan kalau dia sudah di siswazahkan, dia memohon untuk dilantik pada satu tangga gaji atau kenaikan pangkat, maka hendak diambil kira. Sekarang ini tidak diambil kira, yang dikira sangat ialah PTK.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah lima minit.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Okey, satu lagi yang penting, ini penting Tuan Pengerusi yang perlu saya bawa perhatian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Penting punya, penting punya cakap dululah tadi.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Ya, ini kena ingat, gaji ini RM1 bilion ini Tuan Pengerusi, RM1 bilion tak akanlah isu yang kita tidak mahu bincangkan? Okey, jadi hari ini saya difahamkan pensyarah-pensyarah di EIPG institut perguruan, Pengajian Guru dan di sekolah dia punya tangga gaji sama iaitu kalau siswazah DG41 tetapi apabila pensyarah, dulu maktab sekarang institut perguruan memohon untuk naik pangkat daripada DG41 kepada DG44, proses kenaikan pangkat itu begitu lama, berbanding dengan guru-guru yang mengajar di sekolah menengah ataupun sekolah rendah yang guru-guru siswazah. Jadi permohonan permintaan daripada guru-guru di institut perguruan ini supaya proses kenaikan pangkat itu dipercepatkan.

Kemudian satu lagi di pentadbiran di sekolah-sekolah menengah. Kalau ada asrama dan asrama ini melebihi bilangan yang tinggal di asrama itu melebihi 200 orang atau 300 orang. Pihak kementerian tidak melantik seorang penolong kanan asrama dan ini membebankan tugas kepada pengetua sebab ini melibatkan banyak pentadbiran juga masalah disiplin. Jadi apa yang diminta ialah supaya pihak kementerian melantiklah penolong kanan asrama untuk mengawal selia asrama-asrama yang melebihi daripada 200 pelajar. Dan satu lagi dari segi kenaikan pangkat, yang di Sabah kita nampak aneh sikit, kalau kita lihat dari segi PPD iaitu Pegawai Pendidikan Daerah atau Pegawai Pendidikan Gabungan. Saya nampak seolah-olah yang diambil kira ialah soal agama dan bangsa. Seluruh Sabah saya tidak nampak satu orang pun yang bukan bumiputera kalau PPD atau PPG.

Dan saya nampak hanya agama tertentu sahaja naik pangkat. Jadi saya fikir ini amat serius, saya telah diberitahu oleh beberapa guru yang agak senior juga mengatakan kenapakah ini, apakah ini satu keperluan kita ini hanya beragama tertentu, berbangsa tertentu untuk dinaikkan pangkat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Dan akhir sekali ini soal ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tiga kali "akhir sekali", Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Ini RM1 bilion ini Tuan Pengerusi, bukan RM10, ini RM1 bilion punya. Permohonan guru yang dilatih prasekolah yang sekarang ini berkhidmat di Selangor dan dia mempunyai keluarga, dia punya anak dan dia memohon balik ke Sabah sebab anak dia di Sabah masih kecil, masih menyusu lagi. Dia sudah memohon supaya dibalikkan ke Sabah tetapi ditolak juga. Dia berjumpa sama kita orang dan merayu sekali lagi. Saya memohon supaya pihak kementerian ini sedikit prihatin, kasihan kepada mereka yang mempunyai anak ini, mempunyai suami kah, mempunyai isteri di Sabah dan dia duduk di sini. Tak akanlah soal-soal kebajikan begini tidak boleh diatur sedangkan mereka ini bukan memohon untuk dihantar di sini.

Sebenarnya Tuan Pengerusi, banyak isu-isu dalam soal pendidikan ini amat penting kita bincang sebab kita mahukan Malaysia ini cemerlang dalam pendidikan tapi kita akan bawa dalam bajet nanti. Jadi saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat Kepong lepas itu menteri boleh jawab.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi tidak bangun.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ada, ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada bangun kah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sudahlah, lepas Kepong menteri jawablah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi, saya tak nampak, tak nampak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, banyak nota saya terima daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, kata mereka nak balik ke kawasan untuk menyambut Hari Kemerdekaan esok, malam ada majlis. Jadi saya mintalah kalau boleh kita cepatkan, kalau tidak boleh saya minta maafah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hantar surat kepada saya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya sokong Tuan Pengerusi, dekat situ saya sokonglah Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi banyak baguslah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading pasti tak bangun minta berucap. Kepong sila.

6.51 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya akan tepat pada masa yang dihadkan. Memandangkan itu tambahan sebanyak lebih RM1 bilion yang dipohon untuk diluluskan hari ini, kita memanglah mempunyai banyak perkara.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, lusa bajet itu angka lebih besar.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, saya faham itu lusa punya fasallah, hari ini ada belum habis. Dari segi falsafah pelajaran kita mesti menumpukan perhatian kepada hari ini dulu, itu falsafah yang tepatlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan yang pertama?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Soalan yang pertama mengenai penggunaan IT di sekolah rendah dan menengah. Penggunaan IT, saya hendak itu pihak kementerian menerangkan bagaimana kita dapat menggunakan IT dengan tepat untuk sebagai *gaming tool*, sebagai *teacher tool*, sebagai *research tool*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tanya dalam bajetlah, sekarang tidak ada masa lah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itu memang di masuk kerana 'equipment' untuk *teacher tool*, *teacher training tool* dan untuk...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu termasuk IT.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang masuk, kita...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan gaji sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Gaji kalau kita gajikan guru, guru mesti mainkan peranan untuk mengajar murid-murid. Dan salah satu kelengkapan, satu tool untuk guru itu IT, memang penting Tuan Pengerusi...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Cepat sikitlah Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Siapa itu? Saya ada lima minit sahaja, jangan ganggu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tinggal tiga minit Yang Berhormat, dua minit sudah habis.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Akan tetapi Tuan Pengerusi sendiri yang ganggu saya, macam mana...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Cepat sikit, kalau lambat tidak sempatlah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *Injury time* lah itu, Yang Berhormat bagi Bintulu jangan ganggu ya. Ia mengenai penggunaan IT untuk *communication tools*, untuk *training tools*, untuk *teaching tools* dan sebagainya, dan bagaimana kita banding dengan sekolah-sekolah swasta rendah dan menengah dari segi penggunaan *Laptop*, *LCD projector*, *notebook* dan *CD rom base learning material* dan sebagainya. Ini memang penting kerana kita ada sekolah bestari di bandar dan juga sekolah bestari di luar bandar. Itu dwi strategilah untuk *smart school* ini. Dan kita hendak tahulah setakat mana bilangan sekolah yang dilatih untuk sekolah bestari dan sekolah yang sedia ada sekarang 90 dan apakah bilangan yang ditambahkan, dan juga apakah cara untuk mengadakan sekolah bestari di luar bandar, kerana ia berbeza. Dan juga apakah peranan NIIT untuk melatih. NIIT itu memanglah mereka bertanggungjawab untuk mewujudkan kualiti multimedia 'courseware'. Sebenarnya Tuan Pengerusi, saya mempunyai banyak perkara lagi, kalau *injury time* dibenarkan, tidak benarkan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh bayar balik masa Bajet.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bajet, ya...ya. Jadi akhir sekalilah mengenai NIIT, latihan NIIT itu ke atas sekolah. Berapa sekolah yang sudah dilatih oleh NIIT dan juga apakah *volume quality multimedia courseware* yang sudah pun dikeluarkan oleh NIIT. Sekian terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya akan merujuk kepada...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bila saya jemput Yang Berhormat?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Pengerusi sudah senyum..., dua minit, satu minit pun boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Okay, satu minit.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Butiran-butiran 010900, mengenai sewa pejabat kementerian di Putrajaya. Saya ingin tahu kenapa sewa sejumlah RM49 juta tidak dimasukkan dalam Bajet 2006, tetapi dimasukkan di dalam *supplementary* Bajet. Kerana bukannya sewa itu dapat dianggarkan dari dahulu, dan adakah ini untuk sewa pejabat yang baru untuk kementerian. Dan saya ingin tahu juga, keluasan pejabat yang disewa dan apakah kadar *one square feet*, kadar yang dibayar oleh kerajaan atas tempat disewa ini, kadarnya per *square feet* dan apakah kemudahan-kemudahan yang diberikan agar sewa ini begitu tinggi RM49 juta. Dan apakah jangka masa untuk sewa RM49 juta ini dibayar. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila.

6.56 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan atas maksud B.41 iaitu perbelanjaan tambahan untuk Kementerian Pelajaran. Tadi Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah membangkitkan beberapa isu dan akan saya cuba menjawabnya. Nombor satu, adakah Kementerian Pelajaran Malaysia menghadapi masalah kewangan kerana SJK(C) atau pun Sekolah Jenis Kebangsaan Cina menghadapi masalah kekurangan guru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang menjadi dasar kementerian untuk menyediakan kemudahan yang sempurna, yang mencukupi, termasuklah juga keperluan perjawatan di SKJ(C). Jadi oleh itu, kementerian sentiasa mengkajikan keperluan guru, dan walaupun ada kekurangan ini adalah sementara, *temporary* sahaja, dengan izin, dan bukan *permanent*. Dan beberapa langkah dijalankan oleh kementerian dari masa ke masa untuk melantik guru-guru dalam bahasa Cina.

Dari segi pembayaran gaji guru untuk guru-guru sambilan yang dilantik oleh pihak sekolah dari segi dasar, memang Kementerian Pelajaran membuat pembayaran gaji berdasarkan kepada perjawatan yang telah diluluskan, iaitu guru-guru yang dilantik oleh Kementerian Pelajaran. Untuk guru-guru yang dilantik terus oleh pihak PIBG, atau pun Lembaga Pengelola Sekolah, mereka dikehendaki untuk menjelaskan pembayaran secara persendirian. Satu lagi isu yang...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih. Pada fahaman saya, biasanya pada tahun-tahun yang dahulu, Lembaga Sekolah atau pihak sekolah akan mengenal pasti bilangan kekurangan guru sambilan dan mereka akan terus upah guru-guru ini. Kerana ada guru-guru sambilan dari tahun lalu, dia akan terus diupah tetapi tahun ini telah berubah kerana kepada kementerian, mengatakan bahawa sudah ada cukup bilangan guru, tetapi kepada pihak sekolah, guru-guru yang dihantar oleh kementerian itu, tidak sesuai untuk mengajar mata pelajaran yang diperlukan kerana kementerian telah..., guru umpamanya, guru bahasa Melayu telah melebihi seramai 6000, dan kelebihan itu telah dihantar kepada SRJK(C), tetapi di SRJK(C) tidak perlu begitu ramai guru bahasa Malaysia.

Jadi mereka masih kekurangan guru bahasa Cina. Jadi di sinilah dia timbulkan masalah. Di mana ada kalau mengikut *ratio* cikgu kepada pelajar, memang guru ada cukup, tetapi pada hakikat sebenarnya, tidak cukup guru bahasa yang boleh mengajar bahasa Mandarin. Adakah Yang Berhormat tahu atau sedar masalah ini?

Puan Komala Devi: Tuan Pengerusi, memang dari tahun ke tahun Kementerian Pelajaran akan membuat unjuran keperluan guru dan baru-baru ini pun Menteri Pelajaran telah membuat satu pengumuman di mana nisbah guru dengan pelajar telah dinaikkan daripada 1:5 ke 1:7 dengan izinnya. Jadi kami harap dengan kenaikan ini, kita dapat menambahkan lagi pengambilan guru. Walaupun kita ada, tidak boleh dinafikan ada *mismatch*, tetapi perjawatan penempatan guru adalah kita memberi fokus atau pun *priority*, nombor satu kepada keperluan jawatan, nombor dua kepada opsyen. Jadi walaupun ada *mismatch*, tetapi buat masa ini masalah bukanlah begitu ketara dan masih dalam kawalan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. Jadi saya dengar bahawa Yang Berhormat mengakui ada masalah *mismatch*, dan kerana masalah *mismatch* ini, jadi walaupun *ratio* guru kepada pelajar itu adalah betul, tetapi pada hakikat sesetengah SRJK(C) masih memerlukan cikgu sambilan.

Jadi di sini saya berpendapat hanyalah *reasonable* untuk kementerian untuk membayar gaji guru sambilan ini. Mengapa kementerian tidak membayar? Bolehkah Yang Berhormat membawa permintaan ini balik kepada kementerian supaya semua gaji guru sambilan haruslah dibayar oleh kerajaan dan kementerian. Inilah barulah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Okey, baik Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Menunjukkan bahawa kerajaan Barisan Nasional faham masalah SRJK(C).

Puan Komala Devi: Tuan Pengerusi gambaran yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat saya rasa tidaklah begitu tepat sebab memanglah kerajaan sedar bahawa ada kekurangan guru untuk mengajar bahasa Cina dan baru-baru ini pun kementerian telah mengambil dalam telah meluluskan 700 orang guru sandaran bahasa Cina GSTT iaitu guru sandaran tanpa terlatih dan ini adalah bilangan yang telah diluluskan dan juga dibayar oleh kementerian. Untuk guru-guru yang keperluannya *over and above*, dengan izinnya beban ataupun tanggungjawab untuk membayar guru adalah seperti saya sebut tadi bayaran kena dibuat *either* oleh pihak PIBG ataupun oleh Lembaga Pengelola. Dan kami akan kaji keperluan ini dari semasa...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan, penjelasan.

Puan Komala Devi: Saya rasa saya...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sedikit sahaja. Bolehkah saya tahu bilakah 700 guru sambilan ini akan dihantar, bilakah? Dan pada waktu sekarang berapakah orang guru sambilan yang berada di SRJK(C) yang dibayar oleh kementerian?

Puan Komala Devi: Tuan Pengerusi itu adalah satu soalan yang spesifik dan saya mohon izin untuk sampaikan secara bertulis.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Boleh, boleh.

Puan Komala Devi: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan Yang Berhormat.

Puan Komala Devi: Satu lagi isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam iaitu bahawa Kementerian Pelajaran enggan atau tidak mahu membayar bil elektrik dan air dan sebaliknya sekolah yang perlu membayar sendiri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pembayaran untuk bekalan elektrik dan air memang telah diperuntukkan dalam ataupun *per capita grant* (PCG) dan sekolah bolehlah menggunakan peruntukkan ini untuk menjelaskan bil elektrik dan air. Dan sekiranya amaun yang diberi itu tidak mencukupi pihak sekolah boleh kemukakan permohonan kepada Jabatan Pelajaran Negeri masing-masing dan Kementerian Pelajaran akan menyediakan peruntukkan yang mencukupi. So saya rasa ini adalah tidak adalah satu masalah yang besar.

Soalan daripada Yang Berhormat Kudat iaitu berkaitan dengan satu sekolah spesifik...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, teruskan.

Puan Komala Devi: Perlu jawab?

Seorang Ahli: Terus sahaja.

Puan Komala Devi: SMK Pingan-Pingan iaitu setelah tiga tahun dan rumah guru tiada bekalan air dan rumah tersebut masih tidak diduduki. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat perkara ini akan diberi perhatian oleh kementerian dan tindakan yang sewajarnya akan diambil. Lagi satu isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kudat ialah Kementerian Pelajaran tidak membina asrama di SMK Pingan-Pingan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pembinaan asrama akan dilaksanakan berdasarkan keperluan dan sehubungan itu kementerian akan mengkaji keperluan tersebut.

Seorang Ahli: Kena kaji.

Puan Komala Devi: Berkaitan dengan pemberhentian guru sandaran tanpa terlatih (GSTT) di kawasan Kudat memang saya ingin tegaskan di sini bahawa keperluan GSTT adalah bertujuan menampung keperluan sementara sahaja bagi memberikan masa kepada kementerian untuk mencari ataupun mendapatkan guru yang terlatih yang boleh di tempat dari semasa ke semasa. Dan kementerian memang akan menamatkan perkhidmatan guru-guru GSTT pada bila-bila masa apabila kita dapat guru terlatih yang kita perolehi adalah mencukupi.

Yang Berhormat bagi Kota Melaka telah membangkitkan isu sama ada Kementerian Pelajaran akan menggaji guru-guru luar negara untuk menampung guru-guru di SJK(C). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat perkara tersebut masih dalam penelitian kementerian. Walau bagaimanapun pada masa sekarang Kementerian Pelajaran sedang melatih guru-guru bagi mengatasi kekurangan guru tersebut. Dan antara usaha-usaha yang telah dijalankan dan sedang dijalankan adalah melantik guru-guru GSTT dan juga menggunakan khidmat guru-guru kontrak iaitu guru-guru yang telah bersara tetapi masih berminat untuk meneruskan pengajaran.

Yang Berhormat bagi Pensiangan telah membangkitkan isu berkaitan dengan SK Saliliran iaitu guru yang tidak bertugas di sekolah selepas melaporkan diri. Untuk mana-mana guru yang tidak melaporkan diri, mereka ini bolehlah dikenakan tindakan tatatertib kerana ingkar perintah dan pihak-pihak yang terlibat bolehlah mengemukakan kes-kes seperti ini kepada kementerian dan kami akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Yang Berhormat bagi Tuaran telah membangkitkan isu iaitu kenapa elaun keraian tidak dimasukkan terus ke dalam gaji? Ini adalah satu soalan dasar dan pada masa ini elaun keraian keperluannya ialah elaun ini perlu dituntut mengikut perbelanjaan sebenarnya yang telah dibuat guru-guru besar. Oleh yang demikian elaun ini tidak dapat dimasukkan secara terus tetapi berdasarkan kepada bil-bil yang telah di *claim* dengan izin oleh guru-guru besar. Yang Berhormat Tuaran pun telah...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tuaran bangun.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Isu dia di sini ialah sebahagian besar daripada guru-guru besar dia tidak menuntut sebab dia begitu cerewet jadi saya mohon cadang supaya dikaji soal ini. Yang Berhormat sendiri boleh mengkaji sama ada berapa peratus guru-guru besar ini menuntut yang lima peratus itu. Sebab terlalu banyak kerenah untuk mendapatkan amaun lima peratus itu sedangkan amaun dia begitu kecil. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Rasional untuk berdasarkan atas bil yang sebenarnya adalah untuk mengelakkan sebarang penyelewengan tetapi saya akan bawa balik cadangan Yang Berhormat sebab prosedur Yang Berhormat telah sebut tadi prosedur adalah terlalu cerewet. Jadi saya akan bawakan cadangan Ahli Yang Berhormat kepada kementerian. Yang Berhormat bagi Tuaran juga telah membangkitkan isu iaitu pengalaman seorang guru setelah mereka dijadikan guru siswazah, pengalaman mereka sebelum itu tidak ambil kira. Pengalaman sebagai guru bukan siswazah tidak diambil kira jika beliau dilantik sebagai guru siswazah kerana dua-dua skim ini adalah skim yang berbeza. Jadi buat masa ini, ini adalah peraturan yang diguna pakai untuk semua skim perkhidmatan.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen isu di sana ialah apabila kalau kita memohon naik pangkat satu orang ini *graduate* yang baru keluar dari universiti *fresh graduate*, yang satu lagi ada 15 tahun sebelum itu dia bukan siswazah. Kalau dia memohon sebagai katakan Guru Besar atau katakan Pengetua sekarang ini peluang dia sama sebab dia tidak ambil kira pengalaman dia ambil PTK sahaja. Jadi yang kita minta di sini ialah supaya mereka yang sudah mempunyai pengalaman 15 tahun, sepuluh tahun dia lulus PTK orang inilah yang seharusnya mendapat jawatan mendapat kenaikan pangkat tadi tetapi hari ini tidak pengalaman mengajar itu tidak diambil kira, itu yang kita mohon dan kita mencadang.

Puan Komala Devi: Tuan Pengerusi memang saya ucapkan syabaslah sebab Ahli Yang Berhormat begitu prihatin tetapi kita harus tidak melupakan bahawa semasa guru siswazah masih belajar di universiti guru bukan siswazah telah jua mula mendapat gaji dan mereka ini telah menikmati skim gaji.

Walaupun ini adalah satu skim yang berbeza tetapi mereka telah mendapat satu punca pendapatan jadi buat masa ini kedua-dua skim iaitu guru siswazah dan guru bukan siswazah buat masa ini berbeza tetapi pada masa yang depan kemungkinan kementerian sanggup untuk mengambil kira pengalaman guru-guru siswazah apabila guru ini masuk ke dalam skim siswazah.

Satu lagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran ialah tangga gaji Pensyarah IPG, Institut Pengajian Guru dan guru adalah sama termasuk juga proses kenaikan pangkat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Perkhidmatan Pensyarah dan guru-guru dalam Kementerian Pelajaran adalah sama. Mereka ini di bawah satu skim sahaja iaitu Skim Perkhidmatan Pendidikan. Jadi itulah situasinya.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Inilah perkara dalam kementerian yang harus kita lihat dengan jelas. Maktab perguruan telah dinaik taraf sebagai institut dan mereka akan melahirkan guru-guru siswazah selepas ini, bukan sahaja diploma tetapi skim gaji belum lagi dikaji, ini yang menghairankan. Lebih teruk ialah kalau guru biasa katakan dari DG41 naik pangkat ke DG44 lebih senang, lebih cepat berbanding dengan pensyarah daripada DG41 naik pangkat DG44. Itu persoalannya, sedangkan dia sudah naik taraf sekarang, semua maktab perguruan, kesemua 27 seluruh negara sudah jadi institut tetapi dia punya skim gaji belum lagi dilihat. Bagaimana pula yang ini, itu yang perlu dikaji kalau tidak saya nampak guru-guru ini atau pensyarah-pensyarah di IPG ini dia punya moral dan semangat pun turun disebabkan perkara ini. Sedangkan mereka yang melahirkan guru, guru yang dilahirkan itu pula cepat dia punya kenaikan pangkat, itu yang dipersoalkan.

Puan Komala Devi: Tuan Pengerusi, demi meningkatkan martabat profesion perguruan kami telah menaikkan taraf semua maktab perguruan menjadi Institut Pendidikan Guru dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang kita telah menerima saranan bahawa Skim Pensyarah ini mestilah berbeza daripada Skim Guru dan buat masa ini untuk makluman Ahli Yang Berhormat perkara ini dalam penelitian kementerian, dan kami sedang bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dan pengumuman akan dibuat sebaik sahaja kita dapat satu jawapan yang baik. Yang Berhormat bagi Tuaran juga telah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Wah, banyak Tuaran ya.

Puan Komala Devi: ...Bangkitkan isu bahawa tidak ada penolong kanan di asrama di mana ada pelajar lebih daripada 200 orang, dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat walaupun kita tidak ada jawatan penolong kanan untuk menyelia atau mentadbir hal-hal yang berkaitan dengan asrama, memang Guru HEM ataupun Guru Hal Ehwal Murid, pada masa ini dipertanggungjawabkan untuk menguruskan urusan asrama. Berkaitan dengan pertukaran...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan tadi. Saya perlu perjelaskan Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sebenarnya betul, HEM yang bertanggungjawab tetapi sedarkah Yang Berhormat bahawa tugas ini amat berat. Di sekolah di kawasan saya satu sekolah SMK Tengkilat, dia punya pelajar asrama ada 300 orang tetapi kerena pelajar dari segi disiplin dan sebagainya, pengurusan makanan dan sebagainya, tempat tinggal begitu banyak dan ini melibatkan pengetua. Yang kita cadangkan, lantik saja seorang penolong kanan untuk menjaga asrama. Seorang penolong kanan yang ada, warden ada tapi dia menyelia hal lain. Itu yang kita cadangkan, saya fikir kalau lebih banyak lagi pelajar, akan lebih teruk lagi. Itu saja cadangan kita.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Puan Komala Devi: Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat iaitu seorang GPK iaitu guru penolong kanan dilantik akan saya bawa balik ke kementerian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Soalannya banyak lagikah?

Puan Komala Devi: Satu lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau banyak, saya cadangkan jawab secara bertulis.

Puan Komala Devi: Iaitu pertukaran guru ke negeri asal, rayuan daripada kalau saya tak silap 777, *seven hundred and seventy seven*, dengan izin, guru daripada Sarawak yang ditempatkan di Semenanjung seperti saya sebutkan tadi pertukaran guru perlulah mengikut pekeliling semasa yang telah ditetapkan dan permohonan pertukaran bolehlah dibuat pada bila-bila masa jika terdapat masalah-masalah. Dan sekiranya guru-guru menghadapi masalah seperti yang saya sebutkan tadi penempatan adalah mengikut keperluan perjawatan, dan kemudiannya opsyen tetapi atas sebab-sebab berperikemanusiaan kami memang sanggup mempertimbangkan kes-kes permohonan itu dan guru-guru bolehlah mengemukakan permohonan tersebut.

Yang Berhormat bagi Kepong telah meminta bagaimanakah penggunaan ICT dapat digunakan dengan sepenuhnya. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Kepong Kementerian Pelajaran Malaysia sudah melantik sebuah syarikat untuk menjalankan kajian tentang isu ini, iaitu isu penggunaan ICT untuk pengurusan dan juga untuk P&P, iaitu pengajaran dan pembelajaran dan syarikat ini akan mengemukakan cadangan bagi mengatasi isu-isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong. Oh, saya dapati nombor bilangan Guru Sandaran Tanpa Terlatih di SJKC pada masa ini dan sehingga 30 April 2006 GSTT di SJK(C) adalah seramai 1,222 orang. Dari segi bayaran untuk sewa *office*, sewaan untuk setahun adalah berjumlah RM82.3 juta dan ini adalah sewa untuk 8 blok setahun dan setiap bulan anggaran sewa adalah dalam lingkungan RM6.852 juta. Walaupun tadi ada ramai yang minta kenapakah RM1 bilion itu satu *figure* yang besar, ini adalah sebab kenaikan gaji guru *time-based* untuk guru siswazah, minta maaf untuk guru siswazah, peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM200 juta.

Untuk guru-guru bukan berijazah adalah RM100 juta, Elaun COLA adalah RM200 juta, jawatan baru Pembantu Pengurusan Murid iaitu untuk prasekolah adalah RM12 juta dan peruntukan emolumen yang tidak mencukupi mengikut trend-trend perbelanjaan emolumen tahun-tahun 2003 hingga 2005 adalah dalam RM488 juta. Jadi Tuan Pengerusi, setakat ini sahaja saya dapat menjawab semua pertanyaan yang telah disebutkan dan sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat mendapati soalan mereka tidak terjawab silalah kemukakan kepada saya secara bertulis dan saya akan menjawab secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa wang sejumlah RM2,000,000 untuk Maksud B.40 dan RM1,060,000,000 untuk Maksud B.41 di bawah Kementerian Pelajaran jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,000,000 untuk Maksud B.40 dan RM1,060,000,000 untuk Maksud B.41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.42 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.42 dan Kepala Pembangunan P.42 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahaskan. Kota Melaka, satu orang sahaja kah, dua orang lepas itu Menteri jawablah. Kota Melaka.

7.15 ptg.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Bekalan B.42 di bawah *item* yang menyatakan bahawa tambahan sebanyak RM836,500,000 yang mana sebahagian daripada itu, iaitu sebanyak RM20 juta adalah untuk membiayai Kempen Anti Merokok, Tak Nak!, dan juga pendidikan kesihatan mencegah penyakit berjangkit terutamanya HIV/AIDS.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian kerana saya difahamkan bahawa penyakit kanser semakin meningkat di negara kita dan baru-baru daripada perangkaan dan juga maklumat terperinci yang diberikan oleh kementerian yang menyatakan bahawa daripada penyakit kanser yang kian meningkat di negara kita wujudnya 40% sebenarnya disebabkan oleh unsur atau pun faktor yang berkaitan rapat dengan tembakau. Jadi saya rasa bagaimana pula kalau kita terus membelanjakan RM20 juta ataupun perbelanjaan lain untuk membiayai kempen Anti Merokok, Tak Nak! dan pada masa yang sama wujudnya satu perangkaan yang menyatakan 40% daripada penyakit kanser dalam negara kita adalah sebenarnya berkait rapat dengan tembakau.

Jadi saya ingin bertanya pihak kerajaan apakah metodologi secara saintifik yang dapat memastikan apakah keberkesanan bagi kempen Anti Merokok, Tak Nak! ini. Dan saya juga ingin merujuk kepada *item* yang menyatakan bahawa sebanyak RM8.6 juta daripada Perbekalan Tambahan ini adalah untuk membiayai pelaksanaan Program Pengurangan Mudarat iaitu *Harm Reduction Programs* dan saya difahamkan bahawa salah satu daripada cara kita menggunakan untuk melaksanakan Program Pengurangan Mudarat ialah untuk penggunaan *methadone* bagi penagih-penagih dadah dalam negara kita.

Jadi seperti mana yang telah pun diberitahu oleh kementerian dahulu bahawa dalam penggunaan *antiretroviral drug* bagi penyakit AIDS saya difahamkan kos sekali bagi kos rawatan ialah lebih kurang RM150 lebih tetapi saya ingin tahu juga apakah kos bagi penggunaan *methadone* sekali bagi penagih-penagih dadah dan sama ada kos ini adalah sekali gus ataupun kos itu haruslah kita memberikan satu rawatan secara berterusan kepada penagih-penagih dadah ini dan saya ingin tahu lah bagaimana pula kita menggunakan RM8.6 juta ini kerana saya difahamkan bahawa Program Pengurangan Mudarat ini sebenarnya satu program yang telah pun mula kita laksanakan sejak awal tahun ini dan juga perangkaan-perangkaan terperinci bagaimana kita menggunakan RM8.6 juta ini sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Bukit Mertajam kemudian pihak kementerian boleh jawab.

7.19 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi sebenarnya banyak perkara di sini 14 perkara tetapi walau bagaimanapun, kerana masa terhad kita tumpukan pada 1-2 perkara sahaja seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kota Melaka tadi itu, Tak Nak!. Tak Nak!, tetapi kita nampak itu Ahli-ahli Parlimen di sini, di semua tempat hendak. Kalau bagi ahli sesetengah Ahli Parlimen bukan Yang Berhormat Arau lah, Arau dia kacau sahaja... [*Beberapa Ahli menyampuk*] Yang Berhormat Sri Gading termasuklah Yang Berhormat Bandar Kuching...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bandar Kuching itu sebab mereka keluar sekarang. Cuba tengok... [*Ketawa*]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bila masuk ke itu bilik yang berhawa dingin pun dia hendak hisap juga... [*Beberapa Ahli menyampuk*] Jadi kempen anti merokok ini bagi mereka ditukar kepada hendak. Jadi saya hendaklah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Minta Yang Berhormat jangan sokonglah bila kita tolak dia nak.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sekian kempen yang kita nampak itu, sekian teruk ketagihan itu. Ketagihan itu lebih teruk dan bilangan perokok pun sudah bertambah di negara ini. Mungkin dengan kempen anti merokok ini, itu bilangan telah dirangsang untuk merokok. Saya berharaplah Yang Berhormat dapat memberi jawapan yang tepat dan seterusnya hanya satu masalah sahajalah di sini *National Influenza Pandemic Preparedness Plan* iaitu NIPPP, dengan belanja yang besar itu RM60.5 juta. Ini menunjukkan pihak kementerian sangat serius mengenai selesema burung kita *Highly Pathogenic Avian Influenza* atau HPAI - H5N1. Kalau dia kena *influenza* selesema ini tidak boleh cakap lah itu masalah. H5N1 itu teruk. Hendak cakap pun susah... [*Disampuk*]

Jadi, kita memang mesti bersedia untuk menghadapi selesema ini kerana *pandemic* pernah berlaku pada 1968 dan kita berharap di Malaysia ini kita boleh elakkanlah seperti pada tahun 1999 kita ada nipah *pandemic* iaitu wabak Nipah sebenarnya Nipah di sini patut ditukar kepada tambun. Patutlah itu kerana dia bermula di Tambun, Nipah ini. Ini bermakna waktu itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa itu Kepong pun ada.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ada Kepong ya tidak apalah. Semasa itu 1999 pihak Kementerian Kesihatan tidak bersedia untuk menghadapi masalah dan untuk SARS pula mereka bersedia. Memang nampak kita sedia. Tindakan ada diambil dan sekarang ini saya pun tidak tahulah sama ada itu selesema burung itu akan berlaku di dunia ataupun akan ada *pandemic* tapi di negara China, di Vietnam dan juga di Indonesia ada beberapa orang sudah mati kerana selesema itu tetapi tidak ada kes yang menunjukkan ada jangkitan daripada itu manusia kepada manusia setakat inilah.

Saya berharap ini tidak akan berlaku tetapi memandangkan wang yang begitu banyak yang di gunakan untuk setakat ini bagi *National Influenza Pandemic Preparedness Plan* kerana ini melibatkan banyak agensi, banyak jabatan dan juga banyak disiplin. Dan dengan wakil-wakil yang ramai dan pakar- pakar yang ramai dan ini menelan belanja yang banyak.

Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat menerangkan kepada kita semua apakah keupayaan kita sekarang ini. Dengan perbelanjaan yang banyak apakah keupayaan kita untuk menghadapi wabak itu *pandemic* selesama dan juga apakah itu pelan tindakan yang sudah pun disediakan untuk beberapa fasal bagi menghadapi *pandemic* ini. Sebenarnya ini dua perkara sahaja ada itu 14 lagi.... [Disampuk] Saya sebenarnya saya tidak berucap banyak itu kali yang kedua itu di petang ini dan juga satu lagi saya tidak boleh elakkan itu pengajian tinggi yang lain saya tidak akan menyertai. Terima kasih

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Nantilah saya akan beritahu Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam selepas itu Setiausaha Parlimen menjawab.

7.27 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih, saya ingin mendapat penjelasan untuk perkara 2 dan 5, di mana perkara 5 ialah memerlukan RM1 juta untuk pertubuhan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia. Bagaimana ia akan dibelanjakan? Mengapa pertubuhannya perlukan RM1 juta? Dan perkara yang kedua ialah sebanyak RM10 juta adalah untuk membiayai pelaksanaan aktiviti promosi kesihatan. Jadi nampaknya pada waktu sekarang pun kementerian sudah mempunyai satu struktur atau satu unit untuk melaksanakan aktiviti promosi kesihatan. Jadi adakah kita perlu untuk mengadakan satu lembaga yang memerlukan RM1 juta untuk menubuhkannya. Yang kedua ialah perkara 6 ialah Pelan Strategik Kebangsaan bagi HIV dan..

Saya ingin tahu di bawah pelan strategik ini siapakah sasarannya. Pelan ini disasarkan kepada siapa dan adakah ia memberi sokongan seperti bantuan kewangan kepada keluarga yang mempunyai ahli keluarganya HIV positif kerana pada waktu sekarang ramai HIV positif yang masih tidak berani mendedahkan diri sebagai HIV positif kerana ada stigma sosial. Bagaimana kementerian akan berusaha untuk mengurangkan stigma sosial ini kerana stigma sosial ini ramai HIV positif tidak ke depan untuk mendapatkan rawatan.

Perkara ketujuh, saya ingin menyatakan bahawa saya menyokong *harm reduction program* dan pada waktu sekarang ia hanya tuju kepada *drug addict*. Adakah kerajaan akan menimbang supaya *sexual worker* juga disasarkan dalam program ini untuk mendidik mereka tentang kepentingan penggunaan kondom dan mungkin memberikan mereka kondom secara percuma.

Perkara kelapan ialah peruntukan satu RM124.3 juta untuk membiayai fasiliti yang baru siap. Saya ingin tahu adakah ini umpamanya Hospital Sungai Bakar masih kekurangan fasiliti. Adakah sebahagian daripada perbelanjaan ini adalah untuk Sungai Bakar dan di sini saya ingin katakan bahawa saya ada mendengar di Hospital Ampang yang baru itu yang baru siap dua tahun, tidak ada *staff quarters* dan *car park* tidak cukup. *Car park* tidak cukup memang biasa wujud di mana-mana hospital. Di Hospital Bukit Mertajam, di hospital Pulau Pinang banyak hospital yang tidak cukup *car park*.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tanjong.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Hospital Tanjong juga, Tanjong rambutan. Dan saya diberitahu bahawa di hospital Ampang terdapat salah satu *operation theater* nya tidak boleh berfungsi. Saya tidak tahu sama dari ini benar atau tidak.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh membuat siasatan. Dia kata ada bilik-bilik yang berkuman sehingga tidak boleh digunakan dan bumbungnya juga bocor dan 11 *ventilator* tidak boleh berfungsi. Saya tidak pasti sama ada ini benar atau tidak. Saya hanya harap Yang Berhormat boleh menjalankan siasatan. Yang 11 itu saya mendengar ura-ura bahawa ada kompelin banyak kursus khasnya kursus untuk menduduki *exam* untuk naik pangkat. Dia kata dia pergi selama dua minggu tapi mereka kata bahawa sebenarnya kursus itu boleh dijalankan dalam tiga hari tetapi dipanjangkan sampai dua minggu. Mereka sendiri pun tidak suka. Itu adalah perkara pertama.

Perkara yang kedua ialah apabila mereka pergi berkursus di hospital yang pada biasanya pun sudah kekurangan kakitangan kerana ramai kakitangan pergi berkursus, jadi perkara ini menjadi lebih teruk lagi. Jadi mereka mencadangkan bahawa bolehkah kursus itu dilaksanakan di kawasan tempatan. Umpamanya di Pulau Pinang. Ia dijalankan *fix* satu hari hingga tiga hari. Di Pulau Pinang supaya kakitangan di Pulau Pinang boleh berkursus selepas masa bekerja. Itu akan menjimatkan masa kakitangan di hospital dan juga mengurangkan masalah kekurangan kakitangan di hospital. Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, baik. Saya jemput Yang Berhormat pihak Kementerian untuk menjawab.

7.35 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]:

Tuan Pengerusi, terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat iaitu Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka, Yang Berhormat bagi Kepong dan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam yang telah memberi pandangan dan meminta penjelasan daripada Kementerian Kesihatan berkaitan dengan perbekalan tambahan ini.

Berkaitan dengan RM20 juta yang kita minta untuk Tak Nak! kita akan agihkan iaitu RM10 juta untuk Tak Nak! Dan RM5 juta untuk HIV dan RM5 juta untuk denggi. Dan seperti yang dikatakan tadi kita memang ada peruntukan untuk menjalankan kempen gaya hidup sihat kerana kita rasa untuk satu badan yang sihat, kita perlu mengadakan program-program komprehensif ini supaya kita dapat mewujudkan satu orang yang cukup sihat kerana kesihatan itu adalah satu isu holistik dan dengan mencantumkan program-program ini kita harap bukan sahaja Tak Nak!, tetapi dengan kempen gaya hidup sihat ini kita dapat mengurangkan orang-orang yang menghidap penyakit kanser ini.

Berkaitan dengan *harm reduction* program ini, dia ada dua program. Yang satu itu ialah *methadone*. Program *methadone* ini adalah satu program yang dapat memulihkan penagih dadah. Ini adalah satu *expect* kerana dari segi Kementerian Kesihatan penagihan dadah ini adalah dikira sebagai satu penyakit. Untuk jarum dan kondom ini, ia lebih menjurus kepada untuk mengatasi cabaran penyakit HIV/AIDS ini. Apabila kita bagi jarum suntikan mereka, ini adalah *substitution* di mana kita harap jarum yang *contaminated* ini tidak digunakan untuk menyebarkan penyakit HIV/AIDS ini. Begitu juga untuk kondom kerana kondom kalau digunakan bermakna kita hendak menegah pasangan pesakit-pesakit HIV/AIDS ini dari dijangkiti oleh HIV/AIDS ini.

Berkaitan dengan anti *retroviral* ini memanglah satu ubat yang kita dapat gunakan untuk memanjangkan masa pesakit HIV/AIDS yang akan menjadi pesakit AIDS.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Dato' Lee kah Choon: Ini adalah satu ubat yang kita gunakan untuk pesakit-pesakit HIV ini.

Tuan Pengerusi: Ya Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Setiausaha Parlimen. Yang pertama tadi mengenai kempen Tak Nak! tadi. Saya rasa kempen ini perlu dipertingkatkan. Kita nampak kempen Tak Nak! ini dengan poster ataupun dengan gambar yang diberikan. Sebenarnya dia kurang berkesan. Saya lihat di tempat-tempat tertentu dia menjadi satu momokan. Jadi perlu diubahsuai ataupun diberi nilai tambah.

Saya beri contoh umpamanya patut ada kempen dalam *billboard* itu tulislah terima kasih kerana tidak merokok ataupun minta maaf dahulu sebelum merokok ataupun tulis pada kotak rokok itu malulah kerana merokok. Saya ambil misalan sahaja sebagai nilai tambah.

Yang kedua tentang *harm reduction* ini. Saya dapati penggunaan *methadone* ini cukup berkesan. Jadi di Selangor saya berinteraksi dengan doktor di Klinik Keramat 90% *plus* berjaya. Jadi maknanya penagih ini dengan menggunakan *methadone* ini' kalau dia bekerja dia boleh bekerja macam biasa. Dia tidak lagi ketagih. Jadi apakah rancangan kementerian untuk mempertingkatkan lagi perkara ini supaya lebih ramai akan dapat dibantu. Terima kasih.

Dato' Lee kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Berkaitan dengan Tak Nak! ini untuk tahun lepas kita telah dapat menjalankan kempen Tak Nak! ini secara kempen media tetapi untuk masa yang akan datang kita akan mengadakan lebih banyak lagi program akar umbi supaya mesej ini dapat disampaikan kepada semua lapisan masyarakat kita. Berkaitan dengan *methadone* ini, kita berterima kasih kepada Yang Berhormat bahawa ini adalah satu program yang agak berjaya dan kita akan teruskan program ini dan kita juga akan mempertingkatkan dan juga akan memperluaskan program ini ke satu tahap yang lebih tinggi lagi.

Berkaitan dengan Yang Berhormat bagi Kepong, juga berkaitan dengan tanah ini, cuma saya hendak bagi tahu bahawa semua bangunan kerajaan adalah tempat larangan merokok. Ini bermakna bangunan Parlimen ini adalah satu tempat larangan merokok dan kita harap sebagai pemimpin, kita kena menjadi teladanlah kepada orang ramai.

Berkaitan dengan *National Influenza Pandemic Preparedness Plan* ini, duit yang kita minta ini adalah untuk membendung penyakit atau selesema burung dan duit ini adalah digunakan supaya kita dapat membeli *tummy flu* dan untuk membeli peralatan di mana kita kena bersedia jikalau penyakit ini menyerang negara kita, kita telah bersedia dengan ubat dan juga peralatan yang kita perlu dalam masa kecemasan ini. Dan berkaitan dengan pelan yang kita ada ini, seperti saya katakan adalah hospital kita telah dapat kenal pasti dan juga dengan kakitangan, kita kena melatih mereka dan kita kena *stock pile* ubat-ubatan di dalam negara ini supaya kita dapat gunakan ubatan-ubatan ini dalam masa kecemasan.

Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Bukit Mertajam berkaitan dengan promosi kesihatan, saya telah mengatakan tadi bahawa duit RM10 juta adalah digunakan untuk promosi kesihatan dan yang berkaitan dengannya.

Ini seperti digunakan untuk mewujudkan Lembaga Promosi Kesihatan, kerana lembaga ini adalah satu lembaga berkanun dan dia akan mempunyai CEO atau pengurusnya tersendiri...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Ya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Minta celahan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Baik Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tersinggung Tuan Pengerusi apabila Setiausaha Parlimen mengatakan pemimpin secara teladan. Makna kalau tidak hisap rokok, baru lah pemimpin teladan? Saya hendak beritahu Setiausaha Parlimen, dan siapa sahaja. Negara ini tidak akan merdeka Tuan Pengerusi kalau tidak oleh pemimpin-pemimpin yang hisap rokok. Tunku Abdul Rahman Putera, Tun Razak, Tun Hussien Onn. Mereka pemimpin negara, negarawan. So, jangan anggap orang merokok sudah tidak layak jadi pemimpin. Tuan Pengerusi, kami merokok memberikan sumbangan berbilion-bilion bagi negara ini Tuan Pengerusi.

Saya suka macam Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Apa yang diungkapkan, bolehlah macam itu ungkapan yang lebih lunak, Okey? RM20 juta untuk kempen Tak Nak!, Tuan Pengerusi, bagi saya RM20 juta itu Tuan Pengerusi, selamat semua kawasan pembangunan di Sri Gading. Ini apa benda?... Tak Nak! sampai RM20 juta..., ini apa hal? Buatlah cara-cara yang lain. Wajibkan sahaja kepada pengeluar rokok, buatlah.

Macam Singapura Tuan Pengerusi, gambar budak. Katalah *Dunhill*, gambar kaki budak kudung, kanser dan sebagainya. Peratus orang muda di Singapura yang menghisap rokok lebih meningkat Tuan Pengerusi. Makna tidak ada kesan. Jadi cuba gunakan kebijaksanaan. Jangan nak tuduh melulu atau pun menghina orang yang hisap rokok. Pemimpin-pemimpin dahulu, kalau negeri China, semua pemimpin dia hisap rokok Tuan Pengerusi. Jadi jangan kata, jadi pemimpin apabila tidak hisap rokok...

Tuan Pengerusi: Baik!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya tidak boleh terima Tuan Pengerusi. Saya setuju kalau hendak melarang merokok di kalangan rakyat negara kita, saya sokong tetapi caranya jangan membazir sampai RM20 juta. Buat cara-cara, berikan satu arahan kepada pengeluar rokok, buat kempen di kotak itu sendiri. Tidak payah kerajaan keluar duit. Kebijaksanaan kerajaan itu yang diperlukan.

Tuan Pengerusi: Bagus, ya.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Pandangan itu saya akan ambil perhatian tetapi ada beberapa perkara yang kita rasa kita kena beritahu bahawa ini adalah polisi kerajaan bahawa kita, di negara kita, kita akan mengurangkan dan kita akan *dissuade* pemuda pemudi kita untuk merokok, dan apabila saya katakan teladan itu, bermakna kita sebagai pemimpin itu, budak-budak kita memang mengambil kita sebagai teladanlah.

Dan berkaitan dengan perokok ini, dia juga ada satu *Gateway Theory*. *Gateway Theory* ini bermakna apabila kita jadi perokok, peluang kita menjadi penagih dadah juga akan tinggi dan dari penagih dadah ini kita akan jadi pesakit HIV AIDS. Dan ini ada statistik dia. Kita dapati bahawa penagih dadah di negara kita 99 peratus.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Buang masa sahajalah. *You* beralih jawapan lainlah.

Dato' Lee Kah Choon: Adalah, *slaid* cuma sedikit. Cepat sahaja. Penagih dadah 99 peratus dari penagih dadah kita adalah perokok dan dari pesakit HIV AIDS ini, 76 peratus daripada mereka adalah penagih dadah. Ini adalah statistik yang kita dapatlah. Dan berkaitan dengan Lembaga Promosi Kesihatan tadi itu, bermakna kita kena mewujudkan satu *office*, satu pejabat dan untuk mengupah CEO dan juga kerani dan sebagainya untuk mengadakan lembaga ini. Itu lah mengapa kita perlukan duit ini.

Berkaitan dengan *harm reduction* diperluaskan kepada *sexs workers*, ini kita akan buat kajian dan tengok bagaimana. Berkaitan dengan *car park* atau medan letak kereta. Kita memang ambil tindakan sekarang. Sudah dua hospital di negara kita, kita akan mengadakan penswastan medan letak kereta ini kerana di sini ada dua perkara yang kita ambil berat. Yang pertama, selalunya tidak cukup tempat letak kereta jikalau tidak diswastakan. Yang kedua, apabila kita swastakan tempat letak kereta kita ini, bermakna lebih berkesan lagi untuk menjaga keselamatan di perkarangan hospital kerajaan kita.

Berkaitan dengan peperiksaan naik pangkat pula, kita ambil pandangan daripada Yang Berhormat, tetapi kadang-kadang kita kena tengok juga kursus itu iaitu apabila kita adakan kita mesti memastikan ia mempunyai golongan atau bilangan pelatih yang cukup supaya dia dapat memenuhi kos *effectives* kalau dari satu negeri, dia punya bilangan itu tidak cukup, kalau kita adakan di sana, bermakna dia tidak ada kos *effectiveness* lah.

So kadang-kadang kita kena adakan program ini *regional*. Bermakna misal kata di utara Malaysia atau di Semenanjung Malaysia atau di tengah Malaysia dan di selatan Malaysia dan sebagainya. Itu adalah beberapa perkara yang dibangkitkan dan saya berterima kasihlah kepada Yang Berhormat yang telah memberi pandangan tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM836,500,000 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM836,500,000 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kepala Bekalan B.43 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dibuka untuk di bahas. Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Maksud B.43 [Jadual] –**7.52 ptg.**

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin rujuk kepada Bekalan B.43 iaitu tambahan sebanyak RM10 juta dikehendaki untuk bayaran bagi pembelian *COBRA Cutting Extinguisher (CCE)* iaitu peralatan memadam kebakaran untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Sebenarnya Tuan Pengerusi, saya tidak mempertikaikan dan saya juga tidak membantah RM10 juta untuk membeli alat itu iaitu untuk memadam kebakaran.

Akan tetapi saya rasa di samping itu kita janganlah lupa untuk memberikan penekanan dari segi pencegahan dan juga pengurusan krisis apabila kebakaran berlaku kerana baru-baru ini dalam masa dua bulan sahaja, wujudnya sembilan kebakaran dalam kawasan saya dan ini merupakan satu kecenderungan yang saya pun tidak faham. Saya tidak tahu mengapa wujudnya sembilan kebakaran dalam masa tempoh dua bulan sahaja dalam kawasan saya. Dan baru-baru ini yang akhir sekali wujudnya satu kebakaran yang merupakan tragedi yang telah pun meragut nyawa empat orang kanak-kanak berumur enam tahun, tujuh tahun, sembilan tahun dan tiga belas tahun.

Saya difahamkan bahawa wujudnya satu kekurangan kesedaran di kalangan rakyat kita dan di kalangan ibu bapa juga. Selalunya kebakaran itu, dia memang cepat. Lima minit, sepuluh minit sudah habis, habiskan sebuah rumah.

Saya rasa dari segi pencegahan, kesedaran yang kita bagi kepada rakyat itu penting juga dan dari segi pengurusan krisis masa kebakaran itu penting, kerana dalam tragedi baru-baru ini saya difahamkan sebenarnya nyawa-nyawa boleh diselamatkan, walaupun rumahnya di belakang ada dua *outlet* atau dua pintu tetapi mangga itu tidak boleh dibuka.

Last minute, dengan izin, pada saat-saat terakhir apabila dia cuba mencari *screwdriver*, dengan izin, untuk membuka mangga itu, terlalu lewat. Saya rasa dari pengurusan krisis itu haruslah kita memberikan penekanan juga. Saya haraplah supaya Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia tidak sekadar hanya membeli alat-alat kebakaran, tetapi kita haruslah mengambil suatu inisiatif yang proaktif, yang mana dari semasa ke semasa kita haruslah memberikan kesedaran dalam bentuk seminarkah ataupun apa-apa bentuk *talk*, dengan izin. Kita boleh memberikan pendidikan kepada warga kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Tangga Batu.

7.55 ptg.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. RM10 juta untuk membeli alat pemadam api CCE iaitu *COBRA Cutting Extinguisher* ini pada saya adalah merupakan suatu tindakan yang *fire fighting*, dibeli dalam keadaan keperluan yang *ad-hoc*. Dia sudah dalam keadaan *fire fight*, dia beli pun dalam keadaan *fire fight* itu tidak ada perancangan yang terperinci ke arah pencegahan.

Tuan Pengerusi, saya nampak yang lebih penting di sini bagaimana kita mendidik pegawai-pegawai bomba kita ini, penyelamat kita ini untuk mencegah kebakaran seperti yang diberitahu oleh Ahli Parlimen Kota Melaka tadi.

Yang lebih penting di sini ialah, *COBRA Cutting Extinguisher* ini telah lama berada di pasaran, seolah-olah tidak ada perancangan yang terperinci ke arah kaedah pencegahan kebakaran oleh pegawai-pegawai penyelamat kita. Ini adalah merupakan suatu, saya kira perancangan yang begitu tidak berkesan apabila terpaksa memohon sebanyak RM10 juta dalam bentuk belanjawan tambahan.

Seperkara lagi Tuan Pengerusi yang saya ingin tekankan di sini ialah keutamaan (*priority*) perlu diberikan kepada kawasan-kawasan yang mempunyai risiko kebakaran yang tinggi, umpamanya di kawasan Parlimen Tangga Batu.

Kita mempunyai suatu *refinery* yang terbesar di negara kita Tuan Pengerusi, kalau terbakar, separuh Parlimen Tangga Batu itu akan terbakar. Di sini juga saya minta pihak kementerian supaya berikan perhatian di Parlimen Tangga Batu yang mempunyai *refinery* yang terbesar. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, pihak Menteri sila jawab.

7.58 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]: Tuan Pengerusi, bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan, saya mengucapkan terima kasih kepada dua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengikut sama dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa ini iaitu Kota Melaka dan Tangga Batu.

Saya ucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat bagi Kota Melaka tentang pencegahan dan pengurusan krisis kebakaran khususnya sembilan kebakaran berlaku di kawasan Parlimen Kota Melaka. Untuk makluman Yang Berhormat, dan Dewan yang mulia ini, sebenarnya pihak kementerian bukan sahaja menyediakan peralatan-peralatan yang canggih seperti apa yang diminta dalam Dewan ini untuk peruntukan tambahan sebanyak RM10 juta bagi tujuan pembelian CCE iaitu *COBRA Cutting Extinguisher* ini, tetapi juga kementerian mengadakan program-program kempen kesedaran tentang kebakaran. Ini dijalankan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan pun disediakan peruntukan untuk kempen kesedaran ataupun pencegahan kebakaran di peringkat sekolah-sekolah, di peringkat orang ramai dan masyarakat diadakan di seluruh negara.

Sesungguhnya kita juga telah menubuhkan Bomba Sukarela dan menggalakkan orang ramai ataupun komuniti untuk menubuhkan Bomba Sukarela. Untuk makluman, dalam tujuan ini terdapat di dalam negara kita ini pertubuhan Pasukan Bomba Sukarela ini sebanyak 111 dengan keahlian sebanyak 2,887 orang, dan latihan yang telah diadakan untuk mereka ini dilatih supaya dapat membantu dalam pencegahan kebakaran dan memberikan pendedahan kepada orang ramai termasuklah kepada kanak-kanak telah diadakan sebanyak 1,332 latihan kepada Pasukan Bomba Sukarela kita.

Kita juga ada Kelab 3K di kalangan pelajar-pelajar kita di peringkat tadika dan kita juga telah mengadakan kadet-kadet bomba di IPT supaya mereka ini mengetahui tentang kebakaran, dan juga mempelajari tentang pengurusan krisis kebakaran dan persediaan semasa sebelum anggota bomba datang ke tempat-tempat kebakaran.

Berkenaan dengan apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tangga Batu tadi berkenaan dengan tidak ada perancangan tentang pembelian CCE iaitu *COBRA Cutting Extinguisher* ini.

Untuk makluman sebenarnya peralatan CCE iaitu *COBRA Cutting Extinguisher* adalah suatu peralatan yang canggih dan didapati adalah sesuatu yang diperlukan untuk kita menjalankan operasi semasa berlaku kebakaran, dan oleh kerana itu Jabatan Bomba dan Penyelamat telah membuat keputusan untuk mendapatkan peralatan ini, sebagai permulaannya 24 set yang akan menelan belanja lebih kurang RM10 juta dan ini akan diedarkan di seluruh negara. Insya-Allah akan ditambah lagi di masa yang akan datang...

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: [*Bangun*]

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Untuk makluman Yang Berhormat Tangga Batu, bukanlah ini menunjukkan tidak ada perancangan. Sebenarnya dan sesungguhnya Jabatan Bomba dan Penyelamat sentiasa sepanjang masa melihat apakah keperluan-keperluan yang terbaru bagi membantu mereka menjalankan operasi.

Tuan Pengerusi: Ya, ya, sila Pontian.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, kita berbelanja begitu banyak sekali peruntukan untuk meningkatkan kemampuan kita mengatasi masalah kebakaran ataupun perkhidmatan Jabatan Bomba. Bolehkah Yang Berhormat maklumkan sama ada dengan adanya sistem pencegahan kebakaran termasuk kempen-kempen.

Kita melihat juga dari segi *building by-law* kerana *building by-law* yang ada sekarang ini mungkin mengambil kira sistem-sistem pencegahan kebakaran yang mungkin sudah *out-of-dated*, dengan izin. Dengan adanya perbelanjaan yang besar, kita meningkatkan keupayaan mencegah, jadi adakah *building by-law* kita juga akan dipinda bagi mengambil kira kecanggihan sistem yang ada.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang telah dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, setiap tahun bangunan-bangunan kita yang ada perlu mendapatkan *fire certificate*, dengan izin dan ini perlu diperbaharui setiap tahun untuk membolehkan bangunan-bangunan tersebut disahkan boleh digunakan dan ini adalah keperluan di bawah undang-undang, dan kita akan pastikan dia akan dipatuhi oleh semua tuan punya bangunan.

Berkenaan dengan sama ada kita perlu meminda *building by-law* yang sedia ada. Terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat itu. Insya-Allah saya akan bawa balik kepada kementerian dan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat jika kita rasakan ini adalah perlu dilakukan, maka insya-Allah kita akan lakukan apa yang terbaik untuk penduduk-penduduk kita.

Tentang kebakaran di kawasan Kota Melaka dalam masa dua bulan iaitu sembilan kebakaran, Yang Berhormat bagi Kota Melaka sebenarnya wujud kurang kesedaran di kalangan rakyat dari segi penjagaan dan kesedaran. Ini tentulah merisaukan kita semua. Kita berharap juga semua pihak termasuklah Yang Berhormat dapat membantu kita mengadakan program-program dari segi seminar dan pendidikan kepada rakyat ini, kita akan boleh bekerjasama sebenarnya. Kita akan menyediakan penceramah-penceramah kita daripada ahli-ahli Bomba kita. Kita juga meminta kerjasama supaya masalah tentang pemasangan jeriji yang tidak sesuai ini yang boleh menyebabkan mangsa-mangsa ini tidak dapat melarikan diri dan juga pintu-pintu ini tidak boleh dibuka ini, inilah sebenarnya satu masalah dan kita amat berharap supaya semua pihak mengambil kira sebelum mereka memasang jeriji di rumah-rumah mereka.

Apa panduan yang telah disediakan oleh pihak Bomba dan penyelamat itu diambil kira dan dipatuhi sepenuhnya supaya peristiwa-peristiwa, tragedi-tragedi yang begitu sedih sekali yang telah mengambil nyawa kanak-kanak yang tidak berdosa ini tidak lagi diulangi.

Marilah kita bersama-sama kita mengadakan kempen-kempen yang sedemikian termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat semua supaya orang ramai apabila membina rumah mereka walaupun keselamatan dari segi tidak mahu dimasuki oleh pencuri itu juga kita berikan prioriti tetapi juga masalah jika berlaku kebakaran juga perlu kita berikan perhatian. Itu sahajalah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM10,000,000 untuk Maksud B.43 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10,000,000 untuk Maksud B.43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Maksud B.44 [Jadual] -
Maksud P.44 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1)2006] -**

Tuan Pengerusi: Kepala B.44 dan Kepala Pembangunan P.44 d bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan terbuka untuk di bahas. Ya, Yang Berhormat Tanjong.

8.10 mlm.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud B.44 berhubung dengan RM35 juta yang dikehendaki untuk pelaksanaan program dan aktiviti warisan kebangsaan. Saya ingin Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini setelah diluluskan Akta Warisan Kebangsaan pada tahun yang lepas, apakah tindakan yang diambil oleh kementerian untuk melaksanakan perkara-perkara yang diperuntukkan dalam akta itu termasuk penubuhan majlis, tabung dan juga menyediakan garis panduan berhubung dengan penjagaan warisan dan berhubung dengan latihan-latihan yang diberikan kepada pihak berkuasa tempatan yang diharapkan untuk melaksanakan garis panduan berhubung dengan mengenal pasti bangunan-bangunan yang boleh ditakrifkan sebagai warisan mengikut peruntukan akta.

Saya nampak di negeri Pulau Pinang khususnya kawasan Georgetown di kawasan Parlimen Tanjong ini masih terdapat tindakan-tindakan yang diambil oleh tuan-tuan punya untuk mengubahsuaikan bangunan-bangunan yang boleh dianggap sebagai bangunan warisan tetapi nampaknya garis panduan yang dulu dipakai oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang tidak mencukupi dan saya rasalah sudah sampai masanya satu garis panduan yang tepat dan sejajar dengan kehendak masa digubal dengan segera untuk mengawal pembangunan dan pemulihan warisan di Bandar Raya Georgetown.

Semakin hari adanya kegiatan untuk mengubahsui bangunan-bangunan ini termasuk merobohkan bangunan-bangunan ini yang pada keseluruhannya akan menjejaskan usaha kerajaan untuk memohon untuk meletakkan bandar raya Georgetown dengan Kota Melaka sebagai bandar raya warisan di bawah UNESCO.

Saya rasa kegiatan ini amatlah terjejas oleh aktiviti-aktiviti yang tidak terkawal dan saya berharap timbalan menteri dapatlah memberi penjelasan berhubung dengan perkara ini sebab ini memang penting. Mungkin sebab masih tidak jelas dengan peruntukan-peruntukan di bawah akta ini dan juga kesedaran masyarakat belum sampai ke satu tahap yang memuaskan, wujudnya pelbagai masalah termasuk oleh kerajaan sendiri, kementerian dalam kes untuk mengambil alih Pawagam Coliseum di Jalan Tuanku Abdul Rahman di Kuala Lumpur secara *hire-handed* yang menimbulkan ketidakpuasan hati bukan sahaja oleh tuan punya bangunan pawagam Coliseum ini untuk dijadikan sebahagian daripada pusat kesenian antarabangsa, tetapi kegiatan semacam ini juga menakutkan tuan punya-tuan punya bangunan yang mempunyai nilai warisan bahawa kerajaan boleh dengan begitu sahaja melalui Akta Pengambilan Tanah mengambil alih sebuah bangunan yang masih dijaga oleh tuan punya dengan baik, ada fungsinya, ada kegiatan dan pendapatan yang mapan, tetapi begitu saja kerajaan mengambil alih tanpa alasan-alasan yang kukuh dan tanpa melalui satu proses yang telus, yang memberi peluang kepada tuan punya untuk mengambil bahagian dalam menentukan harta mereka sendiri.

Saya rasa kejadian ini telah menimbulkan ketidakpuasan hati di kalangan sesetengah tuan punya di Pulau Pinang yang mempunyai banyak bangunan yang ada nilai sejarah dan warisan. Saya berharaplah dalam perkara ini kementerian dapat memberi perhatian. Sekian.

8.16 mlm.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana mengizinkan saya untuk terlibat sama di dalam perbahasan peringkat jawatankuasa ini. Di bawah Maksud B.44, Tuan Pengerusi, hendak jadikan Kuala Lumpur sebagai pusat kesenian antarabangsa dan saya berpendapat pihak kementerian perlu memaksimumkan peranan Istana Budaya kita di mana Istana Budaya ini boleh dijadikan sebagai pusat pembangunan seni Kuala Lumpur dan memperkenalkan seni budaya tanah air kita di peringkat antarabangsa.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya kira diambil berat oleh pihak kementerian dan perlu penjelasan di Dewan ini ialah untuk kita menjadikan Istana Budaya ini sebagai kebanggaan kita. Operasi pementasan ini perlulah dapat dipersembahkan dalam konteks yang terbaik. Baru-baru ini Tuan Pengerusi, pihak kementerian ada membuka suatu kerja mengendalikan pentas ini dan nampaknya pentas ini terlalu antarabangsa sifatnya sehingga pihak kementerian mensyaratkan supaya yang mengendalikan pentas ini mestilah seorang pakar yang datang daripada Australia. Malangnya syarikat yang mendapat kerja ini tidak diberi peluang untuk menawarkan pekerjaan ini kepada syarikat Australia ini dan akhirnya telah berlaku sedikit kekecewaan di mana pada hari yang sama surat tawaran kepada syarikat ini untuk menerima penyenggaraan *stage*, dengan izin Tuan Pengerusi, *the stage machinery and rigging equipment* di Istana Budaya ini telah diserahkan oleh pihak Istana Budaya, mengarahkan supaya pada hari yang sama juga melaporkan diri dengan kesemua struktur syarikat.

Jadi, ini menampakkan ketidakprofesionalannya pihak Istana Budaya dalam menganjurkan program-program besar, kerja-kerja yang besar seperti ini sehingga menyebabkan syarikat ini terpaksa di *terminate* baru-baru ini. Saya minta pihak menteri, pihak kementerian siasat perkara ini secara mendalam, *scrutinize*, lihat di manakah silapnya sehingga boleh berlaku penganiayaan kepada mereka yang mempunyai potensi dan kebolehan untuk menyenggara pentas ini.

Saya percaya pihak kementerian pun telah dimaklumkan tentang perkara ini dan saya harap perkara ini tidak berlaku kerana ia sedikit sebanyak akan menjejaskan hasrat kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur ini sebagai pusat pengenalan budaya serantau di peringkat antarabangsa.

Tuan Pengerusi, saya minta kementerian untuk menyiasat perkara ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, baik. Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Ringkas, ya?

8.20 mlm.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada tambahan sebanyak RM6.3 juta iaitu untuk Program Kempen Galakan Membaca Kebangsaan kerana saya rasa ini adalah penting dan ia seharusnya menjadikan satu perbelanjaan yang seharusnya kita belanjakan. Ini kerana, salah satu daripada petunjuk yang dapat menunjukkan sebuah negara maju ialah dari segi kadar pembaca dalam golongan rakyat dan saya ingin tahu daripada 6.3 juta ini, sebenarnya siapakah kumpulan sasaran bagi 6.3 juta ini? Sama ada kita hanya setakat program pelancaran sahaja ataupun ini termasuk juga kos untuk membeli buku-buku dari masa ke semasa kerana saya difahamkan bahawa kita haruslah memastikan bahawa buku-buku dan sebagainya haruslah dibeli dari masa ke semasa dan bukannya hanya sekadar melancarkan kempen dan menyimpan buku-buku dalam Perpustakaan Negeri.

Ini kerana, saya difahamkan juga dalam lapisan masyarakat pada hari ini, NGO-NGO yang memang aktif dan juga mengadakan kelas-kelas galakan membaca dan saya rasa mungkin kementerian boleh memberi sokongan dari segi bukan sahaja kewangan tetapi dari segi sumbangan buku-buku secara langsung kepada NGO-NGO dalam negara kita yang mengadakan kempen ataupun kelas-kelas membaca.

Tuan Pengerusi: Baik.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Selanjutnya, ringkas juga RM35 juta untuk pelaksanaan Program dan Aktiviti Warisan Kebangsaan. Saya ingin tanya kepada pihak kementerian, setakat manakah Bukit Cina di dalam kawasan saya, Bukit Cina telah pun diisytiharkan di bawah akta yang baru ini, iaitu Akta Warisan Kebangsaan sebagai satu tapak warisan kebudayaan kerana Bukit Cina merupakan satu tapak, satu monumen dengan izin, yang penuh dengan warisan dan sejarah yang mana ia telah pun menyaksikan pertalian, mula-mula pertalian yang erat antara orang-orang Cina dengan orang-orang Melayu tempatan kerana Bukit Cina juga pernah mengikut buku-buku sejarah, ia pernah diduduki oleh Laksamana Cheng Ho dan Puteri Hang Li Po juga.

Ia sehingga kini, mempunyai 20,000 pusara orang Cina di kawasan Bukit Cina. Saya rasa ini adalah satu tapak yang seharusnya dijadikan tapak warisan kebudayaan dengan secepat mungkin oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya. Sabak Bernam.

8.23 mlm.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut membicarakan tentang peruntukan berjumlah RM14.5 juta untuk Program Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni fasa kedua. Saya ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada kementerian ini kerana sehingga kini kempen ini berkesan dari segi penyebaran maklumat bahawa kempen itu diadakan di peringkat pusat. Sungguhpun demikian, kita kurang dapat melihat kesannya di peringkat bawahan ataupun di peringkat akar umbi.

Dalam konteks ini, kita berharap kementerian ini boleh bekerjasama dengan Kementerian Penerangan yang ada kaitan dengan penyiaran di mana bahasa yang digunakan oleh DJ di radio mahupun di televisyen itu wajar ditapis supaya menjadi lebih baik. Perkara yang keduanya ialah berkaitan dengan peruntukan sebanyak RM12.05 juta ini, berkaitan dengan Program Merakyatkan Seni Budaya di semua kawasan Parlimen. Saya rasa Ahli-ahli Parlimen, wakil rakyat ini wajar diberikan, dibantu dengan suatu dana daripada kementerian ini, kerana kita tahu ramai di antara wakil-wakil rakyat ini juga memperkembangkan dan mempertahankan seni budaya di peringkat bawah seperti silat, kompang, kuda kepang dan seumpamanya.

Yang akhir sekali yang Sabak Bernam ingin sentuh ialah berkaitan dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka, saya sangat menyokong Kempen Galakan Membaca supaya kementerian ini dapat menganjurkan satu kempen untuk di setiap rumah diadakan sudut ilmu ataupun sudut membaca supaya budaya ilmu ini, budaya membaca ini dapat diberikan penekanan dan selain daripada itu, kementerian ini juga wajar bersama-sama memastikan bahawa bahan bacaan yang ada dalam pasaran yang kebanyakannya adalah bahan-bahan yang lebih berbentuk ataupun bernilai hiburan semata-mata itu dapat dikontrakan ataupun maknanya diwujudkan buku-buku yang bernilai ilmu supaya lebih ramai rakyat khususnya golongan muda akan suka membaca bahan-bahan yang bernilai ilmu. Sabak Bernam menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kuala Terengganu. Ringkas sahaja.

8.26 mlm.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya ingin tarik perhatian tentang merakyatkan seni budaya ini. Ini merupakan satu perkara yang cukup penting sekali tetapi saya kira ia tidak cukup hanya di peringkat *advocacy* sahaja. Ia perlu turun dan benar-benar mengadakan strategi yang jelas bagaimanakah hendak memastikan, merakyatkan seni budaya itu dapat turun ke bawah dan dihayati, dilaksanakan, diamalkan dan benar-benar dirasai oleh seluruh rakyat.

Saya juga ingin tarik perhatian iaitu Butiran 5 dan Butiran 10 iaitu tentang Kempen Galakan Membaca Kebangsaan ini. Saya kira dalam keadaan sekarang ini, kita perlu memikirkan metodologi yang baru. Bukan sekadar mengadakan buku tetapi alat-alat yang lain, yang boleh menjadi *the pull factor* untuk anak-anak kita mendekati buku. Kaedah penggunaan ICT, kemudahan-kemudahan yang lain sebab itu bukan merupakan buku sahaja untuk meluaskan pemikiran anak-anak kita ini. Mungkin ada cara-cara lain, strategi lain dengan alat-alat ICT.

Kita boleh mengadakan *library* di kampung-kampung, perpustakaan di kampung, perpustakaan desa dan juga saya hendak tahu apa sudah jadi kepada perkampungan buku di Langkawi?

Saya kira ini adalah merupakan satu sampel yang baik dahulunya tetapi bagaimana keadaan kita sekarang ini? Saya juga hendak mencadangkan supaya kegiatan kempen membaca ini untuk masyarakat berilmu, *well informed society* ini supaya ada kerjasama dengan pelbagai agensi, dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar, dengan Kementerian Pengajian Tinggi, dengan pelbagai agensi supaya di setiap sudut, bukan sahaja di rumah, malah di pejabat-pejabat ada tempat membaca. Malah, di stesen-stesen kereta api, di stesen mana-mana sahaja supaya masyarakat itu sentiasa melihat buku itu dan ada kemudahan. Selain daripada itu adalah alat-alat seperti komputer, alat-alat ICT supaya *accessibility* rakyat kita kepada ilmu ini meluas supaya kita dapat merakyatkan juga pembacaan ini. Ini merupakan satu tanggungjawab yang besar dan ini akan memberikan impak yang besar dalam usaha kita melahirkan *knowledge worker*, pekerja berilmu, *well informed society* Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Menteri jawab. Silakan.

8.29 mlm.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong, Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka, Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu, Ahli Yang Berhormat bagi Sabak Bernam dan Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu yang melibatkan diri di dalam perbincangan untuk kementerian saya, B.44 dan pandangan-pandangan mereka.

Yang Berhormat bagi Tanjong membangkitkan beberapa perkara tentang iaitu Program Warisan Kebangsaan yang baru-baru ini diwujudkan di kementerian saya sebagai bahagian warisan, mengikut kelulusan Akta Warisan Kebangsaan 2005. Beliau menanya tentang apakah yang dilakukan oleh pihak kementerian, bagi memastikan bangunan-bangunan warisan terpelihara. Untuk makluman, antara langkah-langkah yang telah dilakukan adalah seperti memberikan taklimat kepada semua ketua-ketua jabatan, pihak berkuasa tempatan, profesional dan lain-lain. Beliau juga bertanya tentang iaitu memelihara bangunan-bangunan di bandar bersejarah di Melaka dan juga di Georgetown Pulau Pinang.

Jadi beliau bimbang bangunan-bangunan warisan di kedua-dua bandar ini dirobuhkan untuk pembangunan semula. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak berkuasa tempatan ada struktur pelan atau *plan structure* untuk bandar-bandar tertentu di mana sebelum pelan dirancang mereka mesti mematuhi syarat-syarat supaya bangunan-bangunan warisan di bandar dapat dipelihara dan memulihara. Jadi untuk menyenaraikan Georgetown dan Melaka sebagai satu bandar warisan di UNESCO ini sedang dijalankan oleh Kementerian saya dan ini akan diangkat untuk dipertimbangkan oleh UNESCO pada Februari tahun depan.

Jadi tentang Coliseum iaitu pengambilan Coliseum bukan *high handed* seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Jadi kita nak kenal pasti iaitu bangunan Coliseum merupakan satu bangunan yang berwarisan dari segi reka bentuk dan sejarahnya. Jadi kita hendak mengambil bangunan ini untuk dijadikan Pusat Kesenian Kebangsaan Negara iaitu satu projek untuk memastikan Kuala Lumpur menjadi pusat kesenian negara mahupun di rantau ini. Sebelum kita mengambil bangunan ini, kita ikut nilai pasaran dan nilai adalah ditentukan oleh pakar-pakar yang bertauliah.

Walau bagaimanapun, kita tidak jadi mengambil Coliseum ini sebab selepas kita mengeluarkan notis untuk mengambil bangunan ini kita sedar iaitu harga yang ditawarkan oleh pemilik atau pemunya Coliseum ini lebih daripada apa yang dianggarkan atau apa yang diperuntukkan oleh Kementerian kita atau apa yang diperuntukkan. Kita juga sedar bahawa Coliseum ini dipelihara dengan baik oleh pemiliknya maka sebab itu kita akan carilah tempat lain untuk merealisasikan satu pusat kesenian kebangsaan di Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, tentang Istana Budaya. Istana Budaya adalah sebuah panggung yang canggih, yang begitu terkenal dan menduduki tempat yang kesepuluh di dunia ini, dia di tangga kesepuluh. Maka untuk kontrak-kontrak, bagi menyelenggarakan pentas ini yang begitu canggih dan sebagainya, jadi *Stage Machinery Equipment* di Istana Budaya, sebuah syarikat yang mendapat kontrak ini, terpaksa kita batalkan sebab syarikat berkenaan tidak memenuhi spesifikasi teknikal seperti mana yang dikemukakan dalam tender kontrak. Jadi kita haraplah tawaran yang akan kita keluarkan, syarikat-syarikat yang dapat kontrak memenuhi peraturan-peraturan atau syarat-syarat di dalam kontrak.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya memang menghargai perkara itu tetapi kenapa perkara ini tidak dibincangkan lebih awal? Dan terdapat elemen-elemen penganiayaan apabila surat yang ditandatangani oleh pengarah bertarikh 7 Ogos dan mensyaratkan supaya mencari kepakaran pada pukul 4 petang pada tarikh yang sama. Jadi ini menampakkan seolah-olah memberi mereka birokrasi, memberi mereka *red tape* supaya mereka tidak dapat menepati syarat kemudian memberhentikan mereka, menamatkan kontrak mereka, ini satu penganiayaan Tuan Pengerusi yang perlu kita lihat. Dan saya minta pihak Kementerian siasat perkara ini sedalam-dalamnya dan sudah pasti kita akan dapat cari jawapannya.

Dato' Wong Kam Hoong: Ya, ok, saya akan menyiasat apa yang di.....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Lagi satu Tuan Pengerusi, perlu ada teknologi *transfer*, maknanya kita tidak selama-lamanya bergantung kepada orang luar, kepada orang Australia, orang UK. Kita mesti *transfer technology* itu kepada masyarakat di negara kita. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Wong Kam Hoong: Ya, memang satu hari nanti kontraktor tempatan boleh mengambil alih kontrak ini untuk menyelenggarakan pentas Istana Budaya. Itu teknologi *transfer* yang kita ingini, jadi saya akan buat siasatan.

Tentang perkara yang dibangkitkan oleh Kota Melaka, kumpulan sasaran kempen galakan membaca adalah institusi kekeluargaan, institusi pembelajaran, institusi kemasyarakatan, sektor perkhidmatan awam dan swasta dan juga sektor perpustakaan awam negeri dan sektor penerbitan. Jadi tentang soalan iaitu kita akan bekal buku dan sebagainya. Tuan Pengerusi, kempen ini adalah untuk menggalakkan rakyat jelata kita kepada satu tabiat mendekati buku dan juga tabiat-tabiat membaca bahan-bahan bacaan.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat bagi Kota Melaka, di samping kempen ini iaitu Perpustakaan Negara juga mendirikan lebih banyak lagi iaitu perpustakaan khususnya di kawasan desa dan sebagainya. Untuk tahun ini kita akan rancang kan 200 lebih perpustakaan supaya pelajar-pelajar atau rakyat jelata mudah untuk dapat bahan-bahan bacaan.

Tentang Bukit Cina yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya harap, ia memang satu monumen yang menunjukkan pertalian erat di antara negeri China dan Kesultanan Melaka, satu monumen menunjukkan pertalian silam pada ketika itu. Jadi saya percaya Bukit Cina akan dimasukkan sebagai satu daripada warisan negara oleh Bahagian Warisan di Kementerian kita. Tentang Sabak Bernam, tentang Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni iaitu pengiklanan dan sebagainya, kita ada satu Jawatankuasa di mana sebelum ini diiklankan di media elektronik dan sebagainya yang bahan-bahan itu telah ditapis. Tentang PMS, ini satu program yang baru dan kita haraplah program ini dapat dilaksanakan di semua kawasan Parlimen di negara ini. Tahun ini kita ada rancangan 45 PMS iaitu program rakan seni. Dan untuk tahun depan, kita akan ada sikit

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini soal memasyarakatkan budaya. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah bentuk mekanisme yang diguna pakai untuk dibawa ke kawasan-kawasan Parlimen masing-masing kerana di kawasan saya belum lagi dapat saya lihat kesan-kesan program yang dibuat untuk memasyhurkan seni budaya di semua kawasan Parlimen. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Untuk tahun depan kita akan adakan pendekatan baru, iaitu kita haraplah, kita harap PMS akan dilaksanakan di semua kawasan dan bentuk macam mana tidak pasti lagi, kita akan rancangan supaya semua kawasan Parlimen di negara kita menikmati rancangan ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob)
mempengerusikan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, panjang lagi kah? Sila habiskan.

Dato' Wong Kam Hoong: Sikit sahaja. Beliau juga membangkitkan program gerakan membaca yang saya telah jawab. Tentang sudut-sudut di rumah dan sebagainya untuk jadi satu sudut atau ruang membaca. Ini memang dalam rancangan kita, dan kita harap di tempat-tempat awam seperti stesen kereta api dan sebagainya mereka juga mendirikan satu ruang membaca. Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu juga menyentuh perkara yang sama iaitu PMS kempen...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, apa lagi.

Dato' Wong Kam Hoong:Kempen Gerakan Membaca dan sebagainya yang saya hendak jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Timbalan Menteri saya ada mencadangkan tadi untuk mengimarahkan, merakyatkan seni budaya di kawasan Parlimen ini supaya wakil-wakil rakyat, Ahli Parlimen ini diberikan satu bentuk peruntukan untuk membantu kementerian ini. Merakyatkan budaya ini di peringkat luar bandar ataupun di serata negara khususnya. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Yang saya katakan tadi ini dalam rancangan untuk tahun depan, pendekatan baru, ini bermakna kementerian kita akan bagi peruntukan kepada Ahli-ahli Parlimen masing-masing supaya mereka lebih faham dengan keadaan tempatan, di mana mereka boleh menjalankan program-program ini mengikut acuan mereka sendiri di tempat itu. Ini dalam..., jangan bimbanglah tahun depan kita akan buat macam itulah. Sebab kita pun tidak cukup kakitangan untuk melaksanakan, untuk semua kawasan di negara ini. Jadi itulah jawapan saya kepada perkara-perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat, sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM110,892,500 untuk Maksud B.44 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM110,892,500 untuk Maksud B.44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20 untuk Maksud P.44 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM20 untuk Maksud P.44 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2006.

**Maksud B.45 [Jadual] -
Maksud P.45 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2006] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala B.45 dan Kepala P.45 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas. Cukuplah Yang Berhormat selepas ini kementerian menjawab. Ya, Kuala Terengganu.

8.38 mlm.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin tarik perhatian berhubung dengan tambahan sebanyak RM9 juta berhubung dengan pelaksanaan program memperkasakan tenaga muda ini. Ini adalah satu program yang cukup penting sekali, jangan sekali-kali kita membiarkan tenaga muda terutamanya lepasan SPM, STPM berada dalam keadaan terumbang-ambing, terkapai-kapai, perlu ada sesuatu program yang mantap.

Saya hendak tahu daripada Kementerian Belia dan Sukan ini, setakat manakah belia-belie kita ini terutama yang tidak mengikuti program PLKN itu diraikan, diambil perhatian, diberi latihan, sama ada latihan itu bersifat mental, jasad, rohani, malah dulu ada konsep MENJARO, mental, jasad dan roh sekali gus. Ini adalah merupakan satu pakej yang bersepadu, yang *integrated* dalam usaha kita membangunkan generasi muda dan belia itu secara seimbang dan sepadu. Apakah kesan-kesan daripada ini. Dan saya juga ingin sebut di sini ialah program-program yang melibatkan pembangunan jati diri anak-anak muda kita ini.

Sejauh manakah kementerian sudah berjaya untuk membina jati diri, untuk menghindari anak-anak kita daripada terjebak dengan pelbagai masalah sosial sekarang ini. Masalah dadah, penyalahgunaan dadah, mat rempit dan bermacam-macam ini. Setakat manakah kita dapat kumpulkan mereka itu, diberi latihan, diberi kesedaran, dititikkan dalam jiwa mereka itu semangat patriotisme. Demikian juga daya tahan, daya juang mereka. Setakat manakah keberkesanan ini, saya kira peruntukan RM9 juta ini masih belum cukup, kalau perlu ditambah - tambah lagi. Sebab generasi pewaris kita ini, perlu kita beri perhatian, perlu ada kesungguhan kita, *we take care of them* dan mereka juga saya kira akan memberi satu tenaga penggerak untuk kita mengungkapkan dan memajukan modal manusia, modal insan untuk perkembangan bangsa dan negara akan datang.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, jawapan dari kementerian. Tiga minit Yang Berhormat, sila Yang Berhormat Setiu.

8.41 mlm.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin menyentuh mengenai B.45, Program Memperkasakan Tenaga Muda. Saya rasa banggalah dengan kementerian apabila mengadakan program yang seumpama ini, yang mana melibatkan anak-anak muda kita tetapi di kawasan saya, saya mungkin rasa sedikit terkilan, apabila saya dapati program ini dalam bentuk tergesa-gesa. Daripada saat-saat akhir pegawai-pegawai belia di peringkat daerah mencari-cari peserta-peserta yang sudah pasti kalau begini keadaannya kita nampak bahawa matlamat ke arah mencapai objektif program ini agak sedikit tersasar. Apatah lagi dengan program-program tersebut yang disediakan dari segi penempatan dan sebagainya.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu supaya peruntukan sebanyak RM9 juta ini adalah terlalu sedikit. Mungkin kita perlu tambah dengan jumlah yang lebih besar pada masa-masa yang akan datang. Kerana tenaga muda hari ini merupakan satu tenaga yang perkasa di dalam negara kita. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jawapan daripada kementerian. Setiausaha Parlimen, ya sila.

8.43 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Pengerusi, bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu dan Ahli Yang Berhormat bagi Setiu, yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2006 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2006 yang menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Memperkasakan Tenaga Muda baru sahaja dalam proses perintis, di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Dalam program perintis ini kita ada 80 atau 77 program, di mana Program Memperkasakan Tenaga Muda adalah sebuah program bersepadu yang dirangka selaras dengan minat dan kecenderungan serta keperluan masa hadapan golongan belia dan telah menjalani peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, tetapi

tidak berpeluang mengikut program PLKN, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Program ini berbentuk *total training* yang memerlukan para peserta ditempatkan sepenuh masa di dalam kem-kem latihan bersifat program kesedaran, pemupukan, pembinaan kemahiran dan pengetahuan serta penggalakan yang dijalankan secara berjadual dan terancang di pusat-pusat pelaksanaan program yang bersesuaian mengikut daerah, tempat tinggal para peserta untuk membentuk modal insan yang mempunyai sahsiah dan jati diri.

Tuan Pengerusi, program ini juga akan turut membantu dalam menangani masalah-masalah sosial di kalangan remaja, seterusnya generasi muda seperti budaya lepak, penagihan dadah, sekali lagi seperti mana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, pengangguran, jenayah, lumba haram dan sebagainya yang terhasil akibat daripada kecenderungan mereka mengisi masa lapang dengan aktiviti yang tidak berfaedah. Program ini juga telah menitik berat pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, di mana 3K iaitu Kemahiran, Kepimpinan, dan Keusahawanan, agar mereka berupaya menjadi sumber modal insan negara yang komited, berdaya saing, selaras dengan keperluan tenaga kerja.

Kaedah pelaksanaan Tuan Pengerusi, pada keseluruhannya PLKN merangkumi lima modul teras seperti berikut Modul Pembinaan Jati Diri, Modul Pembinaan Kepimpinan, Modul Pembinaan Kesukarelawan, Modul Pembinaan Pendidikan dan Kemahiran, Modul Pembinaan Kerjaya dan Keusahawanan. Itu sahajalah setakat ini sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM9,000,000 untuk Maksud B.45 di bawah Kementerian Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM9,000,000 untuk Maksud B.45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20,600,000 untuk Maksud P.45 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM20,600,000 untuk Maksud P.45 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2006.

Maksud B.46 [Jadual] –

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia terbuka untuk dibahas...., tiada?

[Tiada perbincangan]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM10,000,000 untuk Maksud B.46 di

bawah Kementerian Sumber Manusia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10,000,000 untuk Maksud B.46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Maksud B.47 [Jadual] -
Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2006] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.47 dan Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk di bahas. Ya tidak lebih lima minit Yang Berhormat, Yang Berhormat Pensiangan.

8.47 mlm.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak sentuh mengenai dengan maksud 47(1) sebanyak RM70 juta telah dikehendaki untuk bayaran sewa filem dan rancangan televisyen dan saya juga akan menyentuh mengenai dengan (2) sebanyak RM27.6 juta adalah dikehendaki untuk bayaran mendapat hak siaran bagi acara-acara sukan utama. Saya juga akan menyentuh sedikit sebanyak mengenai dengan Projek Perintis Pendigitalan, 04902.

Saya ingin tahu hasil daripada sukan bola dunia yang baru-baru ini dilancarkan di mana kita lihat wang yang telah diperuntukkan untuk bayaran mendapat hak siaran RM27.6 juta. Sekiranya siaran ini saya ingin tahu berapa yang kita dapat daripada iklan-iklan ataupun komersial *value* yang kita dapat bila kita siarkan bola sepak dunia yang baru-baru ini.

Saya nampak Astro telah memonopoli siaran-siaran khusus siaran-siaran yang penting dan RTM hanya diberi hak untuk *delay broadcast*. Kenapa ini terjadi dan kenapa RTM tidak diberi keutamaan lebih-lebih lagi RTM ini adalah kerajaan sedangkan Astro adalah hanya *private station*. Saya rasa dalam bentuk ini RTM perlu diberi satu keistimewaan sebabkan mereka ini adalah satu siaran ataupun RTM yang sudah lama dan memang unggul dalam soal-soal seumpama ini. Saya rasa di mana kewibawaan RTM dan integriti RTM sekiranya kita perlu menggunakan wang sebanyak itu kita perlu menekankan bahawa RTM mempunyai satu kekuatan dan satu keistimewaan. Saya minta kementerian menerangkan bagaimana wang yang telah kita dapat *are suppose to* RM27.6 *million*, dengan izin.

Selain daripada itu saya juga ingin menyentuh mengenai dengan perintis pendigitalan RTM. Pendigitalan RTM memang tepat yang saya difahamkan pada 1 September ini *roll out of the digitalize in Klang Valley*, dengan izin, dalam masa enam bulan *ending* sehingga 1 Mac 2007. Selepas *roll out* ini kerajaan akan memberi satu jangka masa untuk melihat supaya pendigitalan ini akan dibuat *coverage* di seluruh negara. Saya ingin tahu bila yang akan dibuat dan berapa jangka masa yang perlu dikehendaki kerajaan ataupun RTM dalam mendigitalkan semua liputan-liputan bukan sahaja di Semenanjung ini tetapi negeri Sabah.

Sekarang ini kita lihat di negeri Sabah kalau umpamanya di pedalaman kita melihat banyak siaran-siaran ataupun siaran-siaran radio dan siaran-siaran

televisyen percuma banyak penduduk-penduduk luar bandar masih lagi daif dengan siaran-siaran ini.

Dan saya minta supaya kerajaan ini melihat secara terperinci sebab kenapa banyak kawasan-kawasan di pedalaman di negeri Sabah dan juga di Sarawak yang tidak menikmati bagaimana yang dinikmati oleh penduduk-penduduk di bandar dan di pinggir-pinggir bandar.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya gulung Yang Berhormat.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Dengan ini saya juga sebelum saya mengundur diri saya hendak tanyakan mengenai dengan wang yang kita gunakan lebih kurang RM70 juta ini untuk bayaran sewaan filem dan rancangan televisyen. Saya ingin tahu berapa banyak lagi kah yang kita hendak gunakan daripada kementerian ini untuk membayar semula filem-filem ataupun rancangan-rancangan yang telah kita beli. Saya difahamkan tiap-tiap tahun kita sentiasa memberi wang-wang tambahan ini untuk membeli filem-filem tersebut. Adakah ini satu trend untuk RTM ini yang sentiasa membeli filem dan manakah penerbit-penerbit kita yang sebenarnya yang telah ambil begitu banyak. Patutnya mereka ini mengeluarkan hasil-hasil penerbitan-penerbitan rancangan dan jangan tumpukan beli filem-filem daripada luar negara sahaja tetapi harus tumpukan kepada penerbit-penerbit kita untuk mengendalikannya rancangan-rancangan tersebut.

Jadi saya minta supaya kementerian ini memberi satu angka berapa lagi kita perlukan untuk membeli filem-filem ini. Yang saya difahamkan Tuan Pengerusi tiap-tiap tahun kita mengeluarkan wang yang berjuta-juta ringgit ini untuk membeli filem dan menyewa siaran-siaran televisyen dan sebagainya. Dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: [Bangun]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Terengganu selepas itu Sabak Bernam, kementerian menjawab.

8.50 mlm.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih. Ini saya tentang B.47, (1) RM70 juta ini. Saya rasa di sini sejak akhir-akhir ini malah bukan sejak-sejak akhir sepanjang pengetahuan pengalaman saya terdapat pertembungan nilai di antara Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan dalam mereka hendak memupuk budi pekerti tetapi dalam masa yang sama pula Kementerian Penerangan memprojekkan filem-filem yang kadang-kadang bertentangan dengan nilai moral dan adab tempatan. Baru-baru ini kita dimeriahkan dengan unsur-unsur apa yang saya sebut dengan izin, *the sunset culture* dalam televisyen terutamanya TV1. Malah diprojekkan *celebrity syndrom* yang teramat sangat sedangkan dalam masa yang sama kita sedang memberi fokus kepada memupuk semangat *patriotism* kemerdekaan, tiba-tiba itu pula yang ditonjolkan.

Saya kira kita sudah hanyut ke arah *commercialization*, ke arah keuntungan dan laba kebendaan itu. Daripada fungsi utama saya kira Kementerian Penerangan ini untuk menyampaikan maklumat yang berfaedah kepada memupuk perpaduan rasa kekitaan *patriotism* semangat cintakan negara.

Lebih-lebih lagi kita sekarang ini berada di ambang kemerdekaan sedangkan seolah-olah tenggelam seketika.

Dan hari ini saya nampak kenyataan Yang Berhormat Kementerian Penerangan sendiri agak gembira dengan barangkali *income* lah barangkali dengan pendapatan hasil daripada penonjolan satu episod watak *celebrity* Mawi dengan siapa nama itu saya pun tidak tahulah, dengan Ina nya itu. Saya kira ini adalah merupakan tidak wajar. Biarlah yang komersial itu dikelolakan oleh televisyen-televisyen komersial yang kita ini fokuslah. Lebih-lebih lagi sekarang ini kita hendak memugar hendak membakar semangat *patriotism*, semangat kebangsaan. Demikian juga dengan pemilihan-pemilihan filem dan sewaan filem dalam rancangan televisyen itu harus dibuat dengan cara yang lebih teliti sebab ini adalah merupakan fokus kita kepada pembangunan bangsa negara sebagai yang harus diberi keutamaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam.

8.52 mlm.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Oleh itu saya menyambung daripada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu ini. Jadi saya ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada RTM kerana rancangan Jamal dengan Salem yang jelas memberikan satu pengaruh yang cukup *significant* dan memberikan satu bentuk keyakinan kepada penagih dadah bekas penagih dadah untuk kembali kepada masyarakat. Saya harap ini jangan dipandang sinis kerana yang penting sekali ialah agenda kita untuk membantu penagih ini sama ada tegar ataupun berulang untuk mereka kembali kepada masyarakat.

Jadi sehubungan ini, saya menyarankan kepada RTM supaya program seperti ini diteruskan dengan mendapat kerjasama daripada PENDAMAI iaitu Persatuan Bekas Penagih Dadah Malaysia yang daripada situ beratus orang bekas penagih yang telah berjaya kembali ke pangkuan masyarakat dan ini saya yakin nanti akan memberikan kesan yang cukup baik dalam agenda kita untuk mengembalikan bekas penagih ini atau penagih ini yang telah terjebak kembali kepada masyarakat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kementerian sila jawab.

8.53 mlm.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Chia Kwang Chye]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada tiga orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan berkenaan peruntukan di bawah B.47 dan P.47 di bawah Kementerian Penerangan khasnya berkenaan bekalan peruntukan RM30 juta untuk rancangan dan sewaan filem dan juga berkenaan dengan hak siaran dan sebagainya. Jadi untuk makluman Yang Berhormat memang peruntukan sebanyak RM27.6 juta ini, hak siaran bukanlah untuk Siaran Piala Dunia atau *World Cup* sahaja. Ini mengandungi lain-lain sukan seperti Sukan Komanwel dan juga bayaran awal untuk Sukan Olimpik dan lain-lain sukan dan yang kita ingat boleh membawa pembangunan kepada sukan dan mempertingkatkan taraf sukan di negara kita.

Jadi, khasnya berkenaan dengan siaran langsung ataupun liputan ataupun *delay telecast* berkenaan Piala Dunia, hak siaran yang kita bayar ialah RM11.5 juta di mana 47 permainan pun telah dibeli oleh RTM, di mana 25 adalah siaran langsung atau *live telecast* dan di mana 22 adalah *delay telecast*.

Memang dari keseluruhannya memang ada keuntungan di mana dengan bayaran RM11.5 juta itu kita telah mendapat melalui *sponsorship* dan iklan-iklan dan sebagainya sebanyak lebih kurang RM13 juta. Jadi sekurang-kurangnya ada keuntungan sebanyak RM1.5 juta. Itulah merupakan satu keuntungan bagi kita. Tetapi kita tidak boleh bandingkan dengan Astro kerana hak-hak siaran untuk Astro ialah untuk satelit sahaja tetapi untuk RTM ialah untuk *free-to-air* ataupun untuk orang ramai tidak perlu membayar apa-apa langsung yang boleh menerima siaran *channel World Cup* ini. Jadi ini merupakan satu tanggungjawab sosial di mana kita dapat membawa siaran langsung dan tidak langsung berkenaan dengan Piala Dunia kepada rakyat jelata dan apa kita tahu ini adalah merupakan golongan yang terbesar dapat menikmati siaran langsung ini.

Dan *pendigitalization* adalah satu projek yang untuk masa akan datang di mana seluruh dunia akan menyiarkan dengan digital dan juga di mana kita di luar-rumah pun boleh menerima siaran digital itu dan antara *benefit* yang kita boleh beri ialah dengan penerimaan ataupun *reception* yang lebih baik dengan banyak fungsi-fungsi yang kita boleh beri dengan digital ini. Ini merupakan satu tanda di mana kita mesti membawa, menerima teknologi yang baru ini dan supaya negara kita tidak ketinggalan zaman dan teknologi.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Datuk Pengerusi, satu soalan sahaja bila cakap berkenaan dengan *multiplexes* atau *set top box* ini, yang macam mana diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi adalah dipelbagaikan. Saya difahamkan *set top box* ini belum lagi sampai ke tahap yang dapat kita banggakan. Umpamanya kita yang menggunakan *set top box* ini dengan kaedah-kaedah umpamanya VOD, *video on demands or we put NOD, news on demands*, tetapi yang saya difahamkan sekarang hanya 'retreat' berkait-berkait yang dapat digunakan di dalam *set top box* ini. Ingin penjelasan.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Pengerusi, memang untuk menerima siaran digital ini memerlukan *set top box* dan memang *set top box* ada pelbagai cuma harganya yang berbeza sama ada *set top box* itu mempunyai ciri-ciri yang boleh menerima ataupun *set top box* yang boleh men'stor'kan, merakamkan tayangan ataupun untuk masa yang datang. Dan setakat ini memang boleh kata harga *set top box* lebih mahal sedikit dalam lingkungan RM300 ataupun RM500 tetapi adalah boleh dikatakan trend di mana harga *set top box* boleh mungkin turun dalam harga lingkungan RM100.

Jadi dalam projek perintis yang akan dijalankan pada 1 September untuk jangka masa enam bulan, kita akan memilih sampel secara saintifik dan *random* 1000 isi rumah yang di mana kita akan menjalankan satu kajian dan mengadakan satu maklum balas daripada mereka sama ada projek perintis ini berjaya ataupun kita lebih memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat dan selepas tempoh perintis ini atau projek perintis ini selama enam bulan, kita akan menyampaikan satu laporan kepada Kerajaan Pusat di mana mereka akan menentukan bagaimana cara untuk melaksanakan siaran digital ini di mana rakyat jelata dapat menerima dengan percuma atau *free -to-air* kualiti siaran yang digital itu tetapi untuk jangka masa, bila kita akan dapat melaksanakan projek ini sudah tentulah pada peruntukan yang mesti memberi dengan pemasangan stesen-stesen baru ataupun *transmeter* yang baru dan juga bila rakyat dapat menerima dan mampu membayar *set top box* dan apakah harga *set top box* itu. Dan ada

banyak negara yang di mana *analog switch off* itu adalah dalam jangka sepuluh ataupun 15 tahun.

Diharapkan dengan teknologi yang baru dengan masa kini, dijangka untuk *analog switch off* itu di mana dengan televisyen yang biasa tidak boleh menerima siaran digital ini. Ini untuk di negara kita mungkin sepuluh tahun ataupun 15 tahun itu kita setakat ini tidak dapat isytiharkan dengan masa yang lebih pendek.

Berkenaan dengan perkara yang lain, saya ingin menegaskan di sini bahawa memang Kementerian Penerangan dan di mana RTM adalah di bawahnya, kita mempunyai satu tanggungjawab sosial yang agak penting dan merupakan satu agensi kerajaan di mana kita perlu menerangkan berkenaan dengan polisi-polisi dan juga projek-projek dan program pembangunan yang telah dijalankan oleh kerajaan dan supaya ia disampaikan kepada rakyat dan memang kita mempunyai segala program. Sama ada program yang memberi maklumat kepada rakyat ataupun program hiburan dan sebagainya ataupun program-program yang boleh memberi *infotainment* ataupun inforia dan sebagainya supaya rakyat dapat menonton TV dengan lebih selesa dan lebih berminat.

Jadi inilah cabaran kita di mana bagaimana kita memenuhi tanggungjawab sosial kita menyampaikan maklumat kepada rakyat dan juga memberi hiburan kepada rakyat. Jadi dengan satu had di mana kita tidak boleh sewenang-wenangnya menayangkan apa-apa juga bukan seperti stesen swasta.

Jadi oleh sebab itu kita mesti selalu mengadakan satu pendekatan di mana dapat menarik penonton kepada *TV station* kita dan boleh menyampaikan maklumat dan menerangkan program-program kerajaan bagi memenuhi tanggungjawab sosial kita. Memang kita...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagi Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye: Tak banyak lagi. Oleh sebab itu memang ada banyak program di mana kita dapat bersama-sama menangani masalah dadah dan mengadakan beberapa program yang boleh memenuhi semangat patriotisme. Dan baru-baru ini walaupun kita menjalankan temu duga dengan Mawi dan Ina dan sebagainya memang pada masa itu kita mendapat penonton yang tinggi dan dengan penonton- penonton yang tinggi kita dapat membawa mesej patriotisme mesej semangat merdeka ini kepada penonton yang lebih luas daripada biasanya. Jadi inilah dengan strategi ini kita dapat memainkan peranan kita. Jadi dengan ini saya sekali ucapkan ribuan terima kasih kepada ketiga-tiga ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh berkenaan dengan perkara di bawah kementerian saya diucapkan ribuan terima kasih kepada semua.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM98,781,800 untuk Maksud B.47 di bawah Kementerian Penerangan, jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM98,781,800 untuk Maksud B.47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM72,186,700 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM72,186,700 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2006.

**Maksud B.49 [Jadual] -
Maksud P.49 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2006]**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi Kepala Bekalan B.49 dan Kepala Pembangunan P.49 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Kepong tidak lebih 5 minit.

9.06 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi saya tidak mengambil bahagian di dalam berapa kementerian ini hanya kementerian yang terakhir Tuan Pengerusi. Akhir kah?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya terakhir.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Oh ya kita hendak merdeka sekarang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Semua faham terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat faham.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Daripada maksud P.49 ada...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Peruntukan yang banyak dan ada 18 universiti dan kita ada 13 di dalamnya dan ini bermakna isu-isu yang dibangkit itu banyak walaupun Yang Berhormat Padang Rengas.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat boleh bangkit minggu depan terlalu panjang.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang panjang.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Gulung. Secara ringkas itu Kementerian Pengajian Tinggi sudah pun adakan satu laporan mengenai cara-cara untuk memperbaiki tahap pengajian tinggi di Malaysia ini. Ini memang satu laporan yang kita alu-alukan dan sudah pun pada sesi yang lepas itu diedarkan kepada semua ahli Parlimen di sini. Saya ada membaca daripada maklumat daripada laporan kementerianya kita dapati 500 universiti yang terkemuka di dunia saya faham kriteria itu memang mungkin tidak seragam dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kita dapati 18 universiti terutamanya Universiti Malaya yang terkemuka di Malaysia ini tidak pun termasuk di dalam 500 universiti yang terkemuka di dunia.

Ini bermakna kita mestilah berusaha. Daripada syor-syor yang dikemukakan di dalam laporan itu saya berharap pihak kementerian dapat menjadualkan satu diletakkan di dalam jadual waktu dan jadual masa dan sebagainya untuk melaksanakan syor-syor cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Laporan Pengajian Tinggi yang dianjurkan oleh kementerian itu. Saya berharap ini dapat dibuat dan sebelum saya akhiri ucapan saya... [*Beberapa Ahli menyampuk*] Untuk meningkatkan kualiti universiti di Malaysia kita mesti ada kerjasama dengan negara-negara yang lain termasuk dengan *European Union* atau Kesatuan Eropah dari pelbagai segi untuk meningkatkan kurikulum kita bagi memperbaiki modal insan dan pembangunan institusi universiti dan sebagainya termasuk penyelidikan.

Dan dari segi ini saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan kepada kita, apakah tahap kerjasama antara universiti-universiti di Malaysia dengan universiti-universiti luar negara kita termasuk *European Union*, China, Amerika Syarikat, Jepun dan sebagainya.

Untuk meningkat tahap penyelidikan dan masalah pensyarah-pensyarah di Malaysia ini yang mempunyai Ph.D, walaupun ada satu matlamat untuk meningkatkan kalau tidak silap saya pada 2010 kita hendak adakan 60% pensyarah yang mempunyai Ph.D ini tetapi saya hendak menekankan di sini, Ph.D ini mestilah didapati daripada universiti-universiti yang mempunyai kualiti atau standard yang tinggi. Kalau daripada sebarang universiti sahaja tidak payahlah Ph.D itu. Ph.D ini mestilah diiktiraf antarabangsa...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat Kepong. Gulung.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Gulung kah? Ini baru sahaja hendak bincangkan fasal Ph.D.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minggu depan saya bagi bercakap, minggu depan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya terima kasihlah saya hendak beri info juga.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak perlu jawablah, tidak bernas.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ayer Hitam.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sekejap tidak habis lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habislah, cukup lah.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Sudahlah Yang Berhormat Kepong, cepat sikit nanti kena kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Mengenai itu pensyarah-pensyarah dan Ph.D ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat Kepong, cukuplah..

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Okey, cukup sekian Terima kasih...
[Ketawa]

9.12 mlm.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Secara ringkas sahaja saya ingin mendapatkan keterangan lanjut mengenai peruntukan Maksud P.49 di mana kita dapati banyak universiti yang telah menambah peruntukkannya tetapi dari segi kapasiti universiti yang kita lihat dua tahun yang lalu kita mempunyai kapasiti 38,800 kemudian ditambah pula 39,000 pada tahun lalu dan tahun ini cuma peningkatan sebanyak 1000 tempat iaitu hingga ke 40,000 tempat tidak termasuk UiTM dan UIA.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah kementerian sedia mempertimbangkan penambahan tempat kerana memandangkan mereka yang memperoleh PNGK 2.0 telah bertambah dengan banyak sekali. Jadi jumlah mereka yang mengambil matrikulasi dan juga STPM juga meningkat. Saya hendak tanya Yang Berhormat adakah kita bercadang berbuat demikian.

Yang kedua mengenai peruntukan yang diberikan kepada penyelidikan fundamental. Saya hendak dapatkan keterangan lanjut tentang hasil penyelidikan fundamental ini nampaknya peruntukkan begitu besar RM20 juta tetapi apakah kejayaan yang ada sekarang dan kenapa kita hendak beri peruntukkan begitu banyak dan saya rasa mungkin dari segi nilai-nilai komersial apa yang akan kita peroleh jika kita memberikan peruntukkan ini. Dan ini pun telah dibelanjakan. Saya hendak dapatkan keterangan lebih lanjut dan kebaikan untuk kita mengadakan penyelidikan fundamental. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kudat.

9.14 mlm.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Pengerusi saya ingin hanya menyentuh beberapa isu sahaja berkaitan dengan Maksud B.49 Kementerian Pengajian Tinggi. Yang pertama saya hendak meminta penjelasan daripada pihak kementerian berhubung dengan penubuhan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia kerana ini mungkin adalah merupakan saya tidak tahu apa maksud Universiti Pertahanan Nasional Malaysia ini ditubuhkan adakah ianya merupakan satu universiti yang akan memberikan peluang kepada pelajar-pelajarnya untuk mempelajari dalam strategik pertahanan ataupun bidang-bidang industri pertahanan.

Yang kedua, saya ingin minta penjelasan juga iaitu berkaitan dengan apa yang kita laksanakan hari ini di negara kita, ialah kebanyakan universiti kita mengalami masalah *mismatch* iaitu dalam soal mendapatkan peluang pekerjaan di luar. Jadi adakah kerajaan bercadang untuk meniru misalnya apa yang dilaksanakan di *Germany* di mana pelajar-pelajar yang memasuki universiti hanyalah bagi mereka yang berniat untuk menjadi *academician*, menjadi *researcher* ataupun menjadi *scientist* dan sebagainya. Manakala mereka yang berminat untuk menjadi jurutera ataupun menjadi bidang-bidang teknikal, farmasi, doktor mereka ini hanya akan diletakkan di kolej-kolej tertentu sahaja.

Jadi saya fikir kalau kita dapat mewujudkan sistem sebegini seperti mana yang berlaku di *Germany* mungkin masalah *mismatch* di dalam melahirkan siswazah ini akan dapat diselesaikan. Jadi saya minta sama ada pihak kementerian mempunyai cadangan sebegini kerana seperti mana yang diketahui, bahawa masalah pengangguran di kalangan siswazah di negara kita adalah merupakan satu tahap yang agak serius juga.

Yang ketiga ialah berkaitan dengan penubuhan kedua-dua universiti yang akan diadakan satu di Kelantan dan satu di Terengganu. Adakah kita mempunyai tenaga pengajar yang mencukupi kerana kalau kita menubuhkan universiti sebanyak mana pun tapi kita tidak mempunyai tenaga pengajar yang mencukupi, maka ini saya pasti akan memberikan kesan kepada kualiti graduan-graduan yang akan kita lahirkan seperti mana yang dijelaskan tadi, bahawa kita mempunyai cadangan untuk sekurang-kurangnya memiliki 60% daripada tenaga pengajar kita adalah terdiri daripada mereka yang memiliki Ph.D.

Akan tetapi yang menjadi kebimbangan saya hari ini banyak daripada sijil-sijil Ph.D ini boleh dibeli dengan begitu mudah dan kita agak khuatir kerana kadang-kadang kita bertemu dengan seseorang itu tiba-tiba beliau mempunyai gelaran doktor dan sebagainya tetapi kita tahu bahawa ini adalah merupakan sesuatu yang masih kita boleh ragui. Jadi adakah pihak Kementerian Pengajian Tinggi mempunyai cadangan untuk mengadakan satu undang-undang tertentu untuk memastikan pemalsuan sijil ataupun pemalsuan kelayakan ini dapat diatasi kerana ini sudah tentu akan memberikan kesan kepada masyarakat kita, dan juga memberikan kesan kredibiliti terhadap graduan-graduan kita dan produk-produk graduan yang kita keluarkan dari negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi kuala Terengganu. Lepas ini kementerian menjawab.

9.18 mlm.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menarik perhatian Maksud B.49, butiran (ii) iaitu tentang Majlis Sukan Universiti-universiti Malaysia (MASUM) ini. Saya hendak bertanya setakat manakah prestasi ataupun dapat ditonjolkan muka-muka baru dalam arena sukan daripada MASUM ini ataupun, apakah objektif Majlis Sukan Universiti-universiti Malaysia ini sekadar untuk aktiviti rekreasi, aktiviti sukan untuk masanya sahaja ataupun juga kita ada ke arah untuk melihat dan melahirkan atlet-atlet yang boleh berdaya saing dan yang cemerlang itu.

Saya juga mencadangkan kalau sekiranya dapat menjadikan satu dua universiti yang mempunyai identiti dari segi kecemerlangan sukan ini. Misal kata UPM yang ada kekuatan tenaga kepakarannya di situ ataupun beberapa universiti lain yang boleh dikenal pasti sebagai pusat ke arah kecemerlangan melahirkan atlet-atlet negara.

Yang kedua ialah butiran (iii) iaitu RM50 juta untuk membiayai operasi awal. Saya sebagai rakyat Terengganu mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional, khususnya Kementerian Pengajian Tinggi kerana telah dapat merealisasikan satu manifesto Kerajaan Negeri Terengganu untuk mewujudkan sebuah universiti dengan sekarang ini telah terbina Universiti Darul Iman (UDM) ini, yang sekarang ini sedang beroperasi. Persoalan saya sekarang ini saya kira Terengganu amat bertuah kerana kita sedang menggunakan premis sekarang KUSZA. Saya hendak tanya tentang masa depan UDM, apakah *nitch* ataupun bidang *specialization* pengkhususan sebab kita tidak mahu menjadi *jack of all trades master of none*. Kita perlu ada *competitive edge* bidang-bidang tertentu, bidang apakah.

Kita juga rasa amat gembira rakyat Terengganu terutamanya kerana dengan terbinanya UDM ini ia akan menjadi satu pusat pembangunan yang baru di negeri Terengganu, bakal mendatangkan modal yang besar dan juga tumpuan pelajar-pelajar yang berpusat di negeri Terengganu ini. Ini akan membawa *spill off effect* kepada negeri Terengganu dan satu lagi persoalan saya seperti mana yang telah ditimbulkan rakan saya Yang Berhormat bagi Kudat tadi ialah pengisian tenaga-tenaga profesional, tenaga-tenaga akademik. Saya kira di sini perlu difikirkan juga dari mana hendak diambil dan sekarang mereka bertuah saya ingat UDM ini kerana menggunakan tenaga-tenaga daripada Kolej Sultan Zainal Abidin (KUSZA) ini, tapi sejauh manakah tenaga-tenaga KUSZA ini telah dipindahkan dari segi perjawatan dan perkhidmatan mereka dalam Universiti Darul Iman sekarang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kementerian sila jawab. Ya Setiausaha Parlimen.

9.20 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada empat Ahli Yang Berhormat yang dapat bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2006.

Yang Berhormat bagi Kepong membangkitkan isu yang ada dalam perbekalan tambahan kali ini melibatkan 17 isu di antara ialah melibatkan universiti. KPT memang sekarang ini sedang menghalusi laporan jawatankuasa menyemak dan mengkaji semula Kementerian Pengajian Tinggi dan laporan-laporan itu tentunya akan dihalusi melalui satu jawatankuasa yang ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Transformasi Pengajian Tinggi yang sekarang ini telah dan sedang menyediakan laporan terakhir untuk memastikan bahawa pengajian tinggi mempunyai satu hala tuju dan mempunyai syor-syor yang boleh meningkatkan tahap kualiti yang tinggi.

Dan di antara kualiti dan juga peningkatan prestasi kita di peringkat pengajian tinggi selalu menggalakkan supaya tenaga-tenaga pengajar kita mempertingkatkan kecemerlangan akademik mereka melalui penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran mereka dengan menyertai skim yang telah pun kita kemukakan sebelum ini, iaitu dengan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM1.2 bilion untuk menghantar lebih kurang 7,000 pensyarah-pensyarah yang akan mengikuti program-program master dan Ph.D di dalam negara di luar negara secara *split* program, dan kita sedia mengambil mana-mana pensyarah-pensyarah kita ataupun mana-mana pelajar-pelajar di luar negara yang sedang membuat Ph.D untuk diserapkan di dalam IPT. Dengan galakan lebih ramai akademia berkecimpung dalam pembangunan dan penyelidikan serta *commercialization*. Dengan itu kementerian tentunya akan memperkasakan bidang pendidikan dan pengumuman terhadap empat buah universiti yang telah pun dinaikkan taraf sebagai universiti yang bertaraf *research university* ataupun universiti penyelidikan iaitu Universiti Malaya, USM, UKM, UPM dan mungkin pada masa depan banyak lagi universiti yang akan dinaikkan taraf.

Masalah pensyarah-pensyarah Ph.D setakat ini tidak berbangkit kerana dengan adanya peruntukan sebanyak RM1.2 bilion yang diumumkan iaitu pada tahun 2010 - 60% pensyarah-pensyarah akan memiliki Ph.D dan ini tentunya akan memberikan kekuatan kepada 18 dan termasuk yang baru akan ditubuhkan di Kelantan, 19 buah IPTA dalam negara memiliki pensyarah-pensyarah yang berkemampuan untuk sama ada terlibat dengan cemerlang dalam bidang pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan. Ini tentunya akan menaikkan taraf dan juga prestasi universiti kita.

Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam membangkitkan kapasiti pelajar-pelajar yang boleh kita *enroll* ataupun kita masukkan ke universiti setakat ini, dan pada tahun 2006/2007 kemasukan pada Julai lepas, kita dapati 40,016 pelajar telah pun diterima masuk ke dalam IPTA kita berbanding dengan tahun 2005/2006 kemasukan iaitu seramai 39,000. Dengan penubuhan dua buah universiti baru UDM iaitu Universiti Darul Naim dan Universiti Darul Iman yang akan dilaksanakan pada tahun ini dan tahun hadapan dan penubuhan Universiti Pertahanan Malaysia.

Kita sedia untuk menimbangkan supaya pelajar-pelajar cemerlang, pelajar-pelajar yang layak dan juga mereka mempunyai minat tertentu, boleh kita tambahkan tempat dari tahun ke tahun. Dan statistik menunjukkan bahawa setiap tahun ada penambahan, walaupun daripada tahun 2005 ke tahun 2006, 1000 penambahan, tetapi dia mencukupi sebenarnya untuk kita membekalkan tenaga-tenaga graduan untuk keperluan negara serta sekiranya pelajar-pelajar yang layak ini tercicir atau pun terkecuali untuk masuk IPTA, kita mempunyai 20 buah politeknik yang akan menawarkan mereka program-program yang setara dengan kelulusan mereka.

Penyelidikan fundamental yang dibangkitkan sebanyak RM20 juta, melibatkan lima bidang pendidikan yang terlibat iaitu bidang sains dan kejuruteraan, sains perubatan, sains gunaan dan sains tulen, sains sosial dan kemanusiaan dan sains sosial serta ikhtisas. Dan sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, kejayaan-kejayaan yang telah dicapai melalui penyelidikan sebenarnya, kita mempunyai penyelidikan fundamental sebanyak RM100 juta dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Sebab itulah pada tahun 2005-2010 dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan bersetuju meningkatkan peruntukkan sebanyak RM200 juta untuk penyelidikan fundamental selain daripada penyelidikan yang diberikan melalui *techno fun* atau pun *science fun* yang dikeluarkan oleh Kementerian MOSTI. Dan penyelidikan fundamental ini telah menjadikan beberapa pusat kecemerlangan di IPTA dapat mengeluarkan penyelidikan-penyelidikan bermutu dari segi asas kepada penyelidikan seperti penyelidikan-penyelidikan yang berkaitan dengan isu-isu yang kita hadapi dalam negara dan luar negara.

Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kudat, universiti pertahanan akan kita mulakan programnya pada tahun 2007 ke 2008, setakat ini, program-program yang dijalankan sedang berlangsung di UTM, iaitu 11 program sedang berlangsung dan dengan penubuhan universiti pertahanan pada tahun hadapan, kita mempunyai program-program yang melibatkan program diploma yang berkaitan dengan sains-sains pertahanan, kita melibatkan program-program *post graduate*, program profesional dan eksekutif dan juga pembangunan dan penyelidikan. Dengan adanya penubuhan universiti pertahanan ini, pihak pertahanan, Kementerian pertahanan dan juga dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi telah dapat memastikan bahawa program-program yang berada di UTM sekarang ini dapat berada di universiti pertahanan itu sendiri.

Kita yakin bahawa kementerian sentiasa melihat tentang masalah *miss match* atau pun tidak sepadanan. Ini dijalankan secara berterusan dengan menyemak dan juga memastikan kurikulum yang dibentuk dapat dirujuk kepada pihak industri dan juga dirujuk kepada pihak-pihak tertentu yang mempunyai kepakaran dalam menasihati kementerian dan ianya berlangsung berterusan.

Tenaga pengajar saya dah sebut tadi dan tentang pemalsuan sijil, kementerian sentiasa memantau supaya apa-apa juga pemalsuan sijil atau ijazah ataupun program master, Phd dapat kita kesan melalui kerjasama kita dengan NARIC iaitu satu institusi di peringkat dunia yang melibatkan 180 negara sekiranya mereka dapat ijazah palsu daripada negara luar, kita dapat mengesan. Dalam negara sendiri, kita maklumkan kepada universiti supaya sentiasa menyemak terhadap mana-mana individu yang menggunakan ijazah atau palsu yang boleh dikaitkan dengan penipuan dan ini tentunya dapat kita kesan secara khas dengan merujuk kepada semua IPTA.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, saya ingin maklumkan bahawa memang MAKSUM telah pun mendapat peruntukan sukan sebanyak RM19 juta dan saya ingin maklumkan bahawa setakat ini prestasi atlet kita memberangsangkan. Contoh di sini atlet negara yang berada di IPTA iaitu Mohd Robani Hassan (olahraga) UPM, Norsuriyani Mohd Taibi (menembak) UiTM, Noraseela Khalid (olahraga) UPM, Shalin Zulkefli (*bowling*) Universiti Malaya, Elaine Teo (taekwando) USM, Nasmizan Mohd (olahraga) UPM. Dan prestasi akademik pelajar-pelajar yang melibatkan diri dengan sukan inilah yang sebenarnya peruntukan yang diberikan supaya kita dapat bukan sahaja meningkatkan prestasi sukan, tapi prestasi akademik juga dipantau oleh unit sukan masing-masing dan kita berharap dengan adanya peruntukan untuk mereka ini, atlet-atlet kita bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, tetapi juga cemerlang dalam bidang atlet. Setakat ini kita mempunyai selain pada nama-nama yang disebut tadi, yang cemerlang, kita mempunyai 780 orang bilangan atlet yang berada di dalam IPTA kita. Untuk peringkat negara, atlet yang berada 140 orang, peringkat negeri 537 dan atlet-atlet di IPT-IPT lain 140. Kita maklum bahawa setakat ini kita mempunyai beberapa atlet yang sedang mengikuti kursus-kursus yang bertaraf internasional.

Tentang premis KUSZA yang digunakan untuk UDIM atau pun Universiti Darul Iman di Terengganu, kita melibatkan sembilan kursus yang berada di KUSZA dinaiktarafkan dan juga bidang-bidang yang melibatkan *niche* atau pun dilihat sebagai bidang penting di universiti ini ialah dalam bidang *bioscience*, dalam bidang kesihatan yang akan pada tahun ini telah pun bermula bagi sesi julai dan saya yakin walaupun kita menubuhkan universiti di Terengganu dan Kelantan, Universiti Pertahanan Nasional, untuk pengisian tenaga akademik, tidaklah menjadi satu kerumitan kepada Kementerian Pengajian Tinggi kerana kita sedia ada mempunyai pensyarah-pensyarah yang sedang mengambil *master* dan *Ph.D* di luar negara, dalam negara secara *split program* dan *split program* kita melibatkan pelajar-pelajar yang dihantar dengan universiti-universiti yang terkenal di United Kingdom.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Banyak lagi kah Yang Berhormat?

Datuk Dr. Adham bin Baba: Habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskanlah.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Jadi, itu sahaja. Saya dah selesaikan semua sekali dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang dapat memberikan pandangan dan juga pertanyaan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM250,193,700 untuk Maksud B.49 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM250,193,700 untuk Maksud B.49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM650,000,000 untuk Maksud P.49 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM650,000,000 untuk Maksud P.49 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2006.

Maksud P.21 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2006]-

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Pembangunan P.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, ini *token* sahaja tidak payah di bahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.21 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2006 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.21 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2006.

Maksud P.27 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2006] –

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Pembangunan P.27 di bawah Kementerian Kerja Raya, terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20 untuk Maksud P.27 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2006 di bawah Kementerian Kerja Raya hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM20 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2006.

Fasal-fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2006 dan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2006 dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

[Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat]**

Bacaan Kali Yang Ketiga

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2006 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Menyokong?

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak empat bilion tiga ratus dua belas juta tiga ratus dua puluh tujuh ribu sembilan ratus sepuluh ringgit (RM4,312,327,910)

diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2006, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2006 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 2006 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut, hendaklah disahkan.”

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak empat bilion tiga ratus dua belas juta tiga ratus dua puluh tujuh ribu sembilan ratus sepuluh ringgit (RM4,312,327,910) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2006, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2006 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 2006 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut, hendaklah disahkan.”

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Urusan kita hampir selesai Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, besok ialah hari kemerdekaan. Saya bagi pihak Tuan Yang di-Pertua, dan rakan seperjuangan saya Datuk Lim Si Cheng dan seluruh warga Parlimen mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-49 esok kepada semua dan juga kepada seluruh warganegara Malaysia.

Ada permintaan daripada Pengerusi Backbenchers, saya rasa tidaklah mencemar Dewan yang mulia ini untuk beliau memberi sedikit perutusan. Saya membenarkan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, marilah kita menjadikan negara kita ini terus maju, hebat dan selamat sempena kita menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-49 esok dan marilah kita melaungkan dengan laungan merdeka.... Merdeka! Merdeka! Merdeka!

[Disambut laungan "Merdeka" sebanyak 3 kali oleh Ahli-ahli lain]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan ditangguhkan sehingga jam 4 petang hari Jumaat, 1 September 2006 bagi pembentangan belanjawan. Dewan ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.33 malam.

